



Membebaskan Kuasa-kuasa Belia Muda

Institut Ruhi



Buku 5

Membebaskan Kuasa-kuasa Belia Muda

Institut Ruhi

Buku-buku dalam Siri ini:

Berikut adalah tajuk-tajuk terkini dalam siri yang dibentuk oleh Institut Ruhi. Buku-buku ini dicadangkan untuk digunakan sebagai urutan utama kursus-kursus dalam satu usaha sistematik bagi meningkatkan keupayaan belia- belia dan orang dewasa untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Institut Ruhi juga sedang memperkembangkan satu set kursus-kursus yang bercabang dari buku ketiga dalam siri latihan guru-guru kelas kanak-kanak Bahá'í, serta satu lagi set daripada Buku 5 bagi membangunkan animator bagi kumpulan-kumpulan belia muda. Ini juga telah dinyatakan dalam senarai di bawah. Harus dimaklumkan bahawa senarai ini akan melalui perubahan apabila pengalaman-pengalaman daripada lapangan semakin maju, dan tajuk- tajuk baharu akan ditambahkan apabila bilangan elemen kurikulum yang sedang dalam perkembangan menjadi semakin meningkat sehingga mencapai tahap yang mana ianya dapat digunakan dengan meluas.

Buku 1	<i>Renungan tentang Kehidupan Roh</i>
Buku 2	<i>Bangkit untuk Berkhidmat</i>
Buku 3	<i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 1</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 2 (kursus cabang)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 3 (kursus cabang)</i> <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 4 (kursus cabang)</i>
Buku 4	<i>Manifestasi Berkembar</i>
Buku 5	<i>Membebaskan Kuasa-kuasa Belia Muda</i> <i>Dorongan Awal: Kursus cabang pertama bagi Buku 5</i> <i>Bulatan yang Membesar: Kursus cabang kedua bagi Buku 5</i>
Buku 6	<i>Mengajar Akidah</i>
Buku 7	<i>Melangkah Bersama di Jalan Khidmat</i>
Buku 8	<i>Waadat Bahá'u'lláh</i>
Buku 9	<i>Memperoleh Satu Perspektif Bersejarah</i>
Buku 10	<i>Membina Komuniti yang Bersemangat</i>
Buku 11	<i>Sarana Kebendaan</i>
Buku 12	<i>Keluarga dan Komuniti</i>
Buku 13	<i>Melibatkan Diri dalam Tindakan Sosial</i>
Buku 14	<i>Menyertai Wacana Umum</i>

Hak Cipta © 2013, 2017, 2024 oleh Ruhi Foundation, Colombia
Hak cipta terpelihara. Edisi 2.1.1.PE diterbitkan pada Januari 2024
Dicetak di Sabah, Malaysia

Penerbitan asal diterbitkan dalam Bahasa Sepanyol sebagai *Liberando los poderes de los jóvenes*
Hak Cipta © 2006, 2014, 2022 oleh Ruhi Foundation, Colombia
ISBN 978-628-95102-2-5

Kebenaran untuk pencetakan terhad buku ini ke dalam Bahasa Malaysia telah diberikan kepada Sabah Training Institute (STI) oleh Institut Ruhi.

Institut Ruhi	Sabah Training Institute
Cali, Columbia	P.O. Box 13978, 88846,
Emel: instituto@ruhi.org	Kota Kinabalu, Sabah.
Laman web: www.ruhi.org	Tel: +6088-716901
	Emel: nsasabah@gmail.com

Kandungan

Beberapa Pertimbangan bagi Tutor	v
Masa Gemilang dalam Kehidupan	1
Satu Usia Penuh Janji	51
Berkhidmat sebagai seorang Animator	95

Beberapa Pertimbangan bagi Tutor

Semenjak pembentukannya pada awal 1970-an, Institut Ruhi telah berusaha untuk berkhidmat melalui aktiviti-aktiviti pendidikannya bagi orang-orang muda antara umur 12 dan 15, sering dikenali sebagai "belia muda", yang mewakili satu segmen masyarakat yang istimewa. Sewaktu ia menyaksikan idealisme dan tenaga mereka yang begitu banyak dalam lingkungan umur ini, Institut menjadi yakin terhadap kepentingan untuk membekalkan mereka peluang untuk menerokai beberapa tema dan konsep yang akan membolehkan mereka untuk menangani kerumitan-kerumitan dalam kehidupan, melawan daya-daya keruntuhan moral yang semakin kuat di merata tempat, dan menjadi agen aktif dalam perubahan sosial. Beberapa dekad yang seterusnya merupakan satu tempoh tindakan dan renungan yang semakin mendapat manfaat daripada pengalaman seluruh dunia dalam berkhidmat kepada belia muda dari pelbagai latar belakang, termasuk usaha-usaha dalam lapangan pembangunan, paling ketara adalah dalam bidang celik huruf. Menjelang sekitar tahun 2000, konsep empowermen rohani belia muda telah muncul dan, dengannya, pelbagai aspek dalam program tiga-tahun yang berharap untuk membebaskan kuasa-kuasa intelek dan rohani mereka dalam khidmat kepada umat manusia.

Seperti daya usaha yang lain dalam Institut Ruhi, program empowermen belia muda ditawarkan di akar umbi melalui satu sistem pendidikan jarak jauh yang merangkumi, dalam hal ini, tiga elemen utama: "kumpulan belia muda", "animator", dan satu set bahan khusus. *Membebaskan Kuasa-kuasa Belia Muda*, iaitu buku kelima dalam urutan utama Institut, bertujuan untuk membantu mereka yang ingin melibatkan sebuah kumpulan belia dari kampung atau kejiranan dalam program ini. Ia adalah yang pertama dalam siri kursus, yang bercabang daripada urutan utama, yang akan membantu individu untuk memperkembangkan kebolehpayaan yang diperlukan untuk berkhidmat sebagai "animator—iaitu gelaran yang, secara sendirinya, menggambarkan sifat tindakan khidmat yang terlibat. Sementara semua yang mengkaji buku ini akan memasuki lapangan usaha, adalah diharapkan bahawa semua yang memperoleh inspirasi daripada tema-tema yang diutarakan dan mengenali kepentingan memberikan perhatian serius kepada aspirasi-aspirasi belia muda—ini, sebagai satu aspek penting dalam mewujudkan budaya yang mempromosikan sikap terhadap orang muda yang begitu berbeza dengan apa yang tersebar luas di masyarakat hari ini. Dalam persekitaran yang sebegitu, dengan demikian, walau individu yang tidak terlibat dalam program ini akan bersedia untuk memberikan sokongan mereka kepada aktiviti-aktivitinya yang berkembang.

Apa yang harus diiktiraf oleh mereka yang bertindak sebagai tutor Buku 5 adalah bahawa, antara peserta-peserta ini, terdapat ramai belia yang berada dalam usia remaja dewasa atau awal 20-an yang memasuki urutan utama kursus dengan hasrat untuk berkhidmat sebagai seorang animator dan dengan semua keupayaan terpendam yang diperlukan untuk melakukannya. Beberapa akan berhubung dengan Akidah melalui perbincangan-perbincangan dengan rakan sebaya mereka yang menekankan peranan yang dapat dimainkan oleh mereka dalam mendidik generasi-generasi muda. Yang lain mungkin pernah melalui program empowermen rohani sendiri sewaktu belia muda dan memulakan kajian Buku 1 selepas itu. Apa sahaja cara yang membawa mereka ke dalam proses institut, mereka kini akan membentuk sebahagian daripada satu nukleus individu yang berkembang di perkampungan dan kejiranan

yang komited kepada pembaikannya dan, dalam konteks ini, akan memperoleh pengalaman dalam melawat kediaman untuk menerokai bersama-sama keluarga-keluarga tema-tema utama dalam Akidah—iaitu tindakan khidmat yang diutarakan dalam Buku 2. Sebagai sebahagian daripada nukleus ini, sebilangan daripada mereka juga akan dikait rapatkan dengan sekurang-kurangnya satu kumpulan belia muda di kawasan tempatan dan akan menolong animator dalam menjalankan pelbagai aktiviti dan menyertainya dalam lawatan berkala kepada ibu bapa yang membincangkan konsep dan pendekatan yang berkaitan dengan program. Pada titik ini, mereka semua akan memiliki pengetahuan yang secukupnya tentang ajaran-ajaran Bahá'í, yang akan didalamkan lagi melalui kajian Buku 3 dan 4 mereka, dan akan menunjukkan kemahiran, kebolehan, sikap dan sifat rohani yang diperlukan untuk memulakan dan mengekalkan perbualan yang bermakna dengan rakan-rakan dan jiran tetangga. Terutamanya di sini, apabila mereka sampai ke Buku 5, akan menonjolkan kepentingan proses pembangunan keupayaan yang terpendam dalam urutan kursus utama Institut Ruhi—iaitu satu proses yang difahami dari segi berjalan di jalan khidmat. Untuk melibatkan sekumpulan belia muda dalam satu program tiga tahun bagi empowermen rohani mereka adalah satu tindakan khidmat yang berat, dan usaha-usaha animator baharu untuk melakukannya akan amat bergantung, dengan banyaknya, kepada keupayaan yang mereka dengan bina di jalan itu setakat ini.

Unit pertama buku, “Musim Gemilang dalam Kehidupan”, tertumpu pada sikap-sikap yang dinyatakan dalam tulisan Akidah yang membezakan tempoh belia. Daripada analisis yang dijalankan, satu visi perlahan-lahan muncul daripada sumbangan yang telah dilakukan oleh setiap generasi belia dalam khidmat kepada Kepercayaan Tuhan dan umat manusia. Tutor mungkin ingin memastikan bahawa peserta berhasil daripada kajian unit ini didorong oleh visi yang berkembang, kerana adalah visi ini yang membina program empowermen rohani belia muda dan yang harus memberikan hala tuju kepada usaha mereka untuk melibatkan orang muda dalam aktivitinya.

Tentunya, unit ini bermula dengan meminta peserta untuk memikirkan tentang ciri-ciri apakah yang mereka harapkan remaja muda dapat kembangkan apabila mereka menyiapkan program tiga tahun pada umur 15 tahun—yang dilihat sebagai ambang kematangan dalam ajaran-ajaran Bahá'í—dan memasuki “kegemilangan” belia mereka. Tutor harus memahami bahawa tujuan latihan ini bukanlah untuk mendalami perincian program ini atau merenung pada patah belia muda, penerokaan hal ini akan dibuat masing-masing dalam unit ketiga dan kedua buku ini. Sebaliknya, tujuannya adalah untuk membawa fokus serta-merta kepada satu imej seorang belia yang bersedia untuk mengambil tempat dalam kalangan generasi seterusnya yang akan memartabatkan Kepercayaan Tuhan dan mendedikasikan diri mereka kepada kemajuan tamadun. Bagi para peserta, latihan ini akan menaikkan penghargaan mereka kepada sifat aktiviti yang mereka akan jalankan tak lama lagi sebagai animator dan memberikan makna yang lebih mendalam kepada perbincangan mereka yang seterusnya.

Oleh itu, di sebalik latar ini, unit ini menyampaikan sebilangan petikan daripada tulisan yang menjelaskan konsep-konsep tertentu yang berhubung dengan tempoh belia. Antara konsep yang diperkenalkan pada awal unit ini adalah hubungan antara khidmat, pendidikan, dan persediaan bagi masa depan, satu isu yang kadang-kala boleh memenuhi minda mereka yang muda. Apa yang dijelaskan ialah bahawa, apabila hidup dilihat dengan menyeluruh, pelbagai aspeknya, yang jauh daripada bertentangan dengan satu sama lain, boleh mengukuhkan satu sama lain. Latihan di Bahagian 10 akan membantu para peserta untuk mempertimbangkan apa maknanya dari segi praktikal. Perhatian harus diberikan, jangan sehingga mereka melalui latihan itu secara mekanikal dan gagal memahami bagaimana pilihan hidup yang tertentu dan cara pemikiran boleh membangkitkan dikatautomi-dikatautomi palsu dan tension yang ia wujud.

Satu lagi konsep yang diutarakan dalam unit ini, yang terpusat pada tujuannya, adalah tujuan moral berkembar. Tentunya, peserta akan mengenali konsep daripada kajian buku-buku awal. Ia dikaji dengan amat mendalam di sini, dan mereka harus memberikan perhatian khusus kepada bahagian yang didedikasikan kepada penerokaannya, yang bermula dengan menggambarkan transformasi kembar—iaitu pada tahap individu dan dalam struktur masyarakat—yang dibayangkan dalam tulisan Bahá’í. Oleh demikian, unit ini mencadangkan bahawa orang muda harus dipenuhi rasa tujuan yang kuat untuk mengambil tanggungjawab ke atas pertumbuhan intelek dan rohani mereka dan untuk memberikan sumbangan yang berkekalan kepada kemajuan masyarakat. Selanjutnya, ia menuntut bahawa kedua-dua aspek tujuan moral saling melengkapi dan secara asasnya tidak dapat dipisahkan, kerana standard dan tingkah laku individu membentuk persekitaran mereka dan sebaliknya, dibentuk oleh struktur-struktur dan proses-proses sosial. Beberapa peserta mungkin mendapatinya sukar untuk menghargai implikasi tuntutan ini, yang dikaji dalam latihan di Bahagian 16. Pandangan dunia yang dominan—yang dari satu segi, cenderung untuk meletakkan terlalu banyak penekanan pada keperibadian dan kebebasan individu atau, dari segi lain, terlalu mementingkan daya-daya sosial dan proses-proses politik—boleh menyerongkan realiti dan membentuk kepercayaan dan corak pemikiran, sering kali tanpa disedari. Apabila membuat latihan dengan sebuah kumpulan, tutor harus sedar akan cabaran yang akan bangkit dan membantu ahli-ahlinya, jika perlu, untuk mengenali penegasan yang tidak selaras dengan pernyataan Wali yang dipetik di bahagian itu. Dengan itu, penerokaan konsep sebuah tujuan berkembar akan tamat dengan mencadangkan bahawa hanyalah dalam lapangan khidmat bahawa tujuan tersebut boleh disedari. Unit itu mencadangkan, khidmat menyatukan pencapaian patauensi individu dengan kemajuan masyarakat.

Unit kedua bertajuk “Satu Usia Penuh Janji”, dan ia berkenaan belia muda dan patauensi banyak yang mereka miliki. Ia berharap untuk mengukuhkan dalam minda mereka yang mengkajinya dengan pemahaman bahawa belia muda adalah ahli-ahli satu usia yang istimewa dengan ciri-cirinya yang tersendiri—iaitu ciri-ciri yang tidak menafikan bahawa, betapa silapnya melayan mereka sebagai kanak-kanak, ia juga sama salah untuk menggalakkan mereka untuk meniru satu versi kedewasaan yang cetek, iaitu apa yang dilihat sedang berakar di semakin banyak tempat. Unit ini berharap untuk menjelaskan bahawa pendekatan yang digunakan oleh komuniti Bahá’í untuk kumpulan usia ini, dibentuk oleh tulisan Akidah dan dikuasakan dengan teladan-teladan seperti Rūḥu’lláh, secara radikal berbeza daripada pendekatan yang berdasarkan tanggapan-tanggapan dan teori-teori semasa, yang begitu banyak menonjolkan belia muda sebagai suka memberontak dan cenderung untuk menimbulkan krisis.

Dengan mengingat tujuan di atas, unit ini membuat imbasan pada sifat awal keremajaan dan kemudian meminta peserta untuk merenung pada cabaran untuk mengarahkan kesedaran yang semakin meningkat dalam remaja usia ini dengan sebetulnya. Sehubungan ini, unit membangkitkan satu amaran: usaha-usaha itu harus mengelakkan perangkap daripada segelintir program, yang, daripada mengarahkan peningkatan kesedaran diri dalam mereka yang berada dalam fasa kehidupan yang formatif ini ke arah khidmat yang tidak mementingkan diri, sebaliknya mengarahkan pada “peribadi” dan, sedihnya, akhirnya menjadikan mereka mangsa kepada “sikap keakuan yang mendesak”. Bahagian 5 sehingga 9 berusaha untuk menyedarkan peserta tentang beberapa perangkap kecil yang membahayakan dengan membawa mereka melalui satu siri petikan yang berkaitan daripada tulisan Bahá’í. Unit ini teruskan dengan mempertimbangkan kesan-kesan persekitaran sosial pada kehidupan awal keremajaan, dengan memperkenalkan konsep sebuah “kumpulan belia muda” sebagai satu persekitaran sokongan moral, dan mentakrifkan postur yang harus digunakan oleh semua yang bangkit berkhidmat sebagai animator kepada kumpulan-kumpulan itu.

Unit ketiga, “Berkhidmat sebagai Seorang Animator”, bersambung daripada akhir unit kedua dan berusaha untuk membiasakan peserta selanjutnya dengan sifat tindakan khidmat ini. Selepas mengimbas beberapa ciri sebuah kumpulan belia muda, unit ini bermula pada perbincangan tentang bahan-bahannya, kajian yang mewakili teras program ini. Sebahagian besar daripada unit ini diberikan untuk perbincangan ini, dan tutor harus memahami tujuannya dengan baik, yang tidak hanya menggambarkan bahan-bahan kepada peserta tetapi memberikan mereka pengertian tentang apakah itu satu proses empowermen rohani dan bagaimana bahan-bahan berusaha untuk memupuk dinamikanya. Petikan-petikan daripada bahan-bahan ini telah dimasukkan di sepanjang unit ini, tetapi dua teks dianalisa secara keseluruhannya — iaitu *Bayu-bayu Pengesahan dan Roh Keimanan* — dan para peserta harus mempunyai salinan buku itu.

Soalan tentang empowermen rohani, secara umumnya, perlu banyak difikirkan dan direnungkan oleh tutor. Tentunya, proses pendidikan yang dimulakan oleh kursus institut boleh, dalam analisa terakhir, dilihat sebagai sarana bagi empowermen moral dan rohani, yang melaluinya manusia semua lapisan masyarakat dan daripada setiap latar belakang dibolehkan untuk bangkit dan menyertai dalam pembangunan satu dunia yang lebih baik. Konsepsi tentang kuasa yang digunakan di sini amat berbeza daripada definisi semasa yang dihubungkan dengan niat untuk mendominasi atau untuk memaksa orang lain untuk menurut hasrat dan permintaan seseorang. Sebaliknya, tujuannya adalah untuk menjadi saluran bagi aliran kuasa-kuasa roh manusia: kuasa kesatuan, cinta, khidmat rendah hati, perlakuan murni. Bagaimana untuk menyumbang kepada dinamik yang diperlukan bagi proses sebegitu untuk dimajukan — tidak, malah mempercepatkannya — adalah terpusat pada tindakan berkhidmat sebagai tutor, dan dengan pengalaman dalam melibatkan kumpulan demi kumpulan dalam kajian kursus, setiap tutor akan mampu memperoleh gambaran tentang faktor-faktor berkait yang terlibat, semuanya tidak lebih berkuasa daripada memupuk pemahaman sebenar.

Tentunya, dalam buku ini, pertimbangan untuk tutor dilanjutkan lagi, kepada generasi seterusnya dan kepada sifat proses pendidikan yang akan membolehkan para remaja menggunakan kuasa-kuasa berbangkit mereka dengan bermakna. Pada pusat proses ini adalah kuasa-kuasa pemikiran dan ekspresi yang saling melengkapi. Kuasa minda untuk memikirkan fikiran abstrak, yang meningkat dengan dramatik semasa awal keremajaan, akan diperkuat dalam belia muda apabila mereka belajar untuk mengaplikasikan konsep-konsep saintifik, moral, dan rohani kepada analisis mereka terhadap dunia di sekitar mereka dan kepada cubaan awal mereka untuk bertindak pada masyarakat. Namun, tak kira betapa penting, kuasa analisis rasional memerlukan persepsi rohani. Melaluinya, saluran-saluran pemahaman, yang tidak tersedia melalui penggunaan kuasa-kuasa mental sahaja, akan dibukakan. Lalu, belia muda harus dibantu untuk mengenali daya-daya rohani dan mengenalpasti prinsip-prinsip rohani dalam situasi yang mereka hadapi jika harus membuat pilihan moral yang betul. Berkenaan struktur moral yang mengawal pemikiran dan tingkah laku seseorang itu terhubung kait dengan struktur bahawa yang mana dia gunakan untuk meluahkan pandangannya adalah satu janji asas dalam proses pendidikan yang dibayangkan. Apa sahaja pengertian dalam kedua-dua unit awal Buku 5 boleh ditawarkan dalam proses ini. Bahagian 5 hingga 9 dalam unit ketiga berusaha untuk menjelaskan pelbagai dimensinya, dengan mengambil contoh daripada teks yang digunakan dalam program, jika perlu. Setiap tutor haruslah mengimbas bahagian-bahagian ini dengan teliti dalam menyediakan diri untuk membimbing sebuah kumpulan. Adalah diharapkan bahawa peserta akan memperoleh suatu pemahaman tentang patauens teks untuk memperkasakan belia muda daripada pelbagai budaya dalam kajian mereka ini.

Demikian, berdasarkan perbincangan ini, para peserta diberikan peluang untuk menganalisa dua teks penuh, satu yang jatuh dalam kategori “diinspirasi-Bahá’í” dan yang satu

lagi yang mewakili khasnya komponen Bahá'í dalam programnya. Kedua-dua kategori ini diperkenalkan kepada peserta dalam unit pada awalnya, dan review mereka *Bayu-bayu Pengesahan* dan *Roh Keimanan* bertujuan untuk membantu mereka untuk melihat bagaimana, dalam tema-tema dan konsep-konsep yang diutarakan dan bahasa yang digunakan, kedua-dua teks menyumbang kepada tujuan program yang digambarkan di atas. Konsep pengesahan yang dibincangkan dalam bahan pertama, misalnya—bahawa jika seseorang berusaha ke arah matlamat-matlamat yang mulia, dia akan menarik pengesahan ilahi—akan bergema dalam hati dan minda orang muda di mana sahaja. Pemahaman yang mereka perolehi melalui kajian teks nampaknya dapat membantu mereka, apabila mengambil tugas-tugas yang baharu dan mencabar, untuk mengatasi gementar dan kurang keyakinan yang sering menyusulinya, tanpa mewujudkan tingkah laku yang agresif yang begitu menandakan penekanan yang banyak terhadap “keperibadian”. Dalam cara ini, cerita yang ringkas tapi mendalam telah berkembang dalam buku itu, biasanya adalah yang pertama untuk dikaji oleh belia muda, telah menetapkan ramai dalam jalan yang melindungi mereka, sekurang-kurangnya sebahagian daripada daya-daya disintegrasi yang sedang mengoyak kehidupan masyarakat, daya-daya yang akan merampas daripada mereka identiti sebenar mereka sebagai insan-insan mulia.

Sedemikian rupa, penjelasan tentang konsep-konsep yang diberikan dalam *Roh Keimanan* membantu belia muda daripada semua latar belakang dalam merenung secara mendalam pada isu-isu falsafah yang mulai memenuhi minda mereka pada peringkat kehidupan ini dan dalam melihat hubungan rumit yang wujud antara rohani dan material. Antara konsep-konsep ini adalah, contohnya, evolusi fizikal dan kemunculan roh manusia. Apa yang tutor harus hargai ialah bahawa, bagi ramai belia yang mengkaji Buku 5 dan berhasrat menjadi animator, kecuali mereka pernah menyiapkan program empowermen rohani rohani sendiri semasa belia muda, review *Roh Keimanan* akan merangkumi peluang pertama bagi mereka untuk menerokai konsep-konsep yang disampaikan secara sistematik, dan mereka harus diberikan masa yang diperlukan untuk memikirkan implikasinya.

Pada kesimpulan review ini, peserta digalakkan untuk merenung pada prinsip harmoni antara sains dan agama, bukan sebagai satu konsep yang dikaji secara teliti dalam teks tetapi sebagai suatu yang menyokong seluruh perbincangan itu. Apa yang dicadangkan adalah bahawa sains dan agama boleh dilihat sebagai dua sistem pengetahuan dan amalan yang saling melengkapi yang melaluinya tamadun akan maju. Kepentingan renungan ini tidak harus dilupakan oleh peserta, terutamanya mereka yang bersedia untuk memasuki lapangan khidmat ini. Lagipun, jika memperoleh satu pemahaman yang lebih lengkap tentang realiti adalah penting bagi satu proses empowermen rohani, maka teks belia muda harus mendasarkan kedua-dua sumber pengetahuan ini.

Sementara kajian bahan-bahan dapat membentuk tumpuan utama sebarang kumpulan belia muda yang menyertai program ini, mereka juga akan melakukan aktiviti lain bersama-sama. Ini termasuk projek khidmat, sukan, seni dan kraf, dan kadang-kala acara khas. Bahagian 25 dan 26 menyampaikan beberapa prinsip dan idea yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti ini tetapi mengelakkan daripada mendalaminya, dengan menandakan bahawa perinciannya perlu muncul berdasarkan keadaan-keadaan tempatan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan bahawa corak dan pelaksanaan projek-projek khidmat akan diberikan penekanan dalam program, kerana khidmat memberikan satu arena yang mana tujuan moral berkembar yang disebut awal tadi boleh dijelmakan. Dalam hal ini, peserta harus memahami bahawa projek-projek sebegitu akan menjadi subjek musyawarah berkala di pertemuan antara animator.

Unit ini berakhir dengan membincangkan beberapa perkara berhubung dengan kerja seorang animator, dengan berkongsi pengertian tentang bagaimana membantu pembentukan kumpulan belia muda, bagaimana mengendalikan perjumpaan awal, dan bagaimana berbual dengan ibu bapa tentang sifat program dan kemajuan anak-anak mereka. Dari mula lagi, peserta harus mengenali bahawa kebolehpayaan yang diperlukan untuk berkhidmat secara berkesan sebagai seorang animator akan diperkembangkan lambat laun daripada pengalaman dan kajian berterusan kursus yang bercabang daripada Buku 5. Ini memerlukan tahap komitmen dalam pendidikan belia muda daripada begitu ramai remaja dewasa dan yang berumur awal dua puluhan yang menonjolkan keupayaan untuk mencapainya—iaitu belia yang berada dalam kemuncak kehidupan mereka. Demikian, adalah daripada golongan mereka ini yang akan muncul kumpulan demi kumpulan dalam program empowermen rohani, dan yang akan, dalam cara ini, memastikan bahawa janji generasi depan ditunaikan.



Masa Gemilang dalam Kehidupan

Tujuan

Untuk memperoleh satu pemahaman mengenai beberapa ciri-ciri yang membezakan belia, sebagai satu prasyarat untuk melibatkan belia muda dalam satu program bagi empowermen rohani mereka.

BAHAGIAN 1

Jangka masa antara umur 12 dan 15 melambangkan suatu tempoh yang istimewa di dalam kehidupan seseorang individu, disebabkan adalah semasa tahun-tahun inilah yang dia akan meninggalkan zaman kanak-kanak dan mengalami perubahan yang mendalam. Disebabkan masih belum menjadi seorang belia sepenuhnya, individu-individu dalam jangka umur ini biasanya dikenali sebagai "belia muda". Untuk melibatkan belia muda di dalam program-program yang cuba meningkatkan keupayaan rohani dan intelek mereka, dan menyediakan mereka untuk menyertai secara berkesan dalam hal-hal komuniti mereka adalah tindakan khidmat yang amat penting. Ketiga-tiga unit buku ini bertumpu kepada beberapa konsep, kemahiran, sifat dan sikap yang mana, pengalaman telah membuktikan, diperlukan bagi mereka yang ingin melaksanakan program untuk empowermen rohani belia muda yang ditetapkan oleh Institut Ruhi.

Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam program tersebut secara umumnya dikendalikan dalam kumpulan-kumpulan kecil pada tahap tempatan. Sebagai seorang yang sedang menjadi animator bagi usaha-usaha kumpulan sebegini, anda mengambil berat tentang perkembangan rohani dan intelek beberapa orang pemuda yang akan mencapai umur lima belas tahun, iaitu ambang usia kematangan, apabila mereka akan menanggung tanggungjawab-tanggungjawab baharu. Di dalam unit pertama ini, kita akan merenung tidak begitu banyak tentang sifat-sifat belia muda, tetapi tentang jenis pemuda yang mereka harus menjadi seperti yang disyorkan di dalam Tulisan Suci Akidah. Apa yang harus menjadi nyata daripada petikan-petikan yang anda akan mengkaji adalah bahawa terdapat beberapa ciri-ciri yang membezakan setiap generasi belia dan daya-daya khusus yang harus membentuk hidup mereka. Mungkin juga, anda sendiri ialah seorang pemuda dalam akhir belasan tahun atau dalam awal usia dua puluhan, di mana bahan yang ditujukan dalam unit ini akan memberikan anda peluang untuk meneliti matlamat-matlamat dan keutamaan-keutamaan anda sendiri juga.

BAHAGIAN 2

Sebagai permulaan, fikirkan tentang kumpulan belia muda yang anda akan bekerja dengan tidak lama lagi. Selama tiga tahun yang akan datang anda akan bertemu dengan mereka secara kerap sebagai seorang sahabat sejati dan akan membantu mereka dalam mengkaji dan menerokai idea-idea bersama, dalam merancang dan melaksanakan projek- projek khidmat yang mudah, dan dalam membuat renungan atas apa yang mereka pelajari secara satu kumpulan daripada pengalaman sebegini. Adalah cukup bermanfaat bagi anda untuk memikirkan ke hadapan ke pengakhiran tempoh tiga tahun di mana mereka akan menamatkan program ini. Untuk membantu anda dalam menjelaskan fikiran anda tentang ciri-ciri yang anda harapkan dapat membezakan sahabat-sahabat muda anda, buatlah latihan di bawah dengan para peserta kursus ini.

1. Adakah belia yang anda bayangkan itu akan dicirikan dengan hasrat tujuan yang luhur? Apakah yang mereka akan anggapkan sebagai tujuan tersebut? _____

2. Kepada apakah anda harap mereka akan menumpukan kebanyakan daripada tenaga mereka? _____

-
-
3. Apakah yang akan mematauivasikan mereka untuk berusaha mencapai matlamat-matlamat mereka? _____
- _____
- _____
- _____
4. Seberapa sedarkah anda harapkan mereka akan jadi tentang cabaran-cabaran yang melanda umat manusia pada hari ini? Adakah mereka akan yakin bahawa mereka sememangnya dapat menyumbang kepada menjadikan dunia ini suatu tempat yang lebih baik? _____
- _____
- _____
- _____
5. Secara semula jadi, anda akan menginginkan sahabat muda anda untuk memperoleh, semasa tempoh anda semua bersama, suatu postur ke arah pembelajaran. Postur ini dijelmakan dalam pernyataan-pernyataan berikut. Bolehkah anda menambah dua atau tiga lagi?
- Mereka akan tekun belajar dan akan cuba mengamalkan apa yang dipelajari.
 - Mereka akan mempunyai tabiat merenung pada kesan-kesan tindakan mereka.
 - Mereka akan mempunyai minda yang terbuka dan mendekati pembelajaran dengan sikap rendah hati.
 - Mereka akan mempunyai hasrat yang kuat untuk memupuk keupayaan mereka untuk berkhidmat kepada umat manusia.
 - Mereka akan berhasrat tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam apa jua yang mereka lakukan.
 - Mereka akan berasa penuh semangat tentang kajian sains dan kesenian.
 - Mereka akan menikmati keriangian daripada belajar untuk berusaha bagi kemajuan umat manusia seperti mana mereka lakukan bagi pertumbuhan intelek dan rohani mereka sendiri sebagai seorang individu.
 - _____
 - _____

6. Yang manakah daripada berikut yang menggambarkan cara anda berharap orang muda yang anda fikirkan itu akan berpelakuan?

- _____ Standard-standard mereka akan lebih kurang selaras dengan apa yang ditetapkan oleh trend dan fesyen global.
- _____ Mereka akan melihat pada media popular bagi standard-standard yang mengawal kehidupan mereka.
- _____ Mereka akan mengikuti jejak langkah mereka yang berjuang, tanpa mengira cabaran-cabaran yang sukar, untuk hidup mengikut standard-standard moral yang tinggi.
- _____ Mereka akan dapat mengesan apabila tindakan-tindakan mereka bercanggah dengan kepercayaan-kepercayaan mereka, apabila timbulnya percanggahan-percanggahan itu.
- _____ Mereka akan percaya dalam wawasan-wawasan seperti kesatuan umat manusia, kesamarataan antara lelaki dan wanita, dan keadilan, tetapi perlakuan- perlakuan mereka akan mencerminkan lebih kepada norma-norma yang diterima dalam masyarakat yang, walaupun fasih dalam wawasan-wawasan yang retorik, gagal untuk berpegang kepadanya dari segi amalan.
- _____ Mereka akan mengabaikan standard-standard tinggi supaya dapat hidup selesa dalam persekitaran sosial yang tidak berpegang kepadanya.

7. Berikut adalah beberapa soalan yang akan membantu anda memikirkan tentang implikasi-implikasi suatu kehidupan yang suci dan nirmala. Pada pendapat anda, berapa pentingkah bagi belia yang anda fikirkan ini untuk mampu merenung pada implikasi yang berikut? Bolehkah anda tambah beberapa lagi dalam senarai ini?

- Tidak bersikap sambil lewa dalam perlakuannya
- Tidak terikat kepada keseronokan remeh-temeh dan tidak tentu arah
- Tidak membenarkan keseronokan duniawi untuk memesongkannya daripada tujuan luhurnya
- Tidak mengikuti trend dan fesyen apabila mereka bertentangan dengan standard-standard kemurnian
- Tidak memikirkan kemurnian hanya sebagai cara untuk mengelakkan daripada perlakuan seks di luar perkahwinan
- Mengamalkan kesederhanaan dalam cara dia berpakaian
- Mengamalkan kesederhanaan dalam cara dia bertutur
- Mengamalkan kesederhanaan dalam pilihan hiburannya

- Dibezakan oleh kesederhanaan dan kerendahan hati
- Dibebaskan daripada cemburu dan iri hati
- Dibezakan daripada kemurnian, kesopanan, dan pemikiran yang bersih
- Berhati-hati dalam mengawal keghairahan hatinya

8. Dalam beberapa tahun yang anda luangkan bersama sahabat muda anda, berapa kuat jadinya, anda harapkan, kuasa-kuasa mereka, dari segi intelek dan rohani

- untuk menangani cabaran-cabaran?
- untuk sabar dalam usaha-usaha mereka dalam mencapai matlamat mereka?
- untuk menahan tekanan untuk bertindak dalam cara yang bertentangan dengan standard-standard moral yang tinggi?

BAHAGIAN 3

Sekarang marilah kita melihat pada beberapa petikan daripada tulisan-tulisan Akidah dan mengkaji bagaimana ia menggambarkan seorang belia. ‘Abdu’l-Bahá menyatakan:

“Wahai Yang Dikasihi ‘Abdu’l-Bahá! Kehidupan manusia mempunyai masa kegemilangannya yang dikurniai dengan keagungan yang cemerlang. Zaman belia dicirikan oleh kekuatan dan kecergasan dan termasyhur sebagai masa terbaik dalam kehidupan manusia. Oleh itu engkau harus berusaha siang dan malam supaya dengan dikurniakan kekuatan syurgawi, diilhamkan dengan niat yang cemerlang dan dibantu oleh kuasa Ilahi serta berkat dan pengesahan syurgawi-Nya, engkau akan menjadi perhiasan umat manusia, dan terunggul dalam kalangan mereka yang diberikan ilmu sejati dan cinta kepada Tuhan. Engkau mesti dibezakan dalam kalangan manusia atas kesucian dan ketakterikatan, tujuanmu yang luhur, kemurahan hati, keazaman, pemikiran yang mulia, ketabahan dan matlamat-matlamat tinggimu dan sifat-sifat rohanimu; agar engkau akan menjadi alat-alat penghormatan dan keagungan kepada Kepercayaan Tuhan dan tempat terbit rahmat syurgawi-Nya: agar engkau akan berkelakuan sesuai dengan seruan dan saranan Keindahan Yang Diberkati—semoga nyawa-Ku menjadi korban untuk kekasih-kekasih-Nya—dan dengan membayangi sifat-sifat dan ciri-ciri Bahá’í, engkau akan dibezakan unggul daripada orang lain. ‘Abdu’l-Bahá menanti-nantikan dengan penuh harapan agar setiap daripada engkau akan menjadi umpama singa yang berani,

bergerak dalam padang rumput kesempurnaan manusia dan angin harum yang bertiup ke atas rimba kemurnian.”¹

1. Lengkapi ayat-ayat yang berikut berasaskan petikan di atas:
 - a. Masa kegemilangan kehidupan umat manusia dikurniai dengan _____ .
 - b. Zaman belia dicirikan oleh _____ dan _____ .
 - c. Zaman belia termasyhur sebagai _____ dalam kehidupan manusia.
 - d. Ketika zaman belia kita harus berusaha siang dan malam supaya dengan dikurniakan _____ , diilhamkan dengan _____ dan dibantu oleh _____ serta _____ dan _____ -Nya , kita akan menjadi _____ umat manusia.
 - e. Ketika zaman belia kita harus berusaha siang dan malam supaya boleh menjadi terunggul dalam kalangan mereka yang diberikan _____ dan _____ .
 - f. Ketika zaman belia kita mesti dibezakan atas _____ dan _____ .
 - g. Ketika zaman belia kita mesti dibezakan atas tujuan kita yang _____ .
 - h. Ketika zaman belia kita mesti dibezakan atas _____ , _____ , pemikiran yang _____ , ketabahan dan _____ tinggi kita dan sifat-sifat _____ kita.
 - i. Ketika zaman belia kita harus menjadi _____ penghormatan dan keagungan kepada _____ dan _____ terbit _____ -Nya.
 - j. Ketika zaman belia kita harus berusaha untuk berkelakuan _____ dengan _____ dan _____ Keindahan Yang Diberkati.
 - k. ‘Abdu'l-Bahá menanti-nantikan dengan penuh harapan agar setiap belia akan menjadi umpama _____ bergerak dalam padang rumput

_____ dan _____
yang bertiup ke atas rimba _____ .

2. Mungkin anda pernah mendengar satu atau lain pernyataan popular bahawa belia harus berseronok, sebab mereka perlu menghadapi hal-hal kehidupan yang serius tidak lama lagi. Pendapat sebegini jelas tidak selaras dengan pernyataan ‘Abdu’l-Bahá di atas. Apakah beberapa andaian yang mendasari anggapan popular tersebut? Bincangkan soalan ini dengan rakan-rakan di kumpulan anda yang sedang mengkaji bahan ini hari ini dan tuliskan kesimpulan-kesimpulan anda di sini.

BAHAGIAN 4

Dalam doa yang berikut, ‘Abdu’l-Bahá menyatakan beberapa daripada harapan-Nya terhadap belia-belia:

“Ya Engkau Tuhan yang Penyayang! Dengan kemurahan hati kurniailah sepasang sayap syurgawi kepada setiap anak burung ini, dan berikanlah mereka kuasa rohani agar mereka dapat terbang melalui ruang yang tak terbatas ini dan mencapai puncak-puncak Kerajaan Abhá.

“Ya Tuhan! Perkuatkanlah pohon-pohon muda ini agar setiap daripada mereka akan menjadi sebatang pohon yang berbuah, segar menghijau dan berkembang. Berikan kemenangan kepada jiwa-jiwa ini melalui kuasa angkatan syurgawi-Mu, supaya mereka dapat menghapuskan kuasa-kuasa jahat dan kejahatan dan mendirikan standard persahabatan dan bimbingan dalam kalangan manusia; agar mereka dapat, bagaikan nafas penghidupan musim bunga, menyegarkan dan menghidupkan pohon-pohon roh manusia dan umpama hujan musim bunga menjadikan padang rumput serantau itu hijau dan subur.

“Engkaulah yang Maha Kuat dan Berkuasa; Engkaulah Pemberi dan Yang Maha Penyayang.”²

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut berdasarkan petikan di atas:
- a. ‘Abdu’l-Bahá menyamakan mereka yang dalam usia awal belia umpama anak burung yang memerlukan sepasang sayap _____ dan meminta Tuhan untuk memberikan mereka _____ agar

mereka dapat _____ melalui ruang tak terbatas dan dapat _____ Kerajaan Abhá.

- b. Beliau menyamakan mereka yang dalam usia awal belia kepada _____ muda dan bermohon kepada Tuhan untuk memperkuat mereka agar setiap satu daripada mereka dapat menjadi sebatang _____, _____ dan _____.
- c. Beliau meminta Tuhan untuk memberikan kemenangan supaya mereka dapat menghapuskan _____ dan _____ dan mendirikan _____ dan _____.
- d. Beliau berdoa agar mereka dapat, bagaikan _____ musim _____, menyegarkan dan _____ pohon-pohon _____ dan umpama _____ menjadikan padang rumput serantau itu _____ dan _____.
2. Di dalam doa ini, ‘Abdu’l-Bahá memohon kepada Tuhan untuk menganugerahkan belia-belia dengan kuasa-kuasa rohani. Antara yang berikut, yang manakah akan anda kaitkan dengan kuasa rohani?

_____ tujuan yang mulia	_____ kemuliaan
_____ bergantung kepada Tuhan	_____ glamor
_____ kemurnian	_____ tekad menyelesaikan tugas
_____ licik menipu	_____ berfikiran mulia
_____ suka bersaing	_____ kemurahan hati
_____ perpaduan	_____ niat untuk mendominasi
_____ tingkah laku lurus	_____ keteguhan dan keazaman
_____ cita-cita duniawi	_____ kerendahan hati
_____ dambakan status sosial	_____ bangga dengan pencapaian
_____ cinta kepada Tuhan	_____ keangkuhan
_____ tarikan kepada kemewahan	_____ niat yang murni

3. Di dalam doa ini ‘Abdu’l-Bahá memohon kepada Tuhan supaya membolehkan belia-belia menghapuskan kuasa-kuasa jahat dan kejahilan. Tentukan yang mana daripada yang berikut akan membantu belia-belia berjuang menentang kuasa-kuasa demikian:

_____ kebolehan untuk mengetahui yang betul daripada yang salah
_____ kebolehan untuk memanipulasikan orang lain

- _____ kebolehan untuk meluahkan idea-idea yang mendalam dengan jelas
 - _____ kebolehan untuk mengenal pasti dan mengatasi prasangka
 - _____ kebolehan untuk menggunakan saran material dengan baik
 - _____ kebolehan untuk mengawal orang lain supaya dapat mencapai matlamat sendiri
 - _____ kebolehan untuk mengawal keghairahan rendah seseorang
 - _____ kebolehan untuk menyumbang kepada kesatuan fikiran
 - _____ kebolehan untuk bersikap tidak membelah bagi dalam pertimbangan seseorang
 - _____ kebolehan untuk mempromosikan keadilan
4. Di dalam doa di atas, ‘Abdu’l-Bahá meminta Tuhan supaya membolehkan belia untuk membuka panji persahabatan dan bimbingan. Tentukan yang mana daripada yang berikut akan membantu belia-belia dalam usaha seperti itu:
- _____ kebolehan untuk membina ikatan persahabatan
 - _____ kebolehan untuk mendengarkan orang lain dengan teliti
 - _____ kebolehan untuk menghadapi kesusahan dengan ketenangan dan ketenteraman
 - _____ kebolehan untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan dan kekurangan orang lain
 - _____ kebolehan untuk tidak melihat pada kesalahan-kesalahan dan kekurangan orang lain
 - _____ kebolehan untuk mengabdikan kepada masyarakat dengan tidak mementingkan diri sendiri
 - _____ kebolehan untuk bergembira atas kejayaan orang lain
 - _____ kebolehan untuk memberi harapan kepada orang lain
 - _____ kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain
 - _____ kebolehan untuk memajukan kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kebajikan orang lain
 - _____ kebolehan untuk memajukan kebajikan komuniti sendiri

BAHAGIAN 5

Petikan-petikan yang kita telah mengkaji di dalam dua bahagian yang lepas memberikan kita pengertian yang mendalam tentang ciri-ciri yang harus dimiliki para belia. Jelas sekali sewaktu pemuda-pemudi mencapai umur 15 tahun, banyak yang akan diharapkan daripada mereka. Tentunya, kita tahu bahawa Tulisan Suci merujuk kepada umur 15 tahun sebagai permulaan kematangan. Adalah pada usia inilah yang hukum-hukum Bahá’í seperti

yang berkaitan dengan doa dan puasa menjadi terikat pada individu tersebut. Mengenai peralihan ke arah kematangan 'Abdu'l-Bahá menyatakan:

“Bayi yang menyusui berkembang melalui pelbagai peringkat fizikal, sambil membesar dan membangun di setiap peringkat, sehingga tubuhnya mencapai umur kematangan. Setelah mencapai peringkat ini ia memperoleh keupayaan untuk menjelmakan kesempurnaan-kesempurnaan rohani dan intelek. Cahaya pemahaman, kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan terlihat padanya dan kuasa-kuasa rohnya berkembang.”³

Dan apabila seorang individu menjadi matang, 'Abdu'l-Bahá memberitahu kita,

“dia akan memahami realiti benda dan kebenaran dalaman. Sesungguhnya, dalam pemahamannya, perasaannya, kesimpulannya dan penemuannya, setiap hari kehidupannya selepas kematangan adalah bersamaan dengan tempoh satu tahun sebelum itu.”⁴

1. Terdapat banyak pemikiran tentang belia yang boleh dikaji dengan panduan pernyataan-pernyataan ‘Abdu’l-Bahá di atas. Daripada berikut yang manakah anda rasa adalah berkaitan dengan seorang yang berumur lima belas tahun? Dia

- _____ memiliki keupayaan rohani untuk merenung tentang makna kehidupan dan kematian.
- _____ mampu mempertimbangkan tema-tema yang mendalam hanya apabila ia dihiasi dengan perhiasan hiburan.
- _____ mempunyai keupayaan intelek untuk mengenal pasti dan menganalisa daya-daya yang sedang mempengaruhi kehidupan dia.
- _____ mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas-tugas dengan tekun.
- _____ mempunyai keupayaan rohani untuk mengatasi cabaran-cabaran yang sukar.
- _____ mempunyai keupayaan untuk mengendalikan kelas-kelas untuk pendidikan rohani kanak-kanak.
- _____ mempunyai keupayaan untuk menjelaskan ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip Akidah dengan kefasihan dan keyakinan.
- _____ tidak memerlukan sokongan dan kasih sayang ibu bapa.
- _____ boleh memikul tanggungjawab untuk mematuhi hukum-hukum Bahá’í.
- _____ mempunyai keupayaan intelek untuk memahami proses-proses sosial.
- _____ boleh terlibat dalam khidmat kepada masyarakat yang bermakna.

2. Mungkin anda ingin menghafal doa yang berikut.

“Ya Tuhan! Jadikanlah pemuda ini cemerlang, dan kurniakanlah rahmat-Mu kepada insan miskin ini. Anugerahkanlah kepadanya ilmu, kurniakanlah kepadanya kekuatan yang lebih pada setiap fajar dan lindungilah dia di bawah naungan perlindungan-Mu agar dia dapat dibebaskan daripada kesalahan, dapat mengabdikan diri kepada khidmat Akidah-Mu, dapat membimbingi yang sesat,

memimpin yang malang, membebaskan yang tertawan dan menyedarkan yang alpa, agar semuanya dapat diberkati dengan ingatan dan pujian-Mu. Engkaulah Yang Maha Kuat dan Maha Kuasa.”⁵

BAHAGIAN 6

Sesetengah kuasa fizikal, intelek dan rohani menjadi tumpuan apabila pemuda- pemudi melepasi ambang kematangan pada umur lima belas tahun. Perlu untuk meninggalkan sikap-sikap, fikiran-fikiran dan tabiat-tabiati zaman kanak-kanak, mereka harus memupuk keupayaan-keupayaan yang baru. Menyalurkan kuasa-kuasa ini bagi khidmat kepada Akidah Tuhan harus bermula pada kemuncak usia belia seseorang. Bahá'u'lláh menyatakan:

“Diberkatilah dia yang dalam kemuncak zaman belianya dan kegemilangan hidupnya bangkit untuk mengabdikan kepada Akidah Tuhan bagi yang awal dan akhir, dan menghiasi kalbu dirinya dengan cinta kepada-Nya. Perlaksanaan kurnia serupa itu adalah lebih hebat daripada penciptaan langit dan bumi. Diberkatilah mereka yang tawakal dan beruntunlah mereka yang kukuh.”⁶

Khidmat yang disumbangkan kepada Akidah oleh setiap generasi belia sangat penting bagi kemajuannya. Menekankan kepentingan sumbangan yang mereka lakukan, satu utusan yang ditulis bagi pihak Shoghi Effendi menyatakan, “adalah pada bahu mereka beliau meletakkan semua tanggungjawab bagi pemeliharaan semangat khidmat yang tidak mementingkan diri” dalam kalangan mereka yang bekerja untuk memajukan tujuan-tujuan Kepercayaan Tuhan. “Tanpa semangat itu”, utusan itu melanjutkan lagi, “tiada kerja boleh dicapai dengan berjaya.”

Berkenaan sifat-sifat yang menjadikan belia khususnya sesuai bagi lapangan khidmat, Balai Keadilan Sedunia dalam satu utusan kepada semua Majlis Rohani Nasional telah menulis:

“Daya tahan di dalam keadaan-keadaan yang sukar yang menyifatkan belia, ketabahan dan semangat mereka, serta kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri kepada suasana tempatan, untuk menghadapi cabaran-cabaran baharu, dan menunjukkan kemesraan dan semangat tinggi kepada orang yang mereka temui, digabungkan dengan standard tinggi tingkah laku yang dijunjung oleh belia Bahá'í, menjadikan mereka alat-alat yang sangat berkuasa bagi pelaksanaan rancangan-rancangan yang direncanakan. Sesungguhnya, dengan sifat-sifat yang unik ini mereka boleh menjadi perintis bagi sebarang rancangan dan daya penghidup sebarang usaha yang mereka sertai, sama ada di peringkat tempatan atau nasional.”⁷

Dan, kepada belia di sekitar dunia, Balai Keadilan menerangkan dengan lanjut:

“Walaupun realiti anda dibentuk oleh pelbagai keadaan yang luas, namun hasrat untuk membawa perubahan yang membina dan satu keupayaan bagi khidmat bermakna, kedua-duanya yang merupakan ciri-ciri peringkat hidup anda, yang tidak terhad kepada mana-mana kaum atau bangsa, mahupun tidak bergantung kepada sarana material. Tempoh cerah usia belia yang anda kongsi ini dialami oleh semua . . .”⁸

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan berdasarkan petikan-petikan di atas:
 - a. Mereka yang dalam kemuncak zaman belianya dan kegemilangan hidupnya bangkit untuk mengabdikan kepada Akidah Tuhan adalah _____ .
 - b. Pada bahu mereka tanggungjawab bagi pemeliharaan _____ dalam kalangan mereka yang bekerja untuk memajukan tujuan-tujuan Kepercayaan Tuhan.
 - c. Tanpa semangat khidmat yang tidak mementingkan diri, yang mana pemeliharaannya terletak pada bahu belia, tiada kerja boleh _____ .
 - d. _____ belia di dalam keadaan-keadaan yang sukar, _____ dan _____ mereka menjadikan mereka alat-alat yang sangat berkuasa bagi pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek.
 - e. Sebagai alat-alat yang sangat berkuasa bagi pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek, belia boleh menggunakan kemampuan mereka untuk _____ mereka kepada suasana tempatan, untuk _____ cabaran-cabaran baharu, dan untuk _____ kemesraan dan semangat tinggi mereka kepada orang yang mereka temui.
 - f. Melalui sifat-sifat yang unik ini belia boleh menjadi _____ bagi sebarang daya usaha dan _____ sebarang usaha yang mereka sertai.
 - g. Apa sahaja keadaan yang membentuk realiti belia di sekitar dunia, satu hasrat untuk _____ yang _____ dan satu keupayaan bagi _____, merupakan ciri-ciri semua yang berada dalam peringkat hidup ini.

BAHAGIAN 7

Beberapa konsep biasanya dikaitkan dengan khidmat-khidmat yang diamalkan oleh belia, antaranya ialah bersifat spontan, kegirangan dan kebebasan untuk memburu apa sahaja kemungkinan yang memikat imaginasi. Walaupun ada sedikit kesahihan untuk mengaitkan konsep-konsep ini dengan khidmat, kita harus berjaga-jaga supaya tidak menitikberatkannya secara berlebihan. Amat mudah untuk menjadi mangsa kepada sikap meremehkan aktiviti-aktiviti belia kepada satu siri peristiwa-peristiwa yang menyeronokkan, dengan melupakan tentang nilai memahami sifat proses tersebut dan mengabaikan keperluan untuk mempelajari disiplin tindakan yang sistematik. Fikirkan proses-proses sistematik yang diamalkan oleh ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip Akidah untuk memperkuatkan asas rohani perkampungan dan

kejiranan — contohnya, pendidikan rohani kanak-kanak, pengukuhan kehidupan komuniti, dan perkembangan sumber manusia. Sekarang, bersama-sama rakan-rakan anda yang mengkaji kursus ini, fikirkan beberapa tindakan khidmat yang dapat dilakukan oleh belia yang menyumbang kepada proses-proses ini. Tidakkah aktiviti-aktiviti ini menyumbang kepada keriangian? Tidakkah ianya mengizinkan kadar kespontanan yang sesuai? Tidakkah ia menggalakkan kreativiti melalui amalan inisiatif dalam cara yang berdisiplin?

BAHAGIAN 8

Kita sentiasa mendengar bahawa zaman belia adalah masa persiapan. Pernyataan ini memang benar. Merujuk kepada perubahan-perubahan yang diperlukan dalam dunia hari ini, Balai Keadilan Sedunia menuliskan bahawa “perubahan yang akan berlaku dalam pemfungsian masyarakat, pastinya akan bergantung secara banyak kepada keberkesanan usaha-usaha persiapan yang dilakukan oleh belia-belia bagi dunia yang akan diwarisi oleh mereka”. Demikianlah, apa yang perlu kita bertanya, adalah bagaimanakah belia-belia dapat membuat persiapan diri yang terbaik bagi memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka akan pikul apabila mereka beralih ke zaman dewasa. Satu utusan yang ditulis oleh Balai Keadilan menerangkan:

“Bagi sesiapa pun, sama ada orang Bahá’í atau tidak, masa tahun-tahun remaja adalah waktunya dia akan membuat keputusan-keputusan yang akan menentukan arah kehidupannya. Ketika tahun-tahun tersebut, dia mungkin akan memilih kerja hidupnya, habiskan pendidikannya, dan mulakan mata pencariannya, berkahwin, dan memulakan rumahtangganya. Yang paling penting sekali, adalah pada masa ini minda akan menyoal dan akan memilih nilai-nilai rohani yang akan membimbing kelakuan seseorang pada masa depan.”⁹

Sehubungan ini, satu utusan yang ditulis bagi pihak Wali merujuk kepada keperluan bagi belia memperkembangkan kedua-dua keupayaan intelek dan rohani mereka sebagai sebahagian daripada persediaan bagi masa depan. “Anda mestilah siap sedia,” nyatakan utusan itu. “Anda mestilah memperkembangkan sisi intelek dan juga rohani anda secara seimbang.”

Demikian, sering kali persoalan tentang persiapan membangkitkan perkara lain berkenaan hubungan antara pembelajaran—sama ada akademik, vokasional, atau profesional—dan khidmat kepada Akidah. Terutamanya, kadang kala tidak jelas berapa banyak tenaga yang harus belia dedikasikan bagi setiap satu daripadanya. Satu keterlaluan adalah untuk menasihati belia untuk mendedikasikan diri mereka sepenuhnya kepada pendidikan mereka dan untuk menunggu sehingga mereka telah memperoleh lebih banyak pengalaman sebelum melibatkan diri secara serius dalam satu atau lebih bidang khidmat. Adalah benar bahawa, “dalam segala hal, memperoleh pendidikan dalam lingkungan kemungkinan seseorang dan memperoleh satu perusahaan atau pekerjaan melaluinya seseorang memperoleh pendapatan haruslah diberikan keutamaan.” Namun, seperti yang dijelaskan oleh Balai Keadilan Sedunia, untuk “mentakrifkan tahun-tahun belia yang bermakna secara eksklusif” sebagai satu peringkat persiapan untuk memulakan satu perusahaan atau pekerjaan akan

“mengabaikan tenaga kreatif yang tersedia kepada belia dengan banyaknya. Lagipun, begitu ramai perwira Akidah adalah pemuda dan pemudi yang bangkit untuk mencapai tindakan yang paling hebat dalam jalan Kekasih mereka.”¹⁰

Satu lagi keterlaluan ialah untuk menggalakkan belia untuk melupakan pendidikan atau latihan vokasional mereka sama sekali dan menggunakan tenaga mereka, terutamanya pada masa penuh peluang ini, sepenuhnya bagi lapangan khidmat. Bahawa khidmat harus menjadi pusat kehidupan setiap belia adalah jelas dalam banyak tulisan, seperti yang kita telah pelajari dalam bahagian-bahagian lalu. Bahawa satu tempoh khidmat yang giat, sama ada ia melibatkan rehat daripada pembelajaran, boleh menjadi “satu komponen yang berharga bagi persiapan mereka” juga amat jelas. Pada masa yang sama, Balai Keadilan Sedunia memerhati bahawa:

“Walaupun adalah betul untuk mengharapkan perkara-perkara yang unggul daripada mereka yang mempunyai begitu banyak untuk diberikan dalam jalan khidmat, rakan-rakan haruslah berjaga-jaga supaya tidak mempunyai satu pandangan yang sempit tentang keperluan dalam perkembangan ke arah kematangan. Kebebasan pergerakan dan masa yang banyak membolehkan ramai belia berkhidmat dalam cara-cara yang berkait secara langsung dengan keperluan-keperluan komuniti, tetapi apabila mereka meningkat umur ke dua-puluhan, pandangan mereka diluaskan... Bagi ramai, keutamaan yang segera ialah untuk melanjutkan pelajaran mereka, secara akademik atau vokasional, berdasarkan peluang-peluang yang terbuka kepada mereka, dan ruang-ruang baru bagi interaksi dengan masyarakat mulai terbuka... Keputusan penting yang diambil oleh mereka tentang hala tuju kehidupan dewasa mereka akan memutuskan sama ada khidmat kepada Akidah Tuhan hanyalah satu episod yang singkat dan penuh memori dalam tahun-tahun mudanya, atau satu pusat tetap dalam kewujudan mereka di bumi, iaitu satu kanta yang melaluinya semua tindakan ditumpukan.”¹¹

Sebelum kita mempertimbangkan hubungan antara pendidikan dan khidmat dengan selanjutnya, anda mungkin ingin berhenti sejenak di sini dan menulis satu pernyataan ringkas yang menggambarkan pemahaman anda tentang apa maksud tempoh belia sebagai masa untuk persiapan.

ajaran dan mereka akan memperoleh ilmu yang “mendalam” dan “jelas” tentang Akidah. Sebagai tambahan, beliau menggalakkan mereka untuk belajar melalui penglibatan yang “aktif, sepenuh hati dan berterusan” dalam aktiviti-aktiviti komuniti mereka. Sehubungan itu, beliau menerangkan bahawa kehidupan komuniti membekalkan “satu makmal sangat diperlukan”, di mana orang-orang muda dapat “menterjemahkan prinsip-prinsip” yang mereka dapat daripada pembelajaran mengenai Akidah “kepada tindakan yang hidup dan membina”. Adalah dalam “menjadi sebahagian daripada organisma hidup”, beliau menunjukkan, bahawa mereka dapat “memahami semangat sebenar yang mengalir di sepanjang Ajaran-Ajaran Bahá’í”. Maka, satu proses pendidikan formal diperlukan untuk membantu orang-orang muda mempersiapkan diri mereka untuk berkhidmat, yang terbenam dalam realiti kehidupan komuniti. Aktiviti semata-mata untuk aktiviti, belajar semata-mata untuk belajar, tidak memenuhi keperluan tersebut.

Kebanyakan utusan-utusan dari Balai Keadilan Sedunia juga menyatakan sebegini. Pemahaman diperdalamkan secara banyak, seperti yang dijelaskan dalam satu utusan, “apabila pembelajaran dan khidmat digabungkan dan dilaksanakan serentak”. “Di lapangan khidmat,” utusan tersebut melanjutkan lagi, “ilmu pengetahuan diuji, persoalan-persoalan muncul daripada amalan, dan tahap pemahaman yang baru dicapai.” Di negara-negara seluruh dunia, institut latihan telah ditubuhkan dengan tujuan khas untuk membangunkan sumber-sumber manusia kepada Akidah melalui satu kursus pembelajaran yang formal. Semakin ramai orang di serata tempat sedang terlibat dalam proses pendidikan yang sistematik untuk meningkatkan keupayaan mereka untuk berkhidmat, dan belia-belia secara konsistennya kekal di hadapan proses persiapan ini. Mengenai agensi institut latihan, satu utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia menerangkan:

“Ia berusaha untuk melibatkan individu tersebut dalam satu proses pendidikan di mana tingkah laku yang mulia dan disiplin-diri dibangunkan dalam konteks khidmat, memperkukuhkan satu corak kehidupan yang bersepadu dan riang yang menjalinkan bersama belajar, ibadat, mengajar, pembangunan komuniti dan, secara amnya, penglibatan dalam proses-proses lain yang bertujuan untuk mentransformasikan masyarakat. Pada pusat inti proses pendidikan adalah perhubungan dengan Kalimat Tuhan, yang kuasanya mengekalkan percubaan-percubaan setiap individu untuk menyucikan hati dia dan berjalan di jalan khidmat dengan ‘kaki ketakterikatan.’”¹²

Satu lagi utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia menyatakan:

“... kursus-kursus institut bertujuan untuk menetapkan individu pada satu jalan yang mana sifat-sifat dan sikap-sikap, kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan, diperoleh secara perlahan-lahan melalui khidmat—iaitu khidmat yang bertujuan untuk memadamkan sifat keakuan yang mendesak, membantu untuk mengeluarkan individu daripada kongkongannya dan meletakkannya dalam satu proses pembangunan komuniti yang dinamik.”¹³

Dan merujuk kepada kebergantungan kepada orang-orang muda di serata dunia, Balai Keadilan Sedunia menulis:

“Tanpa mengira asal-usulnya, mereka akan, kesemuanya, berkongsi keinginan ini untuk mendedikasikan masa dan tenaga, bakat-bakat dan kebolehan-kebolehan mereka untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Ramai, apabila diberikan peluang, akan secara gembiranya memberikan beberapa tahun daripada

kehidupan mereka kepada keperluan pendidikan rohani generasi-generasi akan datang. Dalam kalangan orang-orang muda di dunia ini, maka, terletaknya takungan keupayaan untuk mentransformasikan masyarakat yang sedang tunggu untuk digunakan. Dan pembebasan keupayaan ini haruslah dianggap oleh setiap institut sebagai satu tanggungjawab yang suci.”¹⁴

BAHAGIAN 10

Seperti yang kita telah lihat dalam dua bahagian yang lalu, kita harus ingat bahawa apabila mempertimbangkan apa-apa situasi agar kita mula membahagikan perkara-perkara dalam hidup kita, yang mungkin membawa percanggahan yang tak munasabah. Pada umumnya, minda manusia mempunyai kecenderungan untuk memfragmenkan dunia yang dialami olehnya. Realiti–fizikal, sosial atau rohani–adalah terlalu luas untuk difahami secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk membahagi-bahagikannya untuk memahaminya dalam bahagian. Akan tetapi, apabila melakukan demikian tanpa mengambil kira keseluruhan realiti, kesulitan- kesulitan akan muncul. Perselisihan antara pelbagai kaum, warna, negara dan agama adalah contoh-contoh jenis kesulitan-kesulitan yang muncul akibat daripada pemahaman kewujudan secara berfragmen–sememangnya kesatuan umat manusia adalah benar, dan pemisahannya melalui bangsa, kaum dan negara adalah satu ciptaan minda manusia dan hasil daripada kejadian sejarah.

Jika kita tidak berhati-hati dan menggunakan pendekatan fragmentasi tersebut terhadap kehidupan kita, kita akan mewujudkan pelbagai dikatauomi-dikatauomi yang kebanyakannya adalah khayalan. Kerja, masa lapang, kehidupan keluarga, kehidupan rohani, kesihatan fizikal, pemburuan-pemburuan intelek, pembangunan individu, kemajuan kolektif dan sebagainya menjadi serpihan-serpihan yang bersama membentuk kewujudan kita. Apabila kita menerima pemisahan kehidupan sebagai yang benar, kita akan rasa ditarik dari banyak arah, dan cuba membalas kepada apa yang kita anggapkan sebagai desakan-desakan pelbagai aspek kehidupan. Kita akan dikelirukan oleh matlamat-matlamat yang kelihatan bercanggah: Haruskah saya mengorbankan kehidupan keluarga untuk mengabdikan kepada Akidah? Tidakkah khidmat kepada Akidah mengganggu usaha-usaha saya untuk mengasuh anak-anak saya dengan baik? Inilah dua contoh daripada ribuan persoalan yang akan timbul.

Untuk menyelesaikan dikatauomi-dikatauomi yang kita wujudkan, kadang-kala kita cuba membahagikan masa kita dengan sama rata antara pelbagai keperluan. Dalam keadaan-keadaan lain, kita cuba mendahulukan dan fokuskan tenaga kita pada apa yang kita anggapkan sebagai matlamat-matlamat yang paling penting pada sesuatu masa yang khusus. Pembahagian masa dan tenaga yang cermat sememangnya penting. Tetapi ia hanya akan berguna apabila kita sedar akan kesinambungan kebanyakan aspek dalam hidup kita. Jika kita gagal melihat keseluruhannya, ketegangan yang muncul di semua bahagian akan menimbulkan kerisauan dan kekeliruan.

Di bawah adalah pelbagai aspek kehidupan yang ditempatkan dalam pasangan yang harus memperkukuhkan satu sama yang lain, tetapi kadang-kadang dianggapkan sebagai hal-hal yang bertentangan antara satu sama lain. Bagi setiap ayat yang mengiringi pasangan aspek kehidupan, tentukan sama ada ia melambangkan jenis pemikiran yang akan membawakan cara kehidupan yang bersepadu atau sama ada ia menandakan satu kecenderungan terhadap fragmentasi. Tandakan “P” untuk bersepadu dan “F” untuk fragmentasi.

1. Keluarga dan Kerja

- _____ Kehidupan keluarga saya akan menderita jika saya tekun dalam pekerjaan saya.
- _____ Saya sentiasa berbincang dengan keluarga saya tentang pencapaian-pencapaian dan cabaran-cabaran yang berkaitan dengan kerja saya.
- _____ Tentu sahaja kaum wanita boleh berjaya dalam kerjaya mereka, tetapi anak-anak akan mengalami penderitaan.
- _____ Jika saya mahu membesarkan anak-anak saya dengan baik, saya terpaksa melupakan pekerjaan saya.
- _____ Saya boleh berusaha ke arah kecemerlangan dalam pekerjaan saya dan juga memberi perhatian yang sepenuhnya kepada tanggungjawab-tanggungjawab keluarga saya.

2. Pendidikan dan Khidmat kepada Akidah

- _____ Pencapaian akademik adalah satu keperluan sebelum memasuki lapangan khidmat.
- _____ Ilmu pengetahuan yang kita telah perolehi melalui pendidikan kita adalah satu aset dalam lapangan khidmat, sementara pengalaman yang kita perolehi di dalam lapangan khidmat akan memperdalamkan ilmu pengetahuan kita.
- _____ Kita harus mengabaikan pendidikan kita sekiranya kita benar-benar ingin mengorbankan diri kepada Akidah.
- _____ Salah satu hasrat kita yang teragung ialah untuk belajar mengamalkan ajaran-ajaran Akidah dan belajar mengaplikasikannya dalam usaha-usaha yang membawa kepada pembaikan dunia.
- _____ Keupayaan yang kita perembangkan dalam jalan khidmat untuk mempromosikan kesejahteraan komuniti kita akan membantu kita memilih bidang-bidang pelajaran yang sesuai.

3. Perkembangan intelek dan perkembangan sifat-sifat rohani

- _____ Mencari kebenaran secara sendiri memerlukan pembangunan intelek, serta perolehan sifat-sifat rohani
- _____ Pembangunan intelek memerlukan keadilan, kejujuran dan ketiadaan prasangka.
- _____ Untuk membangunkan kerohanian, kita perlu melupakan intelek kita.
- _____ Minda dan kalbu kita adalah tidak terasing antara satu sama lain; keduanya mewakili unsur-unsur satu realiti yang saling melengkapi dan bertindak bersama-sama—iaitu roh kita.
- _____ Sifat-sifat rohani dibangunkan melalui ilmu yang disedari dan perlakuan-perlakuan yang baik.

4. Kehidupan material dan kehidupan rohani

- _____ Kita mesti menahan diri daripada keseronokan material untuk membangun secara rohani.
- _____ Hal-hal rohani perlu diketepikan sehingga kita lanjut usia; semasa kita masih muda kita harus mengambil kesempatan akan setiap peluang untuk maju secara material.
- _____ Keperluan-keperluan material orang harus dipenuhi dahulu sebelum mereka menjadi sedia untuk memberi perhatian kepada hal-hal kerohanian.
- _____ Tujuan hidup di alam material ini adalah untuk membangunkan sifat-sifat dan kuasa-kuasa rohani.
- _____ Tujuan hidup di alam material ini adalah untuk memajukan satu tamadun sentiasa berkembang.
- _____ Kita harus menikmati semua pemberian-pemberian yang ditawarkan di dunia ini tetapi tidak harus membenarkan keinginan-keinginan duniawi untuk mempengaruhi kalbu kita dan menghalang kita daripada maju semakin dekat kepada Tuhan.

BAHAGIAN 11

Dalam unit ini, kita tidak mempertimbangkan begitu banyak tentang sifat-sifat belia muda, tetapi lebih kepada ciri-ciri pemuda-pemudi yang harus mereka perolehi seperti yang dicadangkan dalam Tulisan Suci. Kita memulakan pencarian ini dengan melihat dua petikan yang memberikan kita pengertian tentang ciri-ciri ini. Kemudian kita lihat bahawa umur 15 tahun menandakan masa istimewa dalam hidup seorang individu, kerana ia menandakan ambang kematangan, satu masa di mana kuasa-kuasa dan keupayaan-keupayaan baharu difokuskan. Kita tahu bahawa belia memainkan peranan penting dalam kehidupan Akidah dan betapa pentingnya jika keupayaan mereka ditujukan kepada khidmat kepada umat manusia. Kita juga telah mengesahkan keperluan belia untuk menyediakan diri mereka untuk kehidupan masa depan, dengan pelajaran mereka—untuk memperoleh ilmu dan kemahiran untuk menyara hidup dan juga meningkatkan keupayaan mereka untuk memberikan khidmat kepada komuniti-komuniti mereka.

Anda mungkin rasa berguna untuk merenung sejenak tentang apa yang anda telah pelajari sehingga kini. Berikut adalah beberapa pernyataan. Bacakan dan tentukan sama ada ia benar. Walaupun beberapa jawapan didapati jelas, kami berharap anda memberikan perhatian kepada keseluruhan latihan ini. Ia bertujuan untuk membawa anda melalui idea-idea yang akan membantu anda mengatur pemikiran anda tentang apa yang anda pelajari setakat ini.

- _____ Bagi seseorang individu, mencapai usia 15 tahun bermakna mencapai usia kematangan, tetapi ini adalah hanya tanda simbolik dan tidak membawa pengaruh penting bagi hidupnya.
- _____ Kebanyakan belia tidak matang dan tak dapat memegang tanggungjawab besar; mereka senang dipengaruhi dan tak dapat dipercayai.

- _____ Belia berminat mengambil tanggungjawab bagi kerja Akidah, tetapi kerana ketidakmahiran dan ketidakmatangan, mereka tidak dapat mencapai banyak.
- _____ Belia mempunyai segala patauensi untuk bangkit berkhidmat kepada Kepercayaan dan umat manusia dengan ketetapan dan tidak mementingkan sendiri.
- _____ Belia dapat menunjukkan kuasa kehendak dan dedikasi yang diperlukan untuk terlibat dalam tindakan yang sistematik dalam khidmat kepada komuniti mereka.
- _____ Mereka yang bangkit untuk berkhidmat kepada Kepercayaan pada masa gemilang kehidupan belianya akan dirahmati.
- _____ Belia seharusnya menumpukan kebanyakan perhatian pada pelajaran mereka; hanya masa lapang sahaja boleh digunakan untuk khidmat.
- _____ Tanpa menerima tahap latihan akademik yang tertinggi, belia tidak boleh berkhidmat kepada masyarakat dengan berkesan.
- _____ Semua bidang khidmat manusia terbuka bagi belia; mereka harus memilih bidang yang sesuai dengan bakat dan keadaan mereka, menceburi bidang itu dengan semangat khidmat, dan berusaha mencapai kecemerlangan.
- _____ Belia tidak mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk mengadakan perbualan yang bermakna mengenai Akidah dengan orang yang mereka temui; adalah paling baik untuk mereka berkhidmat dengan cara yang lain.
- _____ Belia tidak mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk mengadakan perbualan bermakna mengenai Akidah dengan orang yang mereka temui dan perlu digalakkan untuk menunjukkan cara hidup yang terpuji kepada sahabat-sahabat mereka.
- _____ Belia mempunyai patauensi yang besar untuk memahami ajaran-ajaran Akidah dan untuk berkongsi dengan rakan sebaya mereka.
- _____ Belia mempunyai patauensi yang besar untuk memahami ajaran-ajaran Akidah dan untuk berkongsi dengan orang daripada pelbagai latar belakang, tua dan muda.
- _____ Belia berminat memperoleh ilmu pengetahuan dan kebolehan-kebolehan yang diperlukan untuk berkongsi ajaran-ajaran Akidah kepada orang lain.
- _____ Belia merupakan sumber manusia yang terhebat dalam Akidah Tuhan dan harus dibantu, melalui latihan yang sesuai dan galakan yang berterusan, untuk menjadi berkeupayaan dalam berkhidmat kepada komuniti mereka serta umat manusia.
- _____ Belia memerlukan aktiviti istimewa yang memberikan mereka keseronokan; adalah susah untuk mereka bersikap serius untuk suatu jangka masa yang panjang.
- _____ Belajar untuk menjadi sistematik akan muncul kemudian dalam kehidupan, apabila sikap spontan hilang.

- _____ Kebolehan belia untuk mengharungi keadaan-keadaan yang amat susah dan untuk menyesuaikan diri kepada situasi-situasi baru membuka banyak peluang khidmat kepada mereka.
- _____ Belia mempunyai minda yang gemar menyoal dan boleh mencari jawapan melalui kajian dan penyertaan penuh dalam kehidupan komuniti.
- _____ Patauensi-patauensi besar yang tersembunyi di dalam komuniti kita dapat dibongkarkan melalui semangat khidmat yang tak mementingkan diri yang ditunjukkan oleh belia.
- _____ Kuasa Kalimat Tuhan memperkuat belia dalam melangkah di jalan khidmat dengan kemurnian dan ketakterikatan.
- _____ Sikap-sikap dan sifat-sifat rohani, kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan, yang belia perembangkan dalam kursus-kursus institut dan dengan melibatkan diri dalam tindakan khidmat yang berkaitan menjadikannya mungkin bagi mereka untuk menyumbang secara tetap kepada satu proses pembangunan komuniti yang dinamik.
- _____ Takungan keupayaan untuk mentransformasikan masyarakat yang terletak pada belia di dunia boleh digunakan melalui penyertaan mereka dalam satu proses pendidikan sistematik yang menggabungkan kajian dan khidmat.

BAHAGIAN 12

Adalah diharapkan bahawa latihan di atas telah membantu anda mengukuhkan pandangan anda tentang zaman belia dan gambaran yang anda telah capai bagi tahap hidup ini adalah tidak lain daripada khidmat yang aktif digabungkan kajian—kedua-duanya sebagai persiapan teliti untuk masa depan. Marilah kita mengkaji tema ini dengan lebih lanjut.

Hubungan antara khidmat, pendidikan, dan persiapan yang telah kita bincangkan perlu diperlihatkan dalam konteks yang tertentu. Terutamanya ia harus menyumbang kepada dua proses transformasi yang divisikan dalam tulisan suci Akidah: iaitu pertumbuhan intelek dan rohani individu dan transformasi masyarakat. Kita tahu bahawa “fungsi unggul dan tinggi” dalam Revelasi Bahá'u'lláh ialah “tidak lain daripada melahirkan satu bangsa manusia yang baru,” dan setiap daripada kita perlu berusaha setiap hari untuk menyelaraskan pemikiran dan tindakannya dengan apa yang dituliskan dalam Tulisan Suci. Tulisan suci juga menekankan secara adil transformasi yang mendalam di struktur masyarakat. “Tak lama lagi aturan dunia masa kini akan digulungkan,” Bahá'u'lláh memberitahu kita, “dan aturan baru akan disebarkan sebagai gantinya.” “Semua manusia”, Baginda mengumumkan, “telah diciptakan untuk membawa ke hadapan satu tamadun yang sentiasa maju.”

Transformasi berkembar ini hanya berlaku melalui usaha yang sedar dan adalah penting bagi orang muda untuk menyedari implikasinya terhadap hidup mereka dan menjadi penuh dengan keazaman yang kukuh, untuk mengambil tanggungjawab bagi pertumbuhan peribadi mereka dan menyumbang kepada transformasi masyarakat. Tujuan moral berkembar ini akan secara semula jadi mencari ekspresinya dalam hidup khidmat.

Petikan-petikan di bawah memberi pemahaman bagi salah satu tujuan moral—yang berhubung dengan pertumbuhan intelek dan rohani diri:

“Tujuan Tuhan yang esa menjelmakan Diri-Nya adalah menyerukan seluruh umat manusia kepada kebenaran dan keikhlasan, kepada kebaktian dan kebolehpercayaan, kepada persetujuan secara sabar dan penyerahan kepada Kehendak Tuhan, kepada kesabaran dan kebaikan hati, kepada kejujuran dan kearifan. Niat-Nya adalah menghiasi setiap insan dengan jubah keperibadian salih, dan menghiasi dirinya dengan perhiasan perlakuan-perlakuan suci dan berguna.”¹⁵

“Batu asas sesuatu kehidupan yang diluangkan dalam cara-cara Tuhan ialah mengejar budi yang cemerlang dan memperolehi perwatakan yang dikurniai dengan nilai-nilai yang menyenangkan pada pandangan-Nya.”¹⁶

“Ia telah diberikan kepada manusia untuk memperoleh ilmu, untuk mencapai kesempurnaan rohani, untuk mencari kebenaran yang tersembunyi dan untuk menjelmakan sifat-sifat Ketuhanan.”¹⁷

“Tujuan Tuhan menciptakan manusia, sejak dahulu dan selamanya, adalah agar manusia dapat mengenali Penciptanya dan mencapai Hadirat-Nya.”¹⁸

1. Lengkapkan ayat-ayat di bawah berdasarkan petikan di atas:
 - a. Tujuan Tuhan yang esa menjelmakan Diri-Nya adalah menyerukan seluruh umat manusia _____

 - b. Niat Tuhan adalah menghiasi setiap insan dengan _____
_____, dan menghiasi dirinya dengan _____.
 - c. Batu asas sesuatu kehidupan yang dihabiskan dalam cara-cara Tuhan ialah _____ dan _____
_____.
 - d. Adalah tugas kita untuk memperoleh _____, untuk mencapai _____, untuk mencari _____ dan untuk menjelmakan _____.
 - e. Tujuan Tuhan menciptakan manusia, sejak dahulu dan selamanya, adalah agar _____ dan _____.

2. Mempunyai satu visi tentang patauensi-patauensi yang terpendam di dalam roh manusia dapat membentuk dan mengarahkan rasa tujuan seseorang individu. Bolehkah anda terangkan caranya? _____

3. Terdapat juga hubungan yang kuat antara rasa tujuan individu dan pemahaman bahawa kehidupan duniawi ini adalah satu bahagian kecil dalam perjalanan abadi ke arah Hadirat Tuhan. Bolehkah anda jelaskan sebabnya? _____

Set petikan-petikan yang kedua menerangkan aspek kedua tujuan berkembar iaitu menyumbang kepada transformasi masyarakat:

“Yang Diperlakukan Salah ini naik saksi bahawa tujuan manusia fana, daripada ketidakwujudan mutlak, melangkah ke alam kewujudan, adalah agar mereka dapat bekerja untuk kemajuan dunia dan hidup bersama dalam keserasian dan keharmonian.”¹⁹

“Dan kehormatan dan keunggulan seseorang terdiri daripada ini, bahawa dialah daripada orang kebanyakan di bumi yang harus menjadi sumber kebajikan masyarakat. Adakah sebarang kurnia yang lebih besar dapat dibayangkan selain ini, bahawa seseorang individu, dengan menyiasat ke dalam dirinya sendiri, telah mendapati bahawa dengan pengesahan rahmat Tuhan dia telah menjadi punca keamanan dan kebajikan, kebahagiaan dan keuntungan manusia seumatnya? Tidak, demi Tuhan yang esa, tidak ada kebahagiaan yang lebih besar, kegembiraan yang lebih sempurna daripadanya.”²⁰

“Betapa unggulnya, betapa terhormatnya seseorang, apabila dia bangkit untuk memenuhi tanggungjawab; betapa rendahnya dan tidak terhormat, apabila dia menutup matanya daripada kesejahteraan masyarakat dan mensia-siakan hidupnya yang berharga untuk mengejar kesenangannya sendiri dan keuntungan peribadinya.”²¹

“Janganlah sibuk dengan urusanmu sendiri; biarlah fikiranmu tertumpu pada apa yang akan memulihkan nasib manusia dan menyucikan hati dan jiwa manusia.”²²

“Mereka yang adalah umat Tuhan tidak mempunyai sebarang cita-cita melainkan pemulihan dunia, memuliakan kehidupannya, dan menghidupkan semula rakyatnya.”²³

1. Lengkapkan ayat-ayat di bawah berdasarkan petikan di atas:
 - a. Tujuan yang mana kita telah, daripada ketidakwujudan mutlak, melangkah ke alam kewujudan, adalah agar kita dapat _____
 _____ dan _____
 _____ .

- b. Kehormatan dan keunggulan seseorang terdiri daripada ini, bahawa _____

_____ .
- c. Tidak ada sebarang kurnia yang lebih besar dapat dibayangkan selain ini, bahawa seseorang individu, dengan menyiasat ke dalam dirinya sendiri, telah mendapati bahawa _____ dia telah menjadi _____
_____ .
- d. Betapa unggulnya, betapa terhormatnya seseorang, apabila dia bangkit untuk _____ ; betapa rendahnya dan tidak terhormat, apabila dia menutup matanya daripada _____
_____ dan _____ .
- e. Kita tidak harus sibuk dengan _____ , tetapi harus menumpukan fikiran kita pada apa yang akan _____
_____ .
- f. Mereka yang adalah umat Tuhan tidak mempunyai sebarang cita-cita melainkan _____ , _____ ,
dan _____ .
2. Mempunyai satu visi tentang peluang-peluang besar yang terbuka kepada umat manusia pada tahap perkembangan ini, apabila penyatuan ke dalam satu keluarga yang sama adalah sememangnya satu berkemungkinan, akan membentuk dan mengarahkan rasa tujuan seseorang. Bolehkah anda terangkan caranya? _____

3. Rasa tujuan seseorang individu diperkukuhkan dengan pemahaman bahawa umat manusia sedang berada di atas satu perjalanan evolusi yang panjang yang sedang menuju ke arah Tamadun Ilahi. Bolehkah anda menerangkan sebabnya? _____

BAHAGIAN 13

Seperti yang dicadangkan dalam latihan-latihan dalam bahagian sebelum ini, satu pemahaman mengenai sifat semula jadi dalam perubahan individu dan masyarakat yang dinyatakan dalam tulisan suci adalah penting bagi rasa tujuan yang harus diperolehi para remaja. Untuk memperolehi nilai-nilai seperti batu permata yang “tersembunyi di dalam lombong diri mereka yang sebenar dan terpendam” dan menyumbang kepada penciptaan satu tamadun dunia yang sejahtera secara kebendaan dan rohani, mereka haruslah menghargai kepentingan transformasi yang dinyatakan oleh Bahá'u'lláh. Sememangnya, semua manusia di mana-mana jua mengatakan tentang keperluan untuk perubahan zaman ini. Apa yang kita harus sedar ialah bahawa transformasi yang ditakdirkan untuk berlaku dalam individu dan masyarakat di bawah pengaruh Revelasi Bahá'u'lláh adalah jauh lebih hebat daripada apa yang kebanyakan orang dapat bayangkan.

Marilah kita cuba melihat sepintas lalu ke dalam kebesaran perubahan yang akan berlaku pada tahap individu dengan merenung pada beberapa petikan. Bahá'u'lláh memberitahu kita:

“Satu bangsa manusia, tiada banding sifatnya, haruslah dinaikkan sehingga, kaki ketakterikatannya, akan berjalan di bawah semua yang ada di syurga dan di bumi, dan akan menyingkirkan daripada lengan baju kesuciannya ke atas semua yang telah diciptakan daripada air dan tanah.”²⁴

Dan dalam satu petikan Baginda mengatakan:

“Katakanlah: Dia yang mengikuti keinginan duniawinya atau menetapkan hatinya kepada benda-benda di bumi, tidak akan terkira di kalangan orang-orang Bahá. Dialah pengikut setia-Ku yang, jika dia datang ke lembah emas yang tulen akan terus melalui jauh darinya seperti awan, dan tidak akan berpaling kembali, dan tidak juga berhenti. Manusia seperti ini akan-Ku jamin. Dari pakaiannya Himpunan atas dapat menghidu keharuman kesuciannya.”²⁵

Dalam satu lagi petikan, Baginda menegaskan:

“Teman-teman Tuhan, pada hari ini, adalah kumpulan yang harus menaikkan manusia dunia ini. Mereka mestilah menunjukkan kebolehpercayaan, kebenaran dan ketabahan, perbuatan dan sifat yang sebegitu rupa, supaya umat manusia dapat memperoleh manfaat daripada contoh mereka.”²⁶

Dan Baginda terus menerangkan:

“Dalam setiap nafas roh-roh ini yang murni dan disucikan, tersembunyinya keupayaan-keupayaan yang mempunyai kesan yang luas. Begitu hebatnya keupayaan-keupayaan ini sehingga ia melaksanakan pengaruhnya ke atas semua benda tercipta.”²⁷

‘Abdu'l-Bahá memberitahu kita:

“Ya engkau sahabat-sahabat Tuhan! Kerahkan usaha yang besar agar semua manusia dan penduduk di dunia, bahkan musuh-musuh, meletakkan

kepercayaan, keyakinan dan harapan mereka padamu. Jika sebarang jiwa melakukan seratus ribu kesalahan, namun dia mungkin mengharapkan pengampunan dan tidak akan menjadi putus asa mahupun bersusah hati. Inilah perlakuan dan perwatakan orang-orang Bahá. Inilah asas kepada jalan yang tertinggi! Engkau haruslah menyelaraskan perlakuan dan perwatakan-mu dengan nasihat-nasihat 'Abdu'l-Bahá.”²⁸

Keindahan sifat-sifat yang akan mencirikan manusia baru ini, seperti yang digambarkan dalam Tulisan-tulisan, adalah amat mempersonakan, dan kita akan berasa terharu dengan mendapat sekilas pandang akan kuasa-kuasa dan keupayaan-keupayaan “bangsa baru manusia”. Selepas membaca petikan-petikan ini kita mungkin mempunyai tindak balas yang berlainan. Kita mungkin cenderung untuk memikirkan bahawa standard yang ditetapkan oleh tulisan sukar dicapai dan ia adalah sia-sia untuk mengerahkan terlalu banyak usaha untuk mengamalkannya dan, sebagai hasilnya, terperangkap dalam sikap ala kadar; dalam keadaan seperti itu, kita mengizinkan diri kita untuk ditarik dalam mempercayai bahawa adalah mencukupi hanya untuk mengelakkan daripada perlakuan yang tidak patut. Akan tetapi, apabila seseorang dikurniakan dengan rasa tujuan yang kuat, petikan-petikan di atas akan menjadi sumber galakan dan dorongan seseorang untuk mencapai kemuncak yang lebih tinggi.

Namun kita juga dirahmati dengan satu lagi sumber inspirasi dalam diri 'Abdu'l-Bahá, iaitu Teladan yang paling sempurna bagi ajaran-ajaran Ayahanda-Nya. Walaupun kita sedar bahawa 'Abdu'l-Bahá bertindak dalam caranya sendiri dan tiada manusia dapat mengharapkan untuk mencapai kedudukan tinggi-Nya, tapi kita dapat lihat di dalam-Nya penjelmaan setiap prinsip-prinsip Bahá'í dan berusaha mencapai tahap perlakuan yang Beliau tunjukkan. Anda dan rakan-rakan anda yang mempelajari kursus ini akan mendapati lebih baik jika anda memilih beberapa frasa-frasa yang dinyatakan di atas dan memikirkan peristiwa-peristiwa dalam kehidupan 'Abdu'l-Bahá yang menjelmakan nilai-nilai yang dinyatakan. Contohnya, apabila kita cuba membayangkan berjalan dengan “kaki ketakterikatan”, beberapa cerita daripada kehidupan-Nya akan muncul bagi menunjukkan apa maknanya menjalani kehidupan yang takterikat daripada semua benda tercipta. Apabila kita fikirkan “keharuman kesucian”, kita tahu bahawa adalah daripada “pakaian-Nya” yang mana “Himpunan di atas” dapat menghidu kewangiannya, dan kita teringatkan cerita-cerita yang menggambarkan kesucian 'Abdu'l-Bahá.

BAHAGIAN 14

Sekarang marilah kita merenungkan proses transformasi yang mendalam yang harus berlaku pada peringkat masyarakat. Bahá'u'lláh menyatakan:

“ Demi Diri-Ku, harinya menjelang apabila Kami akan menggulungkan dunia ini dan semua yang ada dalamnya, dan menyebarkan satu Aturan baharu sebagai gantinya.”²⁹

Baginda terus memberitahu:

“Keseimbangan dunia telah diterbalikkan melalui pengaruh bergetar Aturan Dunia baru yang paling istimewa ini. Kehidupan teratur umat manusia telah direvolusikan melalui agensi Sistem yang unik, dan ajaib ini—sedemikiannya tidak pernah disaksikan oleh mata fana.”³⁰

Kemudian 'Abdu'l-Bahá mengesahkan:

“...keadilan dan kejujuran akan menyelubungi dunia; kebencian dan permusuhan akan lenyap; apa sahaja yang menjadi sebab perpecahan antara bangsa, kaum dan negara akan dihapuskan; dan yang menjamin perpaduan, keharmonian dan kedamaian akan digalakkan. Mereka yang tidak peduli akan bangkit daripada kelenaan; yang buta akan melihat; yang pekak akan mendengar; yang bisu akan bercakap; yang sakit akan disembuhkan; yang mati akan dihidupkan semula; dan peperangan akan memberi jalan kepada keamanan. Permusuhan akan berubah menjadi cinta; punca pertengkaran dan perselisihan akan dihapuskan; umat manusia akan mencapai kebahagiaan sebenar; dunia ini akan mencerminkan Kerajaan syurgawi; dan bumi di bawah akan menjadi takhta alam tinggi.”³¹

Dalam petikan yang lain Beliau menerangkan:

“Apa yang sesuai bagi keperluan manusia semasa sejarah awal bangsa manusia tidak akan dapat memenuhi mahupun memuaskan tuntutan hari ini, tempoh baharu dan penyempurnaan ini. Umat manusia harus muncul daripada keadaan dahulunya yang terhad dan tempoh latihan awal. Manusia harus sekarang dipenuhi dengan sifat dan kuasa yang baharu, standard-standard moral yang baharu, keupayaan-keupayaan yang baharu. Rahmat-rahmat baharu, kurniaan sempurna, sedang menanti dan sudah turun ke atasnya. Anugerah-anugerah dan berkat-berkat tempoh belia, walaupun tepat pada masanya dan mencukupi semasa keremajaan umat manusia, sedang kini tidak mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan bagi kematangannya.”³²

Dan Beliau memberitahu kita:

“... kita harus berusaha dengan hati dan jiwa supaya kegelapan dunia sementara ini akan dipadamkan, supaya cahaya-cahaya Kerajaan akan bersinar kepada semua ufuk, dunia kemanusiaan akan diterangi, wajah Tuhan akan ternyata pada cermin manusia, undang-undang Tuhan akan ditubuhkan dengan baiknya dan supaya semua benua di dunia akan menikmati keamanan, kesenangan dan ketenteraman di bawah perlindungan saksama Tuhan.”³³

Dalam kes individu pula, adalah sukar untuk kita membayangkan keseluruhan keindahan tamadun yang ditakdirkan untuk tercapai. Sesungguhnya, adalah amat susah untuk menggambarkan ciri-cirinya. Tapi kita tidak boleh amat terpengaruh oleh kebesaran transformasi yang diperlukan yang menyebabkan kita berfikir bahawa ia akan berlaku secara ajaib, tanpa usaha daripada pihak kita. Mata-mata kita haruslah sentiasa berpaling kepada aturan dunia Bahá'u'lláh, dan kita harus mengenal bahawa walaupun tindakan yang paling kecil pun dapat menyumbang kepada pembinaan aturan-Nya. Untuk terus merenung akan sebanyak mana perubahan akan berlaku dalam masyarakat, lengkapkan tempat-tempat kosong dalam setiap ayat di bawah, dengan menggunakan kata-kata dan frasa-frasa berikut:

lenyap, dipadamkan, memberi jalan, disebarkan,
diterangi, ditubuhkan, berubah, dihapuskan,
digulungkan, mencapai, menyelubungi, digalakkan,
menikmati, mencerminkan, bersinar

- a. Harinya menjelang apabila dunia dan semua yang ada dalamnya akan _____ .
- b. Harinya menjelang apabila satu aturan baharu akan _____ sebagai ganti kepada aturan semasa.
- c. Keadilan dan kejujuran akan _____ dunia.
- d. Kebencian dan permusuhan akan _____ .
- e. Apa sahaja yang menjadi sebab perpecahan antara bangsa, kaum, dan negara akan _____ .
- f. Apa yang menjamin perpaduan, keharmonian dan kedamaian akan _____ .
- g. Peperangan akan _____ kepada keamanan.
- h. Permusuhan akan _____ menjadi cinta.
- i. Punca pertengkaran dan perselisihan akan _____ .
- j. Umat manusia akan _____ kebahagiaan sebenar.
- k. Dunia ini akan _____ Kerajaan Syurgawi.
- l. Kegelapan dunia sementara ini akan _____ .
- m. Cahaya-cahaya Kerajaan akan _____ kepada semua ufuk.
- n. Dunia kemanusiaan akan _____ .
- o. Undang-undang Tuhan akan _____ dengan baiknya.
- p. Semua benua di dunia akan _____ keamanan, kesenangan dan ketenteraman di bawah perlindungan saksama Tuhan.

BAHAGIAN 15

Petikan-petikan dan latihan-latihan dalam dua bahagian yang terdahulu telah memberikan kita pengertian tentang transformasi mendalam yang akan berlaku pada individu dan masyarakat sebagai kesan atas Wahyu Bahá'u'lláh. Untuk berfikir tentang kebesaran perubahan yang diseru oleh Baginda, kajilah pernyataan-pernyataan yang berikut. Setiap satu menggambarkan beberapa sikap-sikap terpuji individu atau masyarakat seperti keadilan, saksama, atau belas kasihan. Tapi petikan-petikan berikutnya akan menekankan bahawa Bahá'u'lláh telah menyeru umat manusia untuk standard perlakuan individu dan kolektif yang lebih tinggi. Cuba menyatakan semula ayat-ayat supaya ia menggambarkan lebih jelas

standard-standard yang ditetapkan dalam Wahyu Bahá'u'lláh. Satu contoh diberikan bagi pernyataan yang pertama bagi membantu anda.

- a. Kita mesti mengawal perasaan cemburu kita dan tidak dipengaruhi olehnya.
 - b. Kita harus memadamkan dari hati kita sebarang tanda perasaan cemburu.
-
- a. Ia mencukupi untuk bersikap ramah-tamah terhadap semua orang yang kita temui, sama ada kawan ataupun yang tak dikenali.
 - b. _____

-
- a. Kita harus bersyukur atas kekayaan material yang telah Tuhan kurniakan kepada kita dan sentiasa menyumbang kepada kebajikan apabila diminta.
 - b. _____

-
- a. Seseorang harus berusaha supaya tidak berselisih dengan orang lain.
 - b. _____

-
- a. Mempunyai satu kehidupan yang bermoral bermakna tidak melukai sesiapa pun.
 - b. _____

-
- a. Untuk hidup dalam keamanan, kita harus bersabar dengan orang-orang dari pelbagai kebudayaan, latar belakang dan agama.
 - b. _____

-
- a. Orang ramai perlu belajar berjuang demi hak mereka sendiri.

b. _____

a. Penting untuk kerajaan mendedikasikan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencipta program-program yang paling baik untuk sekolah-sekolah bagi melatih minda-minda pemimpin-pemimpin masa depan kita.

b. _____

a. Semua penjara harus dimodenkan untuk memulihkan penjenayah.

b. _____

Sekarang renungkanlah tentang ayat-ayat yang ditulis oleh anda berasaskan perenggan-perenggan yang berikut. Yang pertama ini membantu kita memikirkan bagaimana keinginan hati kita harus disucikan:

“Wahai Putera Bumi! Sesungguhnya, ketahuilah kalbu yang mempunyai walau sedikit sahaja rasa iri hati, tidak akan pernah mencapai kedaulatan abadi-Ku, mahupun menghirup keharuman manis kesucian yang dihembuskan dari kerajaan kesucian-Ku.”³⁴

Tentang cara kita harus melayan orang lain, petikan berikut menawarkan beberapa pengertian:

“Harus sedemikian besar semangat cinta dan kasih sayangnya, sehingga orang asing pun menemukan bagi dirinya seorang teman, musuh pula seorang saudara sejati, tiada perbezaan apapun wujud antara mereka.”³⁵

Petikan ini memberi pemahaman tentang perlakuan-perlakuan murah hati:

“Wahai Anak-Anak Debu! Ceritakanlah kepada orang-orang kaya tentang keluhan-kesah mereka yang miskin, agar ketidakpedulian tidak membawa mereka ke jalan pembinasaaan, dan merampas daripada mereka Pohon Kekayaan. Memberi dan bersikap dermawan adalah sifat-sifat-Ku; beruntunglah dia yang menghiasi dirinya dengan sifat-sifat murni-Ku.”³⁶

Berkenaan cara interaksi kita dengan orang lain, kita membaca:

“Jadilah engkau penyeru cinta, dan berbaik hatilah engkau pada semua bangsa manusia. Cintailah anak-anak manusia dan berkongsi kesedihan mereka. Jadilah engkau mereka yang memajukan kedamaian. Tawarkanlah persahabatanmu,

jadilah yang dapat dipercayai. Jadilah engkau penawar bagi setiap kesakitan, jadilah engkau ubat bagi setiap penyakit. Ikatlah olehmu jiwa-jiwa menjadi satu. Lafazkanlah engkau ayat-ayat bimbingan. Libatkan diri dalam pemujaan kepada Tuhan kamu, dan bangkitlah untuk membimbing orang ke jalan kebenaran. Longgarkanlah lidahmu dan ajarlah, dan jadikan wajahmu cerah dengan api cinta Tuhan. Janganlah rehat sesaat pun, dan cubalah engkau jangan menghembus nafas istirahat. Demikianlah engkau akan menjadi satu lambang dan tanda cinta Tuhan dan panji rahmat-Nya.”³⁷

Dan kemudian kita membaca yang berikut mengenai perlakuan moral:

“Hari-hari ketika pemujaan sia-sia dianggap mencukupi telah berakhir. Waktunya sudah tiba ketika tidak apa-apa kecuali matauif yang paling murni, disokong oleh perbuatan-perbuatan murni yang tak ternoda, dapat naik ke takhta Yang Tertinggi dan diterima oleh-Nya.”³⁸

Berkenaan cara melayan orang yang berlainan latar belakang, petikan ini memberikan kita pengertian:

“Bergaullah dengan semua bangsa, kaum dan agama di dunia dengan sangat jujur, tulus, setia, baik hati, berniat baik, dan ramah-tamah, sehingga seluruh dunia kewujudan dapat dipenuhi dengan kegembiraan suci anugerah Bahá, agar kejahilan, permusuhan, kebencian dan dendam dapat lenyap dari dunia dan kegelapan kerenggangan antara semua kaum dan bangsa di dunia dapat memberi jalan ke arah Cahaya Kesatuan. Jika suku-suku dan bangsa-bangsa lain tidak setia kepada engkau, perlihatkanlah kesetiaan engkau kepada mereka, jika mereka berlaku tidak adil terhadap engkau, tunjukkanlah keadilan kepada mereka, jika mereka menjauhi engkau, tariklah mereka kepada diri engkau, jika mereka memperlihatkan permusuhan, tunjukkanlah sifat persahabatan terhadap mereka, jika mereka meracuni kehidupan engkau, senangkanlah jiwa mereka, jika mereka melukai engkau, jadilah ubat bagi luka mereka. Itulah sifat-sifat orang yang ikhlas! Itulah sifat-sifat orang yang benar.”³⁹

Petikan berikut membantu kita memahami bagaimana kesedaran akan kesatuan umat manusia mempengaruhi hubungan sosial:

“Aku harap setiap dari kamu akan bertindak adil, dan mengarahkan fikiran-fikiran kamu kepada kesatuan umat manusia; agar engkau tidak akan mencederakan tetanggamu atau bercakap buruk tentang sesiapa pun; bahawa anda akan menghormati hak semua manusia, dan mengambil berat akan keperluan-keperluan orang lain lebih daripada keperluan dirimu sendiri.”⁴⁰

Berkenaan pendidikan, petikan berikut menerangkan isu ini:

“Baha'u'llah telah mengumumkan bahawa oleh sebab kejahilan dan ketiadaan pendidikan itu merupakan penghalang-penghalang yang memisahkan di kalangan umat manusia, semua orang harus menerima latihan dan pendidikan. Melalui peruntukan ini ketiadaan pengertian yang berbalas akan diperbaiki dan kesatuan umat manusia akan dilanjutkan dan dimajukan. Pendidikan universal adalah hukum yang universal.”⁴¹

Berkenaan pentadbiran keadilan, kita membaca yang berikut:

“Tamadun ilahi, akan melatih setiap ahli masyarakat sehinggakan tiada sesiapa akan cuba melakukan jenayah, dengan pengecualian beberapa orang yang tak penting. Terdapat perbezaan yang besar antara menghalang jenayah melalui cara-cara keganasan dan pemberontakan, dan kemudian melatih manusia, dan menyedarkan mereka, dan merohanikan mereka, supaya tanpa takut akan hukuman atau pembalasan dendam, mereka akan menolak segala tindakan jenayah. Mereka akan, sesungguhnya, melihat setiap tindakan jenayah sebagai suatu tindakan yang amat memalukan dan ia sendirinya akan menjadi hukuman yang paling berat.”⁴²

Setelah merenungkan petikan-petikan di atas, anda mungkin ingin melihat balik pernyataan-pernyataan yang telah anda tulis dan pertimbangkan bagaimana anda dapat mengembangkan ideanya.

BAHAGIAN 16

Kita telah berbincang tentang tujuan kembar yang mendorong individu untuk mengambil tanggungjawab ke atas pertumbuhan rohani dan intelek mereka sendiri dan menyumbang kepada kebajikan masyarakat. Kita juga telah melihat bagaimana rasa tujuan ini, begitu penting bagi remaja kini, diperkuatkan melalui suatu pemahaman mengenai sifat semula jadi dan kebesaran transformasinya dalam individu dan masyarakat seperti yang divisikan dalam tulisan suci. Apa yang perlu kita sedari juga ialah bahawa kedua-dua proses perubahan ini saling melengkapi. Perkembangan patauensi seseorang dan sumbangannya kepada kebajikan masyarakat tidak boleh dipisahkan daripada satu sama lain, kerana standard moral seseorang itu dan perlakuannya membentuk persekitarannya, dan pada masa yang sama, amat terkesan olehnya. Satu surat yang dituliskan bagi pihak Wali menyatakan:

“Kita tidak boleh memisahkan kalbu manusia daripada persekitaran di luar kita dan katakan bahawa setelah salah satu daripadanya direformasi perkara yang lain akan diperbaiki. Manusia adalah organik dengan dunia ini. Kehidupan batinnya membentuk persekitaran dan secara sendirinya juga amat dipengaruhi olehnya. Yang satu bertindak kepada yang lain dan setiap perubahan yang berkekalan dalam kehidupan manusia adalah hasil daripada tindak balas bersama ini.”⁴³

Berasaskan petikan di atas, tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut benar:

- _____ Individu akan berubah hanya apabila struktur-struktur masyarakat berubah sepenuhnya.
- _____ Penyakit-penyakit masyarakat akan hilang sepenuhnya hanya apabila ahli-ahli individunya menjadi rohani.
- _____ Apabila undang-undang yang adil ditetapkan, masyarakat akan dibebaskan daripada penganiayaan, tidak kira bagaimana individu-individu akan berkelakuan.

- _____ Masyarakat akan dibebaskan daripada penganiayaan apabila setiap individu berusaha untuk bertindak adil.
- _____ Semua ahli-ahli di masyarakat boleh bertindak adil walaupun sistem yang beroperasi di dalam masyarakatnya tidak adil.
- _____ Tingkah laku seorang individu mempengaruhi persekitaran sosial.
- _____ Sesuatu masyarakat yang adil akan menjadi hasil daripada usaha- usaha untuk menciptakan struktur-struktur yang adil dan mendidik individu-individu untuk menjadi saksama dan mencari kebenaran.
- _____ Sesiapapun tidak boleh melarikan diri daripada kesan-kesan persekitaran sosial.
- _____ Manusia, bila dibantu oleh kuasa-kuasa rohani, boleh menahan kesan-kesan negatif persekitaran sosial.
- _____ Prasangka akan hilang apabila semua orang mengiktirafkan kesatuan umat manusia.
- _____ Prasangka akan hilang hanya apabila masyarakat menghapuskan setiap kesan-kesan diskriminasi dalam hukum-hukumnya serta kesemua institusi-institusinya.
- _____ Setiap jenis prasangka boleh dihapuskan melalui penetapan undang- undang yang adil dan melatih insan-insan untuk menyiasat kebenaran dan bergaul bersama semua orang dengan kasih sayang dan persahabatan.
- _____ Apabila semua orang mempercayai bahawa umat manusia adalah satu, kita akan mencapai kesatuan.
- _____ Penubuhan kesatuan dalam dunia memerlukan transformasi pada individu dan pada struktur masyarakat.

BAHAGIAN 17

Idea-idea yang dinyatakan dalam bahagian yang lepas membawa kita kembali kepada persoalan khidmat, kerana adalah dalam lapangan khidmat kita dapat memperkembangkan patauensi-patauensi kita dan mempengaruhi perubahan dalam masyarakat. Bahawa penglibatan dalam proses transformasi sosial sememangnya memerlukan suatu kehidupan yang didedikasikan kepada khidmat, hanya perlu diperjelaskan sedikit. Namun, apa yang memerlukan pertimbangan yang lebih berat adalah hubungan antara khidmat dan pertumbuhan intelek dan rohani seseorang individu. Berikut ialah satu senarai aktiviti. Banyak sifat rohani diperlukan bersama untuk melaksanakan setiap aktiviti tersebut dan memastikan keberkesanannya. Untuk tujuan latihan ini secara khususnya, pilih satu atau dua sifat yang kelihatan sesuai untuk setiap aktiviti dan cuba untuk menghuraikan bagaimana mereka menyumbang kepada keupayaan individu untuk melaksanakannya.

- a. Mengadakan satu perjumpaan doa yang kerap di satu kejiranan atau kampung: _

- b. Menyertai satu program mampan bagi lawatan ke rumah sahabat dan jiran tetangga agar dapat membincangkan tema-tema rohani yang diperolehi daripada ajaran-ajaran Akidah dan memperkukuhkan ikatan persahabatan: _____

- c. Mengadakan kelas kanak-kanak yang kerap bagi pendidikan rohani kanak-kanak di kampung atau kejiranan: _____

- d. Memberikan bantuan kepada usaha-usaha sebuah kumpulan belia muda, untuk satu jangka yang panjang, seiring dengan seorang animator yang sedang membimbing aktiviti-aktivitinya: _____

- e. Membuat lawatan yang kerap kepada ibu bapa orang muda dalam program pendidikan yang dianjurkan oleh institut dan melibatkan mereka dalam perbualan tentang tema-tema yang berpusat kepada pembangunan anak-anak mereka: ____

Latihan di atas telah membantu kita untuk berfikir bagaimana sifat-sifat rohani dan sikap-sikap menyumbang kepada keupayaan seseorang individu untuk menjalankan perbuatan-perbuatan khidmat. Tetapi adalah benar juga bahawa, semasa berkhidmat, seseorang dapat membangunkan dan mengukuhkan sifat-sifat tersebut. Berikut adalah beberapa sifat-sifat rohani yang kita sedang berusaha untuk miliki. Bagi setiap kumpulan, pilih salah satu aktiviti dari atas dan huraikan bagaimana anda rasa ia dapat menyumbang kepada pembangunan sifat-sifat pada diri mereka yang melakukannya.

- a. Kebenaran, kebolehpercayaan, dan keadilan: _____

- b. Kesabaran dan kebaikan hati: _____

- c. Kesucian, keikhlasan, dan keceriaan: _____

- d. Keberanian, kepercayaan kepada Tuhan, dan kerendahan hati: _____

- e. Keredaan dan berserah kepada Kehendak Tuhan: _____

BAHAGIAN 18

Khidmat amatlah terhubung dengan keadaan kewujudan kita. Apabila kita digerakkan oleh suatu semangat khidmat yang tak mementingkan diri, setiap interaksi yang kita adakan, setiap tindakan yang kita ambil — dalam kehidupan profesional kita, dalam cara kita berurusan dengan orang lain, sebagai ahli-ahli komuniti kita—akan dipengaruhi olehnya. Akan tetapi, tak kira apa jua khidmat yang kita berikan, kita sentiasa sedar akan pernyataan bahawa terdapat satu rancangan yang teratur bagi penyebaran mesej Bahá'u'lláh kepada semua orang di dunia, satu mesej yang mengumumkan kesatuan umat manusia, menyeru penyatuannya, dan memberikan hukum-hukum dan prinsip-prinsip, ajaran-ajaran rohani dan sosial, yang secara sendirinya dapat menubuhkan satu corak bagi masyarakat masa depan begitu berlainan daripada yang pernah disaksikan pada masa lalu. Dilukiskan oleh 'Abdu'l-Bahá Sendiri, rancangan ini bertujuan tidak lain daripada pemulihan kerohanian dunia ini, dan semasa ia dibentangkan secara berterusan dalam tahap-tahap tersendiri, dan semakin ramai orang terlibat dalam perlaksanaannya, “satu alternatif yang dapat dilihat kepada persengketaan masyarakat sedang muncul.” Untuknya — iaitu Rancangan Ilahi — harus kita dedikasikan diri kita. Wali menggelarkannya sebagai “Rancangan paling berkuasa yang dijanakan melalui kuasa kreatif Nama Teragung”. Beliau memberitahu kita, ia sedang “mara ke hadapan, ”

“mengumpulkan momentum setiap hari yang berlalu, mengoyakkan penghalang-penghalang dalam semua iklim dan kalangan orang-orang dan bangsa-bangsa yang berlainan, memperluaskan dengan tak terhalang skop operasi kemurahan hatinya, dan membongkarkan tanda-tanda kekuatan dalamannya semasa ia mara ke arah penaklukan rohani seluruh planet.”⁴⁴

Melalui Rancangan Ilahi, semangat Revelasi Bahá'u'lláh akan disemai ke dalam semua pelusuk dunia, membawa transformasi kepada kehidupan individu dan kolektif. Shoghi Effendi telah mengesahkan, selanjutnya, bahawa

“tahap terakhir dan teragung dalam evolusi Rancangan yang dibentuk oleh Tuhan Sendiri bagi umat manusia akan, terbukti sebagai tanda kelahiran tamadun dunia, dengan keluasannya yang tak dapat dibandingkan, dengan sifat dan patauensinya, dalam sejarah umat manusia –satu tamadun yang generasi depan akan, dengan satu suara, menyanjungnya sebagai buah yang terbaik dalam Zaman Keemasan Dispensasi Bahá'u'lláh . . .”⁴⁵

Setiap peringkat dalam pembukaan Rancangan Ilahi ditandakan dengan salah satu Rancangan global yang dilancarkan oleh Ketua Akidah. Setiap Rancangan mempunyai syarat-syarat tertentu, dan berkembang pada pencapaian-pencapaian Rancangan-rancangan yang berturutan, “pelbagai prinsip, konsep dan strategi yang mempunyai perkaitan universal” kepada daya usaha yang kita libatkan diri ini telah terbentuk menjadi “satu kerangka tindakan”. Inilah kerangka yang membentuk tindakan kolektif kita dan memastikan kita konsisten dengan apa yang kita lakukan. Anda akan mempunyai peluang untuk menerokai sifat kerangka yang berkembang ini dalam kursus-kursus yang akan datang. Buat masa ini, adalah penting untuk menyedari bahawa kewujudannya menjadikan ia mungkin bagi “satu nukleus individu yang semakin berkembang” pada tahap tempatan untuk menjana pergerakan satu populasi “ke arah matlamat satu Aturan Dunia baharu”. Dengan ini, satu utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia kepada peserta-peserta dalam satu siri persidangan belia yang telah dianjurkan di seluruh dunia pada tahun 2013 menjelaskan:

“Selepas beberapa dekad, usaha-usaha yang mencakupi dunia oleh komuniti yang tersebar luas ini untuk memperolehi pemahaman yang lebih mencukupi tentang Revelasi Bahá'u'lláh dan mengaplikasikan prinsip-prinsip yang terkandung dalamnya telah membawa kepada kemunculan satu rangka kerja untuk tindakan yang berkuasa, yang diperhaluskan melalui pengalaman. Anda bernasib baik untuk membiasakan diri dengan kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan yang kini begitu mantap. Melalui ketabahan dalam pelaksanaannya, ramai daripada anda sudah pun melihat secara sendiri tanda-tanda kuasa pembangunan-masyarakat dalam ajaran-ajaran ilahi. Di persidangan yang anda hadiri, anda dijemput untuk mempertimbangkan sumbangan yang boleh dibuat oleh mana-mana orang muda yang berhasrat untuk menyahut seruan-seruan Bahá'u'lláh dan membantu untuk melepaskan kuasa tersebut.”⁴⁶

Dan utusan yang sama menerangkan dengan lebih lanjut:

“Kemungkinan yang dibentangkan oleh tindakan kolektif adalah paling jelas dalam kerja-kerja pembangunan masyarakat, satu proses yang semakin mencapai momentum dalam banyak kluster dan di kawasan-kawasan kejiranan dan kampung-kampung di seluruh dunia yang telah menjadi pusat-pusat aktiviti yang padat. Belia sering berada di barisan hadapan kerja-kerja dalam persekitaran ini—bukan sahaja belia Bahá'í, tetapi mereka yang sepemikiran yang dapat melihat kesan positif daripada apa yang ahli-ahli Bahá'í telah mulakan dan memahami visi asas kesatuan dan transformasi rohani. Di tempat-tempat sebegini, keperluan untuk berkongsi Revelasi Bahá'u'lláh dengan jiwa-jiwa yang reseptif dan menerokai implikasi-implikasi mesej-Nya bagi dunia hari

ini dirasakan dengan penuh minat. Ketika kebanyakan masyarakat mengalu-alukan sikap pasif dan sikap tidak peduli, atau lebih teruk lagi, menggalakkan tingkah laku yang berbahaya kepada diri sendiri dan orang lain, satu perbezaan yang ketara ditawarkan oleh orang-orang yang meningkatkan keupayaan penduduk untuk memupuk dan mengekalkan corak kehidupan masyarakat yang diperkayakan secara rohani.”⁴⁷

Dan dengan kata-kata ini, Balai Keadilan Sedunia di dalam satu lagi utusan, menaikkan pandangan belia Bahá’í dan orang yang ingin menyertai mereka dalam mencapai kemuncak satu kehidupan khidmat:

“Kepada setiap generasi penganut-penganut muda akan tibanya peluang untuk menyumbang kepada nasib umat manusia, unik dalam hayat hidup mereka. Bagi generasi sekarang, masanya sudah tiba untuk merenung, untuk berkomit, untuk mengukuhkan diri bagi satu kehidupan khidmat, darinya akan mengalir berkat yang berlimpah-limpah. Dalam doa-doa kami di Ambang Suci, kami memohon Keindahan Purba agar, daripada kalangan umat manusia yang terganggu dan celaru, Baginda akan menyuling jiwa-jiwa tulen yang dikurniai pandangan jelas: belia yang integriti dan kejujuran mereka tidak terjejas dengan tumpuan terhadap kesilapan-kesilapan orang lain dan yang tidak dilumpuhkan oleh mana-mana kelemahan diri mereka sendiri; belia yang akan memandang kepada Master dan akan “membawa orang yang telah disingkirkan memasuki lingkungan sahabat yang intim”; belia yang kesedarannya tentang kegagalan masyarakat mendorong mereka untuk bekerja bagi transformasinya, tidak memencilkan diri daripadanya; belia yang, apa jua pengorbanannya, akan menjauhkan diri daripada ketidakadilan dalam pelbagai jelmaannya lalu akan berusaha, sebaliknya, agar “sinar keadilan dapat mencurahkan keseriannya ke atas seluruh dunia.”⁴⁸

Petikan-petikan di atas menunjukkan tanpa keraguan dalam minda anda tentang keperluan bagi orang-orang muda untuk bergerak ke barisan hadapan mereka yang sedang berkhidmat kepada Rancangan Ilahi. Untuk mengakhiri bahagian ini, adalah bermanfaat bagi anda untuk merenungkan utusan berikut yang telah dituliskan oleh Balai Keadilan Sedunia kepada satu siri perjumpaan belia yang telah diadakan pada tahun 2000 di rantau Latin Amerika:

“Semasa generasi belia kini memegang tanggungjawab-tanggungjawab menyelaras hal ehwal masyarakat, mereka akan menghadapi satu bidang perbezaan yang membingungkan. Pada satu bahagian, negara itu dapat berdiri megah bagi pencapaian-pencapaian tingginya dalam bidang- bidang intelek, teknologi, dan ekonomi. Pada bahagian yang lain pula, ia telah gagal mengurangkan kemiskinan yang meluas atau menghalang peningkatan lautan keganasan yang telah mengancam untuk menjatuhkan orang-orangnya. Soalan ini harus ditanya secara jelas—mengapakah masyarakat ini telah menjadi tidak berdaya, betapa tinggi kekayaannya, untuk menyingkirkan ketidakadilan yang sedang mengoyakkan perwatakannya?

“Jawapan kepada soalan ini, seperti terbukti jelas oleh sejarah perbalahan yang berdekad-dekad, tidak dapat dicari dalam keghairahan politik, pernyataan kepentingan kelas yang bercanggah, ataupun resipi teknologi. Apa yang

diperlukan ialah kebangkitan rohani, sebagai prasyarat bagi aplikasi faktor-faktor politik, ekonomi dan teknologi dengan jayanya. Tetapi ia memerlukan suatu pemangkin. Yakinlah bahawa, walaupun jumlah anda sedikit, anda adalah saluran yang mana pemangkin ini dapat diberikan.”⁴⁹

1. Utusan terakhir ini menanyakan bagaimana satu masyarakat dengan kekayaan intelek, teknologi, dan ekonomi yang sebegitu, telah menjadi tidak berdaya untuk menyingkirkan ketidakadilan yang sedang mengoyakkan perwatakannya, menunjukkan bahawa jawapannya tidak dapat dicari dalam keghairahan politik, ekspresi-ekspresi kepentingan kelas yang bercanggah, ataupun resipi-resipi teknikal. Fikirkanlah masyarakat di mana anda tinggal dan berikan satu contoh bagi setiap yang berikut:

a. Satu keghairahan politik yang mencirikan masyarakat: _____

b. Beberapa ekspresi-ekspresi kepentingan kelas yang bercanggah di dalam masyarakat: _____

c. Satu resipi teknikal yang masyarakat sedang amalkan: _____

2. Menurut Balai Keadilan Sedunia, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi kejayaan pengaplikasian instrumen-instrumen politik, ekonomi, dan teknologi dalam usaha membanteras penyakit-penyakit masyarakat? _____

3. Apakah yang diberitahu oleh Balai Keadilan Sedunia sebagai keperluan untuk membawa kepada satu pembangkitan kerohanian di dalam masyarakat? _____

4. Menurut Balai Keadilan Sedunia, siapakah yang menjadi saluran di mana melaluinya mesej Bahá'u'lláh kepada umat manusia dapat diberikan? _____

Sekarang, dengan memikirkan perkara di atas, bincangkan dengan rakan-rakan anda yang sedang mempelajari kursus ini tentang bagaimana penglibatan dalam pelaksanaan Rancangan Ilahi membolehkan orang-orang muda untuk bertindak sebagai saluran kepada pembangkitan kerohanian masyarakat.

BAHAGIAN 19

Tidak dapat dinafikan lagi dalam perbincangan terakhir bahagian lepas telah menyebabkan anda untuk berfikir lanjut tentang kepentingan peranan yang perlu dimainkan oleh orang muda dalam kemajuan ke hadapan Akidah. Di dalam petikan yang berikut daripada buku *Tuhan Berlalu*, Shoghi Effendi mempersembahkan satu gambaran tentang perwira-perwira awal Akidah, yang perlakuan-perlakuan keperwiraan mereka akan mengilhamkan umat manusia di sepanjang zaman-zaman akan datang. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka adalah pemuda-pemudi, ia adalah wajar untuk merenungkan perkataan-perkataan yang digunakan oleh Wali untuk menghuraikan sifat-sifat cemerlang mereka. Sebelum melakukannya, anda akan mendapati bermanfaat untuk membaca glosari yang berikut:

Umpama meteor:	satu haluan cemerlang yang muncul di langit dan beredar dengan cepat
Melintangi:	beredar menyeberangi
Suram:	gelap dan muram
Satelit:	suatu cakera langit yang melingkari cakera yang lebih besar
Galaksi:	sekelompok bintang yang besar
Menyinari:	mencurahkan cahaya
Cahaya pijar:	yang berkobar dengan haba yang kuat, dengan sungguh cemerlang
Nasen:	Baru sahaja diwujudkan
Pertarungan:	perjuangan untuk berjaya
Pelopor-pelopor:	perintis
Penipuan:	rencana rahsia
Keburukan:	rasuah, sesuatu kelakuan yang tidak baik
Meluas:	umum, sangat besar
Kesalihan:	kesanjungan kepada Tuhan dan ketaatan kepada agama
Keghairahan:	perasaan yang mendalam
Surai singa:	seperti singa
Pengorbanan:	sikap penolakan diri
Ketabahan:	azam yang kuat
Bagaikan batu granit:	keteguhan dan ketahanan yang kuat
Menakjubkan:	kekuasaan yang menarik
Penghormatan:	kehormatan dan mengagumi
Menggelisahkan:	kurang menyenangkan

Wali menulis:

“Kita saksikan, apabila kita meneliti adegan-adegan tindakan pertama suatu drama yang luhur ini, gambaran Perwira Utamanya, Báb, yang terbit umpama meteor di atas ufuk Shíráz, melintangi langit Parsi yang suram dari selatan hingga ke utara, menurun dengan kelajuan yang tragik, dan dimusnahkan dalam kilauan keagungan. Kita saksikan satelit-satelit-Nya, satu galaksi perwira-perwira yang mabuk Tuhan, yang naik ke atas ufuk yang sama, menyinari cahaya pijar yang sama, membakar diri hingga habis dengan kelajuan yang sama, dan menyampaikan bagi pihak diri mereka suatu kuasa pendorong kepada momentum Akidah muda Tuhan yang meningkat secara perlahan-lahan. . . .

“Perwira-perwira yang jasa-jasa mereka bersinar pada catatan pertarungan rohani yang ganas ini yang telah melibatkan pihak rakyat, paderi, raja dan kerajaan, merupakan pengikut-pengikut terpilih Bab, iaitu Huruf-Huruf Hidup, dan sahabat-sahabat mereka, yang merupakan pelopor-pelopor Hari Baharu, yang telah menentang penipuan, kejahilan, keburukan, kekejaman, tahayul dan pengecutan yang terlampau dengan suatu semangat keluhuran yang tinggi, tak terpadam serta membangkitkan rasa hormat, dengan ilmu yang sangat mendalam, dengan kefasihan yang meluas dalam kuasanya, dengan kesalihan yang tak tertanding dalam keghairahannya, dengan keberanian yang seperti surai singa dalam kegarangannya, dengan pengorbanan diri yang salih dalam kesuciannya, dengan keazaman bagaikan batu granit dalam keteguhannya, dengan visi yang menakjubkan dalam keluasannya, dengan penghormatan kepada Nabi dan Imám-Imám-Nya yang menggelisahkan musuh-musuh mereka, dengan kuasa keyakinan yang menakutkan penentang- penentang mereka, dengan standard keimanan serta tatatertib tingkah laku yang telah mencabar dan mengubah seluruh kehidupan rakyat senegeri.”⁵⁰

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:

- a. Huruf-huruf Hidup serta sahabat-sahabat mereka terlibat dalam pertarungan _____.
- b. Pertarungan ini telah melibatkan pihak _____, _____, _____ dan _____.
- c. Perwira-perwira awal Akidah telah menentang penipuan, kejahilan, keburukan, kekejaman, tahayul dan pengecutan yang terlampau dengan
 - suatu semangat _____, _____
serta _____
 - ilmu _____,
 - kefasihan _____,
 - kesalihan _____,

- keberanian _____ ,
- pengorbanan diri _____ ,
- keazaman _____ ,
- visi yang _____ ,
- penghormatan kepada Nabi dan Imám-Imám-Nya yang _____ ,
- kuasa keyakinan yang _____ ,
- standard keimanan serta tatatertib tingkah laku yang _____ dan _____ .

2. Bagi tujuan apakah perwira-perwira awal Akidah telah menyertai pertarungan rohani yang dihuraikan oleh Wali di dalam petikan di atas? _____

3. Adakah belia-belia pada zaman kini yang sedang terlibat dalam pelaksanaan Rancangan Ilahi, menjadi seperti pendahulu-pendahulu mereka, terlibat dalam pertarungan rohani? _____
4. Bagaimanakah pertarungan mereka menyerupai pertarungan perwira-perwira zaman permulaan Akidah? _____

5. Bagaimanakah belia-belia hari ini dapat memastikan bahawa, seperti saudara- saudari mereka pada zaman keperwiraan, mereka juga dapat berjaya dalam pertarungan rohani yang sedang mereka terlibat pada masa ini? _____

Sebelum bergerak ke bahagian yang seterusnya, anda mungkin ingin merenung pada petikan yang berikut daripada satu utusan yang ditulis oleh Balai Keadilan Sedunia:

“Apabila tokoh mulia Báb, berusia dua puluh lima tahun, telah bangkit untuk menyampaikan mesej-Nya yang merevolusikan kepada dunia, ramai dalam

kalangan mereka yang menerima dan menyebarkan ajaran-Nya masih muda, lebih muda daripada Báb Sendiri. Keperwiraan mereka, yang diabadikan dalam segala kekuatan yang menakjubkan dalam buku *“Pemecah-pemecah Fajar”* akan menerangi catatan sejarah manusia sepanjang abad-abad yang akan datang. Demikianlah bermulanya corak darinya setiap generasi muda, dengan menarik inspirasi daripada dorongan ilahi yang sama untuk mengubah dunia sekali lagi, telah merampas peluang untuk menyumbang kepada peringkat terbaru dalam proses yang berkembang yang akan mengubah kehidupan manusia. Ia adalah satu corak yang tidak pernah mengalami gangguan dari zaman Báb hingga saat ini.”⁵¹

BAHAGIAN 20

Melalui kitaran-kitaran krisis dan kejayaan yang berturut-turut, belia-belie setiap generasi telah menjejak jalan yang telah dipelopori oleh pemecah-pemecah fajar dan telah tetap di barisan hadapan dalam aktiviti Bahá’í, sambil berjuang untuk membawa utusan Bahá’u’lláh kepada umat manusia. Balai Keadilan Sedunia telah menulis:

“Daripada peringkat awal Era Bahá’í, belia-belie telah memainkan peranan yang penting dalam usaha mengisytiharkan Revelasi Tuhan. Bab Sendiri hanya berumur dua puluh lima tahun ketika Baginda mengumumkan Utusan-Nya, sementara ramai daripada Huruf-Huruf Hidup berusia lebih muda lagi. ‘Abdu’l-Bahá, ketika seorang pemuda lagi, telah diseru menanggung tugas-tugas yang sukar demi mengabdikan kepada Ayah-Nya di Iraq dan Turki; dan adik lelaki-Nya, Dahan Maha Suci, telah menyerahkan nyawanya kepada Tuhan di dalam Penjara Yang Maha Agung ketika berumur dua puluh dua tahun semoga hamba-hamba Tuhan akan “dihidupkan semula dan segala yang menghuni di atas bumi akan bersatu.” Shoghi Effendi masih seorang pelajar di Oxford apabila dinamakan kepada takhta Kewalian-Nya, dan ramai daripada Satria-Satria Bahá’u’lláh, yang telah mencapai kemasyhuran yang abadi semasa Perjuangan Sepuluh Tahun, juga merupakan orang-orang muda.”⁵²

Di dalam sebuah mesej yang ditulis pada tahun 1984, Balai Keadilan Sedunia memberi penghormatan kepada perwira-perwira baru-baru ini:

“Bayangkan, umpamanya, peristiwa-peristiwa di Shiraz pada musim panas yang lalu sehubungan enam gadis muda, yang berumur antara 18 hingga 25 tahun, apabila kehidupan mereka telah dipadamkan tiba-tiba oleh tali jerat tukang gantung. Semua telah menghadapi usaha-usaha paksaan supaya meninggalkan Kepercayaan mereka; semua dari mereka telah enggan menafikan Kekasih mereka. Lihatlah kepada cerita-cerita ketabahan hati yang menakjubkan yang dilakukan berulang kali oleh kanak-kanak dan belia yang telah dipaksakan kepada pemeriksaan dan perlakuan kejam oleh guru-guru dan para mullah dan telah digantung daripada persekolahan kerana mempertahankan kepercayaan-kepercayaan mereka. Tambahan pula, adalah wajar untuk perhatikan bahawa dengan sekatan-sekatan yang telah dipaksakan secara kejam di atas komuniti mereka, belia-belie telah menyumbangkan khidmat yang gemilang, dengan menyerahkan daya tenaga mereka untuk digunakan oleh

institusi-institusi Bahá'í di seluruh negara. Tiada sebarang ucapan yang gemilang yang boleh menandakan dengan secukupnya kebaktian rohani dan kesetiaan mereka lebih daripada perbuatan-perbuatan yang tidak mementingkan diri dan penuh bakti ini. Tidak ada tempat lain di bumi dapat memberikan pembayaran yang sebegitu tinggi bagi keimanan yang diperlukan dari orang-orang Bahá'í. Mahupun pembawa-pembawa cawan pengorbanan yang lebih rela, yang lebih riang selain belia-belie Bahá'í Iran yang gagah dapat ditemui. Oleh itu, mungkinkah ia tidak munasabah untuk mengharapkan bahawa anda, belia-belie dan dewasa muda yang hidup pada masa yang begitu luar biasa, yang sedang menyaksikan contoh-contoh perlakuan keperwiraan rakan-rakan anda di negara Iran, yang mempunyai kebebasan pergerakan, akan bersegera, “tak terhalang umpama angin” ke dalam lapangan tindakan Bahá'í?”⁵³

Peluang-peluang untuk merenung tentang peristiwa-peristiwa istimewa di dalam kehidupan jiwa-jiwa keperwiraan di seluruh dunia akan memberikan setiap generasi belia dengan misi penuh keazaman. Pertalian yang erat akan diwujudkan dengan tokoh-tokoh yang cemerlang ini daripada masa kanak-kanak melalui cerita-cerita yang dipersembahkan di dalam kelas kanak-kanak dan di rumah, tetapi satu usaha yang lebih giat lagi diperlukan untuk mengutarakan keperluan ini antara umur dua belas dan lima belas dan, tentu sekali, di sepanjang usia belia. Contoh-contoh cerita yang dipilih dengan cermat, beberapa yang dramatik serta lain yang kurang dramatik, dapat menunjukkan sifat-sifat keberanian, keazaman, tekad dan khidmat tidak mementingkan diri yang mana belia-belie harus berusaha untuk perolehi.

1. Pilihlah sama ada daripada sejarah awal Akidah atau daripada yang baru-baru ini beberapa adegan yang anda rasa harus direnungkan oleh para belia: _____

2. Nyatakan sebab anda memilih adegan-adegan tersebut: _____

BAHAGIAN 21

Walaupun daripada kumpulan kecil petikan-petikan di atas, adalah mungkin untuk melihat bahawa kehidupan pejuang-pejuang Akidah dan jiwa-jiwa perwira yang mengikuti mereka telah dibezakan oleh satu rasa tujuan. Adalah jelas bahawa setiap daripada mereka memperoleh satu pemahaman tentang kepentingan saat-saat bersejarah pada masa kehidupan mereka, dan juga visi akan kebesaran perubahan yang mana umat manusia diseru untuk lakukan. Adalah jelas juga bahawa rasa tujuan ini dapat diekspresikan dalam satu kehidupan yang diabdikan bagi penyebaran utusan Ilahi. Akan tetapi, semasa kita merenungkan perlakuan-

perlakuan kewiraan yang mereka tonjolkan, dan pengorbanan tinggi yang ramai telah lakukan, kita tidak dapat percaya bahawa hanya sifat-sifat ini sahaja yang membezakan umat-umat suci ini. Apakah yang mencirikan kehidupan mereka? Apakah keghairahan yang dimiliki mereka, dan apakah yang mendorong mereka kepada khidmat tak mementingkan diri yang begitu tinggi? Bukankah ia kerana cinta kepada Tuhan yang membakar kuat di dalam hati mereka? Bukankah mereka dimabukkan oleh keindahan Kekasih mereka? Bolehkah kita menyumbang kepada empowermen rohani generasi belia seterusnya jika kita tidak menanam dalam diri mereka satu tarikan kepada keindahan, jika kita tidak memupuk keinginan semulajadi mereka untuk minum dari air ilmu pengetahuan sebenar yang mengalir dengan perlahan, jika kita tidak membantu mereka untuk memperkembangkan hubungan intim dengan Pencipta mereka? Marilah kita mengakhiri kursus ini dengan merenung pada kalimat-kalimat berikut:

“Dan apabila seseorang penganut sebenar dan rakan yang setia mencapai kehadiran Kekasihnya, sinar keindahan Yang Dikasihi dan api hati kekasih akan menyemarakkan satu semarak api dan membakar semua tabir-tabir dan kesibukkan-kesibukkan. Ya, semua yang dimiliki dari hati ke kulitnya, akan dibakarkan, supaya tidak ada apa yang akan tinggal melainkan Rakannya.”⁵⁴

“Wahai Para Sahabat! Janganlah meninggalkan keindahan yang abadi demi suatu keindahan yang harus mati, dan janganlah menaruh cinta pada dunia debu yang fana ini.”⁵⁵

“Ketahuilah bahawa dia yang amat terpelajar adalah dia yang mengiktirafkan Wahyu-Ku, dan meminum daripada Lautan Ilmu-Ku, dan terbang di dalam atmosfera kasih-Ku, dan menyingkirkan semua kecuali Daku, dan memegang erat pada ia yang telah diturunkan dari Kerajaan ucapan unggul-Ku. Dia, sesungguhnya, adalah mata kepada umat manusia, dan roh kehidupan bagi badan seluruh ciptaan. Terpujilah Yang Maha Belas Kasihan yang telah menyinarinya, dan menyebabkannya untuk bangkit dan berkhidmat kepada Akidahnya yang teragung dan berkuasa. Sesungguhnya, orang sebegitu akan dirahmati oleh Angkatan di atas, dan oleh mereka yang menetap di Singgahsana Keindahan, yang telah meminum Wain tersembunyi-Ku dalam Nama-Ku, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Kuat.”⁵⁶

“Wahai Angkatan Tuhan! Jika engkau perhatikan satu jiwa yang memalingkan seluruh wajahnya kepada Akidah Tuhan, niatnya dipusatkan kepada penyerapan Kalimat Tuhan, berkhidmat kepada Akidah siang dan malam dengan penuh kesetiaan, tiada bau sifat mementingkan diri akan dihirup dalam tingkah laku dan perlakuannya, dan tiada kesan keakuan atau prasangka dapat dilihat dalam keperibadiannya—kerana dia seorang kelana dalam hutan cinta Tuhan, dan yang dimabukkan oleh wain ilmu Tuhan, memenuhi seluruh masanya dengan penyebaran keharuman Tuhan, dan tertarik kepada tanda-tanda Kerajaan Tuhan; ketahuilah engkau dengan kepastian bahawa dia telah disahkan dengan kuasa Kerajaan, dibantu oleh syurga Kekuasaan; dan dia akan bersinar, bercahaya, dan berkilau seperti bintang pagi dengan kekilauan yang penuh dan kemegahan dari ufuk kurnia abadi. Jika dia dijejaskan walau sedikit kesan keghairahan, keinginan, kebongkakan, atau keakuan, adalah pasti bahawa hasil segala usaha-usaha akan membuktikan tak berbuah, dan dia akan menjadi serba kekurangan dan berputus asa.”⁵⁷

“Sesungguhnya ketahuilah engkau, tangan Pembekal ilahi telah menarikmu ke Singgahsana Kerajaan, dan khabar gembira ilahi telah menyebabkan keriang dan kegembiraan yang begitu besar dalam dirimu, sehingga engkau telah melepaskan penutup dan membuka tabir daripada Wajah Keindahan Ilahi, melihat Muka Cemerlang melalui pandanganmu, dan menjadis edar akan misteri-misteri kemurnian dan kesucian dalam Kepercayaan yang ilahi ini!

“Kini, dengan hati yang berlimpah dengan cinta kepada Tuhan, rayulah kepada Tuhan dengan penuh keriang, dan bersyukur kepada Tuhan untuk bimbingan ini dan kurnia tertinggi ini. Dan ketahuilah, sesungguhnya, barisan hadapan kurnia-kurnia Tuhan akan menimpa padamu dari semua arah apabila kakimu menjadi teguh di Jalan ini.”⁵⁸

“Ya Tuhanku! Ya Tuhanku! Ini hamba-Mu, telah maju ke arah-Mu, mengembara dengan penuh semangat dalam gurun cinta-Mu, melangkah di jalan pengabdian kepada-Mu, menantikan anugerah-Mu, mengharapkan kemurahan-Mu, bergantung kepada kerajaan-Mu, dan dimabukkan oleh wain anugerah-Mu. Ya Tuhanku! Tingkatkanlah semangat kasih sayangnya kepada-Mu, keteguhan pujiannya kepada-Mu, dan kegembiraan cintanya kepada-Mu.

“Sesungguhnya, Engkau adalah Yang Maha Dermawan, Tuhan rahmat yang tak terhingga. Tiada Tuhan lain kecuali Engkau, Yang Pemaaf, Yang Berbelas Kasihan.”⁵⁹

REFERENCES

1. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers and Tablets for the Young* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1978), no. 38, p. 30.
2. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers: A Selection of Prayers Revealed by Bahá’u’lláh, the Báb, and ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2002, 2017 printing), pp. 246–47.
3. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 2010, 2015 printing), no. 225.9, p. 394.
4. ‘Abdu’l-Bahá, cited in a letter dated 11 April 1985 written on behalf of the Universal House of Justice to an individual, published in *Messages from the Universal House of Justice, 1963–1986: The Third Epoch of the Formative Age* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1996), no. 426.3a, p. 665.
5. ‘Abdu’l-Bahá, in *Bahá’í Prayers*, p. 248.
6. Bahá’u’lláh, cited in the Ridván 1982 message to the Bahá’ís of the world, published in *Messages from the Universal House of Justice, 1963–1986*, no. 321.5a, p. 538.
7. From a message dated 25 May 1975 written by the Universal House of Justice to all National Spiritual Assemblies, *ibid.*, no. 162.34, p. 310.
8. From a message dated 1 July 2013 written to the participants in the forthcoming 114 youth conferences throughout the world, published in *Framework for Action: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary Material, 2006–2016* (West Palm Beach: Palabra Publications, 2017), no. 27.3, p. 176.
9. From a message dated 10 June 1966 written to the Bahá’í youth in every land, published in *Messages from the Universal House of Justice, 1963–1986*, no. 37.2, p. 92.
10. From a letter dated 23 February 1995 written on behalf of the Universal House of Justice to selected National Spiritual Assemblies.
11. From a message dated 29 December 2015 written to the Conference of the Continental Boards of Counsellors, published in *Framework for Action*, no. 35.39, p. 226.
12. From a letter dated 23 April 2013 written on behalf of the Universal House of Justice to a National Spiritual Assembly, *ibid.*, no. 52.3, p. 296.
13. From a letter dated 19 April 2013 written on behalf of the Universal House of Justice to a small group of individuals, *ibid.*, no. 51.9, p. 293.
14. From a message dated 12 December 2011 written by the Universal House of Justice to all National Spiritual Assemblies, *ibid.*, no. 20.21, p. 138.
15. *Gleanings from the Writings of Bahá’u’lláh* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2005), CXXXVII, par. 4, p. 338.

16. From a letter dated 8 December 1923 written by Shoghi Effendi to a Bahá'í community, in "Trustworthiness: A Cardinal Bahá'í Virtue", compiled by the Research Department of the Universal House of Justice, published in *The Compilation of Compilations* (Maryborough: Bahá'í Publications Australia, 1991), vol. 2, no. 2075, p. 345.
17. *'Abdu'l-Bahá in London: Addresses and Nataues of Conversations* (London: Bahá'í Publishing Trust, 1987), p. 66.
18. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XXIX, par. 1, p. 78.
19. Bahá'u'lláh, in "Trustworthiness", published in *The Compilation of Compilations*, vol. 2, no. 2032, p. 332.
20. 'Abdu'l-Bahá, *The Secret of Divine Civilization* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2007), par. 5, p. 5.
21. Ibid., par. 6, p. 6.
22. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XLIII, par. 4, p. 105.
23. Ibid., CXXVI, par. 2, p. 306.
24. Bahá'u'lláh, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2006), par. 48, p. 47.
25. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, LX, par. 3, p. 133.
26. Bahá'u'lláh, cited by Shoghi Effendi, *The Advent of Divine Justice*, par. 39, p. 34.
27. Ibid., par. 39, pp. 34–35.
28. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1915, 1940 printing), vol. 2, p. 436. (authorized English translation)
29. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, CXLIII, par. 3, p. 354.
30. Ibid., LXX, par. 1, p. 154.
31. 'Abdu'l-Bahá, *Some Answered Questions* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2014, 2016 printing), no. 10.8, p. 58.
32. *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by 'Abdu'l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2012), par. 4, p. 618.
33. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 29 August 1912, *ibid.*, par. 4, p. 405.
34. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Persian no. 6, p. 24.

35. *Will and Testament of 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1944, 2013 printing), pp. 26–27.
36. *The Hidden Words*, Persian no. 49, p. 39.
37. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 10.2, pp. 41–42.
38. The Báb, cited in *The Dawn-Breakers: Nabil's Narrative of the Early Days of the Bahá'í Revelation* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1932, 2018 printing), p. 93.
39. *Will and Testament of 'Abdu'l-Bahá*, pp. 27–28.
40. From a talk given on 17 November 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by 'Abdu'l-Bahá in 1911* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 49.17, pp. 199–200.
41. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 1 September 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 7, p. 417.
42. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 105, p. 186.
43. From a letter dated 17 February 1933 written on behalf of Shoghi Effendi to an individual, in *Social Action: A Compilation Prepared by the Research Department of the Universal House of Justice* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2020), no. 90, p. 44.
44. From a message dated April 1955 written by Shoghi Effendi, published in *Messages to the Bahá'í World, 1950–1957* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1971, 1999 printing), p. 76.
45. From a letter dated 4 May 1953 written by Shoghi Effendi, in *ibid.*, p. 155.
46. From a message dated 1 July 2013 written by the Universal House of Justice to the participants in the forthcoming 114 youth conferences throughout the world, published in *Framework for Action*, no. 27.2, p. 175.
47. *Ibid.*, no. 27.6, p. 177.
48. From a message dated 8 February 2013 written by the Universal House of Justice to the Bahá'ís of the world, *ibid.*, no. 22.4, p. 147.
49. From a message dated 8 January 2000 written to the friends gathered at the youth congress in Paraguay, published in *Turning Point: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary Material, 1996–2006* (West Palm Beach: Palabra Publications, 2006), no. 20.3–4, pp. 123–24.
50. Shoghi Effendi, *God Passes By* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1974, 2010 printing), pp. 4–6.

51. From a message dated 1 July 2013 written by the Universal House of Justice to the participants in the forthcoming 114 youth conferences throughout the world, published in *Framework for Action*, no. 27.1, p. 175.
52. From a message dated 10 June 1966 written to the Bahá'í youth in every land, published in *Messages from the Universal House of Justice, 1963–1986*, no. 37.1, p. 92.
53. From a message dated 3 January 1984 written by the Universal House of Justice to the Bahá'í youth of the world, in *ibid.*, no. 386, p. 616.
54. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá'u'lláh* (Haifa: Bahá'í World Centre, 2018), no. 2.76 p. 46.
55. *The Hidden Words*, Persian no. 14, p. 26.
56. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 14.4, pp. 207–8.
57. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 35.7, pp. 103–4.
58. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1909, 1930 printing), vol. 1, p. 182.
59. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahá'í Prayers*, p. 173.



Satu Usia Penuh Kepastian

Tujuan

Untuk menerokai kebesaran patauensi orang-orang muda antara umur dua belas dan lima belas tahun dan untuk menghargai kepentingannya untuk membekalkan mereka satu persekitaran yang sesuai bagi empowermen rohani mereka

BAHAGIAN 1

Dalam unit yang lepas, kita telah mengkaji beberapa sifat yang membezakan belia. Tujuan unit ini ialah untuk merenung pada patauensi-patauensi meluas belia muda dan daya-daya yang membentuk kehidupan mereka. Konsep-konsep yang akan anda kaji di sini telah diperkukuhkan secara beransur-ansur melalui pengalaman dekad demi dekad. Keperluan-keperluan istimewa bagi mereka yang berumur antara dua belas dan lima belas tahun telah sejak lama diiktiraf oleh komuniti Bahá'í. Daripada cubaan-cubaan awal untuk mendidik ahli-ahli dalam lingkungan umur ini dan usaha-usaha untuk belajar bagaimana membebaskan keupayaan mereka dan untuk menyalurkan tenaga-tenaga mereka yang semakin meningkat, program empowermen rohani belia muda yang kita sedang menerokai dalam buku ini telah muncul secara perlahan-lahan. Anda mungkin telah menjadi fasih dengan program tersebut, dengan penyertaan anda sendiri dalamnya semasa anda masih muda, bekerja dengan satu daripada rakan anda dalam sebuah kumpulan belia muda, atau dengan diiringi orang lain, telah melawat ibu bapa di perkampungan atau kejiranan anda untuk membincangkan pendekatan-pendekatan dan tema-temanya. Bahan yang anda sedang kaji ini bertujuan untuk membantu anda mendedikasikan tiga tahun pada awalnya, mungkin lebih lama, untuk lapangan khidmat yang terpuji ini, membolehkan anda untuk membantu ahli-ahli dalam lingkungan usia yang penuh kepastian ini untuk mengemudi menerusi tahap penting dalam kehidupan mereka.

Mengenai program empowermen rohani belia muda, Balai Keadilan Sedunia menulis:

“Penyebaran pesat program empowermen rohani belia muda merupakan satu lagi penjelmaan kemajuan budaya dalam komuniti Bahá'í. Walaupun aliran-aliran global menunjukkan imej lingkungan usia ini sebagai yang bermasalah, yang sesat dalam kesibukan perubahan fizikal dan emosi yang kacau-bilau, yang tidak responsif dan menghapus diri, komuniti Bahá'í pula – dalam bahasa yang ia menggunakan dan pendekatan yang ia ambil – sedang bergerak dalam arah yang bertentangan, dengan melihat belia muda yang bersifat altruisme, yang mempunyai sikap keadilan yang tajam, yang penuh minat untuk mempelajari tentang alam semesta dan yang mempunyai keinginan untuk menyumbang kepada pembangunan dunia yang lebih baik. Cerita demi cerita, yang mana belia muda di negara-negara seluruh planet menyuarakan pemikiran mereka sebagai peserta-peserta program, telah naik saksi kepada kesahihan visi ini. Terdapat tanda-tanda bahawa program ini melibatkan kesedaran mereka yang semakin meluas dalam penerokaan realiti yang membantu mereka untuk menganalisa kuasa-kuasa membina dan pembinaasaan yang sedang beroperasi dalam masyarakat dan untuk mengenali pengaruh yang diakibatkan oleh kuasa-kuasa ini terhadap pemikiran dan perlakuan mereka, dalam menajamkan persepsi rohani mereka, dalam meningkatkan kuasa ekspresi mereka dan dalam memperkukuhkan struktur-struktur moral yang akan membantu mereka sepanjang hidup mereka. Pada usia apabila perkembangan daya-daya intelek, rohani dan fizikal mudah diperolehi, mereka diberikan peralatan-peralatan yang diperlukan untuk melawan kuasa-kuasa yang akan merompak identiti sebenar mereka sebagai insan mulia dan untuk bekerja bagi kebaikan sejagat.”¹

Kebanyakan konsep dan idea yang telah disebut oleh Balai Keadilan Sedunia dalam petikan di atas merupakan fokus utama dalam unit kajian ini, dan semasa anda mengkajinya, ia akan menjadi lebih jelas lagi dalam minda anda. Untuk sekarang, anda mungkin ingin menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah imej yang ditonjolkan oleh trend-trend global tentang kumpulan usia belia muda ini? _____

2. Sebaliknya, apakah yang dilihat oleh komuniti Bahá'í pada mereka yang dalam kumpulan usia ini? _____

3. Dengan kesedaran yang semakin meningkat tentang belia muda dalam satu penerokaan realiti, apakah yang dapat bantu mereka lakukan melalui program empowermen rohani ini? _____

4. Dengan peralatan yang diperolehi oleh belia muda melalui program ini, apakah yang membolehkan mereka untuk lakukan? _____

5. Mengapakah mereka menganggap orang muda dalam lingkungan umur dua belas dan lima belas mewakili satu kumpulan yang istimewa? _____

6. Berdasarkan di atas, dan mengingat beberapa orang belia muda yang anda kenali, bolehkah anda mengenal pasti beberapa keperluan istimewa bagi generasi yang lebih muda ini? _____

7. Apakah yang mematauivasikan anda untuk memasuki bidang khidmat yang khusus ini? _____

BAHAGIAN 2

Bahá'u'lláh memberitahu kita bahawa seseorang individu mencapai awal kematangannya ketika berumur 15 tahun, apabila hukum-hukum rohani seperti doa wajib dan berpuasa akan menjadi wajib. Daripada sudut pandangan ini, tahun-tahun sebelum usia tersebut mempunyai keistimewaan yang khusus. Adalah ketika beberapa tahun tersebut yang mana peralihan daripada zaman kanak-kanak ke zaman belia berlaku. Perubahan yang mendadak dan yang cepat yang secara umumnya berkait dengan tempoh peralihan ini—fizikal, intelek dan emosi—mempengaruhi tingkah laku dalam pelbagai cara.

Menjelang usia dua belas tahun, tanda-tanda peralihan sudah mula terlihat. Ramai pemuda-pemudi akan membesar lebih lagi secara fizikal semasa tiga atau empat tahun selepas itu berbanding peringkat hidup mereka yang lain. Mereka akan meningkat ketinggian dan jisim badan dan akan mengalami perubahan-perubahan hormon. Anak lelaki akan memperolehi suara yang garau dan anak-anak perempuan akan mula memperolehi badan seorang wanita muda. Kedua-dua mereka akan mengalami keremajaan, dengan memperolehi keupayaan fizikal untuk melahirkan anak.

Perubahan-perubahan fizikal dan emosi yang dialami oleh seorang ketika masa ini adalah saling berkaitan. Kegembiraan dengan kemunculan daya-daya yang baharu dan rasa tak sabar-sabar untuk menggunakannya akan diikuti dengan rasa kejanggalan, mudah tersinggung dan perasaan-perasaan kekhuatiran. Emosi-emosi ini boleh mengakibatkan percanggahan dalam tingkah laku seseorang. Seseorang itu mungkin bersifat pemalu, namun kadang-kadang suka bergaul; mungkin mahu dibiarkan bersendirian, dan pada masa yang sama inginkan perhatian; mungkin menunjukkan keberanian yang menakjubkan dalam beberapa keadaan dan juga rasa takut dalam keadaan yang lain. Kebimbangan yang semakin meningkat tentang bakat-bakat dan kebolehan-kebolehan seseorang akan secara perlahan-lahan menjelmakan dirinya, begitu juga dengan satu kesedaran baharu tentang kedudukan seseorang dalam dunia ini, khususnya dalam konteks hubungan dirinya dengan teman-teman sebaya dan orang dewasa. Cara orang lain memandang penampilannya dan membalas pendapatnya akan menjadi perkara yang amat penting.

Tambahan lagi, ketika beberapa tahun sebelum kita mencapai umur lima belas tahun, konsep-konsep dasar tentang kehidupan individu dan kolektif akan terbentuk dalam minda kita. Kuasa analisis kita menjadi lebih kuat, dan kita mungkin akan mula menyoal banyak perkara yang telah diajar kepada kita sebelum ini dan akan menyedari percanggahan-percanggahan dalam dunia di sekeliling kita yang sebelum ini tidak diperhatikan. Kita bukan lagi rela untuk mematuhi secara automatik nilai-nilai yang ditetapkan oleh orang dewasa seperti dulu. Seseorang itu sentiasa mencari jawapan-jawapan kepada soalan-soalan, sering kali soalan yang bersifat falsafah. Adalah semasa masa peralihan ini, satu kesedaran yang baru membangun dengan cepatnya.

Jika ingin membantu orang-orang muda dalam menggunakan kuasa-kuasa mereka yang sedang muncul dengan baik, adalah penting untuk menghindari daripada melayan mereka dengan cara-cara yang, satu, melanjutkan usia kanak-kanak mereka, dan yang satu lagi, menggalakkan mereka untuk meniru versi kedewasaan yang cuma bersifat luaran dalam pelbagai aspek—suatu trend yang, malangnya, sedang berakar di lebih banyak masyarakat. ‘Abdu’l-Bahá menyatakan:

“Setelah suatu masa dia akan mencapai peringkat belia apabila keadaan-keadaannya yang sebelum ini digantikan oleh keperluan-keperluan baharu yang sesuai bagi kemajuan dalam peringkatnya. Daya-daya pemerhatiannya diperluaskan dan diperdalamkan, keupayaan kebijaksanaannya dilatih dan diwujudkan, dan batas-batas dan suasana kanak-kanaknya tidak lagi menghalang kuasa-kuasa dan pencapaian-pencapaiannya.”²

Untuk mengukuhkan pemahaman anda tentang perbezaan antara zaman kanak-kanak dan zaman belia, bincangkan soalan-soalan yang berikut dalam kumpulan anda:

1. Apakah maksud fakulti-fakulti pemerhatian diperluaskan dan diperdalamkan? Bolehkah anda jelaskan ulasan anda dengan beberapa contoh? _____

2. Bagaimanakah keupayaan-keupayaan intelek seorang belia muda berbeza daripada yang dimiliki oleh seorang kanak-kanak? _____

3. Apakah beberapa daripada batasan-batasan kanak-kanak yang tidak lagi menghadkan tenaga-tenaga seorang belia muda? _____

BAHAGIAN 3

Setiap individu perlu menerima pendidikan dan asuhan pada tahun-tahun yang menghampiri lima belas tahun, yang akan mengizinkan kesempurnaan-kesempurnaan belia yang terpendam untuk muncul. Keperluan bagi pendidikan sebegini menjadi lebih jelas apabila ia diakui bahawa, menjelang umur lima belas tahun, banyak daripada corak-corak fikiran dan

tingkah laku kehidupan seseorang akan menjadi tetap. Seperti yang telah disebutkan oleh 'Abdu'l-Bahá,

“Adalah amat sukar untuk mendidik seorang individu dan memurnikan tabiatnya selepas umur kematangan. Melempi masa itu, seperti mana yang dibuktikan oleh pengalaman, walaupun segala usaha dibuat untuk mengubahkan beberapa kecenderungannya, ia tidak akan membawa hasil. Mungkin dia akan, berubah sedikit hari ini; tetapi biar beberapa hari berlalu dan dia akan melupakannya, dan kembali kepada keadaan lazimnya dan cara-cara kebiasaannya.”³

Anda telah biasa dengan perkataan “remaja”, yang biasa digunakan secara sewenang-wenangnya dalam merujuk kepada orang-orang muda di mana-mana di sekitar umur dua belas sehinggalah berumur lapan belas tahun. Kadang kala frasa “awal keremajaan” digunakan untuk mengenal pasti mereka yang berada dalam lingkungan umur yang kita panggil secara umumnya “belia muda”. Di sini kita tidaklah terlalu mengkhususkan hal ini dan menggunakan istilah-istilah ini bersilih ganti untuk merujuk kepada orang muda dalam lingkungan umur dua belas dan lima belas tahun. Untuk berfikir tentang kepentingan pendidikan semasa tempoh keremajaan, tentukan sama ada pernyataan-pernyataan berikut benar:

- _____ Walaupun pendidikan yang cukup berkurangan di masa kanak-kanak, asuhan yang sesuai semasa beberapa tahun ini boleh membetulkan ciri buruk yang telah diperoleh pada masa kanak-kanak.
- _____ Hanya individu-individu yang telah memperoleh latihan rohani dan moral semasa kanak-kanak boleh membangunkan keupayaan terpendam sepenuhnya.
- _____ Tanpa perhatian dan asuhan di usia remaja, seorang individu boleh sesat dengan mudah, walaupun dia telah memperoleh pendidikan moral dan rohani pada keseluruhan zaman kanak-kanak.
- _____ Adalah semasa usia remaja individu-individu lebih sedia untuk menyesuaikan diri kepada proses integrasi atau dipengaruhi oleh daya-daya disintegrasi sosial.

BAHAGIAN 4

Meningkatkan kesedaran semasa usia remaja boleh disalurkan kepada dua arah yang bertentangan. Satu yang membawa kepada penyerahan kepada Kehendak Tuhan dan pengorbanan diri demi khidmat kepada umat manusia, dan yang lain kepada tawanan dalam penjara keakuan dan nafsu. 'Abdu'l-Bahá menyatakan:

“Identiti setiap yang tercipta adalah mendasarkan kearifan ilahi, kerana di dalam ciptaan Tuhan tiada kekurangan. Namun, keperibadian tidak mempunyai unsur ketetapan. Ia merupakan sifat dan dapat diubah sedikit di dalam manusia yang boleh dihalakan kepada kedua-dua arah. Sebab, sekiranya dia memperoleh sifat-sifat yang terpuji, ini akan memperkukuhkan keperibadian seorang manusia dan mengeluarkan kuasa-kuasa yang terpendam; tetapi sekiranya dia memperoleh sifat-sifat buruk, keindahan dan kesederhanaan peribadi seorang akan hilang

baginya dan sifat yang dianugerahi Tuhan itu akan lemas di dalam suasana buruk keakuan.”⁴

Kita hidup di zaman ini apabila kebudayaan materialistik yang agresif sedang menakluki setiap aspek kehidupan. Terlalu asyik dengan diri sendiri yang ditenun ke dalam kain budaya materialistik yang merebak mendatangkan berbagai-bagai cabaran apabila kita cuba membantu belia dalam membangunkan keupayaan-keupayaan mereka, di mana usaha-usaha tulus hati yang cuba membantu belia muda untuk menyedari patahensi mereka dan mengarahkan tenaga mereka ke arah kebaikan sejagat boleh mengalami pengaruh negatif daripada satu dunia yang bersifat individualistik pada hakikatnya. Masalahnya adalah rumit. Aturan dunia masa kini telah merampas daripada sebilangan besar umat manusia keupayaan yang diperlukan untuk mempunyai kehidupan yang bertujuan; oleh demikian, keyakinan diri dalam kekuatan moral seseorang adalah isu yang perlu diberikan perhatian. Ia menghalang cita-cita tinggi manusia; maka kesedaran akan aspirasi mulia seseorang merupakan kebimbangan yang wajar. Ia menjadikan bilangan besar orang lupa akan kehidupan roh; oleh itu hal penerokaan patahensi sebenar diri seseorang memerlukan perhatian. Namun, program-program yang memberi penekanan kepada 'diri sendiri', tidak semestinya memperbaiki keadaan ini. Apa yang biasanya berlaku adalah, atas nama kesedaran-diri, penerokaan-diri, dan keyakinan-diri, program-program sebegini mengolah pihak individu dan mengukuhkan egonya. Cabaran kita adalah untuk memupuk kerentanan kerohanian dalam diri mereka yang muda, supaya kalbu-kalbu mereka yang lembut akan dipengaruhi oleh tarikan kepada Keindahan Yang Maha Luhur dan diarahkan kepada tujuan-tujuan luhur pengorbanan tidak mementingkan diri kepada umat manusia. Usaha-usaha kita untuk memenuhi keperluan-keperluan pendidikan pada fasa formatif dalam kehidupan mereka ini mestilah menghalang keakuan diri yang mendesak daripada memaksa keluar dirinya. Untuk menerokai sifat-sifat cabaran ini, anda diminta, di beberapa bahagian yang seterusnya, untuk merenung pada beberapa petikan daripada Tulisan Suci yang merujuk kepada keakuan. Namun, pertama sekali, anda mungkin akan mendapatinya bermanfaat untuk membincangkan dalam kumpulan anda tentang makna frasa “keakuan diri yang mendesak dirinya.” Bagaimanakah seseorang dapat memastikan bahawa khidmat tidak menjadi arena di mana kepentingan diri diutamakan?

BAHAGIAN 5

Set petikan pertama di bawah berkaitan dengan aspek “keperibadian” yang disenangi Tuhan dan harus diperkembangkan:

“Wahai hamba-hamba-Ku! Sekiranya engkau sanggup mengerti apakah kemurahan hati dan kurnia yang mengagumkan yang Aku telah memilih untuk menganugerahkan kepada roh-rohmu, engkau akan, sebenarnya, membersihkan diri daripada ikatan kepada segala yang tercipta, dan akan mencapai ilmu yang sebenar tentang dirimu sendiri—satu ilmu yang adalah sama seperti memahami Wujudku Sendiri. Engkau akan mendapati dirimu bebas daripada segala yang lain melainkan Daku, dan akan menyedari, dengan mata dalam dan luarmu sendiri, dan jelas bagaikan penjelmaan Nama berseri-Ku, lautan belas-kasih Daku dan kurnia-Ku bergerak di dalam dirimu.”⁵

“Jauh, jauh terpisah daripada kemuliaan-Mu terletak apa yang insan yang fana sanggup mengesahkan tentang Dirimu, atau menyifatkan kepada-Mu, atau

pujian dengannya yang dia sanggup memuliakan Engkau! Apa pun tugas yang Engkau telah tetapkan bagi hamba-hamba-Mu untuk memujikan setinggi-tingginya keagungan dan kemuliaan Dirimu, ia hanyalah satu tanda berkat-Mu kepada mereka, agar mereka akan diupayakan untuk bangkit ke kedudukan mulia yang dianugerahkan kepada wujud terdalam diri mereka, yaitu kedudukan ilmu tentang diri mereka sendiri.”⁶

“Taraz pertama dan pancaran pertama yang telah terbit daripada ufuk Kitab Induk adalah bahawa manusia harus sedar akan diri sendiri dan mengenal perkara yang membawa kepada kemuliaan atau kerendahan, keagungan atau penghinaan, kekayaan atau kemiskinan.”⁷

“Wahai Putera Roh! Aku menciptakan engkau kaya, mengapakah engkau mempermiskin dirimu? Aku telah menjadikan engkau mulia, mengapakah engkau merendahkan dirimu? Dengan hakikat ilmu, Aku memberi wujud kepadamu, mengapakah engkau mencari keterangan daripada orang selain daripada-Ku? Dengan tanah liat kasih, Aku membentuk engkau, mengapakah engkau sibuk dengan yang lain? Arahkan pandanganmu kepada dirimu sendiri, agar engkau dapat menemukan Daku dalam dirimu, dengan kuat, berkuasa dan berdiri sendiri.”⁸

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut mengikut petikan-petikan di atas:

- a. Sekiranya kita sanggup mengerti apakah kemurahan hati dan kurnia yang mengagumkan yang Tuhan telah memilih untuk menganugerahkan kepada roh-roh kita, kita akan, _____ , dan akan _____ .
- b. Kita akan mendapati diri kita _____ , dan akan menyedari, dengan mata dalam dan luar kita sendiri, _____ .
- c. Apa pun tugas yang Tuhan telah tetapkan bagi kita hamba-hamba-Mu hanyalah satu tanda berkat-Nya kepada kita, agar kita akan diupayakan untuk _____ .
- d. Kita harus sedar akan diri sendiri dan mengenal perkara yang membawa kepada _____ atau _____ , _____ atau _____ , kekayaan atau _____ .

- e. Kita telah diciptakan _____ dan dijadikan _____. Dengan hakikat _____, Tuhan telah memberi _____ kepada kita, dan dengan tanah liat _____, Tuhan telah _____ kita. Dia telah meminta kita untuk mengarahkan pandangan kita kepada diri kita sendiri, agar kita dapat _____.

Petikan-petikan di atas semuanya merujuk kepada diri kita yang sebenar dan kepentingan memahami sifatnya. Tentu sahaja, kita perlu sedar bahawa ilmu tentang kemuliaan diri kita tidak akan membawa kepada mementingkan diri sendiri tetapi akan membawa kepada kerendahan di depan Tuhan dan hamba-hamba-Nya. Bincangkan dalam kumpulan anda bagaimana ilmu tentang diri sebenar kita membantu perjuangan kita untuk melawan ego.

BAHAGIAN 6

Set petikan yang kedua memberi amaran kepada kita tentang akibat menyibukkan diri dalam keakuan:

“Setiap insan yang tidak sempurna memanjakan diri sendiri dan berfikir hanya tentang kebaikan dirinya sahaja.”⁹

“Tetapi sekiranya dia menunjukkan tanda yang sedikit pun hasrat keakuan dan nafsu diri, usaha-usahanya tidak akan membawa sebarang hasil dan dia akan dimusnahkan dan akhirnya ditinggalkan tanpa harapan.”¹⁰

“Terutamanya engkau menghasratkan kebebasan daripada penipuan diri. Sifat ini, iaitu keangkuhan, telah menghapuskan ramai insan-insan yang penting di bumi. Sekiranya seorang manusia dihiasi dengan segala sifat terpuji tetapi bersikap ego, maka segala sifat-sifat mulia dan perwatakan-perwatakan baik akan hilang dan lenyap, dan akhirnya ditukar menjadi kecacatan yang paling buruk.”¹¹

“Perasaan putus asa, di sini dan di akhirat, adalah satu-satunya yang engkau akan terima akibat mengasyikkan dengan diri sendiri; kengerian dan penderitaan adalah segala yang akan engkau perolehi daripada kefanatikan, mempercayai orang-orang jahil dan yang tak berakal.”¹²

“Hari ini, semua manusia di bumi sedang menurut nafsu dalam kepentingan diri serta mengerahkan sepenuh usaha dan daya usaha untuk memajukan kepentingan material mereka. Mereka sedang menyembah diri mereka sendiri dan bukan realiti ilahi, mahupun dunia kemanusiaan.”¹³

“Cubaan-cubaan ini, seperti yang engkau telah tuliskan, pastinya akan membersihkan kotoran keakuan daripada cermin kalbu, sehingga Suria Kebenaran akan memancarkan sinar-sinar padanya; sebab tiada tabir yang lebih menghalang daripada keakuan, dan betapa tipis pun tabir itu, akhirnya ia akan

menghalang sepenuhnya seseorang, dan merampas dirinya daripada bahagian pemberian abadinya.”¹⁴

“Saksikanlah bagaimana suria menyinari ke atas segala ciptaan, tetapi hanya permukaan-permukaan yang suci dan berkilat akan memantulkan kegemilangan dan cahayanya. Roh yang gelap tiada bahagian dalam wahyu curahan gemilang realiti; dan tanah keakuan, tak terdaya untuk mendapat faedah daripada cahaya itu, tidak akan menghasilkan perkembangan.”¹⁵

“ Betapa hinanya kedudukan roh-roh yang mendapatkan keriangian di dalam kegelapan ini, menyibukkan dirinya, kepada penjara keakuan dan keghairahan, berkubang dalam paya dunia kebendaan!”¹⁶

“Mementingkan diri”, “cinta diri”, “memuja diri”, “sibuk dalam kepentingan diri” dan “mangsa keakuan dan nafsu” kesemuanya membawa kepada satu suasana yang menghalang kesempurnaan-kesempurnaan keperibadian kita yang Tuhan telah kurniakan berdasarkan petikan-petikan di atas, huraikan dalam beberapa ayat bagaimana sibuk dengan diri sendiri akan menghalang pertumbuhan rohani dan perkembangan moral dan menghapuskan keberkesanan khidmat.

BAHAGIAN 7

Set petikan yang ketiga mewakili sebilangan kecil daripada banyak nasihat yang terkandung di dalam Tulisan Suci tentang cara kita dapat menangani keakuan yang mendesak diri:

“Hari ini pengesahan-pengesahan Kerajaan Abha ada dengan mereka yang menyerah diri, melupakan pendapat diri sendiri, mengetepikan personaliti dan sibuk berfikir tentang kebajikan orang lain. Sesiapa yang telah melupakan diri sendiri telah menemui alam semesta dan penghuni-penghuninya. Sesiapa yang sibuk dengan dirinya sendiri sedang merayau di gurun kelalaian dan penyesalan. Kunci utama untuk menguasai diri sendiri ialah melupakan diri

sendiri. Jalan masuk ke istana kehidupan adalah melalui jalan penyerahan diri.”¹⁷

“Dia telah menganugerahkan kita dengan kuasa untuk menembusi realiti segala perkara; tetapi kita perlulah tak mementingkan diri, kita harus memiliki semangat yang suci, niat yang tulen, dan berikhtiar dengan jiwa dan raga sewaktu di alam manusia untuk mencapai kemuliaan abadi.”¹⁸

“Oleh itu haruslah tabir-tabir syaitan keakuan diri dibakar dengan api cinta, supaya roh itu dapat disucikan dan dibersihkan dan dengan itu sanggup memahami kedudukan-Nya yang tanpa Dia dunia tidak pernah akan wujud.”¹⁹

“Singkirkanlah segala fikiran tentang diri sendiri, dan berusaha hanya untuk mematuhi dan tunduk kepada Kehendak Tuhan. Dengan cara yang ini sahaja kita boleh menjadi warga Kerajaan Tuhan, dan mencapai kehidupan abadi.”²⁰

“Lakukanlah segala-galanya untuk menjadi sama sekali tidak bernaifu, dan ikatlah dirimu kepada Wajah Kegemilangan; dan setibanya engkau mencapai puncak-puncak khidmat sedemikian, engkau akan mendapati, segala yang tercipta itu, terhimpun dalam bayanganmu. Inilah anugerah yang tak terhalang; inilah kedaulatan yang tertinggi; inilah hidup yang tidak mati. Segala yang lain melainkan ini akhirnya adalah neraka yang nyata dan kerugian yang besar.”²¹

“Oleh yang demikian, wahai sahabat, serahkanlah diri agar engkau sanggup menemui Dia Yang Tiada Bandingan, dan terbang jauh dari dunia fana ini, agar engkau dapat mencari sarang di alam syurgawi. Jadilah umpama yang tiada, sekiranya engkau ingin menyalakan api kewujudan dan jadi layak menjejaki jalan cinta.”²²

“Marilah kita ketepikan segala fikiran tentang diri; marilah kita tutup mata kita kepada segala yang ada di bumi, marilah kita tidak memaklumkan penderitaan kita atau mengadu kesalahan kita. Malah marilah kita menjadi yang tidak berfikir langsung tentang diri kita sendiri, dan sambil minum wain kurnia syurgawi, marilah menjerit keriangannya kita dan hilangkan diri dalam keindahan Yang Maha Agung.”²³

“Wahai orang-orang bumi! Janganlah menjejaki bisikan-bisikan keakuan, sebab ia menitah dengan mendesak kepada kekejian dan nafsu; kemudian, iringilah Dia yang adalah Pemilik segala yang tercipta, Yang menitahkan engkau agar menunjukkan kesalihan, dan menjelmakan takwa kepada Tuhan.”²⁴

Sikap-sikap yang dicadangkan dalam petikan-petikan di atas amatlah bertentangan dengan pemujaan diri dan godaan dengan kepuasan diri yang begitu menyifatkan masyarakat zaman ini. Kenal pasti daripada petikan-petikan ini beberapa daripada sikap yang kita harus belajar untuk bangunkan terhadap sifat diri sendiri. Dua contoh telah diberikan untuk membantu anda.

- Kita harus belajar untuk melepaskan diri sendiri, lupa akan pendapat-pendapat diri, menyetepikan personaliti-personaliti dan sentiasa berfikir tentang kebaikan orang lain.
- Kita harus belajar untuk mengabaikan diri.
- Kita harus belajar _____
- Kita harus belajar _____
- Kita harus belajar _____
- Kita harus belajar _____
- Kita harus belajar _____
- Kita harus belajar _____

Bincangkan di dalam kumpulan anda bagaimana sikap-sikap yang anda telah kenal pasti itu akan menyumbang kepada perkembangan seorang insan yang mulia dan mengurniakan tindakan-tindakan khidmat dengan kuasa.

BAHAGIAN 8

Akhir sekali, petikan yang berikut mengingatkan kita tentang hubungan timbal balik antara pengorbanan diri dan keupayaan untuk menyumbang kepada transformasi masyarakat:

“Kebanyakan orang asyik dengan diri sendiri dan hasrat duniawi, dan telah menyelamkan diri ke dalam samudera neraka dan telah menjadi mangsa alam semula jadi, melainkan insan-insan tersebut yang telah dibebaskan daripada rantai-rantai dan belenggu alam material, dan umpama burung-burung yang terbang laju, sedang melayang di alam yang tak terbatas ini. Mereka sedar dan berwaspada, mereka menghindari kegelapan alam semula jadi, dengan cita-cita tertinggi mereka berpusat pada penghapusan dalam kalangan manusia cabaran untuk wujud, mencurahkan sinar kerohanian dan cinta alam syurgawi, dan pengamalan kebaikan yang tertinggi dalam kalangan manusia, kesedaran tentang perhubungan yang mesra dan rapat antara agama-agama dan mengamalkan matlamat pengorbanan diri. Barulah dunia kemanusiaan akan diubah kepada Kerajaan Tuhan.”²⁵

“Wahai angkatan Tuhan! Hari ini, di dunia ini, setiap orang sedang merayau sesat di gurun diri sendiri, pergi ke sini dan sana mengikut suruhan khayalan-khayalan dan nafsu dirinya, dengan memburu mangsanya sendiri. Antara segala kerumun manusia di bumi, hanya umat Nama Yang Maha Agung ini bebas dan terlepas daripada cara-cara kemanusiaan dan tidak memiliki sebarang hasrat untuk memajukan kepentingan diri. Hanya bersendirian dalam kalangan mereka semua, orang-orang ini telah bangkit daripada keakuan dengan tujuan-tujuan yang paling suci, dengan mematuhi Ajaran-Ajaran Tuhan, bekerja keras dan berusaha dengan hasrat yang tinggi menuju hanya satu matlamat: iaitu menukarkan debu neraka ini kepada syurga yang mulia, untuk menjadikan bumi ini kepada Kerajaan, untuk menukarkan bumi ini menjadi sebuah bumi yang lain, dan menjadi seluruh umat manusia mengamalkan cara hidup keadilan dan cara hidup yang baharu.”²⁶

“Wahai kau yang dikasihi Tuhan. Di dalam dispensasi Bahá’í ini, Kepercayaan Tuhan adalah semangat yang tak ternoda. Kepercayaan-Nya bukanlah milik alam kebendaan. Ia tidak muncul bagi perselisihan atau peperangan, mahupun bagi tindakan-tindakan buruk atau yang memalukan; ia bukanlah bagi perselisihan dengan Akidah-akidah lain, mahupun bagi pertengkaran dengan negara-negara. Angkatan tunggalnya ialah cinta Tuhan, keriangannya tunggalnya adalah wain tulen ilmu-Nya; pertempuran tunggalnya ialah menerangkan Kebenaran; peperangan tunggalnya adalah menentangi keakuan yang berkeras, iaitu desakan jahat kalbu manusia. Kejayaannya adalah mematuhi dan menyerah diri, dan tak mementingkan diri adalah kemuliaan abadinya.”²⁷

Petikan-petikan di atas menjelaskan beberapa daripada ciri-ciri utama insan-insan yang dianggapkan oleh ‘Abdu’l-Bahá sebagai “angkatan Tuhan”, yang Beliau merujuk sebagai “yang dikasihi Tuhan”, dan yang “bebas daripada rantai-rantai dan belenggu alam kebendaan.” Renungkan atas perbezaan-perbezaan ini semasa anda melengkapkan ayat-ayat di bawah.

- a. Kebanyakan orang asyik dengan _____, dan telah menyelamkan diri ke dalam _____ dan telah menjadi mangsa _____.
- b. Insan-insan ini yang telah dibebaskan daripada rantai-rantai dan belenggu alam material, dan umpama burung-burung yang terbang laju, sedang melayang di alam yang tak terbatas ini _____ dan _____; mereka menghindari _____, dengan cita-cita tertinggi mereka berpusat pada _____, _____ dan _____, dan pengamalan _____, _____ kesedaran tentang _____ dan mengamalkan _____.

- c. Hari ini, di dunia ini, setiap orang sedang _____
 _____, pergi _____
 _____, dengan memburu _____.
- d. Hanya komuniti Nama Yang Maha Agung ini _____
 _____ dan tidak _____
 _____. Hanya bersendirian dalam kalangan mereka semua, orang-orang ini telah bangkit daripada _____
 _____, dengan _____, bekerja keras dan berusaha dengan _____
 _____: iaitu menukarkan _____ ini kepada _____
 _____, untuk menjadikan _____
 _____, untuk menukarkan _____
 menjadi sebuah _____, dan menjadi seluruh umat manusia _____
 _____.
- e. Kepercayaan Tuhan adalah semangat yang _____. Kepercayaan-Nya bukanlah milik _____. Angkatan tunggalnya ialah _____, keriangannya tunggalnya adalah _____
 _____, pertempurannya tunggalnya ialah _____
 _____; peperangannya tunggalnya adalah _____
 _____, iaitu _____.
 Kejayaannya adalah _____, dan _____.

BAHAGIAN 9

Anda mungkin mahu menghafalkan petikan-petikan yang berikut daripada doa-doa yang diwahyukan oleh Bahá'u'lláh:

“Ilhamkanlah mereka, Ya Tuhanku, dengan perasaan ketiadaan kuasa diri sendiri di depan Dia Yang adalah Penjelmaan Diri-Mu, dan didiklah mereka untuk mengenal kemiskinan sifat mereka sendiri di depan pelbagai tanda-tanda yang mencukupi diri, agar mereka dapat berkumpul di sekeliling Kepercayaan-Mu, dan berpegang erat kepada kelepak jubah rahmat-Mu, dan bergantung kepada tali kesenangan kehendak-Mu.”²⁸

“Maka, singkirkanlah, daripada hamba-hamba-Mu, Ya Tuhanku, jubah keakuan dan hasrat, atau izinkanlah agar mata orang-orang-Mu dinaikkan ke puncak-

puncak sedemikian di mana mereka akan melihat di dalam hasrat mereka tidak lain melainkan gerakkan angin-angin lembut kemuliaan abadi-Mu, dan sanggup mengenal di dalam diri mereka sendiri tiada selain melainkan wahyu Diri-Mu Sendiri yang rahmat, agar bumi dan segala yang ada padanya dapat disucikan daripada segala yang bertentangan kepadamu, atau barang apapun yang menjelmakan yang selain melainkan Diri-Mu Sendiri.”²⁹

BAHAGIAN 10

Apabila minat anda untuk mengasuh belia muda menjadi lebih kuat, anda akan membiasakan diri dengan pelbagai teori yang cuba menjelaskan realiti keremajaan. Satu daripada perkataan yang anda akan temui berulang kali ialah “krisis”—berkaitan dengan identiti, emosi, perhubungan dengan ibu bapa, interaksi dengan pihak berkuasa, dan sebagainya. Anda perlu melihat secara kritis pada teori-teori sedemikian supaya anda tidak mengakui keadaan krisis sebagai satu keadaan yang mesti berlaku bagi setiap belia muda. Adakah perlu bagi kehidupan setiap remaja dicirikan terlebih dahulu dengan sejenis pergolakan atau yang lain? Adakah selama ini dalam sejarah, belia muda mengalami pergolakan dan kekeliruan, dan pada hari ini, adakah mereka menghadapi krisis sebegini di dalam setiap kebudayaan dan masyarakat?

Apabila cuba menjawab soalan-soalan tersebut, anda perlu sedar bahawa kajian-kajian tentang pemuda-pemudi yang lazim pada masa kini dijalankan dalam rangka pendapat yang memberi kepentingan yang berlebihan kepada keakuan, kepada kepuasan diri, kepada perubahan jasmani, kepada kesedaran seksual, dan pencapaian kebendaan—kerjaya, gaji, dan status sosial. Biasanya mereka menumpu secara sempit kepada golongan, bangsa, dan identiti jantina, dengan mengabaikan sifat-sifat roh manusia yang dianugerahi oleh Tuhan. Tentu sahaja, beberapa daripada pengertian yang anda akan memperoleh dari kajian-kajian ini akan membantu anda apabila anda cuba memahami sifat-sifat kumpulan dalam lingkungan umur ini. Tetapi adalah menjadi keraguan bahawa usaha-usaha yang diinspirasikan oleh pengajian sebegini dapat melakukan lebih daripada membiasakan pemuda-pemudi kepada norma-norma masyarakat yang bersifat kebendaan, satu masyarakat yang kita tahu secara luarannya, cenderung untuk menghapuskan keupayaan-keupayaan rohani. Secara kontrasnya, bukankah idea tentang belia muda yang anda percaya memanggil kepada pembangunan identiti rohani individu-individu yang akan “memperjuangkan satu tamadun yang maju secara berterusan” dan akan menjadi “pembina-pembina kesatuan” dan “pejuang-pejuang keadilan”.

Apa yang penting untuk diingati dalam hal ini adalah bahawa cara orang lain melihat pemuda-pemudi mempunyai kesan yang besar pada mereka. Oleh itu gambaran gelap tentang golongan remaja yang begitu tersebar luas di masyarakat telah membantu memperkuat suasana-suasana bagi penyebaran corak kelakuan yang tidak diinginkan. Sebagai contoh, pernyataan daripada Sigmund Freud mencadangkan bahawa peringkat remaja adalah penyakit mental yang sementara, atau Anna Freud telah menyatakan pendapat bahawa menjadi normal semasa remaja itu sendiri dianggap tidak normal. Tidakkah pernyataan-pernyataan sebegini bertindak sebagai tabir yang menghalang orang daripada melihat keupayaan sebenar belia muda? Bukti apakah yang membawa ahli-ahli sains tersebut kepada kesimpulan-kesimpulan ini? Tentu sahaja, ada sebilangan pendidik yang telah menghuraikan masa remaja secara positif, tetapi idea-idea mereka tidak mempunyai pengaruh dalam perbincangan subjek tersebut. Gambaran yang kekal dalam fikiran kedua-dua ibu bapa dan guru-guru adalah bersifat

melawan, tingkah laku yang tidak masuk akal, dan sikap sambil lewa. Kita boleh tanyakan, bagaimanakah suatu masyarakat yang memiliki pendapat-pendapat sedemikian dalam nadinya, membantu belia muda menjadi umpama belia-belia yang telah dihuraikan di dalam unit pertama buku ini?

BAHAGIAN 11

Dalam konteks perbincangan di atas, kami mahu mencadangkan bahawa anda memilih pandangan yang berikut: Apabila sesuatu kumpulan belia muda mewujudkan tingkah laku yang tidak diinginkan — iaitu tingkah laku yang luar daripada yang diakibatkan oleh peringkat-peringkat krisis dan kejayaan berturut-turut yang muncul daripada akibat perkembangan biasa — sebab-sebab bagi tingkah laku demikian harus dicari di dalam suasana persekitaran, mungkin di dalam pertentangan yang dilihat oleh minda-minda muda yang menyedari dalam kehidupan orang dewasa yang mereka telah dipercayai dengan sepenuhnya sebelum itu, atau dalam ketidakupayaan orang dewasa untuk menghargai sikap rasional seorang individu yang sedang cuba meninggalkan tabiat-tabiati zaman kanak-kanaknya.

Pandangan ini, tentu sekali, tidak menafikan adanya kespontanan atau penentangan dalam tingkah laku remaja. Apa yang sedang dicadangkan ialah, bahawa persekitaran sosial, terutamanya kelakuan orang-orang dewasa, bertanggungjawab besar atas sifat-sifat negatif yang dikaitkan dengan usia ini. Untuk menerokai implikasi-implikasi tuntutan ini, anda mungkin mahu membincangkan dalam kumpulan anda kesahihan pernyataan-pernyataan yang berikut dan menuliskan pernyataan lain yang boleh menjelaskan idea tersebut dengan lebih lanjut:

- Belia muda melawan orang dewasa yang menyuruh mereka mengikuti standard-standard yang mereka sendiri tidak ikuti.
- Belia muda nampaknya bersifat menentang apabila nasihat diberikan dengan nada yang bersifat memberi nasihat moral.
- Mereka berkelakuan mensia-siakan masa apabila dunia menawarkan kepada mereka tidak selain daripada aktiviti-aktiviti yang remeh yang menghalang perkembangan keupayaan-keupayaan intelek mereka.
- Mereka memandang rendah disiplin apabila orang dewasa memaksa pada mereka peraturan-peraturan yang keras, khususnya apabila mereka telah diberikan kebebasan yang tak terhalang semasa kanak-kanak.
- Mereka rupanya bersifat menurut kata hati apabila orang dewasa di sekitar mereka tidak tahu bagaimana untuk membantu mereka berfikir dengan lebih jelas tentang akibat daripada keputusan-keputusan mereka.
- Mereka membangunkan sifat keangkuhan apabila mereka diajar untuk mementingkan diri daripada khidmat tak mementingkan diri kepada masyarakat.
- Mereka menurut suka hati apabila propaganda yang berterusan memikat mereka untuk memuaskan hasrat-hasrat fizikal mereka.

BAHAGIAN 12

Balai Keadilan Sedunia telah berkata mengenai “keruntuhan dan kehinaan” satu “masyarakat yang permisif” dan keperluan untuk belia berjaga-jaga terhadap pengaruhnya:

“... Kepercayaan Tuhan akan mendapat manfaat yang besar apabila dapat diperhatikan bahawa orang-orang Bahá’í, dan khususnya belia-belia Bahá’í, menonjolkan diri menentang keruntuhan dan kehinaan masyarakat yang permisif, bahawa standard-standard kelakuan yang mulia yang mereka memperjuangkan untuk pertahankan berakar teguh dalam prinsip-prinsip rohani, memberikan mereka keberanian, hormat kepada diri dan kegembiraan yang sebenar. Sebaliknya, kemusnahan terbesar yang dapat dilakukan ke atas Kepercayaan adalah apabila pengikut-pengikutnya cuma mengikuti aliran-aliran semasa.”³⁰

Dalam petikan yang seterusnya, Wali memberikan kita pengertian yang mendalam tentang sifat pengaruh yang ditekankan oleh masyarakat ke atas kita semua:

“Sebenarnya, sebab utama bagi kejahatan yang meluas di dalam masyarakat ialah kekurangan sifat kerohanian. Tamadun kebendaan zaman kita telah banyak meresap tenaga dan minat umat manusia sehingga orang ramai secara umumnya tidak lagi merasai keperluan untuk meninggikan diri mereka melebihi kuasa-kuasa dan keadaan kehidupan seharian duniawi mereka. Tiada tuntutan yang cukup bagi perkara-perkara yang kita menggelarkan rohani untuk membezakannya daripada kemahuan-kemahuan dan keperluan kewujudan jasmani kita.”³¹

Terdapat beberapa tanda-tanda keruntuhan moral yang dikenal pasti oleh Wali apabila beliau menghuraikan tentang daya-daya kemusnahan yang beroperasi dalam masyarakat hari ini. Antara situasi-situasi yang beliau sebutkan dalam percakapannya adalah sikap tidak bertanggungjawab terhadap perkahwinan dan akibat daripadanya peningkatan dalam

penceraian; kelemahan dalam perpaduan keluarga dan kelemahan pengawalan yang semakin besar daripada pihak ibu bapa; pencarian tergesa-gesa bagi kesia-siaan duniawi, kekayaan dan keseronokan; hilang diri dalam kegemaran kemewahan; kemerosotan seni dan muzik; keburukan dalam taraf kesusasteraan dan akhbar; permusuhan kaum dan keangkuhan patriotik. Sedangkan tiada sesiapa pun yang bebas daripada pengaruh penyakit-penyakit ini, kesemuanya mempengaruhi belia muda dengan cara yang khusus. Umpamanya, bayangkan kesan penceraian. Pasti anak-anak muda merasai kesedihan yang mendalam apabila ibu bapa mereka bercerai, dan mereka menghasratkan keamanan dan keselamatan suatu keluarga yang bersatu. Tetapi adalah semasa remaja di mana mereka akan dikuasai oleh emosi-emosi seperti rasa bersalah, marah, malu dan penghinaan apabila perkahwinan ibu bapa mereka gagal. Walaupun mereka menganggapkan ibu bapa yang bertanggungjawab, mereka tidak dapat bebaskan diri daripada menyalahkan diri sendiri bagi nasib malang yang menimpa keluarga mereka. Benih-benih kesangsian terhadap perkahwinan dan kehidupan keluarga tertanam di dalam minda mereka, dan pesimis mereka akan disahkan oleh peningkatan dalam penceraian yang mereka saksikan dalam masyarakat di sekeliling mereka.

1. Anda akan mendapatinya bermanfaat untuk berfikir tentang cara beberapa daripada keadaan yang telah disebutkan oleh Wali akan membentuk tanggapan kaum remaja tentang realiti, dan cara mereka akan membayangkan diri mereka sendiri, pandangan hidup mereka, perasaan dan emosi mereka, kemampuan mereka untuk membezakan yang baik dan buruk, tingkah laku mereka terhadap orang lain dan keyakinan mereka dalam institusi-institusi masyarakat. Tuliskan beberapa pendapat anda.

a. Keruntuhan moral dan kehinaan sebuah masyarakat yang permisif: _____

b. Kemerosotan perpaduan keluarga dan kelemahan progresif kawalan ibu bapa:

c. Pencarian tergesa-gesa bagi kesia-siaan duniawi, kekayaan dan keseronokan, dan hilang diri dalam kegemaran kemewahan: _____

- d. Kemerosotan seni dan muzik dan kemerosotan dalam nilai-nilai kesusasteraan dan surat khabar: _____

- e. Permusuhan kaum dan keangkuhan patriotik: _____

2. Apakah emosi-emosi yang diwujudkan dalam diri anda apabila anda membayangkan kesan keadaan-keadaan ini pada kehidupan belia muda? Bagaimanakah kesedaran akan kesan-kesan yang demikian akan membantu anda untuk membantu mereka membangunkan keupayaan sebenar mereka?

BAHAGIAN 13

Untuk menarik perhatian kepada tanda-tanda sebuah dunia yang sedang mengalami keruntuhan tidak bermaksud untuk menafikan kepentingan daya-daya pembinaan yang juga beroperasi di dalam masyarakat kini. Apa yang perlu dilakukan adalah untuk menawarkan

kepada belia muda suatu persekitaran di mana kuasa-kuasa rohani mereka dapat dipupuk, memastikan, dengan cara ini, yang mereka dipengaruhi oleh daya-daya sosial yang sesuai. Cubaan untuk mengasingkan mereka secara keseluruhannya daripada keadaan-keadaan sosial yang berbahaya adalah usaha yang sia-sia. Mereka harus sebaliknya dibantu untuk menilai dan menganalisa cara dunia di sekitar mereka sedang mempengaruhi fikiran dan emosi mereka. Sehubungan dengan ini, perhatian khusus harus diberi atas persoalan mengenai propaganda, sebab, di kebanyakan masyarakat, propaganda semakin membentuk nilai-nilai, sikap-sikap dan pandangan-pandangan belia muda. Satu pandangan yang ringkas pada beberapa ciri pengiklanan cukup untuk menggambarkan kebenaran ini.

Kuasa-kuasa materialistik yang mengawal propaganda memesongkan kebenaran. Umpamanya, gambaran-gambaran yang ditunjukkan dalam iklan-iklan, tentang satu wajah yang begitu sempurna namun hampir tidak dapat tercapai, yang mempengaruhi emosi mereka ketika peningkatan kesedaran diri mereka. Dalam berbilang mesej, kegiatan utama gadis-gadis digambarkan sebagai memikat golongan lelaki. Kecenderungan untuk mendefinisikan kelelakian hanya berkaitan dengan kuasa fizikal dilebih-lebihkan, sering kali sehingga ke tahap membiarkan perlakuan-perlakuan ganas dan berani ambil risiko dan menggalakkan pengembaraan dan pengalaman seksual. Segala yang dianggapkan sebagai kelemahan akan dihindari secara kejam dan sikap agresif dikembangkan secara sistematik. Yang menariknya, sifat tahan lasak dicerminkan sebagai sesuatu yang menonjol diri, dengan matlamat untuk sifat tersebut diterapkan dalam diri golongan gadis.

Tanpa sebarang keraguan, tujuan utama kebanyakan pengiklanan yang ditujukan terhadap pemuda adalah untuk mewujudkan satu budaya global yang mereka berhasrat untuk tergolong. Dalam budaya ini mereka akan belajar untuk bercakap dengan satu bahasa yang sama, berkelakuan dengan cara yang sama, dan yang terutama sekali, menggunakan pelbagai barangan yang tiada kehabisannya. Yang lebih penting lagi, para belia akan diperkenalkan kepada satu sistem penilaian yang meluas yang akan menentukan corak pembelian mereka untuk sepanjang hidup mereka. Adalah sangat menarik untuk perhatikan bahawa, perkataan “remaja” itu sendiri telah dicipta berpuluh-puluh tahun yang dahulu untuk mengambil kesempatan ke atas pasaran yang diwakili oleh segmen masyarakat ini.

Untuk mengeksploitasi dengan sepenuhnya hasrat-hasrat yang timbul, budaya yang sedang disebarkan oleh iklan-iklan meletakkan unsur-unsur seks pada pusat kehidupan orang muda. Produk-produk seperti minuman ringan yang tiada kaitan langsung kepada seks dipergunakan untuk mewujudkan khayalan-khayalan hubungan romantik. Perasaan tidak layak dan cemas di mana kita tidak akan diterima disebabkan oleh bau badan, kulit yang tidak sempurna atau pakaian yang tidak berfesyen diperkukuhkan untuk memperkenalkan barang-barang kosmetik dan gaya-gaya baharu yang menjanjikan daya pemikat seksual dan kebebasan daripada rasa terhina. Kereta dan motosikal juga dihuaikan dengan istilah-istilah “hangat”, “kacak” “bagaikan manisan bila memandu” yang kesemuanya mempunyai konotasi seksual. Oleh sebab nilai-nilai moral telah merosot sepanjang beberapa dekad yang lepas, kandungan iklan yang ditentang secara moral sekarang sudah menjadi semakin menonjol. Lama-kelamaan, ia akan kelihatan seolah-olah sesetengah aspek konsumerisme sendiri akan menjadi sejenis aktiviti seks.

Peranan jenama dalam pasaran “remaja” global yang semakin berkembang perlu disebutkan secara khususnya. Kajian-kajian yang menerokai cara-cara untuk menggunakan kesempatan segmen pasaran ini mencadangkan bahawa pujaan jenama adalah satu unsur konsumerisme yang amat berkuasa. Rupa-rupanya, jenama-jenama memberikan satu pegangan

dalam dunia remaja yang tidak tentu arah. Apatah lagi, jenama-jenama sering kali dianggap sebagai pasport dalam budaya belia global yang dijadikan begitu menarik oleh iklan-iklan. Tentu sahaja, budaya yang dipromosikan oleh teknik-teknik pemasaran ini tidak mempedulikan peningkatan kemiskinan antara negara; ia memberikan gambaran-gambaran kemewahan yang dinikmati oleh hanya segolongan kecil umat manusia untuk meyakinkan golongan remaja dari semua latar belakang bahawa produk-produk pengguna adalah sumber kerianan yang tak terhingga.

Dalam sesetengah kajian mengenai pasaran “remaja”, orang-orang muda dikategorikan mengikut ciri-ciri yang menjadikan mereka cenderung untuk membeli jenis produk yang khusus kepada kategori yang membolehkan pengiklanan untuk mensasarkan mereka dengan lebih berkesan. Dalam satu kajian yang khusus, umpamanya, belia-belia remaja telah digolongkan kepada enam kumpulan: kumpulan “yang menyerah”; iaitu mereka yang berpendapat bahawa nasib mereka telah ditetapkan, dan mereka cuba berjaya dengan membuat usaha yang sedikit; kumpulan “getaran dan sensasi” adalah orang-orang yang mencari keseronokan dan dengan minda-minda yang bebas daripada minat sosial dan politik, mereka boleh diisikan dengan mudah oleh jenama popular; kumpulan “berdikari”: satu-satunya perbezaan mereka daripada golongan getaran ialah tenaga tekad dan kerajinan mereka, dan bagi mereka barangan dan layanan adalah cara-cara untuk maju dan mengekalkan sikap faedah bersaing; golongan “Pencapai dalam Diam”: yang merupakan mereka yang menerima sahaja dan menjauhi diri daripada pemberontakan politik dan sosial, dan mereka tetap rapat dengan keluarga mereka dan merupakan pembeli-pembeli yang mementingkan kualiti dan manfaat yang diberikan oleh sesuatu barang belian; golongan “penganjur” adalah mereka yang tidak bersikap akademik, dan mengisikan minda mereka dengan statistik-statistik sukan dan nama-nama pasukan dan pemain, maka tiada ruang lagi untuk pemikiran tentang isu-isu politik dan ekonomi; dan akhir sekali golongan “penyelamat dunia” yang berhasrat untuk membuat satu perubahan yang positif di dunia dan kepentingan mereka terletak pada peluang yang mereka memberi kepada seorang penjual untuk menjadikan hal-hal sosial sebagai barangan yang boleh dijual.

Kelihatan bahawa semua benda tidak terlepas daripada genggamannya jenama dan konsumerisme. Terutamanya dalam arena media sosial yang pantas berubah, setiap aspek kehidupan seseorang boleh menjadi bahan bagi penggunaan. Platform-platform yang kononnya diwujudkan untuk menjadikan dunia suatu tempat yang lebih baik melalui “perkongsian”, “persahabatan”, dan “perhubungan” telah sebenarnya bertindak menjadi saluran-saluran bagi urutan pengiklanan yang membingungkan, dengan meluaskan capaiannya dan mendalamkan penembusannya. Namun, walaupun membimbangkan, analisis ringkas yang disampaikan di atas, tentunya, bukan bertujuan untuk mengutuk pengiklanan. Tujuannya ialah untuk mengukuhkan keupayaan anda untuk mengkaji propaganda secara kritis —pasaran, politik, kaum, dan budaya— supaya anda boleh membantu belia muda untuk menyedari kesannya pada fikiran dan tingkah laku mereka. Latihan-latihan yang berikut boleh membantu anda merenung lebih lanjut lagi tentang perkara yang kompleks ini:

1. Pengiklanan menggunakan bahasa dan gambaran untuk mengubah barangan biasa kepada sumber kegembiraan. Simbol-simbol digunakan untuk memberikan barangan dan peristiwa-peristiwa satu keistimewaan yang jauh lebih tinggi daripada apa yang layak baginya. Sebagai contoh, sesuatu minuman, tidak diuraikan seperti sifat sebenarnya—iaitu sesuatu yang menghilangkan kedahagaan—akan tetapi ia digambarkan sebagai pembawa kerianan dan kepuasan. Simbol-simbol fesyen dan kecantikan mengglamorkan pakaian dan kosmetik. Simbol semangat penuh belia boleh

menjual gula-gula. Simbol-simbol cabaran dan keolahragaan membantu untuk mempromosikan minuman alkohol. Bolehkah anda fikirkan tentang beberapa iklan yang khusus dan frasa-frasa serta gambaran yang digunakan olehnya untuk menjadikan sesuatu barang jualan menjadi sesuatu yang ia tidak mungkin terjadi?

2. Khayalan kebahagiaan yang diwujudkan melalui pembelian sebarang jenama tidak akan kekal lama, kerana jika tidak demikian, kita akan rasa puas dengan apa yang kita miliki. Oleh yang demikian, pengiklanan harus sentiasa menciptakan keinginan dan memastikan bahawa kita tidak akan rasa puas sepenuhnya dan senang dengan apa yang kita miliki. Bagaimanakah ianya dicapai?

3. Kita telah sebutkan bahawa kadang-kala hal-hal kepentingan sosial juga dijadikan barangan pengguna. Bolehkah anda memberikan beberapa contoh?

4. Dalam persekitaran media semasa, aspirasi-aspirasi luhur malangnya telah dieksploitasi bagi tujuan komersial. Kata-kata dan frasa-frasa yang membangkitkan perasaan mulia dalam kita sedang digunakan untuk mengiklankan produk, dan pelbagai aspek warisan rohani manusia sedang digunakan sebagai komoditi untuk dibeli. Bolehkah anda berikan beberapa contoh?

5. Fikirkan platform media sosial yang mana belia muda di rantau anda sedang gunakan. Bagaimanakah penglibatan mereka di platform tersebut memberikan kesan kepada sifat persahabatan yang mereka bentukkan, pandangan mereka tentang diri mereka sendiri, dan harapan dan aspirasi mereka? Sehubungan ini, pertimbangkan kesahihan pernyataan yang berikut: Melalui penglibatan mereka dalam media sosial, belia muda boleh tanpa sedari melihat dan menonjolkan diri mereka sebagai produk-produk.

BAHAGIAN 14

Satu amaran perlu ditekankan di sini. Walaupun kesan-kesan masyarakat zaman sekarang betapa membahayakan kaum remaja, ia akan menjadi satu kesilapan untuk memberi perhatian yang berlebihan tentangnya dalam usaha-usaha anda sekarang. Ia sangat mudah untuk dipengaruhi oleh tabiat yang menganggapkan belia muda sebagai insan-insan yang lemah yang harus dilindungi sentiasa daripada kekejaman suasana sekitar. Pendekatan sedemikian tidak akan membawa kepada empowermen rohani mereka. Apa yang harus menjadi perhatian usaha anda adalah untuk mencapai kesedaran terhadap potensi mereka untuk bertindak sebagai agen-agen perubahan sosial yang berazam, dan kerelaan mereka untuk menyumbang kepada pembangunan satu masyarakat yang lebih baik. Dalam dunia yang penuh kesukaran ini, terdapat banyak contoh belia muda dalam setiap kebudayaan yang telah mengatasi keadaan-keadaan suasana persekitaran hidup mereka yang menyedihkan dan telah menunjukkan secara konsisten sikap-sikap seperti keghairahan untuk berkhidmat, keinginan untuk belajar, semangat keadilan yang tajam, dan kecenderungan kuat ke arah altruisme.

Terdapat ramai pakar pendidikan yang telah menjelaskan beberapa daripada kuasa-kuasa terpendam intelek dan rohani yang menjelmakan dirinya semasa peringkat peralihan remaja. Beberapa daripada mereka, umpamanya, telah menekankan minat yang ditunjukkan oleh belia muda terhadap masalah-masalah yang bersifat teori yang tiada kaitan dengan realiti seharian. Seorang pendidik telah menekankan peranan yang mereka boleh mainkan dalam perubahan sosial dengan menggelarkan setiap generasi kaum remaja sebagai “penjana semula yang penting dalam proses evolusi,” yang boleh “memberi kedua-dua kesetiaan dan tenaganya kepada pemeliharaan apa yang terus dianggapkan sebagai yang benar dan kepada pembetulan secara besar-besaran apa yang telah kehilangan kepentingan sifat penjanaannya.” Namun seorang lagi ahli fikir telah menyamakan mereka yang berada dalam lingkungan remaja sebagai “bekas-bekas yang organik, lengkap terbentuk namun masih membesar,” mampu menerima dengan keseluruhan “kewujudan” mereka, beliau menarik perhatian mereka terhadap potensi mereka untuk mewujudkan transformasi dan yakin bahawa pendidikan harus menggunakan kesempatan ke atas pelbagai mod persepsi serta intensiti yang mampu diwujudkan oleh para belia dalam sebarang pengalaman, dengan memperhatikan bahawa intensiti sedemikian, “bersama- sama dengan integriti kewujudan,” boleh menjadikan masyarakat manusia “satu organisma yang, hidup makmur, mengasihi sebenar, penuh riang dan penuh semangat,

berbanding satu konsep yang dingin, bersifat mekanikal dan kosong.” “Itulah keajaiban transformasi,” adalah kata-katanya, “dan itulah potensi remaja.”

Beberapa rujukan ini, bersama-sama dengan analisis beberapa bahagian yang lepas, menunjukkan bahawa dengan betapa cermat anda perlu menghuraikan satu konsepsi tentang kaum remaja. Walaupun anda pastinya akan mengkaji secara kritis pelbagai pandangan tentang perkara ini menjelang tahun-tahun yang akan datang, pemahaman anda sendiri tentang kepentingan tempoh kehidupan manusia ini akan banyak dibentuk oleh petikan-petikan tersebut daripada tulisan suci yang telah disebutkan di dalam unit ini dan unit sebelumnya. Tanpa sebarang keraguan, pastinya keyakinan anda akan disahkan oleh pengalaman anda sendiri bekerja bersama kumpulan-kumpulan belia muda.

BAHAGIAN 15

Set kepada teks-teks yang diperkembangkan oleh Institut Ruhi untuk dipelajari belia muda, serupa dengan buku-buku dalam turutan kursus utama, mungkin sekilas pandang kelihatan amat mudah, terutamanya teks-teks awal. Kesederhanaannya terletak secara besarnya pada bahasa yang digunakan dan dalam latihan-latihan yang mengiringinya. Konsep-konsep yang dikaji adalah yang kompleks dan mendalam. Aliran pemikiran yang berjalan di sepanjang bahan-bahan ini, tidak sekali pun bersifat kebodak-bodakan, dan akan mencabar para belia muda yang mengkajinya untuk merenung pada isu-isu secara mendalam. Untuk membantu anda menghargai keupayaan mereka untuk berbuat demikian, kami akan mempersembahkan kepada anda dalam bahagian ini dan dalam dua bahagian yang berikutnya beberapa idea yang diluahkan oleh beberapa belia muda itu sendiri, di mana kesemuanya telah mengalami kesan keganasan dalam apa jua caranya. Begitu banyak gambaran telah ditayangkan dalam media tentang kelakuan ganas kaum remaja sedemikian sehingga ia adalah penting untuk kita mendengarkan cerita-cerita mereka tentang kehilangan dan harapan yang tidak diceritakan.

Cerita yang pertama adalah daripada seorang belia yang berumur tiga belas tahun—kami memanggilnya Peter untuk merahsiakan identiti sebenarnya—dia telah saksikan kesan-kesan keganasan dan peperangan sejak dia berumur lapan tahun. Ketika dia berusia tiga belas tahun dia mula mempromosikan keamanan di sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan belia, sambil menerima akibatnya, yang termasuk ejekan yang kasar daripada beberapa orang rakan sebayanya:

Tiada apapun daripadanya yang telah mengganggu saya. Keluarga saya percaya bahawa adalah penting untuk mengambil berat tentang komuniti dan membuat apa sahaja untuk membantu. Walaupun saya masih berusia tiga belas tahun, saya dapat saksikan bahawa masalah-masalah terbesar yang menghadapi kami ialah keganasan dan peperangan. Keamanan sangat diperlukan lebih daripada segala sesuatu. Memang, ia adalah sukar bagi seorang kanak-kanak untuk cuba mewujudkan keamanan, tetapi untuk mencuba merupakan satu-satunya cara agar sesuatu dapat berlaku. . . .

Begitu banyak penipuan telah disebutkan di negara saya selama bertahun-tahun sehingga orang ramai tidak tahu apa atau siapa untuk dipercayai. Mereka tidak boleh selalu percayakan surat khabar, radio atau televisyen, ahli-ahli politik, atau kumpulan-kumpulan bersenjata—tetapi apabila mereka mendengar kanak-kanak

bercakap tentang keganasan dan caranya ia mempengaruhi kita dan betapa kita mahukan keamanan, mereka sedar bahawa mereka sedang mendengar kebenaran. . . .

Sesetengah orang berkata bahawa mereka sedang berjuang demi orang miskin, tetapi orang-orang miskinlah yang telah menderita lebih daripada yang lain dalam peperangan ini. Saya rasa terdapat beberapa juga yang sedang berlawan untuk membalas dendam, atau demi kuasa, atau kerana mereka rasa mereka tidak ada pilihan lain. Beberapa orang pemuda menyertai kumpulan-kumpulan bersenjata atas sebab keluarga mereka miskin dan mereka tidak dapat melihat jalan keluar yang lain.

Peter dan keluarganya telah diancam di pertengahan persengketaan awam dan terpaksa berpindah keluar dari rumah mereka. Ayahnya telah berulang alik antara pejabatnya dan ladang di mana mereka tinggal, tetapi ketenangan yang sementara ini tidak dapat dikekalkan. Sokongannya yang aktif bagi proses keamanan akhirnya telah membawa kepada pembunuhannya:

Saya ingat bahawa saya sedar tentang peperangan sebab saya hidup di tengah-tengah perselisihan tersebut. Terdapat pertempuran di jalan-jalan raya pada waktu malam. Kerap kali saya pernah dibangunkan oleh bunyi tembakan. Apabila saya pergi ke sekolah pada waktu pagi, saya telah saksikan bukti-buktinya—darah di tepi jalan, bangunan-bangunan yang dihancurkan oleh peluru. Dan saya juga telah saksikan mangsa-mangsanya di tempat mayat, yang berada tidak jauh dari pejabat ayah saya.

Saya telah bercakap tentangnya dengan penuh yakin, seolah-olah saya tahu apakah maksud peperangan sebenarnya – tetapi apabila ayah saya telah dibunuh, hati saya berkecai bukan hanya disebabkan oleh kesedihan, tetapi kerana pada ketika itu barulah saya sedar maksud peperangan itu. Saya sedar akan perasaan untuk ingin turut berlawan. Saya menyedari bahawa tak kira betapa banyak kita mahukan keamanan, kita akan mengambil selangkah ke arah keganasan apabila peperangan itu menimpa anda secara peribadi. Inilah perangkap yang telah memerangkap ramai orang di negara saya. . . .

Semuanya tak sama selepas kejadian itu. Rumah kami umpama rangka kosong. Jalan-jalan yang lazim dikenali nampak begitu aneh. Tiada apa pun dan mana-mana tempat pun yang rasa selamat. Saya rasa bahawa segala usaha saya demi keamanan sia-sia sahaja sebab ia tidak menyelamatkan ayah saya. Keganasan mengerikan yang telah meliputi bandar kami akhirnya telah menyerang kalbu keluarga saya—dan saya tidak dapat menghalangnya. Saya menyalahkan diri saya sendiri. Saya tanya diri saya, ‘Apakah yang saya telah lakukan sehingga ayah saya perlu mati dengan cara yang begitu kejam?’

Keluarganya terus-menerus menerima ancaman, dan Peter telah membeli selaras pistol untuk melindungi orang kesayangannya. Pada suatu petang, sepuluh hari selepas ayahnya telah dibunuh, semua ahli keluarga Peter telah berkumpul di tingkat atas rumah mereka. Apabila dia turun ke bilik dapur, dia ternampak seorang penceroboh di kebun yang membawa sepucuk senapang dan sedang memandang ke arah tingkap-tingkap di tingkat kedua:

Saya tahu bahawa saya boleh mengambil pistol saya dan membunuh lelaki ini... Ia akan membalas dendam bagi kematian ayah saya. Saya juga akan melindungi keluarga saya. Dan tiada sesiapa pun di negara saya yang akan menyalahkan saya kerana membunuh lelaki ini... Namun walaupun kesemua ini memang benar, saya tidak melakukan apa-apa pun... Ayah saya inginkan saya berusaha demi keamanan. Bagaimana saya boleh melakukan keganasan sekarang? Satu-satunya cara yang saya dapat memberi penghormatan dan kasih sayang kepada ayah saya, dan satu-satunya cara saya boleh menyelamatkan keluarga saya ialah dengan membina keamanan. Membunuh lelaki itu tidak akan membawa keamanan bagi saya, atau keluarga saya atau negara saya. Manakala, dengan membunuh lelaki itu, saya akan kehilangan semuanya. Saya akan menjadi lebih kurang sama dengan lelaki ini.

Peter memerhatikan lelaki itu secara senyap, yang setelah seketika dan tanpa sebarang sebab yang jelas, telah berpaling dan beredar. Peter membuangkan pistolnya dan telah berjanji tidak akan memilikinya lagi.

Sebelum membaca cerita yang selanjutnya, anda mungkin mahu mengenalpasti beberapa sifat-sifat Peter yang penting dan sebutkan sedikit tentang keupayaannya untuk berfikir tentang perkara-perkara yang mendalam.

BAHAGIAN 16

Mary—juga nama semata-mata—dibesarkan dalam satu persekitaran di mana ancaman konflik sentiasa berlaku; dia telah menyedari akibat membantah keputusan satu kelompok rakan-rakan ketika umur yang muda lagi:

Semasa saya berumur sebelas tahun saya telah mengalami sikap menyendiri, sebab saya enggan memihak dalam satu perselisihan. Sekumpulan rakan saya telah menuduh seorang gadis di kelas saya sebagai pencuri dan satu konflik yang besar telah bangkit. Saya terpaksa memihak gadis ini atau menentanginya, dan semua rakan-rakan saya telah menentanginya. Semua orang menjangkakan bahawa saya akan bersependapat dengan mereka, tetapi tiada sebarang bukti bahawa gadis ini seorang pencuri. Saya tidak pasti. Saya juga tidak mahu menentang rakan-rakan saya, maka saya tidak berkata apa-apa. Semua orang menjadi marah dengan saya, dan selama setahun, tidak sesiapa pun bercakap dengan saya.

Mary telah berkawan dengan seorang pemuda lelaki, dan walaupun gadis-gadis lain mengejeknya mengenai lelaki itu, dia telah membangunkan perasaan cinta terhadapnya.

Mereka selalu berjalan lama bersama dan bercakap tentang masa depan mereka sehingga pada satu hari, dia mendapati lelaki itu sedang membersihkan sepucuk pistol yang dia tidak sedar telah dimiliki olehnya:

Apabila saya masuk, dia tersenyum, seolah-olah dia tidak melakukan sesuatu yang janggal. Saya sentiasa bencikan keganasan, bencikan senjata api, dan bencikan peperangan. Dia cuba memberi alasan, seperti orang lain juga, tetapi saya telah nyatakan dengan serta merta bahawa hubungan antara kami telah tamat. "Saya tidak mahu cara hidup yang demikian bagi diri saya dan bagi anak-anak saya", Saya katakan. Saya masih muda ketika itu dan ia nampak seperti satu peristiwa yang melucukan sekarang, tetapi saya telah rasa seolah-olah dunia saya sedang berpecah dua.

Markah pencapaian Mary mula merosot selepas peristiwa tersebut dan ibunya semakin bimbang. Kemudian Mary telah berbual dengan salah seorang gurunya:

Saya telah meluahkan seluruh cerita kepada seorang kawanku, pistol itu, kesenyapan sahabat-sahabatku, ejekan gadis-gadis itu, rasa malu diri saya, dan hati yang terluka. Beliau tidak ketawakan saya, atau membuatkan saya rasa muda dan tidak munasabah. . . .

"Kamu harus sedar," Beliau berkata kepada saya, "bahawa kamu memegang masa depan kamu dalam genggam tangan dirimu sendiri. Masa depan kamu tidak dimiliki oleh orang lain, termasuk ibu bapa kamu sendiri, dan lebih-lebih lagi budak lelaki ini. Ia milik kamu sendiri dan kamu boleh melakukan apa sahaja dengannya."

Ketika berumur empat belas tahun, Mary telah menjadi seorang ketua pelajar di sekolahnya dengan mempromosikan keamanan di kalangan rakan sebayanya dan pelajar yang lebih muda. Yang berikut adalah beberapa daripada fikiran yang meliputi mindanya pada masa itu:

Kami sedar bahawa menghapuskan kemiskinan akan membantu menamatkan peperangan, tetapi kami tidak dapat melakukan apa-apa pun tentangnya. Kami sedar bahawa mengurangkan bilangan yang tidak bekerja akan membawa manfaat, tetapi kami tidak dapat melakukan apa-apa tentang hal itu juga. Kami tidak dapat menghentikan peluru-peluru dan parang-parang. Kami tidak dapat menamatkan keganasan. Tetapi kami percaya bahawa kami boleh bermula membina keamanan dalam kalangan kami sendiri. . . .

Saya tahu bahawa bekerja untuk membina keamanan memang berbahaya, dan Saya amat sensitif terhadap apa sahaja yang bukan biasa. Kadang-kala hanya rasa takut bahawa sesuatu yang buruk mungkin berlaku, khususnya kepada keluarga saya, menjadikan saya menangis dan saya berasa ingin melarikan diri sahaja. Namun kanak-kanak yang lain bergantung kepada saya, dan dalam satu segi saya rasa anak-anak saya yang belum lahir juga bergantung kepada saya. Saya tidak dapat melarikan diri, tidak kira betapa berasa takutnya saya. Saya hanya dapat berjaga-jaga dan cuba kekal selamat.

Apakah antara sifat-sifat Mary yang cemerlang?

BAHAGIAN 17

Yang berikut adalah petikan-petikan daripada tiga orang pemuda yang lain, setiap satunya meluahkan fikiran yang paling mulia dan emosi yang menyentuh hati. Yang pertama adalah daripada kata-kata seorang gadis yang berumur enam belas tahun, yang mana rakan terbaiknya telah terlibat dalam satu pergaduhan geng dan telah ditikam mati semasa dia berusia dua belas tahun. Dia tidak pernah melupakan kawannya dan telah memutuskan untuk mengabdikan diri kepada usaha mempromosikan keamanan. Selepas itu, dia telah mula membantu kanak-kanak yang dipengaruhi oleh keganasan:

Kanak-kanak semuda umur lapan atau sembilan tahun turut menyertai geng-geng disebabkan mereka menganggapnya sesuatu yang mengagumkan atau sebab mereka ingat geng-geng tersebut akan memberikan perlindungan kepada mereka di luar. Dalam kebanyakan situasi, mereka cuma sedang cuba melarikan diri daripada keganasan di rumah, tetapi mereka telah terjumpa sesuatu yang lebih teruk lagi di luar.

Saya terpaksa mengambil bas ke, tetapi kebanyakan daripada pemandu bas tahu tentang kerja yang saya sedang cuba melakukan. Mereka hanya mengenakan bayaran setakat mana yang saya mampu bayar dan sering kali mengizinkan saya menumpang secara percuma. Perjalanan ke membelok ke atas, melalui pondok-pondok yang terletak rapat dengan jurang-jurang yang amat curam. Bukit-bukit berparut secara mendalam di tempat-tempat di mana batu bata telah dikeluarkan untuk digunakan bagi projek-projek pembinaan. Kerja sedemikian amatlah sukar, sangat meletihkan dan gajinya juga amat kurang, tetapi ramai kanak-kanak dari keluarga-keluarga yang tiada naungan bekerja di tapak-tapak sebegini. Keluarga mereka telah ditimpa kemiskinan yang begitu mendalam sehingga kanak-kanak berhenti sekolah dan membuat apa sahaja yang mereka boleh untuk mendapat pendapatan.

Dari jalan raya, saya berjalan di dalam lumpur yang dalam sehingga ke pergelangan kaki, melintas sebuah jambatan sementara yang melintasi sebatang sungai yang busuk dan tercemar. Sekolah itu terdiri daripada enam bilik yang kopak-kapik, yang berkelompok di bawah bumbung timah. Meja-meja kayu berpecah-pecah. Sampah sarap tersebar di tepi bilik darjah. Tiada bekalan elektrik. Satu daripada bilik darjah tidak berbumbung dan tidak bertingkap. Lantainya adalah lantai tanah. Hujan memetir dengan begitu kuat atas bumbung sehingga semua orang terpaksa berteriak supaya kedengaran, dan terdapat kebocoran di

merata tempat. Satu dinding bilik darjah dihiasi dengan lukisan kanak-kanak, iaitu lukisan rumah-rumah yang indah yang begitu kontras dengan kawasan di sekelilingnya. Barangkali inilah gambaran-gambaran rumah-rumah yang mereka pernah memiliki pada suatu masa dahulu atau yang mereka berhasrat untuk memiliki di masa depan. . . .

Ramai ibu bapa berwajah sedih. Mereka bercakap secara kasar dengan anak-anak mereka, dengan memanggil nama. Tetapi semasa bengkel latihan mereka kadang-kadang mula berubah. Beberapa daripada mereka beranggapan bahawa mereka terpaksa memukul anak mereka supaya anak itu akan berkelakuan baik, tetapi mereka kemudiannya sedar bahawa memukul anak juga boleh memaksa mereka keluar dari rumah.

Dua perenggan yang berikutnya merupakan pemikiran seorang gadis muda yang telah melarikan diri dari rumah ketika berumur sebelas tahun, menjadi penagih dadah, dan telah diselamatkan oleh bantuan tekad seorang rakan, dan akhirnya telah menyertai suatu pergerakan belia yang berdedikasi terhadap keamanan:

Amat sukar untuk menjelaskan bagaimana kelihatannya kehidupan kita sebenarnya. Saya berasa takut untuk mengakui bahawa tak kira betapa keras anda cuba untuk membina keamanan, anda masih boleh ditarik balik kepada keganasan... Saya sentiasa berhasrat untuk menyelamatkan diri daripada kehidupan ini. Amat sukar untuk mengakui tetapi masa sekarang ini saya sedang menyimpang keluar daripada pergerakan keamanan. Saya telah berbohong kepada diri sendiri dan berpura-pura kepada kawan-kawan saya bahawa semuanya baik. Tetapi ia tidak benar. Kadang-kadang saya menjadi mabuk. Setiap malam ada pergaduhan di rumah. Jika mereka tidak berteriak kepada saya, ibu dan ayah tiri saya akan berteriak antara satu sama lain. Saya tidak dapat tahan lagi, oleh itu saya melarikan diri, dan ada banyak di luar yang boleh membawa keburukan kepada seorang pemuda.... Saya melangkah di atas dua jalan pada masa yang sama dan saya masih berharap bahawa saya dapat berjalan di jalan keamanan setiap masa. Saya rasa perjuangan saya dan caranya saya menyelamatkan diri akan bermakna... Saya percaya bahawa pemuda-pemudi boleh melakukan lebih banyak lagi demi keamanan sekiranya orang dewasa rela bekerjasama, mendengar apa yang kami telah belajar dan berusaha bersama kami. Jika kami mendapat keamanan di rumah, ia adalah satu permulaan yang besar.

Petikan terakhir ini menceritakan pengalaman seorang pemuda berumur lima belas tahun yang mana abangnya telah diculik oleh suatu kumpulan revolusi. Beberapa lama kemudian, keluarganya menerima berita daripadanya sewaktu dia masih berada dalam tawanan, dan mereka diizinkan untuk berhubung dengan dia:

Saya telah menghantarkan puisi-puisi kepadanya, untuk memberikan semangat kepadanya supaya tetap yakin dan penuh harapan. Saya memberitahunya bahawa saya mendengar nasihatnya dan tekun belajar. Saya berasa amat gembira apabila dia membalas dan berkata, "Saya amat gembira dengan pencapaian baik kamu di sekolah... di situlah di mana saya telah silap. Saya amat menyesal saya tidak memanfaatkan sepenuhnya pendidikan saya... Umpamanya, saya benar-benar tidak suka membaca ... akan tetapi di sini saya telah membaca lebih daripada tiga puluh buah buku yang terdiri daripada pelbagai tajuk dan ada banyak lagi untuk dibaca.

Saya juga menggunakan kamus dan mencari makna perkataan-perkataan aneh yang saya tidak kenali... Saya tak mungkin akan melakukan semua ini secara rela sebelum ini. . . .”

Walaupun dia nampaknya selamat, saya tetap bimbang. Kalaupun saya dapat bercakap dengan orang-orang yang menahan abang saya, saya akan merayu kepada mereka supaya bersimpati dan memahami penderitaan yang diakibatkan oleh mereka.

Saya rasa pengampunan merupakan yang asas sekiranya kita ingin mencapai keamanan. Peperangan tidak akan tamat tanpa pengampunan. Khususnya ia amat penting bagi orang-orang seperti kami yang telah menderita untuk mengampuni.

Saya rasa inilah yang saya sedang memperjuangkan—saya berjuang demi pengampunan.

Bincangkan dalam kumpulan anda beberapa sifat-sifat yang ditunjukkan oleh beliau-belia yang telah disebutkan dalam bahagian ini, dan tuliskan beberapa daripada pemikiran anda.

BAHAGIAN 18

Akhir sekali, tidak ada sebarang penerokaan terhadap sifat remaja, tidak kira betapa ringkasnya, dapat menafikan kehidupan Rúhu'lláh, seorang wira muda dalam Kepercayaan yang, pada umur dua belas tahun, dengan gembira telah meminum daripada cawan kematisyahidan. Pada umur tujuh tahun, Rúhu'lláh telah dikurniakan satu peluang untuk menemani ayahnya, Tangan Kepercayaan Tuhan Varqá, dan abangnya ke penziarahan ke Tanah Suci. Rúhu'lláh penuh dengan semangat kerohanian semasa di kawasan suci itu dan menikmati sinaran kehadiran Bahá'u'lláh. Pada satu hari, kita diberitahu, Bahá'u'lláh bertanya kepada Rúhu'lláh, ‘Apa yang kamu lakukan hari ini?’

Dia menjawab, “ Saya telah belajar daripada [seseorang guru].”

Bahá'u'lláh bertanya lagi, “Apakah tajuk pelajaran anda.”

“Tentang kepulauan [nabi-nabi]”, jawab Rúhu'lláh.

“Bolehkah kamu jelaskan maknanya?” tanya Bahá'u'lláh.

Dia menjawab: “Kepulangan itu bererti kepulangan hakikat-hakikat dan sifat-sifat.”

“Yang itu adalah sepenuhnya kata-kata guru kamu,” kata Bahá'u'lláh “Beritahu saya dengan kata-kata kamu sendiri pengertian kamu tentang perkara itu.”

Dengan itu, Rúhu'lláh menjawab: “Ia adalah umpama memotong sekuntum bunga daripada sebuah pohon tahun ini. Bunga tahun depan akan kelihatan betul-betul serupa dengan bunga ini, tetapi ia bukan yang sama.”

Kepintaran jawapan Rúhu'lláh begitu menggembirakan Bahá'u'lláh, Yang sentiasa memanggilnya Jináb-i-Muballigh (Yang terhormat, pengajar Bahá'í).

Terdapat beberapa cerita lain yang mempamerkan sifat-sifat unggul Rúhu'lláh. Adalah sememangnya benar bahawa, dia bukan sebarang anak muda yang biasa kerana dapat mencapai puncak pengorbanan seperti yang dicapai olehnya ketika berusia dua belas tahun. Pengabdian kepada Kepercayaan dan pengorbanan di jalan Kekasih tidak perlu tamat dengan mati syahid. Namun dengan keinginan dan keriangian tak terhingga yang begitu mendalam telah Rúhu'lláh menjelaskan misteri pengorbanan dalam sebahagian daripada petikan puisinya di bawah.

Daripada cawan kurnia ilahi izinkan daku minum
Dan sucikan daku daripada dosa dan kelemahan;
Sebab walaupun dosa-dosaku memang besar,
Rahmat Tuhanku lagi besar daripadanya.

Selamat datang, wahai pembawa cawan majlis ilahi!
Datanglah engkau, segarkanlah rohku dan jadikanlah
daku layak bagi pengorbanan
Di jalan Kekasih Tertinggi.

Kumpulan belia muda yang anda akan kendalikan tidak akan hidup seperti kehidupan Rúhu'lláh. Namun, petikan-petikan yang dipetik di sini dan dalam beberapa bahagian sebelum ini, memberi satu petanda kepada kemuliaan yang dapat ditonjolkan seorang manusia pada usia yang begitu muda. Kita diingatkan kepada pernyataan yang telah dibuat pada awal unit ini bahawa meningkatkan kesedaran semasa zaman remaja boleh disalurkan kepada salah satu daripada dua arah – penyerahan diri kepada Kehendak Tuhan dan khidmat kepada umat manusia secara mengorbankan diri atau terhadap kurungan dalam penjara keakuan dan nafsu. Dalam perbincangan beberapa bahagian yang seterusnya, kita akan menerokai sifat-sifat keremajaan, potensi-potensi belia muda, dan pengaruh-pengaruh persekitaran terhadap kehidupan mereka. Mungkin inilah masa yang sesuai bagi anda untuk berhenti sejenak dan menulis beberapa perenggan tentang apa yang anda anggap sekarang sebagai potensi-potensi dalaman belia muda dan apa yang perlu dilakukan untuk memastikan perkembangan kuasa-kuasa rohani dan intelektual mereka.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAHAGIAN 19

Setelah menerokai sebahagian besar daripada unit ini tentang potensi-potensi remaja muda, kami perlu sebutkan sepetah dua tentang penyertaan kamu dalam program empowermen rohani belia muda. Salah satu daripada kerinduan yang paling kuat seorang belia muda ialah untuk tergolong dalam sekumpulan rakan sebaya. Belia akan mendapatinya amat meyakinkan untuk berpaling kepada rakan-rakan yang memahami dan bersimpati dengan mereka untuk meminta nasihat. Oleh itu, ia adalah satu tindak balas yang semula jadi bagi satu keperluan yang sebenar untuk program itu diatitkan sekitar konsep satu “kumpulan belia muda”, di mana ahlinya akan bertemu bersama secara kerap dan dibimbing secara sistematik untuk bertindak dan belajar. Suasana perjumpaan-perjumpaan tersebut, walaupun gembira, mesra dan karib, tidak sepatutnya bersifat tidak serius. Ia harus menyumbang kepada pembangunan sifat-sifat dan sikap-sikap yang diperlukan bagi satu kehidupan khidmat kepada Kepercayaan dan umat manusia. Dalam aturan sebegini, ahli-ahli kumpulan, yang bebas daripada perasaan takut kepada celaan atau ejekan, akan dapat menyatakan fikiran-fikiran mereka dan mencari jawapan

kepada persoalan-persoalan yang memenuhi minda mereka. Mereka akan belajar untuk mendengar, bercakap, membuat renungan, menganalisis, membuat keputusan dan bertindak atas keputusan-keputusan mereka.

Dalam setiap kumpulan, perlu ada seorang yang lebih dewasa, yang akan menjadi sahabat sejati kepada belia dan akan membantu mereka dalam perkembangan keupayaan-keupayaan mereka. Orang-orang yang melaksanakan fungsi yang sedemikian dikenali sebagai “animator”. Kehadiran animator akan membantu ahli-ahli dalam kumpulan untuk tetap penuh harapan dan yakin bahawa mereka bukan sahaja dapat melindungi diri mereka daripada daya-daya kemerosotan moral yang sedang beroperasi dalam masyarakat di sekeliling mereka tetapi juga menyumbang kepada pembaikannya. Walaupun mengabdikan sebagai animator bukan satu hak istimewa sebarang usia, belia-belia yang tujuh belas dan ke atas biasanya menjadi animator-animator yang cemerlang sebab mereka akan mendapati ianya senang untuk melayan belia muda bukan seperti kanak-kanak tetapi sebagai rakan setaraf, dan menggalakkan mereka untuk menanya soalan, mencari penjelasan, dan melibatkan diri dalam penyiasatan realiti. Dalam perenggan di bawah, 'Abdu'l-Bahá meluahkan harapan-Nya bahawa insan-insan muda akan dipupuk:

“Ia adalah impian 'Abdu'l-Bahá bahawa insan-insan belia di dalam bilik pelajaran ilmu yang mendalam itu akan diasuh oleh seorang yang akan melatih mereka untuk mencintai. Semoga kesemua mereka itu, melalui pencapaian-pencapaian roh, belajar dengan bersungguh-sungguh misteri-misteri yang tersembunyi dengan begitu baik sekali sehingga di Kerajaan Yang Maha Agung, setiap dari mereka, bagaikan burung bulbul yang memiliki kuasa bercakap, akan laungan rahsia-rahsia Alam Syurgawi, dan bagaikan pencinta-pencinta yang rindu akan mencurahkan hasrat mendesak dan keperluan mutlaknya bagi Kekasih.”³²

Sebuah kumpulan belia muda bukanlah satu kelas kanak-kanak. Ia mempunyai beberapa ciri kelompok belajar, tetapi fungsi utamanya ialah membekalkan satu persekitaran saling menyokong bagi ahli-ahlinya, satu persekitaran di mana mereka boleh membangunkan persepsi rohani dan corak pemikiran dan kelakuan yang akan mencirikan mereka sepanjang kehidupan mereka. Setelah menyertai pelbagai kursus Ruhi Institut, anda berpengalaman secara terus sebagai seorang peserta dalam sebuah kelompok belajar dan mungkin pernah mengajar beberapa kelas kepada kanak-kanak selepas mengkaji kursus yang ketiga. Lihatlah senarai ciri-ciri di bawah. Bagi setiap satunya, bincangkan dengan peserta-peserta kursus ini, apakah persamaan dan perbezaan yang anda jangka akan didapati antara sebuah kelas kanak-kanak, sebuah kumpulan belia muda, dan sebuah kumpulan belajar.

- Sifat aktiviti itu
- Hubungan antara para peserta
- Suasana pertemuan kumpulan
- Peranan seseorang yang menjalankan khidmat itu — iaitu, guru, animator, atau tutor

BAHAGIAN 20

Apabila anda membaktikan diri dalam bidang khidmat ini, anda akan mendapati bahawa keberkesanan usaha anda bergantung, secara besarnya, ke atas kualiti hubungan yang

anda bina dengan ahli-ahli belia muda kumpulan yang anda akan bantu tubuhkan. Tentu sekali, anda akan sedia mendengarkan mereka, memberi mereka nasihat, dan menyenangkan hati mereka jika perlu. Kepercayaan teguh anda dalam integriti mereka, penghormatan kamu dan cinta yang tulen bagi setiap satu daripada mereka, akan memotivasikan mereka untuk berusaha demi kecemerlangan. Anda perlu mendemonstrasikan komitmen anda terhadap kebajikan dan kemajuan mereka, tanpa sebarang kesan paternalisme, menganggap diri sendiri yang betul, atau pengawalan sikap authoritarian — iaitu sikap-sikap yang tidak memberi ruang bagi belia muda untuk berkembang maju. Dan anda perlu menggunakan setiap kesempatan untuk mengukuhkan asas-asas keimanan sejati dalam kalbu-kalbu dan minda-minda mereka, dan menanamkan dalam diri mereka harapan bagi satu masa depan yang cerah. ‘Abdu’l-Bahá menyeru kita:

“Pertama sekali, bersedialah untuk mengorbankan nyawa anda bagi satu sama lain, untuk mementingkan kebajikan umum daripada kebajikan diri sendiri. Wujudkanlah perhubungan-perhubungan yang tiada apapun dapat lemahkan, bentukkanlah satu perkumpulan yang tiada apapun dapat ceraikan; milikilah satu minda yang tak berhenti untuk memperoleh kekayaan yang tiada apapun dapat musnahkan. Kalau cinta tidak wujud, apa lagi yang akan tinggal daripada realiti kewujudan? Ia adalah api cinta Tuhan yang menjadikan manusia lebih unggul daripada binatang. Kukuhkanlah kuasa yang lebih unggul ini yang melaluinya kemajuan di dalam dunia ini dicapai.”³³

Bincangkan bagaimana sikap-sikap yang berikut akan menjadikan ahli-ahli kumpulan belia muda tidak berdaya dan apakah fikiran-fikiran, sentimen dan kelakuan yang akan membantu seorang animator untuk menentang kecenderungan-kecenderungan ini.

Paternalisme: _____

Menganggap diri sendiri yang betul: _____

Pengawalan authoritarian: _____

BAHAGIAN 21

Hubungan kamu dengan ahli-ahli sebarang kumpulan belia muda juga banyak dipengaruhi oleh tingkah laku kamu sebagai teladan. Pengaruh seorang teladan dalam kehidupan seorang muda tidak boleh dipandang remeh. Sehubungan dengan itu, usaha kita sendiri, untuk menyucikan kalbu kita menjadi sangat penting. “Materialisme keterlaluan”; “ikatan terhadap benda-benda duniawi yang menutupi roh-roh manusia; ketakutan dan kerisauan yang mengganggu fokus minda mereka; keseronokan dan pembaziran tenaga yang mengisi masa mereka; prasangka dan kesangsian yang menggelapkan pandangan mereka; ketidakpedulian dan kelesuan yang melumpuhkan fakulti-fakulti rohani mereka” merupakan “beberapa daripada halangan sukar yang”, Wali nyatakan, “menghalang perjalanan setiap perwira dalam khidmat kepada Bahá’u’lláh”. Dia mengingatkan kita selanjutnya bahawa kebolehan kita untuk menghalang daya-daya sedemikian bergantung besar kepada tahap mana kita sendiri menyucikan “benda-benda asing ini”, dibebaskan daripada “tumpuan sia-sia dan kebimbangan yang menggelisahkan ini,” bebas daripada “prasangka-prasangka dan antagonisme ini,” “mengosongkan diri,” dan “diisi dengan kesembuhan dan kuasa pengekalakan Tuhan”.

Apakah antara implikasi-implikasi seruan Wali terhadap usaha-usaha anda untuk menyumbang kepada empowermen rohani belia muda?

BAHAGIAN 22

Sebagai seorang rakan sejati kepada belia muda serta seorang penasihat yang arif kepada mereka, adalah wajib bagi anda untuk mengiringi mereka di saat-saat keriang dan di waktu kesukaran. Mereka sentiasa akan memerlukan dorongan untuk mencapai puncak-puncak kecemerlangan yang semakin lebih tinggi. Ini memerlukan anda untuk fokus pada pencapaian-pencapaian mereka dan bukan pada kesilapan mereka supaya dapat membantu mereka. Anda akan memberikan galakan, tetapi tentunya bukan dengan cara yang meninggikan ego. Anda

akan fokus kepada pencapaian-pencapaian, namun tidak takut untuk memberi nasihat apabila anda melihat mereka berada dalam situasi-situasi yang akan melanggar integriti moral mereka.

Untuk memikirkan tentang sifat persahabatan anda dengan kumpulan belia muda, bacakan petikan daripada utusan yang ditulis bagi pihak Wali. Walaupun ia menghuraikan tentang perhubungan institusi-institusi Akidah dengan individu, ia juga berkaitan dengan usaha anda sebagai seorang animator kepada satu kumpulan belia muda:

“Para penganut, kebanyakannya, adalah yang muda dalam Kepercayaan, dan sekiranya mereka melakukan kesilapan, ia tidak begitu penting, lebih teruk jika semangat mereka dihancurkan akibat disuruh selalu—buat ini dan jangan buat itu!”³⁴

Bincangkan mengapakah semangat seorang pemuda boleh dihancurkan dengan sentiasa mengingatkannya tentang kesilapan-kesilapannya dan sentiasa diberitahu apa yang harus dilakukan atau yang tidak harus dilakukan. Tuliskan pemikiran anda di sini.

Galakan itu bukannya sama dengan pujian sembarangan; ia harus ikhlas dan bebas daripada hipokrit, jika tidak ia akan sama ada membawa kepada keangkuhan atau hilang kepercayaan. Di bawah adalah beberapa contoh bagaimana 'Abdu'l-Bahá telah memberi galakan kepada pengikut-pengikut dalam usaha-usaha mereka mengabdikan kepada Kepercayaan.

“ Sesungguhnya Aku memuji Tuhan kerana Ia telah mengesahkan kamu dalam khidmat kepada Kepercayaan Tuhan dalam kebun anggur-Nya yang maha besar.”³⁵

“Sesungguhnya Aku memuji Tuhan Yang Maha Luhurku kerana memilih kamu untuk menyeru Nama-Nya dalam kalangan manusia, kerana memikat kamu kepada keindahan El-Abha dan kerana mengukuhkan kamu untuk melaksanakan Kepercayaan -Nya berjaya.”³⁶

“Tuhan telah menyucikanmu daripada kezaliman apabila Dia telah benamkanmu di dalam lautan rahmat-Nya dan membolehkan kamu minum daripada cawan keimanan dan wain ilmu yang suci. Tahniah! Tahniah! kerana engkau telah hasratkan ketiadaan kehendak dirimu demi kehendak Tuhan, telah inginkan peningkatan cinta kepada Tuhan, dan perkembangan ilmu Tuhan dan keikhlasan di jalan Tuhan.”³⁷

“Wahai kekasih-kekasih rohaniku! Terpujilah Tuhan, kerana anda telah mengetepikan tabir-tabir dan mengiktirafkan Kekasih yang penyayang, dan telah

segera berangkat daripada tempat tinggal ini ke alam yang tidak bertempat. Engkau telah mendirikan khemah-khemahmu di alam Tuhan, dan untuk memuji-Nya, yang Hidup Sendiri, engkau telah menaikkan suara yang manis dan telah nyanyikan lagu-lagu yang menembusi kalbu. Tahniah! Seribu kali tahniah! Kerana engkau telah saksikan Cahaya yang dijelmakan, dan di dalam wujudmu yang dilahirkan semula, engkau telah naikkan seruan, ‘Diberkatilah Tuhan, yang terbaik antara segala pencipta!’”³⁸

“Wahai kau yang ikhlas, kau yang penyayang, kau yang terpicat seolah-olah daya magnet, kau yang telah bangkit untuk mengabdikan kepada Kepercayaan Tuhan, untuk memuliakan Kalimat-Nya dan menyebarkan harum manis-Nya di merata-rata tempat! Saya telah membaca surat kamu yang cemerlang, yang elok dalam gayanya, fasih dalam perkataannya, mendalam dalam maknanya, dan saya memuji Tuhan dan bersyukur kepada-Nya kerana telah membantu kamu dan membolehkan kamu untuk mengabdikan kepada-Nya di dalam taman-Nya yang meluas.”³⁹

“Surat anda adalah umpama sejambak bunga dan daripada jambak bunga tersebut harum keimanan dan keyakinan dapat dihidu. Tahniah! Tahniah! Kerana engkau telah memalingkan wajahmu terhadap Kerajaan ghaib. Baik sekali! Baik sekali kerana engkau terpicat kepada Keindahan Yang Mulia, Yang Maha Berkuasa! Tahniah! Tahniah! Betapa gembiranya engkau kerana telah mencapai Hadiah Terbesar ini!”⁴⁰

Diinspirasikan oleh cara ‘Abdu’l-Bahá memujikan rakan-rakan, sila jelaskan dalam beberapa ayat bagaimana anda akan memberi semangat kepada ahli-ahli kumpulan yang anda akan mendorong tidak lama lagi.

BAHAGIAN 23

Akhir sekali, anda harus ingat bahawa usaha-usaha anda untuk membina hubungan persahabatan yang mendalam dengan ahli-ahli kumpulan dalam satu kumpulan belia muda dan menggalakkan mereka untuk berjuang menuju kecemerlangan akan membuahkan hasil bergantung kepada setakat mana anda dapat mewujudkan satu persekitaran yang riang.

“Keriangian memberikan kita sayap! Di masa-masa riang kekuatan kita lebih tinggi, intelek kita lebih tajam, dan pemahaman kita lebih jelas. Kita lebih

berdaya untuk menghadapi dunia dan untuk mencari alam keberkesanan diri kita sendiri.”⁴¹

Untuk mewujudkan satu persekitaran yang riang bagi kumpulan anda, anda perlu berasa riang. Fikirkan tentang beberapa belia muda yang anda sudah kenal yang mungkin membentuk sebahagian daripada sebuah kumpulan yang anda akan libatkan. Apakah fikiran-fikiran tentang mereka yang membawa keriangian kepada anda?

Apakah beberapa langkah yang anda boleh laksanakan untuk membawa keriangian ke dalam perjumpaan kumpulan sebegini, tanpa menjadikannya semberono?

Dengan perkara ini dalam minda, bacakan petikan di bawah daripada utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia:

“Keriangian dalaman yang dicari oleh setiap individu, tidak sama seperti emosi yang berlalu, tidak dipengaruhi oleh pengaruh luaran; ia adalah satu keadaan, lahir daripada kepastian dan pengetahuan secara sedar, diperkukuhkan dengan sebuah hati yang suci, yang dapat membezakan antara yang berkekalan dan yang bersifat sementara.”⁴²

Marilah kita menamatkan kajian unit ini dengan merenung pada kata-kata ‘Abdu’l-Bahá yang berikut:

“Hadiah terbesar bagi manusia adalah cinta universal—magnet yang menyebabkan kewujudan yang berterusan. Ia menarik realiti-realiti dan membekalkan keriangian tak terhingga bagi kehidupan. Jika cinta ini menembusi kalbu manusia, semua daya-daya di alam semesta akan disedari olehnya, kerana ia adalah satu kuasa ilahi yang membawanya ke satu kedudukan ilahi dan dia tidak

akan dapat maju sehinggalah dia diterangi olehnya. Berusahalah untuk meningkatkan kuasa-cinta kepada realiti, untuk menjadikan kalbu anda pusat penarikan yang lebih hebat dan untuk mencipta ideal-ideal dan perhubungan-perhubungan yang baru.”⁴³

REFERENCES

1. From the Ridván 2010 message written to the Bahá'ís of the world, published in *Framework for Action: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary Material, 2006–2016* (West Palm Beach: Palabra Publications, 2017), no. 14.16, p. 82.
2. From a talk given on 17 November 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by 'Abdu'l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2012), par. 3, p. 617.
3. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 111.7, p. 192.
4. *Abdul Baha on Divine Philosophy* (Boston: The Tudor Press, 1918), pp. 131–32.
5. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CLIII, par. 6, p. 370
6. *Ibid.*, I, par. 5, p. 3.
7. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 4.7, pp. 34–35.
8. Bahá'u'lláh, *The Hidden Words* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2003, 2012 printing), Arabic no. 13, pp. 6–7.
9. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 34.2, p. 100.
10. *Ibid.*, no. 35.7, p. 104
11. *'Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1909, 1930 printing), vol. 1, p. 136. (authorized English translation)
12. 'Abdu'l-Bahá, *The Secret of Divine Civilization* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2007, 2017 printing), par. 186, p. 136.
13. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 68.3, pp. 147–48.
14. *Ibid.*, no. 155.4, p. 253.
15. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 26 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 3, p. 205.
16. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 11 June 1912, *ibid.*, par. 4, p. 258.
17. 'Abdu'l-Bahá, in *Bahai Scriptures: Selections from the Utterances of Baha'u'llah and Abdul Baha* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1928), no. 992, p. 548.

18. From a talk given by ‘Abdu’l-Bahá on 11 June 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 6, p. 261.
19. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá’u’lláh* (Haifa: Bahá’í World Centre, 2018), no. 2.22, p. 21.
20. From a talk given on 28 October 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by ‘Abdu’l-Bahá in 1911* (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 15.12, p. 53.
21. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 36, p. 111.
22. *The Call of the Divine Beloved*, no. 2.19, p. 19.
23. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 195.5, p. 327.
24. Bahá’u’lláh, *The Kitáb-i-Aqdas: The Most Holy Book* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1993, 2013 printing), par. 64, pp. 42–43.
25. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 223.1, pp. 388–89.
26. *Ibid.*, no. 35.4, p. 102.
27. *Ibid.*, no. 206.9, p. 354.
28. *Prayers and Meditations by Bahá’u’lláh* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, 1987, 2008 printing), XXXVI, par. 4, p. 47.
29. *Ibid.*, CLXXXIV, par. 2, p. 324.
30. From a letter dated 23 November 1983 written on behalf of the Universal House of Justice to an individual, published in *Lights of Guidance: A Bahá’í Reference File*, (New Delhi: Bahá’í Publishing Trust, 1988, 2010 printing), no. 1206, pp. 359–60.
31. From a letter dated 8 December 1935 written on behalf of Shoghi Effendi to an individual, published in *Prayer and Devotional Life: A Compilation of Extracts from the Writings of Bahá’u’lláh, the Báb, and ‘Abdu’l-Bahá and the Letters of Shoghi Effendi and the Universal House of Justice*, compiled by the Research Department of the Universal House of Justice (Wilmette: Bahá’í Publishing, 2019), no. 71, p. 30.
32. *Selections from the Writings of ‘Abdu’l-Bahá*, no. 107, p. 188.
33. *Abdul Baha on Divine Philosophy*, p. 112.
34. From a letter dated 30 June 1957 written on behalf of Shoghi Effendi to a National Spiritual Assembly, in “The National Spiritual Assembly”, published in *The Compilation of Compilations* (Maryborough: Bahá’í Publications Australia, 1991), vol. 2, no. 1502, p. 128.

35. *Tablets of Abdul-Baha Abbas*, vol. 1, p. 11. (authorized English translation)
36. *Ibid.*, p. 18. (authorized English translation)
37. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1915, 1940 printing), vol. 2, pp. 266–67. (authorized English translation)
38. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 236.4, p. 439.
39. *Ibid.*, no. 199.1, pp. 332–33.
40. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1916, 1930 printing), vol. 3, p. 530. (authorized English translation)
41. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 22 November 1911, published in *Paris Talks*, no. 35.2, p. 135.
42. From an unpublished letter dated 19 April 2013 written on behalf of the Universal House of Justice to a small group of individual, published in *Framework for Action*, no. 51.7, p. 292.
43. *Abdul Baha on Divine Philosophy*, pp. 111–12.



Berkhidmat sebagai seorang Animator

Tujuan

Untuk merenung tentang konsep-konsep yang membentuk program empowermen rohani belia muda

BAHAGIAN 1

Di dalam unit kedua buku ini kita telah membincangkan kepentingan persekitaran sosial dalam kehidupan seorang pemuda pada masa keremajaan. Program empowermen rohani belia muda telah, berdasarkan itu, diatitkan sekitar konsep sebuah “kumpulan belia muda”. Suatu kumpulan belia muda, kami telah nyatakan, bukanlah suatu kelas kanak-kanak. Ia mempunyai beberapa ciri-ciri suatu kumpulan belajar, tetapi fungsi utamanya adalah untuk mewujudkan suatu persekitaran saling menyokong bagi ahli-ahlinya, suatu persekitaran yang mana mereka boleh membangunkan persepsi rohani dan corak-corak pemikiran dan kelakuan yang akan mencirikan diri mereka sepanjang hidup mereka.

Suatu kumpulan belia muda akan bertemu secara kerap, sekurang-kurangnya sekali, dan menghadiri beberapa kem yang diadakan setahun sekali sepanjang tempoh tiga tahun. Masa yang diluahkan bersama oleh ahli-ahli kumpulan berpusat pada kajian bahan-bahan yang telah dihasilkan khususnya bagi peringkat umur antara dua belas dan lima belas. Pemuda-pemudi akan bermusyawarah bersama, merancang, dan melaksanakan projek-projek khidmat dalam komuniti, menyertai aktiviti-aktiviti sukan, dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan, seperti drama dan kraf, sesuai dengan persekitaran langsung mereka. Di kem-kem, yang berlangsung selama beberapa hari setiapnya, mereka terlibat dalam kajian intensif sebagai satu kumpulan individu dan menyertai acara kolektif dan aktiviti-aktiviti dengan kumpulan lain daripada kejiranan atau perkampungan mereka yang melalui program ini. Dalam unit ini, kita akan mengkaji pelbagai aspek dalam program empowermen rohani yang mana anda harus menjadi fasih dengannya.

BAHAGIAN 2

Marilah kita melihat dahulu kepada keahlian dalam kumpulan tersebut. Apabila belia muda di satu komuniti menunjukkan minat terhadap program, biasanya adalah mungkin untuk membentuk sekumpulan sepuluh hingga lima belas ahli. Walaupun majoriti akan berada di dalam lingkungan umur dua belas dan tiga belas, sesetengah belia mungkin berusia tepat bawah dua belas dan yang lain sebesar empat belas tahun. Pengalaman mencadangkan bahawa program tersebut akan terbukti paling efektif apabila ahli-ahlinya, tak kira apa umur mereka, kekal sekumpulan untuk keseluruhan tempoh tiga tahun dan menamatkan program sebagai satu kumpulan. Pada masa itu, mereka yang berhasrat boleh bergerak ke tahap seterusnya dalam proses pendidikan, mempelajari urutan kursus institut utama dan mengikuti jalan-jalan khidmat yang dibukakan olehnya kepada mereka.

Di sesetengah tempat, belia-belie yang menyertai sebuah kumpulan telah pun menyertai kelas kanak-kanak Baha’i, tetapi harus diingati bahawa, dalam banyak situasi, orang-orang muda yang mengenali program ini tidak pernah tahu tentang Akidah. Maka, selain daripada perbezaan umur, akan biasanya terdapat perbezaan dari segi latar belakang dan pengalaman. Tidak pernah ada satu kumpulan yang bersifat homogenus, dan animator-animator sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk respon kepada pelbagai minat belia-belie tersebut. Fleksibiliti dan sikap kreatif sangat diperlukan untuk itu, dan anda perlu bersiap sedia untuk menangani cabaran ini setiap kali anda datang bersama dengan satu kumpulan. Bagaimana anda akan, sebagai contoh, mengendalikan situasi-situasi seperti berikut?

- Bincangkan dalam kumpulan anda situasi-situasi ini dan juga yang hampir sama dengan situasi-situasi ini. Sudah tentunya, semasa anda mendapat lebih pengalaman dalam bidang khidmat ini, anda akan menerokai cabaran-cabaran ini dari semasa ke semasa dalam perjumpaan renungan berkala bersama rakan-rakan animator anda yang lain dan akan mendapat pengertian baharu.

98 – Membebaskan Kuasa-kuasa Belia Muda

BAHAGIAN 3

Buku-buku yang mana kajiannya merupakan inti kepada program ini — beberapa yang mana anda telah baca, seperti yang dicadangkan dalam Buku 2 — telah disusun secara longgar mengikut tahap kesukarannya dalam segi bahasa dan konsep yang diterokainya. Ia telah dibahagikan kepada dua kategori. Yang tergolong dalam kategori pertama mengutarakan tema-tema daripada perspektif Bahá'í, tetapi bukan dalam mod arahan keagamaan. Dengan pemahaman ini maksudnya ia boleh dikatakan sebagai “diilhamkan oleh ajaran Bahá'í”. Ia merupakan komponen utama dalam program ini. Kategori yang satu lagi termasuk teks-teks, yang berjumlah sedikit, membekalkan komponen Bahá'í yang lebih ketara. Kita akan mengkaji komponen itu di bahagian yang seterusnya dan akan menumpukan perhatian di sini tentang sifat-sifat teks yang diilhamkan oleh ajaran Bahá'í.

Secara amnya, bahan-bahan pendidikan seperti ini dihasilkan dengan keyakinan bahawa, dalam samudera Revelasi Bahá'u'lláh terdapat mutiara-mutiara kearifan yang tak terbilang yang seharusnya dipersembahkan kepada individu-individu yang berminat, walaupun mereka masih belum mengenali Kedudukan-Nya. Anda juga biasa dengan konsep ini, seperti di dalam unit kedua Buku 2, “Perbualan-perbualan yang Memberangsangkan”, anda telah mengkaji petikan-petikan yang berasaskan ceramah-ceramah dan loh-loh ‘Abdu’l-Bahá untuk membina kebolehan untuk mengintegrasikan ilmu rohani dan pengertian yang didapati ke dalam perbualan seharian anda.

Seperti yang anda ketahui daripada pengalaman anda, dalam membincangkan tema-tema yang anda terokai dalam unit tersebut bersama orang lain, anda mungkin kadangkala menyebutkan sumber inspirasi anda dalam cara yang semulajadi, walaupun ada masanya anda berpendapat bahawa adalah lebih baik jika tidak berbuat demikian—ini bergantung kepada keperluan keadaan tertentu. Begitu juga prinsipnya dalam kes mengenai bahan-bahan yang diilhami oleh Bahá'í. Satu utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia mengatakan tentang hubungan ini:

“Satu prinsip asas yang mendasari pembangunan sosial dan ekonomi Bahá'í adalah bahawa rakan-rakan harus memberikan Ajaran-ajaran Bahá'u'lláh secara murah hati dan tanpa syarat kepada umat manusia supaya semua orang di setiap tempat dapat mengaplikasikannya untuk menangani isu-isu sosial yang semakin menekankan dan untuk memperbaiki kehidupan individu dan kolektif mereka, dalam kedua-dua dimensi material dan rohani. Penerimaan Bahá'u'lláh sebagai Manifestasi Tuhan pada hari ini tidak seharusnya menjadi syarat untuk mendapat akses kepada Kalimat Tuhan. Lebih lagi, adalah tidak sesuai untuk menghalang diri daripada mengatakan secara eksplisit Sumber inspirasi yang

mendasari sebuah program pendidikan yang dihasilkan berdasarkan Ajaran-Ajaran-Nya, apabila keadaan memerlukannya. Dengan itu, terdapat satu lingkungan pilihan yang boleh dipertimbangkan oleh rakan-rakan apabila menghasilkan bahan-bahan pendidikan yang berdasarkan ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip Akidah.”¹

Satu lagi utusan yang ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia mengatakan:

“Kami telah disuruh untuk memberitahu anda bahawa tidak ada keperluan untuk menyebut pengarangnya apabila menggunakan satu petikan daripada tulisan-tulisan Bahá’í dalam bahan kurikulum yang diilhami Bahá’í jika terdapat kearifannya untuk tidak berbuat demikian”²

Maka itu, walaupun semua bahan-bahan yang diilhamkan oleh ajaran Bahá’í dihasilkan di bawah pengaruh secara langsung daripada Revelasi Bahá’u’lláh, sifat setiap set bahan dan penggunaannya sendiri menentukan setakat mana Akidah akan disebutkan secara eksplisitnya. Dalam beberapa bahan, adalah agak sesuai untuk menerapkan petikan-petikan daripada Tulisan-tulisan Suci. Dalam bahan lain pula, ajaran-ajaran Bahá’í mungkin diterangkan tanpa sebarang petikan. Dalam kedua-dua kesnya, rujukan kepada sumber-sumber original tak semestinya dimasukkan. Adalah penting untuk sedar bahawa, walaupun dalam kes-kes di mana Akidah tidak dinyatakan secara eksplisitnya, konteks pengalaman mengajar-dan-belajar menjadikannya jelas bahawa bahan itu sememangnya diilhamkan oleh Revelasi Bahá’u’lláh.

Bahan-bahan yang diilhamkan oleh ajaran Bahá’í yang dijelaskan di sini akan menarik secara meluas kuasa Kalimat Tuhan, dengan memetik secara langsung daripada Tulisan Suci dan juga dengan menyelitkan ajaran Akidah kepada persembahan tema-tema intelektual, moral dan rohani. Teks-teks itu sendiri tidak membekalkan rujukannya, dan secara amnya adalah terletak pada keputusan animator, dengan melihat kepada situasi kumpulan dan kecenderungan serta minatnya, samada untuk menyebut tentang sumber-sumber petikan-petikan tersebut, dan jika sesuai, pada tahap mana untuk berbuat demikian. Berikut ialah perenggan yang dipetik dari pelajaran *Bayu-bayu Pengesahan*, biasanya buku pertama yang dipelajari oleh kumpulan-kumpulan belia muda. Baca dan bincangkan soalan-soalan berikut.

Godwin mempunyai seorang rakan sekelas yang merupakan kawan karibnya bernama Chishimba. Dia sering melawat keluarga Mulenga dan malam ini dia akan makan malam bersama mereka. Perbualan di meja makan bertukar dari satu subjek ke subjek yang lain. Musonda ingin sangat mengemukakan subjek pengesahan, dan menjadi semakin tak tersabar. Akhirnya, keadaan menjadi senyap seketika. “Saya dan Rose telah berbincang tentang pengesahan,” kata Musonda.

“Mula lagilah adikku ini,” kata Godwin, sambil berdehem. Tetapi yang mengejutkannya, Chishimba kelihatan berminat tentang topik ini.

“Apakah maksud perkataan ini kepada kamu?” dia menyoal Musonda.

Musonda, yang juga terkejut, memandang Rose, dengan harapan dia dapat memberikan jawapan.

“Pengesahan... Tuhan memberikan pengesahan kepada kita dan menolong kita dalam apa jua yang kita buat,” kata Rose.

Chishimba tidak bercakap buat seketika. Terbayang kesedihan di matanya. “Beberapa bulan yang lalu,” dia memulakannya perlahan-lahan, “ayah saya telah kehilangan pekerjaannya. Dia seorang yang jujur dan bertanggungjawab, dan semua orang mengetahuinya. Sudah lapan belas tahun beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat, dan kemudian, dia dipecat secara mengejut. Kita semua tahu sebabnya. Jika mereka mengekalkan jawatannya untuk dua tahun lagi, beliau akan bersara dan syarikat itu terpaksa membayar pencennya. Kami tidak mempunyai banyak simpanan. Walaupun abang saya membantu kami, tetapi saya mungkin tidak dapat kembali ke sekolah pada tahun depan kerana saya tidak mampu membayar sewa bilik dan makanan saya. Saya betul-betul suka bersekolah. Saya tertanya-tanya kenapa Tuhan tidak menolong saya.”

Semua orang memandang ke arah Encik Mulenga, berharap dia dapat memberikan jawapan bagi soalan ini.

Encik Mulenga senyum dan berkata, “Bahawa Tuhan memberi pengesahan kepada kita apabila kita mengusahakan sesuatu tidak bermaksud bahawa hidup ini senang. Hidup kamu akan dipenuhi dengan kesusahan dan malangnya, kebanyakan masalah akan disebabkan oleh ketidakadilan. Tetapi kamu harus terus bekerja keras, dan meskipun sesuatu itu berjalan tidak seperti yang kamu harapkan untuk seketika, kamu seharusnya pasti dengan pengesahan daripada Tuhan. Dia akan memberikan pengesahan dalam usaha kamu untuk menghapuskan ketidakadilan.” Beliau menoleh ke arah Chishimba dan berkata, “Keluarga kamu bersatu dan rajin bekerja. Hati saya memberitahu saya bahawa keadaan kamu akan berubah. Kamu akan menghabiskan pengajian kamu. Percayailah saya.”

Dalam bahagian 20 dan 21 kita akan melihat dengan lebih terperinci pada Bayu-bayu Pengesahan, tetapi untuk sekarang, anda mungkin ingin membincangkan soalan-soalan berikut dalam kumpulan anda:

1. Apakah konsep rohani utama yang diperkenalkan di dalam perbualan di atas?

2. Adakah konsep itu diperkenalkan dalam suatu cara yang boleh difahami oleh belia muda?
3. Di unit kedua buku ini kita telah membincangkan tentang bahaya memberi penekanan yang berlebihan kepada “diri”. Bagaimanakah suatu proses pendidikan yang menekankan kepentingan untuk berusaha dan menarik pengesahan daripada Tuhan berlainan daripada satu yang berdasarkan idea kesedaran-diri, penerokaan-diri, dan keyakinan-diri seperti yang diterangkan dalam unit tersebut?
4. Adakah semua belia muda tak kira latar belakang mereka, termasuk yang dari keluarga-keluarga Bahá’í, akan mendapat manfaat daripada pembelajaran jenis bahan yang diilhamkan oleh ajaran Bahá’í seperti yang dibincangkan di sini? Kenapa?

BAHAGIAN 4

Teks yang tergolong di dalam kategori kedua membekalkan isi kandungan bagi penyambungan pendidikan rohani yang diterima dalam kelas kanak-kanak Bahá’í. Ia memperlakukan kepercayaan-kepercayaan asas Bahá’í secara eksplisitnya dan membincangkan cara bagaimana kepercayaan-kepercayaan ini diterjemahkan kepada tindakan dalam konteks kehidupan komuniti. Kedudukan yang Bahá’u’lláh sebagai Manifestasi Tuhan bagi zaman ini, keyakinan penuh dalam kesedaran menyeluruh tujuan-Nya bagi umat manusia, kepastian dalam kebebasan dan kerianan yang tidak terkongkong yang kita capai melalui kepatuhan kepada hukum-hukum-Nya, dan ketetapan dalam kuasa Waadat-Nya—ini adalah antara keyakinan yang menjelaskan cara tema-tema dihuraikan dalam teks.

Apabila berfikir tentang kategori bahan ini, anda akan mendapati petikan berikut yang ditulis bagi pihak Wali memanfaatkan:

“... bahaya-bahaya yang dihadapi oleh belia-belia moden sedang menjadi semakin lebih mendesak, dan memerlukan penyelesaian yang serta-merta. Tetapi, seperti yang ditunjukkan oleh pengalaman, penawar bagi keadaan yang sungguh menyedihkan dan membingungkan ini tidak akan ditemui di dalam agama-agama yang tradisional dan berpaderi. Fahaman dogma Gereja telah disingkirkan sama sekali. Ia yang boleh mengawal belia dan menyelamatkan mereka daripada perangkap-perangkap materialisme yang keterlaluan zaman ini ialah kuasa suatu Agama yang sebenar, yang membina dan yang hidup, seperti yang diwahyukan kepada dunia ini oleh Bahá’u’lláh. Agama, seperti di zaman dahulu, masih merupakan satu-satunya harapan dunia, tetapi bukan bentuk agama yang pemimpin paderi telah berusaha secara sia-sia untuk berkhutbah. Terpisah daripada agama yang sejati, budi bahasa akan kehilangan keberkesanannya dan berhenti untuk membimbing dan mengawal kehidupan individu dan sosial manusia. Tetapi apabila agama yang sebenar digabungkan dengan kesusilaan yang sejati, kemajuan moral akan menjadi suatu kemungkinan dan bukan hanya suatu khayalan.”³

Petikan di atas menjelaskan bahawa, bertentangan dengan pengaruh agama tradisional yang semakin menghilang, kuasa satu Akidah yang hidup dapat melindungi para belia daripada “perangkap-perangkap materialisme yang keterlaluan” yang begitu menjadi-jadi di masyarakat

hari ini. Kuasa ini haruslah kelihatan dalam isi kandungan bahan yang dipelajari oleh orang muda dan dalam cara mereka dibantu untuk membangunkan keupayaan-keupayaan rohani mereka. Untuk meneliti idea ini dengan lebih lanjut lagi, marilah kita melihat pada satu petikan daripada *Roh Keimanan*—salah satu teks yang tergolong dalam kategori yang diteliti di sini.

Roh Keimanan membincangkan tema-tema yang bersifat falsafah, kerana pemuda-pemudi dalam lingkungan umur ini selalunya bergelut dengan persoalan-persoalan asas tentang kewujudan, persoalan-persoalan yang mesti dijawab dengan betul jika ingin mengelakkan daripada kekeliruan malah kehilangan keimanan nanti dalam hidup. Sememangnya adalah dalam ajaran-ajaran Bahá'í di mana kita dapat mencari jawapan kepada soalan-soalan yang membingungkan terhadap minda manusia: sifat sebenar manusia, kebaikan dan kejahatan, kemahuan bebas dan nasib, evolusi dan kewujudan roh manusia, intelek manusia, dan roh keimanan. Buku ini menggunakan pengertian-pengertian yang didapati daripada Tulisan-Tulisan Suci, khususnya daripada penjelasan-penjelasan mendalam 'Abdu'l-Bahá di dalam buku *Beberapa Soalan Terjawab* untuk memberi keterangan kepada tema-tema tersebut. Ia memperkembangkan setiap tema melalui perbualan-perbualan suatu kumpulan belia muda, perjumpaan yang diadakan secara kerap setiap minggu dan kemudian mereka meluangkan hujung minggu bersama-sama di sebuah tapak perkhemahan. Bahagian yang berikut diambil daripada satu pelajaran di mana para belia sedang membincangkan soal takdir dengan animator kumpulan mereka, Natalia Petrovna:

“Marilah kita mengkaji apa yang kita telah fahami setakat ini,” kata Natalia Petrovna. “Kita mempunyai kemahuan bebas untuk melakukan kebaikan atau keburukan dan kita perlu menggunakan tekad kita untuk mengamalkan kehidupan yang mulia. Tetapi memiliki kemahuan bebas tidak bermakna kita boleh menguasai semua perkara. Ada perkara yang akan berlaku pada kita yang tidak boleh dikawal oleh kita. Sekarang saya mahu tanya kamu tentang satu perkara yang lain. Apakah pengertian anda tentang perkataan ‘takdir’?”

“Saya rasa takdir adalah sesuatu yang kita langsung tidak boleh ubah,” kata Igor.

“Pendapat itu bagus. Bolehkan sesiapa memberikan beberapa contoh?” Tanya Natalia.

“Kita tidak memilih ibu bapa kita,” kata Nadya.

“Kita tidak boleh memilih di mana kita dilahirkan,” kata Anton.

“Ibu bapa saya sentiasa berkata bahawa takdir saya adalah supaya menjadi seorang pemain piano yang ternama,” kata Vadik.

“Kamu tidak perlu menjadi demikian. Kamu boleh memilih untuk menjadi handal dalam bidang yang lain,” kata Marina.

“Memang benar. Takdir itu bukan hal yang mudah,” kata Natalia. “Terdapat satu analogi yang baik menjelaskan bagaimana takdir itu bertindak. Pernahkah kamu saksikan bagaimana sehelai permaidani itu ditenunkan?”

Terdapat pandangan kosong pada muka semua orang, maka Natalia teruskan. “Terdapat satu bingkai. Pada bingkai ini, benang-benang selari ditegangkan dari penghujung bawah ke atas. Penenun kain akan menggunakan pelbagai jenis benang yang berwarna warni untuk menenun benang-benang ini untuk menciptakan satu corak. Seorang pengikut awal telah mendengar ‘Abdul-Baha mengatakan bahawa kita adalah umpama penenun itu. Kita telah diberikan satu bingkai dan beberapa lembar. Kita juga diberikan benang untuk ditenun, yang boleh menggambarkan segala bakat dan kuasa semulajadi kita. Ini adalah takdir kita. Tetapi kita boleh memilih corak yang akan ditenun dengan mesin menenun. Kita mempunyai kebebasan ke atas tindakan kita. Setiap tindakan akan menciptakan sebahagian kecil corak tersebut. Corak sepenuhnya adalah apa yang kita jadi apabila kita dewasa. Dengan kemahuan bebas dan tekad kita membangunkan kuasa-kuasa dan kemahiran yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada kita.”

Renungan:

Tuhan telah memberikan kita keupayaan-keupayaan yang berlainan. Seorang mungkin mahir dalam biologi, manakala seorang yang lain akan mempunyai bakat muzik. Tetapi semua orang telah diberikan apa yang perlu untuk membangun sebagai insan-insan yang mulia. Oleh itu, adalah tidak baik untuk menyalahkan takdir ke atas kelemahan-kelemahan kita. Apabila kita melakukan demikian, kita akan berhenti memajukan diri kita. Bagi setiap keadaan di bawah, pilihkan fikiran yang akan membantu seorang individu untuk menukarkan keadaan dirinya sendiri.

- a. Seseorang yang sentiasa jatuh sakit kerana dia biasa makan makanan yang tidak sihat. Dia berfikir:
_____ Adalah takdir saya menjadi lemah dan sakit.
_____ Saya harus berhenti memberi alasan dan menukar tabiat makan saya.

- b. Seseorang yang tidak belajar, oleh itu keputusan peperiksaannya tidak memuaskan. Dia berfikir:
- _____ Mungkin saya bukan pelajar yang paling cemerlang, tetapi dengan ketekunan, saya akan maju.
- _____ Adalah nasib saya supaya tidak berjaya di sekolah.
- c. Seseorang yang sentiasa memabukkan diri setiap kali mengalami kesusahan. Apabila dia tidak mabuk, dia berfikir:
- _____ Kehidupan memaksa saya menjadi pemabuk.
- _____ Saya boleh belajar menangani masalah-masalah kehidupan saya; Saya tidak memerlukan arak.
- d. Seseorang yang sentiasa mengkritik rakan-rakannya. Oleh itu mereka menjauhkan diri darinya. Dia berfikir:
- _____ Tidak ada seorang pun yang suka saya.
- _____ Saya harus berhenti mengkritik dan harus memandang kepada perkara baik di dalam rakan-rakan saya.
- e. Seseorang yang meniru dalam peperiksaan dan telah ditangkap. Dia berfikir:
- _____ Inilah nasib saya. Orang lain pun meniru, tetapi mereka tidak ditangkap.
- _____ Mengapa pula saya melakukan sedemikian? Saya seharusnya dihiasi jubah kejujuran.

“Adakah kita mengatakan bahawa ia bukanlah takdir seseorang yang menjadi seorang penjenayah?” tanya Ivan.

“Memang tidak,” jawab Natalia Petrovna. Di dalam analogi yang saya menggunakan tadi, setiap orang boleh menenun corak-corak yang indah dengan menggunakan bingkai dan benang-benang yang diberikan kepada mereka. Walaupun berlainan, kita semua mempunyai keupayaan untuk membesar menjadi orang yang baik.”

Ivan bersetuju dengan segala yang telah dikatakan. Tetapi, sesuatu perkara masih mengganggu dirinya dan dia tidak tahu dengan tepat apakah perkara itu. Kemudian, dengan tiba-tiba dia mendengar dirinya berkata: “Tetapi semua ini amat susah.”

Semua orang tidak mengerti apa yang dimaksudkan oleh Ivan.

“Apakah perkara yang amat susah?” tanya Natalia.

“Berusaha bersungguh-sungguh setiap masa supaya menjadi kukuh, dan menjadi orang yang baik,” jawab Ivan.

“Memang benar Ivan,” kata Natalia sambil tersenyum. “Tetapi ingatlah bahawa Tuhan sedang membantu kita selalu. Dia tidak akan membiarkan kita. Ia adalah umpama melayarkan sebuah kapal, kuasanya datang daripada angin dan bukan daripada kapal. Tetapi kapten itulah yang menggunakan angin untuk membawa kapal tersebut kepada destinasiya. Segala kuasa datang dari Tuhan. Tanpa bantuan-Nya kita tidak berkuasa. Apabila kita pandang pada diri kita sendiri sahaja, segala yang kita lihat ialah kelemahan. Tetapi apabila kita berpaling kepada Tuhan dan memohon pertolongan dan bantuan-Nya, kita akan mendapat kuasa untuk melakukan apa yang disukai oleh-Nya.

Kemudian kumpulan itu dibahagikan secara berpasangan untuk menghafalkan petikan yang berikut:

“Pencipta yang tiada taranya telah menciptakan semua manusia daripada zat yang sama, dan telah meluhurkan intisari mereka atas segala makhluk-Nya. Kejayaan atau kegagalan, keuntungan atau kerugian haruslah, oleh yang sedemikian, bergantung kepada usaha-usaha manusia sendiri. Semakin lagi dia berusaha, semakin besar akan kemajuannya.”

“Ya Tuhanku, Ya Tuhanku! Kau lihatkan daku dalam kerendahan dan kelemahan diriku, terlibat dalam usaha yang paling mulia, bertekad untuk naikkan kalimat-Mu dikalangan makhluk dan untuk menyebarkan ajaran-ajaran-Mu dikalangan orang-orang-Mu. Bagaimanakah aku dapat berjaya sekiranya Engkau tidak menolong daku dengan nafas Roh Suci, membantu daku berjaya dengan angkatan kerajaan kemuliaan-Mu, dan curahkan ke atas diriku pengesahan-pengesahan-Mu, yang hanya satu-satunya sanggup mengubah seekor gegat menjadi rajawali, setitik air menjadi sungai-sungai dan samudera, dan sebutir atom menjadi cahaya-cahaya dan suria? Ya Rabbiku! Tolonglah daku dengan kuasa kemenangan dan keberkesanan-Mu, agar lidahku dapat ucapkan pujian-pujian dan sifat-sifat Diri-Mu di kalangan semua makhluk dan rohku berlimpah dengan syarab cinta dan ilmu Diri-Mu.”

“Engkaulah Yang Maha Berkuasa dan Pembuat segala yang menjadi kemahuan Diri-Mu.”

Walaupun anda akan mempunyai peluang untuk mempelajari keseluruhan teks *Roh Keimanan* dalam bahagian 22 nanti, ia akan memberi manfaat untuk berhenti seketika di sini dan meneliti isi kandungan dalam petikan di atas dengan membincangkan perkara-perkara yang berikut:

1. Bagaimanakah bahan tersebut menyampaikan konsep takdir? Adakah ia bersifat dogma?
2. Bagaimanakah rupanya satu penyampaian konsep itu secara dogmatik?
3. Adakah bahan tersebut memberi penekanan yang kuat untuk membantu belia memahami konsep-konsep rohani ataupun ia menjelaskan idea-idea secara tegas?
4. Bagaimanakah bahan itu membantu mereka melihat implikasi Tulisan Suci yang berkaitan dengan takdir dan kemahuan bebas dalam kehidupan mereka?
5. Adakah cerita ini menunjukkan sifat toleransi dalam pandangan-pandangan dan emosi berbeza yang diluahkan oleh orang-orang muda yang sedang cuba memahami konsep-konsep tersebut? Jika demikian, bagaimanakah sifat toleransi ditunjukkan?
6. Apa yang akan terjadi jika ahli-ahli sebuah kumpulan belia muda tidak diizinkan untuk menyatakan idea-idea mereka tentang pelbagai tajuk secara bebas?
7. Bagaimanakah Natalia Petrovna membantu rakan-rakannya yang muda dalam membangunkan kejelasan fikiran?
8. Adakah soalan yang telah dibincangkan antara prang muda dalam cerita ini relevan kepada semua belia muda, tanpa mengira latar belakang?

BAHAGIAN 5

Tempoh usia awal keremajaan merupakan masa di mana keupayaan kita untuk melihat lebih daripada wajah luaran dipertingkatkan secara mendadak; kita mencari makna yang lebih mendalam terhadap apa yang kita perhatikan dan yang kita alami. Ini menunjukkan bahawa belia muda sememangnya memerlukan persepsi rohani; mereka haruslah dibantu dalam mengenali daya-daya rohani, dalam melihat realiti rohani dalam setiap situasi, dan mengenalpasti prinsip-prinsip rohani yang berkaitan. Tulisan Suci Akidah merujuk kepada fakulti-fakulti ini sebagai “penglihatan dalaman”, pandangan dalaman”, dan “mata roh”. Seumpama itulah, sebagai contoh, cara 'Abdu'l-Bahá menasihatkan Sekolah Tarbiyat di Tehran:

“Biarlah mereka mencapai kemajuan yang terbesar dalam tempoh masa yang paling singkat, biarlah mereka membuka luas mata mereka dan mendedahkan realiti-realiti terpendam segala hal, menjadi cekap dalam segala kesenian dan kemahiran, dan belajar untuk memahami rahsia-rahsia segala benda secara

wujud asalnya -- fakulti ini merupakan kesan-kesan yang jelas daripada khidmat kepada Ambang Suci.”⁴

‘Abdu’l-Bahá menamakan persepsi rohani sebagai satu daripada kuasa-kuasa yang membezakan manusia daripada binatang:

“Adalah jelas bahawa sedangkan manusia memiliki kuasa-kuasa yang agak sama dengan binatang, dia dibezakan daripada binatang oleh pencapaian intelektual, persepsi rohani, perolehan sifat-sifat suci, keupayaan untuk menerima anugerah-anugerah Ilahi, pemberian mulia dan pancaran-pancaran rahmat surgawi. Inilah perhiasan manusia, kemuliaan dan keunggulannya. Umat manusia harus berjuang ke arah kedudukan yang tertinggi ini.”⁵

Dan Beliau merujuk kepada penglihatan dan pendengaran dalaman kita sebagai pemberian-pemberian rohani:

“Dia telah memberikan kita anugerah-anugerah kebendaan dan pemberian-pemberian rohani, mata luar untuk melihat cahaya-cahaya suria dan penglihatan dalaman yang melaluinya kita dapat melihat kemuliaan Tuhan. Dia telah menjadikan telinga luar untuk menikmati melodi-melodi bunyi dan pendengaran dalaman yang melaluinya kita boleh mendengar suara Pencipta kita.”⁶

Pada masa yang lain Beliau mengingatkan kita betapa pentingnya untuk membuka penglihatan dalaman kita:

“ Persepsi rohani kita, penglihatan dalaman kita haruslah dibuka, supaya kita dapat melihat tanda-tanda dan kesan-kesan roh Tuhan di dalam setiap benda. Setiap sesuatu dapat mencerminkan cahaya Roh.”⁷

Dan dalam petikan ini ‘Abdu’l-Bahá menceritakan satu masa di mana persepsi rohani mempertingkatkan pemahaman:

“Suatu tanggapan penghapusan ialah satu faktor kemerosotan umat manusia, satu punca kejatuhan dan kehinaan manusia, satu punca ketakutan dan kehinaan manusia. Ia adalah sesuai bagi penyebaran dan pelemahan pemikiran manusia, manakala kesedaran akan kewujudan dan pengekalannya telah menaikkan manusia ke keunggulan yang tinggi, telah menubuhkan asas kemajuan manusia dan telah merangsangkan perkembangan nilai-nilai surgawi; oleh itu, ia mewajibkan manusia untuk meninggalkan pemikiran yang tidak wujud dan mati, yang sememangnya bayangan, dan melihat dirinya sentiasa-hidup, abadi dalam tujuan suci kewujudannya. Dia haruslah berpaling daripada pandangan-pandangan yang akan merosotkan roh manusia supaya hari demi hari dan jam demi jam dia akan maju ke arah dan lebih tinggi kepada pengertian rohani pengekalannya realiti manusia.”⁸

Bolehkah anda huraikan bagaimana persepsi rohani boleh membawa dimensi-dimensi baru kepada pemahaman manusia yang tidak boleh dicapai dengan hanya penggunaan kuasa-kuasa mental yang biasa sahaja?

BAHAGIAN 6

Setelah menerokai keperluan bagi persepsi rohani, kita harus kini tanya diri sendiri bagaimana ia dapat diperkembangkan. Persoalannya, sememangnya, tidak mempunyai satu jawapan yang mudah, dan kita hanya boleh menerokai beberapa idea-idea yang relevan di sini.

Adalah jelas bahawa persepsi rohani ialah satu sifat kesucian hati. 'Abdu'l-Bahá memberitahu kita:

“Semakin suci dan bersih hati manusia menjadi, semakin dekat dia mendekati Tuhan, dan cahaya Suria Kebenaran akan dijelmakan dalam dirinya. Cahaya ini membenarkan hatinya membakar dengan api cinta kepada Tuhan, membuka dalam diri mereka pintu-pintu ilmu pengetahuan dan membongkar misteri-misteri Ilahi supaya pencarian rohani akan terjadi.”⁹

Bahawa ilmu tentang Tuhan adalah penting untuk perkembangan persepsi rohani jugalah jelas:

“Kerana pemahaman tentang realiti segala benda terdapat manfaat material di alam kewujudan dan membawa kemajuan pada tamadun luaran, tetapi pengetahuan tentang Tuhan ialah punca kemajuan dan tarikan rohani, persepsi dan pengertian sejati, keluhuran umat manusia, kewujudan tamadun ilahi, pembaikan sifat moral, dan penerangan hati nurani.”¹⁰

Dan cinta Tuhan jelas diperlukan sekiranya penglihatan dalaman hendak diperkuatkan:

“Wahai sahabatku! Berterima kasihlah engkau kepada Tuhan kerana telah menerangi penglihatanmu dengan sinaran cemerlang yang dipancarkan daripada Suria Kebenaran, dan kerana telah memperkuatmu dan membaptismu dengan air kehidupan dan api cinta kepada Tuhan.”¹¹

“Cinta Tuhan diumpamakan api, kerana ia membakar semua tabil, dan umpama air, kerana ia sumber kehidupan. Pendek kata, cinta Tuhan adalah realiti terdalam bagi sifat-sifat dunia kemanusiaan. Melaluinya, sifat manusia disucikan. Melalui cinta Tuhan, seseorang dibebaskan daripada kecacatan dunia manusia. Melalui cinta Tuhan, seseorang dapat maju di alam nilai-nilai murni. Cinta Tuhan adalah punca kecemerlangan dunia.”¹²

Anda akan mendapati latihan berikut membantu apabila anda merenung tentang kepentingan nasihat-nasihat di atas.

1. Tuliskan beberapa ayat menyifatkan bagaimana setiap yang berikut meningkatkan persepsi rohani:

a. Kesucian hati: _____

b. Pengetahuan tentang Tuhan: _____

c. Cinta Tuhan: _____

2. Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut benar:

_____ Melalui pertimbangan sahaja, tanpa bantuan Ajaran-Ajaran Tuhan, kita dapat membezakan betul daripada salah.

_____ Adalah pengetahuan tentang Manifestasi Tuhan dan kepatuhan kepada ajaran-ajaran mereka yang membolehkan kita memahami kebenaran.

_____ Kesucian hati menjadikan seseorang itu lurus bendul.

_____ Semakin suci hati kita, semakin setia ia mencerminkan sifat-sifat Tuhan, cahaya yang melaluinya membolehkannya untuk memahami kebenaran sebenar semua benda.

_____ Api cinta Tuhan membakar tabir keakuan, kemudian membenarkan penglihatan dalaman untuk melihat kebenaran.

_____ Kuasa cinta kepada Tuhan membantu kita untuk berusaha dengan penglihatan yang lebih jelas untuk memenuhi kehendak dan tujuan Tuhan.

_____ Takut akan kemusnahan akan melemahkan keupayaan intelek dan rohani kita dan oleh itu pengertian rohani kita akan ditajamkan apabila kita yakin akan pengekalan kewujudan kita.

_____ Khidmat tidak mementingkan diri kepada Ambang Ilahi akan membimbing kita melihat kebenaran dalaman setiap perkara.

_____ Dengan penglihatan dalaman, kita boleh saksikan pengesahan ilahi.

BAHAGIAN 7

Petikan terakhir bahagian yang lepas menekankan konsep asas yang berkaitan dengan penerokaan kita—iaitu beberapa tabir-tabir yang menghalang penglihatan dalaman kita daripada melihat realiti sesuatu perkara. Perkembangan persepsi rohani memerlukan penghapusan tabir-tabir itu. 'Abdu'l-Bahá menyatakan:

“Rahmat-rahmat Tuhan yang telah dijelmakan dalam semua kehidupan luar biasa adalah kadang-kadang tersembunyi oleh tabir-tabir yang menghalang penglihatan mental dan fizikal yang akan menjadikan manusia buta secara rohani dan tidak berkeupayaan, tetapi apabila keruping itu dibuangkan dan tabir-tabir itu dikoyak-rabikkan, barulah tanda-tanda kebesaran Tuhan akan menjadi kelihatan, dan dia akan menyaksikan cahaya abadi memenuhi dunia. Rahmat-rahmat Tuhan akan dan sentiasa dijelmakan. Janji-janji syurga sentiasa wujud. Pertolongan Tuhan adalah maha menakluki, tetapi jika mata roh masih ditutupi dan digelapkan, dia akan dipengaruhi untuk menafikan tanda-tanda universal dan kekal kehilangan penjelmaan-penjelmaan rahmat ilahi ini. Oleh itu, kita harus berusaha dengan hati dan jiwa supaya tabir yang menutupi mata penglihatan dalaman dapat dibuangkan, supaya kita dapat menyaksikan penjelmaan-penjelmaan tanda-tanda Tuhan, melihat berkat-berkat misteri-Nya dan menyedari bahawa rahmat-rahmat kebendaan jika dibandingkan dengan berkat-berkat rohani adalah seperti tiada apa-apa.”¹³

“Setiap roh harus berusaha agar tabir-tabir yang menutupi mata manusia dapat dikoyakkan dan agar segera suria dapat dilihat dan agar hati dan penglihatan dapat diterangi olehnya.”¹⁴

Tafsiran harfiah, imaginasi sia-sia, peniruan membuta, keakuan, pencarian keghairahan dan nafsu, ketamakan dan iri hati, dan prasangka—ini adalah antara tabir-tabir yang disebut dalam tulisan suci. Begitu juga, deria rasa material kita boleh menjadi tabir.

“Doaku untukmu ialah supaya kebolehan-kebolehan rohani dan cita-citamu akan meningkat setiap hari, dan supaya engkau tidak akan langsung membenarkan deria material untuk menutupi matamu daripada kemuliaan-kemuliaan Cahaya Syurgawi.”¹⁵

“Salah satu tabir itu ialah tafsiran harfiah. Untuk mendalami kepentingan dalaman suatu usaha yang kuat memang diperlukan.”¹⁶

“Terpujilah pada Tuhan bahawa engkau telah mencari jalan ke dalam Kerajaan Kemuliaan, dan telah mengoyak-rabikkan tabir imaginasi sia-sia, dan bahawa teras misteri dalaman telah dijelmakan padamu.”¹⁷

“Sesungguhnya aku meminta Tuhan, dengan segala kerendahan, untuk membuang penutup dari penglihatanmu dan menunjukkan kepadamu tanda-tanda agung-Nya, dan menjadikanmu panji-panji bimbingan, dibersihkan daripada segala benda kecuali-Nya, diterangi oleh api cinta-Nya, melibatkan diri dalam memuji-Nya dan memahami kebenaran segala benda; supaya engkau dapat melihat dengan matamu sendiri, mendengar dengan telinga-mu dan tidak

meniru bapa dan moyangmu; mempunyai pemahaman dalam perkara-perkara Tuhanmu, kerana umat manusia ditutupi tabir kegelapan.”¹⁸

“... kerana, tiada tabir yang lebih berkuasa daripada perlakuan ego dan tak kira betapa tipis pun tabir itu, ia akan akhirnya menutupi manusia secara seluruh dan menghalangnya daripada menerima sebahagian daripada rahmat abadi.”¹⁹

“Namun pencarian keghairahan dan nafsu akan menutup mata dengan beribu tabir yang datang daripada hati untuk membutakan penglihatan luaran dan juga penglihatan dalaman.”²⁰

“Wahai anak-anak yang memiliki pemahaman! Jikalau kelopak mata, betapa lembut pun, dapat menafikan mata luaran manusia daripada melihat dunia dan semua yang ada di dalamnya, pertimbangkan dengan itu apa yang akan terjadi jika tabir sifat mendambakan hak orang turun ke mata dalamnya. Katakanlah: Wahai manusia! Kegelapan ketamakan dan iri hati mengaburi sinaran roh seperti juga awan-awan menutupi cahaya matahari.”²¹

“Aku berharap bahawa engkau akan berpaling dengan mata yang tidak dikaburi ke arah Suria Kebenaran, melihat bukannya benda di bumi...; biarlah Suria itu memberikanmu kekuatan-Nya, barulah awan-awan prasangka tidak menutupi sinaran-Nya daripada matamu! Lalu untukmu Suria timbul tanpa awan.”²²

Dalam salah satu petikan di atas, 'Abdu'l-Bahá menyatakan “rahmat-rahmat Tuhan akan dan sentiasa dijelmakan”, “Janji-janji syurga sentiasa wujud”, dan “pertolongan Tuhan adalah maha menakluki”. Beliau menerangkan selanjutnya bahawa, “jika mata roh masih ditutupi dan digelapkan”, dia akan dipengaruhi untuk menafikan tanda-tanda hebat Tuhan dan akan menafikan diri kita daripada berkat-berkat penjelmaan Tuhan.

1. Apakah yang anda fikir merupakan beberapa daripada rahmat-rahmat dan pertolongan-pertolongan yang dirujuk oleh 'Abdu'l-Bahá? _____

2. Sekarang gambarkan bagaimana tabir-tabir yang dinyatakan di bawah menafikan diri kita daripada rahmat-rahmat dan berkat-berkat ini.
 - a. Tafsiran harfiah teks-teks suci: _____

 - b. Imajinasi sia-sia: _____

- c. Peniruan membuta: _____

- d. Keakuan: _____

- e. Pencarian keghairahan dan nafsu: _____

- f. Ketamakan dan iri hati: _____

- g. Prasangka: _____

3. Tentukan sama ada pernyataan yang berikut adalah benar:

- _____ Penglihatan dalaman kita dapat memahami walaupun tanpa bantuan mental dan mata luaran kita.
- _____ Deria fizikal kita dan kebolehan mental kita sentiasa menghalang kita daripada melihat realiti rohani.
- _____ Dengan menyucikan deria fizikal kita dari semua yang bukan dari Tuhan akan membantu kebolehan dalaman kita untuk melihat kebenaran.

4. Akhirnya, renungkan pernyataan 'Abdu'l-Bahá ini untuk mendapat pengertian yang lanjut tentang sifat semula jadi tabir-tabir yang akan menghalang persepsi rohani. Hafal jika anda inginkan.

“Ketahuilah engkau, sesungguhnya terdapat banyak tabir yang mana Kebenaran ditutupi: tabir suram; kemudian tabir lutsinar; kemudian penutupan Cahaya, pandangan yang menyilaukan mata, kerana suria hanya ditutupi cahayanya sendiri dan, apabila kita melihatnya, penglihatan akan dibutakan dan mata disilaukan.

“ Aku merayu Tuhan untuk membuang semua tabir dan memancarkan cahaya kepada semua mata, supaya manusia tidak akan dihindari daripada menyaksikan Suria Kebenaran.”²³

BAHAGIAN 8

Yang berikut adalah antara satu pelajaran daripada *Kerlipan Harapan*, satu lagi teks yang diilhamkan oleh ajaran Bahá'í yang dikaji oleh belia muda. Ia bercerita tentang kisah Kibomi, seorang belia muda yang berumur dua belas tahun, yang setelah kehilangan ibu bapanya, berangkat dalam perjalanan untuk mencari kakaknya. Kibomi tergolong kepada puak Adumba. Ibu bapanya telah ditembak mati oleh puak Kungu di dalam perbalahan awam. Pelajaran yang sebelumnya menghuraikan pertemuannya dengan seorang tua daripada puak Kungu yang melayannya dengan kebaikan hati yang sungguh mulia. Di dalam pelajaran ini dia menemui sekumpulan askar dari puaknya.

Dengan adanya makanan padanya, Kibomi mempunyai lebih banyak tenaga dan dapat bergerak dengan lebih pantas. Apabila dia melarikan diri dari kampungnya, dia berasa takut dan marah. Kini dia mula mendapat semula perasaan baik yang dia selalunya ada tentang orang lain. Lelaki tua itu seorang Kungu, tetapi dia baik hati dan bijaksana. Dia telah berkongsi makanannya. Kata-katanya menarik dan penuh harapan: “Kita harus membuat pilihan.” “Kita dicipta untuk menyayangi, bukan untuk membenci.”

Kibomi terus mengikuti jalan sungai menuju ke Nangata. Selepas berjalan untuk seketika, dia terdengar suara orang bercakap dan segera bersembunyi di sebalik sepon pohon pokok besar. Sekumpulan pemuda sedang mendekati tempatnya. Mereka bercakap dalam bahasa Adumba. Kibomi gembira mendengar bahasanya dan melangkah keluar dari belakang pokok dengan perlahan. Pemuda-pemuda itu berpakaian seragam. Mereka ialah askar-askar pemberontak Adumba. Segelintir dari mereka masih muda, dan salah seorang kelihatan sama usia dengan Kibomi. Askar-askar itu berhenti apabila ternampak Kibomi dan menghala senapang ke arahnya. “Tunggu!” kata Kibomi. “Saya orang Adumba seperti kamu!”

“Apa yang kamu buat di sini bersendirian?” tanya ketua mereka dengan tidak sabar.

“Orang Kungu telah menyerang kampung saya dan membunuh ibu bapa saya. Saya harus melarikan diri,” jawab Kibomi.

“Jadi mari ikut kami,” kata ketua itu. “Kita mesti mengerjakan orang-orang Kungu. Buat mereka bayar untuk apa yang telah mereka lakukan terhadap keluarga kamu.”

Kibomi terasa keinginan yang kuat untuk mengikuti mereka. Dia berfikir sejenak dan hampir bersetuju menerima tawaran mereka. Askar kecil itu datang dan menghulurkan tangannya. Kibomi melihat ke matanya dan terganggu oleh matanya yang putus harapan. Dia berasa teragak-agak. “Saya mungkin akan ikut kamu nanti,” dia berkata dengan suara yang menggeletar. “Tetapi sekarang saya harus pergi cari kakak saya.”

Ketika askar-askar itu beredar, salah satu berpaling dan berkata, “Ingat, melawan balik adalah satu-satunya cara.” Kibomi tidak menjawab.

Soalan-soalan

1. Apakah perasaan Kibomi apabila dia meninggalkan kampungnya?
2. Mengapakah perasaan itu bertukar selepas bertemu dengan lelaki tua itu?
3. Mengapakah Kibomi bersembunyi di sebalik sepohon pokok?
4. Siapakah pemuda-pemuda berpakaian seragam?
5. Apakah yang dikatakan oleh ketua askar itu kepada Kibomi?
6. Apakah yang dilihat oleh Kibomi dalam mata askar kecil itu?

Aktiviti-aktiviti

1. Kibomi melihat harapan yang putus di dalam mata seorang askar kecil, yang mana takut dan marah sepertinya, telah membuat pilihan untuk melawan dan membunuh. Kita semua pernah menghadapi masa-masa kesedihan dan putus harapan. Pada masa-masa itu, kita tidak harus memilih jalan yang gelap, tetapi harus kita mencari cahaya yang memberikan harapan. Bacakan doa berikut dan renungkan kata-katanya:

“Dia adalah Belas Kasihan, Maha Dermawan! Ya Tuhan, Tuhanku, Kau melihatku, Kau ketahui daku; Kau adalah Penaung dan Pelindungku. Tiada yang telah aku mencari atau akan mencari melainkan Kau, tiada jalan telah aku menjejaki atau akan aku menjejaki melainkan jalan kasih sayang-Mu. Pada malam gelap-gelita yang berputus asa, matak

menunggu-nunggu dan memaling dengan penuh harapan untuk subuh yang tak terhingga berkat-Mu dan pada detik senja atmakmu yang melemah disegarkan dan diperkuatkan pada ingatan keindahan dan kesempurnaan-Mu.”

Sekarang, anda mungkin ingin menghafal doa di atas.

2. Dalam situasi-situasi yang berikut, tentukan tindakan-tindakan mana yang membawa putus asa dan mana yang memberikan harapan:

a. Anda tidak menjawab dengan baik dalam peperiksaan salah satu mata pelajaran. *Harapan Putus asa*

- | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|
| – Anda berputus asa dalam pelajaran dan luangkan banyak masa untuk bermain. | ☐ | ☐ |
| – Anda memberitahu diri sendiri bahawa anda bodoh. | ☐ | ☐ |
| – Anda meminta pelajar lain untuk membantu anda. | ☐ | ☐ |
| – Anda bersabar dengan diri sendiri dan cuba lebih kuat untuk memahami mata pelajaran itu. | ☐ | ☐ |
| – Anda menyalahkan guru anda kerana tidak memberi lebih pertolongan. | ☐ | ☐ |

b. Anda berasa sunyi dan nampaknya anda tidak ada kawan. *Harapan Putus asa*

- | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|
| – Anda berdiam dan rasa sedih selalu. | ☐ | ☐ |
| – Anda tidak membazir masa berfikir tentang diri sendiri dan meluangkan masa untuk menjaga orang lain. | ☐ | ☐ |
| – Anda selalu berfikir tentang kesalahan orang lain. | ☐ | ☐ |
| – Anda mencari nilai-nilai baik dalam orang lain. | ☐ | ☐ |
| – Anda mengambil langkah pertama untuk bergaul dan berkawan dengan orang lain. | ☐ | ☐ |

c. Anda melihat perasaan iri hati dan pergaduhan antara saudara-mara anda.

Harapan Putus asa

- | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|
| – Anda juga berasa iri hati dan bergaduh dengan mereka. | ☐ | ☐ |
| – Anda cuba bermurah hati dengan mereka. | ☐ | ☐ |
| – Anda berdoa agar ahli-ahli keluarga anda bersatu. | ☐ | ☐ |
| – Anda mengajar kanak-kanak dalam keluarga anda tentang kasih sayang dan kemurahan hati. | ☐ | ☐ |
| – Anda memberitahu diri bahawa tidak apa yang dapat anda lakukan untuk mengubah saudara-mara anda. | ☐ | ☐ |

d. Kawan anda melakukan sesuatu yang menyinggung perasaan anda.

Harapan Putus asa

- | | | |
|---|--------------------------|--------------------------|
| – Anda berputus untuk membalas dendam dan menyinggung perasaannya. | ☐ | ☐ |
| – Anda memaafkan kawan anda. | ☐ | ☐ |
| – Anda berputus untuk tidak menyinggung perasaan orang lain seperti mana yang telah dilakukan kawan anda. | ☐ | ☐ |
| – Anda memberitahu orang lain tentang keburukan kawan anda. | ☐ | ☐ |
| – Anda menamatkan hubungan persahabatan dengannya. | ☐ | ☐ |

Sebutkan beberapa kebenaran rohani yang belia muda akan perolehi daripada pelajaran ini. Bagaimanakah tema-tema harapan dan putus asa, yang diumpamakan dengan cahaya dan kegelapan, dijelaskan? Dengan cara apakah cerita dan aktiviti-aktiviti dalam buku ini membimbing belia muda dalam usaha mereka untuk memperkembangkan persepsi rohani?

BAHAGIAN 9

“Harapan” dan “pengesahan” adalah dua contoh daripada banyak tema-tema yang suatu program empowermen rohani belia muda harus tangani. Satu perbincangan teliti atas tema-tema ini akan mewujudkan persepsi rohani dan menyumbang kepada peluasan kesedaran. 'Abdu'l-Bahá menyatakan:

“Terdapat beberapa tiang-tiang yang ditubuhkan sebagai sokongan yang tak dapat digerakkan bagi Akidah Tuhan. Tiang yang paling berkuasa ialah pembelajaran dan penggunaan minda, penyebaran kesedaran, dan pemahaman akan kebenaran-kebenaran dunia dan misteri-misteri tersembunyi Tuhan yang Paling Berkuasa.”²⁴

Terdapat beberapa peringkat kesedaran yang mana seorang manusia dapat hidup. Untuk sedar akan kehendak dan tujuan ilahi, untuk memahami kuasa yang mempengaruhi kita dan komuniti kita, dan untuk berusaha mengabdikan kuasa mental dan rohani kita untuk membina satu dunia baru, menunjukkan satu keadaan kesedaran yang lebih tinggi daripada suatu kehidupan yang ditumpukan pada keseimbangan kebendaan. Salah satu cabaran utama seorang animator kumpulan belia muda adalah untuk membantu belia mencapai tahap kesedaran yang semakin tinggi. Untuk melakukan begitu, belia-belie harus memahami konsep-konsep yang menjanakan pusat tema-tema kehidupan rohani. Begitu juga, mereka harus meningkatkan keupayaan mereka untuk merenungkan, untuk menganalisa dan untuk mengamalkannya dalam realiti mereka. Apakah beberapa tema-tema konsep-konsep berkaitan yang harus belia muda jadikan sebagai objek renungan mereka?

BAHAGIAN 10

Dalam beberapa bahagian yang lepas kita telah mengkaji persoalan tentang persepsi rohani dan beberapa ciri-ciri yang berkaitan dengannya—kesucian hati, ilmu Tuhan dan cinta Tuhan. Kita juga telah memikirkan “tabir-tabir” yang boleh menghalang kita daripada melihat dengan “penglihatan dalaman” kita dan telah mempertimbangkan bagaimana pemahaman tentang konsep-konsep tertentu dapat membantu memperkuat persepsi rohani kita dan memperkembangkan kesedaran kita.

Semasa zaman keremajaan kuasa yang terpendam dalam roh manusia akan semakin menjelma dalam dirinya. Antara kuasa-kuasa ini, kuasa pemikiran dan ekspresi mempunyai kepentingan yang istimewa dan untuk menjaganya adalah penting bagi perkembangan kesedaran. Terdapat satu hubungan yang rapat antara bahasa dan pemikiran. Kuasa pemikiran dijemakan melalui ucapan, dan perkembangan kuasa ucapan adalah penting untuk pemeliharaan pemahaman. Perkembangan kuasa ucapan dan mendalami pemahaman seseorang tentang realiti mestilah sejajar. Sememangnya, pemahaman memerlukan renungan dan refleksi, aktiviti-aktiviti yang tidak dapat dilaikan dengan bahasa. Bahá'u'lláh menyatakan:

“Wahai orang-orang Bahá! Sumber kesenian, sains dan sastera adalah daya fikiran. Laksanakanlah segala usaha agar daripada lombong terbaik ini akan bersinar mutiara-mutiara kearifan dan ucapan sedemikian yang akan memajukan kebajikan dan keharmonian semua penghuni dunia.”²⁵

Pemahaman manusia dan kuasa-kuasa ekspresi, sememangnya, memerlukan sinaran daripada ucapan Ilahi. Bahá'u'lláh memberitahu kita:

“Dia telah datang untuk menyelamatkan kamu, dan telah menghadapi kesukaran agar engkau dapat maju, dengan menggunakan tangga ucapan, ke kemuncak pengertian.”²⁶

Perkembangan kuasa ekspresi tidak bermaksud hanya memperoleh kemahiran mekanikal untuk membaca, menulis dan berucap. Ia memerlukan kebolehan: untuk membaca dengan pemahaman baik, untuk menyatakan idea-idea dengan jelas dan fasih, serta menyebutkan konsep-konsep dengan tahap ketepatan yang tinggi. Dalam menggunakan kebolehan-kebolehan ini belia muda belajar untuk mengamalkan konsep-konsep saintifik, moral dan rohani yang sesuai untuk menganalisa dunia sekitar mereka dan ketentuan ketetapan peribadi yang mana satu ideologi sosial masa depan dapat dibina.

“Abdu'l-Bahá telah menyatakan bahawa “ramai umat manusia tidak dimaklumkan tentang agensi-agensi penting ini yang akan menjadikan satu penawar serta-merta bagi penyakit-penyakit dahsyat masyarakat.” dan bahawa pada masa ini, “disebabkan pendidikan sekolah mereka yang tidak mencukupi, kebanyakan daripada orang ramai malah kekurangan perbendaharaan kata untuk menjelaskan apa yang mereka mahu.” Begitu bertuahnyanya, mereka yang pada usia muda, telah berupaya untuk memperkembangkan kuasa-kuasa ekspresi dan

telah mempunyai kesedaran akan penyembuhan ilahi untuk penyakit tenat umat manusia, memenuhi minda mereka dengan pemikiran-pemikiran syurgawi, meningkatkan pemahaman dan memperluaskan kesedaran mereka dengan cara ini.

Dalam pelajaran berikut dari *Menggunakan Kuasa Kalimat*, satu teks yang diilhamkan oleh Bahá'í yang sering digunakan dengan belia muda yang telah menghabiskan beberapa buku sebelumnya, kumpulan ini membincangkan konsep “kalimat”. Pelajari dan cuba lihat bagaimana ia meningkatkan pemahaman dan meningkatkan kesedaran.

Salah satu aktiviti yang paling menyeronokkan yang telah dijalankan oleh kumpulan para belia di Alegrias pada bulan-bulan pertama penubuhannya ialah projek menanam pokok. Setelah mereka menanam sebanyak 50 batang pokok buah-buahan di sekeliling sekolah mereka, mereka menjemput ibu bapa, rakan-rakan dan jiran tetangga ke satu majlis. Di majlis itu Elisa telah memberi ucapan tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar. Masyarakat di sana menghargai projek tersebut kerana pokok-pokok yang ditanam oleh belia itu akan menghasilkan buah dan mengindahkan kampung mereka lagi.

Sehari selepas majlis itu, sebelum meninggalkan Alegrias, Elisa telah mengadakan suatu perjumpaan khas dengan para belia itu. “Hari ini saya ingin kita berbincang dengan kamu tentang suatu tema yang akan menjadi fokus perbincangan kita pada bulan-bulan yang akan datang,” dia memberitahu mereka dengan penuh minat. “Untuk memperkenalkan tema ini, biarlah saya bertanya kamu satu soalan. Kenapa agaknya Tuhan menjadikan kita?”

Mariela menjawab serta merta, “Tuhan menjadikan kita kerana Dia mencintai kita. ‘Aku mencintai kewujudanmu, jadi Aku menjadikan dikau’. Saya mempelajari petikan ini ketika saya kanak-kanak dan tidak pernah melupainya.”

“Cemerlang,” kata Elisa. Tuhan menciptakan kita kerana kasih yang tak terbatasnya. Dan kerana cinta inilah, Dia memberikan setiap orang kita anugerah yang amat agung. Salah satu pemberian-Nya yang teragung ini ialah kebolehan kita menggunakan “perkataan”. Tidak ada makhluk lain yang boleh menuturkan kata, membaca kata, menulis kata-kata dan memahaminya. Melalui kata-kata, kita berkomunikasi antara satu sama lain dan membolehkan orang lain mengetahui hal yang kita fikirkan dan perasaan kita. Lebih penting lagi, melalui kata-kata ini juga ajaran-ajaran rohaniah dinyatakan. Kita memahami ajaran-ajaran ini dengan

mendengar dan membaca kata-kata Tuhan yang diwahyukan melalui Pengutus-Nya. Tema yang ingin saya kongsi bersama ialah kuasa kata.”

“Saya pernah mendengar bahawa kata-kata lebih berkuasa daripada pedang,” kata Carlota.

“Memang benar,” tambah Antonio. “Tetapi bagi kata-kata mempunyai kuasa, kata-kata itu mestilah disusuli oleh perlakuan. Jika tidak, kata-kata akan jadi kosong dan mudah dibawa lari oleh angin. Salah satu petikan yang paling saya gemari mengatakan bahawa kita harus berwaspada, janganlah sampai kita berjalan di jalan-jalan mereka yang percakapannya berlainan daripada perlakuannya.”

“Ya,” tambah Ana Maria. “Anda boleh memberitahu orang lain bahawa dia kawan karib anda, tetapi apabila dia berada dalam kesusahan, anda tidak membantunya, maka anda bukan kawan karibnya yang sebenar.”

Ulasan Ana Maria membangkitkan imaginasi para belia itu, dan mereka semua mula memberi contoh-contoh tentang kata-kata yang kosong dan kata-kata yang diikuti oleh perlakuan.

Akhirnya Elisa berkata, “Baiklah. Anda semua yakin bahawa kata-kata yang disusuli perlakuan adalah sangat-sangat berkuasa. Kata-kata mempunyai kuasa yang menakjubkan – boleh mengubah dunia ini. Oleh itu, anda semua yang ingin membina dunia yang lebih baik, mesti mempelajari cara menggunakan kata-kata dengan baik. Ini bermaksud memikirkan kata-kata itu, memahaminya, menuturkan kata-kata itu, menyebarkan kata-kata itu, dan mengamalkan kata-kata itu.”

Buat sejenak, para belia semua diam sahaja, merenungi hal yang telah dikatakan oleh Elisa. Kemudian secara tiba-tiba, Diego mendapat suatu idea. Rasa teruja, dia melonjak bangun lalu berkata, “Sekarang saya tahu cara kita boleh mencapai kemajuan material dan rohaniah: melalui kuasa kata-kata yang disusuli perbuatan-perbuatan yang suci.”

Kesenyapan. Tiada sesiapaupun yang bercakap. Diego pula bangun dan berdiri, dalam keadaan resah. Dia tidak tahu sama ada dia harus duduk atau berdiri sahaja. Dia memerhati Elisa untuk meminta bantuan. Elisa bangun perlahan-lahan, lalu mendapatkan Diego dan memegang tangannya. “Anda telah menemui satu kebenaran mendalam,” Elisa berkata kepada Diego.” Dengan peredaran masa, anda akan mempelajari kepentingan kebenaran ini.”

LATIHAN

1. Gunakan perkataan-perkataan yang berikut untuk melengkapkan ayat-ayat di bawah:

mengiringi, imaginasi, menyatakan, perlakuan,
berkomunikasi, pulih, dianugerahkan, mencipta,
persekitaran, mengelilingi, anugerah, mendedahkan,
meyakinkan, lena

- a. Adalah melalui kuasa kata yang membolehkan kita untuk _____
idea kita.
- b. Julia tidak mahu adiknya ke kedai seorang diri, jadi dia mengambil
keputusan untuk _____ nya.
- c. Doktor tersebut amat gembira apabila dia mendapati kesihatan si
gadis itu semakin _____ .
- d. Setelah beberapa kali ditanya Luis Enrique, barulah dapat
_____ dia untuk bersuara dalam mesyuarat.
- e. Tuhan telah memberi kita _____ untuk hidup, dan
kita jangan mensia- siakannya.
- f. Apabila Juan Carlos membuat sesuatu janji, dia akan cuba sedaya
upayanya untuk menunaikannya. Kata-katanya selalu diikuti
dengan _____ .
- g. Oleh sebab kasih-Nya kepada kita, Tuhan telah memberikan kita
begitu banyak hadiah. Kebolehan menggunakan kata-kata adalah
satu-satunya pemberian yang paling berharga yang pernah
_____ lore ip.
- h. Cerita ini ditulis sepenuhnya daripada _____
penulisnya .
- i. Untuk _____ dengan orang lain, kita perlu
belajar mendengar.
- j. Cecilia amat khuatir tentang _____ lalu
mengambil keputusan untuk mengendalikan kursus tentang
kebersihan di dewan masyarakat di kampungnya.

- k. Apabila ada projek yang hendak dilakukan, Diego selalunya dapat menarik minat semua orang. Dia memang boleh _____ minat.
- l. Roberto begitu letih sekali setelah sehari suntuk menjalankan tugasnya dan terus tidur dan tidak ada orang yang dapat membangunkannya. Dia tidur _____ sekali.
- m. Nenek saya tidak suka memberitahu orang tentang umurnya, tetapi apabila dia menjangkau 100 barulah dia _____ umurnya.
- n. Anna menanam bunga dalam taman di sekeliling rumahnya. Begitu banyak jenis bunga yang berlainan warna dan bentuk yang _____ rumahnya.
2. Bina ayat dengan menggunakan perkataan-perkataan yang diberi.
- perbuatan-perbuatan suci: _____
- _____
- memelihara alam sekitar: _____
- _____
- dengan penuh minat: _____
- _____
- mengamalkan kata-kata: _____
- _____
- merenung hal yang telah dikatakan: _____
- _____
3. Kata-kata mempunyai kuasa untuk membawa kebaikan atau keburukan, dan bergantung pada kata-kata yang kita gunakan, kita boleh memberi nasihat yang baik atau buruk kepada orang lain. Letakkan “B” untuk nasihat yang baik dan “S” untuk yang buruk di depan ayat-ayat yang diberikan.
- _____ Kita mesti bersatu padu dan tidak bergaduh.
- _____ Jika anda memerlukan sesuatu, ambil sahaja. Jangan peduli dengan tuan empunya.

- _____ Jangan mengumpat.
- _____ Kita kadang-kala berasa malas, jadi apabila perasaan ini muncul lebih baik kita tidak melakukan apa-apa.
- _____ Jangan menangguhkan tugas untuk esok jika kita dapat menyelesaikannya hari ini.
- _____ Tiada masalah jika anda lewat sedikit ke mesyuarat.
- _____ Betapa mudah pun sesuatu tugas, namun kita mesti melakukannya dengan cemerlang sekali.
- _____ Tidak salah untuk berbohong sekali-sekala.
- _____ Jangan bantu orang lain kerana hal ini tidak berbaloi.
- _____ Tujuan hidup adalah untuk berseronok sahaja.
- _____ Kita mesti berusaha untuk mempertingkatkan diri kita setiap hari.
- _____ Bekerja itu adalah suatu hukuman.
- _____ Kenapa perlu kita mematuhi undang-undang, kita tahu apa yang paling baik untuk kita.
- _____ Tujuan hidup kita di dunia ini adalah untuk mengenal dan menyembah Tuhan.
- _____ Kita sedang menyembah Tuhan apabila kita melakukan tugas kita dalam semangat khidmat.
- _____ Kita sepatutnya bimbang akan masalah kita sahaja, dan tidak ambil tahu masalah orang lain.
- _____ Ibu bapa anda sudah tua, macam mana mereka tahu akan kehidupan dunia sekarang!
- _____ Sedikit minuman alkohol sekali sekala tidak akan menyakiti sesiapa.
- _____ Hidup di dunia ini singkat. Buat apa kerja berhabis-habisan!

1. Pelajaran ini bertujuan memperluaskan kesedaran belia muda dengan membantu mereka merenung akan konsep “kalimat”. Bagaimanakah ia mencapainya? _____

2. Apakah jenis hubungan antara kuasa pemikiran dan kuasa ucapan yang anda perolehi selepas mengkaji pelajaran di atas? _____

BAHAGIAN 11

Belia muda perlu membangunkan kebolehan untuk membaca dan memahami makna perkataan-perkataan yang dibacakan oleh mereka. Di kebanyakan tempat di dunia, terdapat banyak kesusasteraan bagi peringkat usia ini, yang melingkungi buku-buku teks akademik hingga ke buku-buku komik. Sedangkan kebanyakan elemen dalam bahan sastera ini sesuai untuk perkembangan belia muda, pengaruh mereka tidak dapat dibandingkan dengan pengaruh yang permata-permata kebenaran yang diperolehi daripada Tulisan Suci yang menembusi jiwa pemuda-pemudi. Kita tahu bahawa, di dalam Dispensasi ini, Bahá'u'lláh telah menganugerahi setiap kalimat dengan suatu potensi yang baru. Baginda menyatakan:

“Melalui gerak Pena kemuliaan-Ku, Kami telah, demi perintah Pentakdir yang maha berkuasa, menghembus nafas suatu hidup baru ke dalam setiap jasad manusia, dan menanamkan ke dalam setiap kalimat suatu potensi yang baru. Segala yang tercipta mengumumkan tanda-tanda penghidupan baru keseluruhan dunia ini.”²⁷

Apa sahaja tema atau konsep yang digunakan dalam bahan-bahan yang digunakan untuk memperkembangkan kuasa ekspresi dalam belia muda, makna yang disampaikan harus menjelmakan tulisan-tulisan Akidah sedekat mungkin. Pemahaman kita tentang konsep keadilan, contohnya, jika disinari ajaran-ajaran Bahá'u'lláh, akan menyelami kedalaman makna yang tak dapat diperolehi dalam dunia yang telah ketinggalan dari realiti kerohanian. Dengan menemui permata-permata kearifan yang disemadikan dalam Kalimat Tuhan, apabila

dipersembahkan secara kreatif dalam teks bacaan, menerangi minda-minda belia muda dan mewujudkan keriang dalam hati mereka. ‘Abdu’l-Bahá menerangkan:

“Semoga roh-rohmu akan disinari oleh cahaya Kalimat-Kalimat Tuhan, dan semoga kamu akan menjadi ruang-ruang simpanan rahsia Tuhan, sebab tiada keselesaan yang lebih besar dan tiada kebahagiaan yang lebih manis daripada pengertian rohani tentang ajaran-ajaran Ilahi. Jika seorang manusia memahami makna sebenar rangkap-rangkap seorang penyair seperti Shakespeare, dia akan rasa gembira dan bergirang hati. Betapa tinggi akan keriang dan kegembiraannya apabila dia menyedari hakikat Tulisan-Tulisan Suci dan dimaklumkan tentang misteri-misteri Kerajaan!”²⁸

Petikan-petikan di bawah adalah daripada buku *Menggunakan Kuasa Kalimat*. Tema tentang “kemajuan” meresapi keseluruhan teks tersebut. Bahan itu berusaha untuk mencorakkan di dalam minda-minda yang muda akan pengertian tentang konsep kemajuan yang berdasarkan Ajaran-Ajaran Akidah. Anda diminta supaya mengenali perbezaan antara makna kemajuan, misalnya, seperti yang disampaikan di dalam media massa hari ini, dan kepentingannya seperti yang dinyatakan di dalam petikan-petikan yang berikut:

Tidak lama dahulu, penghuni-penghuni kampung itu telah dilawati seorang guru terhormat yang memberitahu mereka “Alegrias boleh menjadi sebuah komuniti contoh, dan boleh mencapai kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah.” Pada mulanya, Diego tidak begitu memahami hal yang dimaksudkan dengan “kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah”, namun begitu dia turut berkongsi keseronokan keseluruhan komunitinya. Sejak itu, dia telah mempelajari banyak hal tentang perkara ini. Dia telah sedar bahawa, walaupun kecil dari segi tubuh badan, namun dia bukan lagi kanak-kanak dan berupaya membantu kampungnya mencapai kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah yang diinginkan.

Semasa dalam salah satu perbualan, Diego mengambil kesempatan untuk bertanya semua orang akan pandangan mereka tentang kemajuan dari segi rohaniah dan kebendaan. Mariela, yang selalu mempunyai sesuatu yang menarik untuk dikatakan, terus menjawab: “Saya pasti dengan hal yang dimaksudkan sebagai kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah. Hal itu bermaksud kita miskin dan perlu lebih banyak wang agar kita dapat memperoleh perkara-perkara yang akan menjadikan kita gembira.”

Selepas mendengar pandangan Mariela, mereka semua berasa seronok,

lalu mula berkongsi pendapat masing-masing. Ini adalah lebih kurang perbualan mereka:

Antonio: “Saya tidak percaya bahawa untuk berasa gembira seseorang mestilah kaya. Saya kenal ramai orang miskin yang gembira.”

Carlota: “Abang saya yang belajar di universiti sedang bercuti, berkata golongan kaya telah mencipta idea ‘orang miskin yang gembira’ untuk memastikan kita berpuas hati bekerja untuk mereka.”

Ana Maria: “Itu mungkin benar, tetapi saya tahu bahawa kegembiraan datang dari dalam diri kita dan bukannya bergantung kepada berapa banyaknya benda yang dimiliki seseorang.”

Diego: “Ya, tetapi memanglah tidak seronok jika hidup miskin. Kita harus cuba sedaya upaya kita untuk memperbaiki kehidupan kita.”

Antonio: “Namun begitu, kita harus berasa gembira semasa cuba melakukannya. Saya ingin bekerja keras untuk diri saya dan juga untuk komuniti saya, tetapi saya juga ingin rasa gembira ketika berbuat demikian. Dulu saya suka menghabiskan masa bersama abang Carlota, tetapi semenjak dia mula menyentuh perkara mengenai golongan yang kaya dan yang miskin, saya kurang berminat mendengarnya. Dia penuh dengan kemarahan.”

Roberto: “Saya tahu bahawa kegembiraan yang sebenar datang apabila mendekati Tuhan dan mematuhi undang-undang-Nya.”

Diego: “Itu memang benar, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa untuk mencintai Tuhan kita harus saling mencintai sesama umat manusia dan membantu mereka.”

Carlota: “Dan kita harus ingat bahawa dengan mematuhi undang-undang Tuhan juga bererti bekerjasama untuk membina dunia yang lebih sempurna dan tiada lagi golongan yang miskin.”

Secara tiba-tiba, Diego menyadari bahawa selama ini mereka hanya berbincang tentang kemajuan dari segi kebendaan. “Bagaimana pula dengan kemajuan dari segi rohaniah?” dia bertanya. Oleh sebab semua orang sudah keletihan, maka mereka mengambil keputusan untuk meneruskan perbincangan pada masa akan datang.

Dalam beberapa perjumpaan seterusnya, belia-belia itu menumpukan perbincangan mereka terhadap kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah. Sebulan kemudian, sejurus sebelum lawatan Elisa, mereka mengadakan suatu perjumpaan khas untuk mengimbas kembali kesimpulan mereka. Apabila belia-belia itu menyampaikan idea mereka kepada Elisa, dia sangat gembira. Dia membantu mereka menyusun kesimpulan mereka secara jelas dan untuk menulis deklarasi yang berikut:

Deklarasi Belia

Kami bukan lagi kanak-kanak dan harus memikirkan masa depan kami dengan serius. Kami semua kini hidup dalam dunia yang penuh kesengsaraan dan yang diancam oleh perselisihan. Kami ingin membina sebuah dunia baru yang penghuninya hidup berharmoni dan peperangan dan kemiskinan tidak lagi wujud. Bagi membina sebuah dunia baru, permulaan harus dibuat dalam komuniti kita sendiri. Itulah sebabnya kami sekarang bercakap mengenai kemajuan dari segi kebendaan dan rohaniah di kampung kecil kita, Alegrias. Untuk maju dari segi kebendaan, kita harus mempertingkatkan pertanian kita, lebih mengutamakan kesihatan kita, menubuhkan lebih banyak sekolah dan bergiat dalam perniagaan dan industri. Melalui hasil usaha kita, kita harus mengubah kediaman, perkampungan dan persekitaran kita supaya menjadi tempat indah yang kita semua dapat menikmati suatu suasana alam sekitar yang lebih bersih dan sihat.

Kemajuan kebendaan bagi semua orang tidak boleh dicapai selagi kita tidak mencapai kemajuan rohaniah. Tanpa kerohanian, hanya segelintir orang menjadi kaya, sementara yang lain terus hidup miskin. Untuk mencapai matlamat ini, kita sebagai sebuah komuniti, seharusnya bersatu padu, bertindak secara adil, bekerjasama dan

beramah mesra dan berbaik hati antara satu sama lain, dan bersikap murah hati, jujur dan boleh dipercayai. Nilai-nilai keadilan, murah hati, kasih sayang dan baik hati, kejujuran dan kebolehpercayaan merupakan nilai-nilai rohaniah yang membolehkan kita mencapai kemajuan kebendaan mahupun kerohanian.

Nilai-nilai rohani diperlukan bukan setakat untuk membina dunia yang lebih baik, malah kita memerlukannya untuk kehidupan roh kita yang tidak berakhir di dunia ini. Kemajuan kebendaan dan rohaniah bererti kita berusaha setiap hari demi kecemerlangan dalam segala aspek kebendaan dan kerohanian kehidupan kita, bekerja keras untuk membina sebuah dunia yang adil dan aman, dan menyediakan diri kita untuk kehidupan abadi yang riang dan gembira.

Diego telah menghabiskan banyak masa berfikir mengenai ucapannya. Sememangnya, “kemajuan Alegrias kebendaan dan rohaniah” menjadi isu yang ingin dibentangkannya. Namun, dia tidak mahu menyampaikan ucapan yang berat tentang tajuk itu, dan dia tidak mahu berkhotbah kepada kawan-kawannya. Jadi beginilah cara dia menyampaikan idea-ideanya:

Menjadi sebahagian daripada kumpulan belia Alegrias cukup bermakna kepada saya. Ahli-ahlinya merupakan sahabat-sahabat paling karib yang pernah saya miliki, dan antara detik-detik paling gembira adalah ketika saya bersama mereka. Saya fikir kita semua sudah berubah sejak kita mula berjumpa dan melakukan perkara-perkara bersama. Kita seolah-olah kanak-kanak ketika kita bermula, dan pertemuan kita bersama telah membantu kita memasuki peringkat yang berikut dalam kehidupan kita dengan cara yang bermakna. Syukur kerana aktiviti dan perbincangan kita, kita tidak memasuki zaman belia penuh kekeliruan dan kehampaan. Kita tahu bahawa kita ada tujuan dalam hidup, dan kita akan saling bantu-membantu untuk mencapai matlamat kita. Saya fikir kita akan menjadi sahabat karib untuk selama-lamanya.

Salah satu idea yang sering kita fikirkan sejak kumpulan kita dibentuk ialah kemajuan Alegrias kerohanian dan kebendaan. Saya fikir pada permulaannya kita hanya ingin tahu mengenai maksudnya. Akan tetapi sekarang, bagi kebanyakan kita, kemajuan komuniti kita adalah sesuatu yang ingin kita membaktikan tenaga kita. Kita berharap agar semangat kita ini akan berjangkit dan akan mempengaruhi setiap orang di kampung ini.

Terima kasih kepada Elisa yang telah membimbing kita dengan penuh kasih sayang, sekarang kita sudah tahu beberapa perkara penting mengenai kemajuan. Kita tahu yang kita harus sentiasa bersatu, kalau tidak semua usaha kita menjadi sia-sia. Kita tahu kita harus berusaha sedaya-upaya untuk mencapai kesempurnaan; setiap hari harus menjadi lebih baik daripada hari sebelumnya. Kita juga tahu yang kata-kata hikmat dan perbuatan yang murni mempunyai kuasa untuk membawa perubahan. Tetapi, kenapa kata-kata mempunyai kuasa sebegitu? Salah satu sebab paling penting adalah melalui kata-kata kita menemui, memperoleh dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Kunci kemajuan ialah ilmu pengetahuan.

Pada suatu hari sedang saya memerhatikan beberapa ekor lembu meragut rumput di padang dekat rumah saya, saya terfikir sendiri, “Lembu-lembu ini mempunyai semua benda yang diperlukannya. Semua rumput yang diinginkannya terdapat di sana untuk dimakan. Terdapat sebatang sungai yang mengalir melalui padang rumput itu, yang lembu-lembu itu boleh minum apabila teringin. Lembu-lembu itu boleh berjemur di bawah matahari atau berehat di bawah teduh mengikut sesuka hatinya. Apa lagi yang diperlukan olehnya?” Akan tetapi saya kemudian-nya sedar yang itu sahaja dimiliki olehnya. Lembu-lembu tidak mempunyai ilmu pengetahuan atau memahami hal yang dilakukan olehnya. Lembu-lembu itu ialah hamba kepada alam. Saya mengambil keputusan bahawa sudah tentu saya tidak mahu hidup seperti seekor lembu. Kemudian saya berkata kepada diri sendiri, “Sekiranya saya menjadi sangat kaya dan berkuasa tetapi masih tetap jahil, apakah faedahnya? Dengan semua kekayaan dan kuasa itu, saya tidak akan menjadi apa-apa kecuali seorang hamba – hamba hawa nafsu saya sendiri yang akan menggerakkan saya melakukan perkara-perkara yang saya tidak faham, hamba kepada ketamakan, hamba

kepada orang lain yang lebih kaya dan yang lebih berkuasa daripada saya”. Itulah sebabnya pengetahuan menjadi kunci kemajuan. Ilmu pengetahuan memberi kita kebebasan.

[illegible]

BAHAGIAN 12

Dalam Tulisan Suci, “ucapan” diiktirafkan oleh perkataan-perkataan atau frasa seperti “jelas bagaikan kristal”, “kefasihan”, “menembusi”, dan “mengagumkan”, dan diiringi oleh frasa-frasa yang membawa sifat-sifat kepada keperluan “kesederhanaan”, “kearifan” dan “pemahaman”. Perkataan-perkataan yang memiliki sifat-sifat ini diharapkan untuk memiliki kesan-kesan luar biasa seperti “menghapuskan tabir keakuan dan nafsu” dan “memadamkan api permusuhan dan kebencian”. Tambahan pula, perkataan-perkataan memberikan pengaruh sesuai dengan keadaan dan sifat-sifat rohani orang yang mengucapkannya.

“Katakanlah: Ucapan manusia adalah satu intisari yang ingin menekankan pengaruhnya dan memerlukan kesederhanaan. Sehubungan pengaruhnya, ia bergantung kepada kehalusan yang bagi pihaknya bergantung kepada kalbu-kalbu yang takterikat dan suci.”²⁹

“Lagipun, perkataan-perkataan dan ucapan harus kedua-duanya mempengaruhi dan menembusi. Tetapi, tiada perkataan akan tertanam dengan kedua-dua sifat ini melainkan ianya dilafazkan sepenuhnya hanya demi Tuhan dan dengan mengambil kira keperluan-keperluan keadaan dan pendengar.”³⁰

“Aku memohon kepada Tuhan agar kepala-kepalamu dihiasi dengan mutiara belas kasihan-Nya, agar menyalakan di dalam kalbu-kalbumu api cinta Tuhan, agar membebaskan lidah-lidahmu dengan ucapan perkataan-perkataan yang fasih dan makna-makna yang cemerlang serta bermisteri di perhimpunan orang-orang salih, agar menjadikan kamu bunga-bunga mawar di syurga El-Abhá, malaikat-malaikat syurgawi, yang bersatu dalam pendapat, berharmoni dalam fikiran dan untuk menjelmakan pada wajahmu tanda-tanda kesucian Kerajaan di kalangan orang ramai.”³¹

“Sekiranya kau inginkan ucapan dan sebutanmu mempengaruhi hati-hati yang berkeras, bebaskanlah dirimu daripada segala ikatan dunia ini dan berpalinglah kepada Kerajaan Tuhan.”³²

1. Kenal pasti daripada petikan di atas beberapa sifat rohani yang mengurniakan kuasa kepada ucapan manusia: _____

-
-
-
2. Bagaimanakah anda rasa penerokaan konsep dalam teks yang dikaji oleh belia muda dalam program empowermen rohani membantu mereka untuk memperkembangkan sifat-sifat ini? _____

BAHAGIAN 13

Di dalam tulisan suci, kita dimaklumkan bahawa kuasa ucapan harus diarahkan terhadap pencapaian tujuan-tujuan yang luhur:

“Inilah saatnya kamu harus menyucikan dirimu dengan air-air ketakterikatan yang mengalir dari Pena Maha Luhur, dan berfikir, dengan sepenuhnya demi Tuhan, hal-hal yang, berulang kali, telah diturunkan atau dijelmakan, kemudian berusaha, sejauh mana kamu sanggup, untuk menghapuskan, dengan kuasa kearifan dan kuasa ucapanmu, api permusuhan dan kebencian yang berkobar di dalam kalbu orang-orang di dunia.”³³

“Hamba ini memohon kepada setiap insan yang rajin dan tekun untuk melaksanakan usaha tertingginya serta bangkit untuk memulihkan keadaan-keadaan semua wilayah dan menghidupkan yang mati dengan air-air hidup kearifan dan ucapan, demi sifat kasih sayang yang ia memiliki bagi Tuhan, Yang Esa, yang Tak Tertanding, Yang Maha Berkuasa, Yang Dermawan.”³⁴

“Setiap kalimat dikurniakan dengan suatu semangat, oleh yang demikian orang yang bercakap atau menghuraikan harus menyampaikan kalimat-kalimatnya dengan penuh cermat pada waktu dan tempat yang sesuai, sebab pengaruh yang diakibatkan oleh setiap kalimat menjadikannya jelas nyata dan senang difahami. Wujud Yang Agung bersabda: Satu kalimat boleh diandaikan kepada api, satu lagi kepada cahaya, dan pengaruh yang dikeluarkan oleh kedua-duanya ternyata di dunia. Oleh yang demikian, seorang arif yang diilhamkan harus bercakap hanya dengan kalimat-kalimat yang lembut bagaikan susu, supaya anak-anak manusia sanggup diasuh dan dididik olehnya dan dapat mencapai tujuan muktamad kewujudan manusia yang adalah kedudukan tinggi pengertian sebenar dan kemuliaan. Dan begitu juga Baginda bersabda: Satu kalimat adalah umpama musim bunga yang menjadikan anak-anak pokok dari taman mawar ilmu pengetahuan menjadi hijau dan segar, sedangkan satu kalimat yang lain adalah seperti racun yang mematikan. Adalah wajib bagi seorang yang arif untuk bercakap dengan kelembutan hati dan kesabaran yang tertinggi supaya kemanisan kalimat-kalimatnya sanggup mempengaruhi semua orang untuk mencapai ia yang sesuai bagi taraf kemuliaan manusia.”³⁵

1. Tentukan sekiranya pernyataan-pernyataan yang berikut ini benar. Kuasa ucapan harus diarahkan untuk
- _____ memenangi satu perbalahan.
 - _____ menghuraikan suatu kebenaran dengan memberi penerangan yang jelas.
 - _____ memadamkan api permusuhan dan kebencian di kalbu-kalbu manusia.
 - _____ memanipulasikan orang lain
 - _____ menyembunyikan kebenaran.
 - _____ menjelaskan misteri-misteri alam semesta.
 - _____ memberi gambaran kepada perkara-perkara yang kompleks.
 - _____ menjelaskan perselisihan faham dan membina kesatuan wawasan.
 - _____ menunjukkan kelebihan pendapat diri kita sendiri.
 - _____ memperoleh pujian dan sanjungan.
 - _____ menyiasat realiti.
 - _____ memperbaiki keadaan hidup orang ramai.
 - _____ mempertahankan hak orang-orang yang dianiayai.
2. Sebutkan beberapa perkataan tentang bagaimana perkembangan kuasa ekspresi akan membantu belia muda dalam jalan mereka ke arah transformasi peribadi dan juga dalam usaha mereka untuk menyumbang kepada transformasi masyarakat.

BAHAGIAN 14

Dalam membantu belia muda untuk membangunkan kuasa ekspresi, kita tidak harus melupakan bahawa adalah Kalimat Tuhan yang menanamkan kuasa ke dalam ucapan manusia dan hati dan minda manusia dengan pemahaman sebenar. Anda diminta untuk berhenti di sini dan merenung petikan-petikan berikut.

“Suria pengucapan, yang bersinar gilang-gemilang dari tempat terbit Wahyu suci, telah menerangi Skrol-Skrol dan Loh-Loh dengan begitu sehingga kerajaan pengucapan dan alam pengertian yang luhur bergetar dengan kebahagiaan dan keriangian yang meluap dan bersinar dengan kegemilangan cahaya-Nya . . . ”³⁶

“Katakanlah: Kami telah jadikan sungai-sungai ucapan Ilahi untuk mengalir keluar dari singgahsana-Ku, supaya herba-herba muda kearifan dan pengertian sanggup muncul keluar daripada tanah kalbu-kalbumu.”³⁷

“Melalui nafas-nafas ucapan-Mu, syurga pengertian telah dihiasi, dan demi curahan-curahan pena-Mu setiap tulang yang mereput telah dihidupkan.”³⁸

“Adalah jelas dan terbukti, oleh itu, bahawa rahmat pertama Tuhan ialah Kalimat, dan pencarinya dan penerimanya ialah kuasa pemahaman. Kalimat ini ialah pendidik utama dalam sekolah kewujudan dan penjelmaan Dia yang Maha Berkuasa. Semua benda hanya dapat dilihat melalui cahaya kebijaksanaannya. Semua yang diwujudkan hanyalah pemberian ilmunya. Segala nama-nama hanyalah namanya, dan permulaan dan pengakhiran semua benda haruslah bergantung kepadanya.”³⁹

Sekarang anda mungkin ingin menghafal sebanyak mungkin daripada petikan-petikan di atas.

BAHAGIAN 15

Kita hidup pada masa apabila umat manusia sedang menghadapi keruntuhan moral. Nilai-nilai yang telah membimbing umat manusia selama berabad-abad sedang kehilangan pengaruhnya secara perlahan-lahan dan sedang digantikan oleh nilai-nilai materialisme yang merebak luas dan satu ideologi yang dibina atas relativisme yang keterlaluan dan individualisme yang tak terkawal. Biarlah kita memikirkan mengenai fenomena ini dengan lebih lanjut sebelum mengambil kira kesannya terhadap orang-orang muda.

Adalah memungkinkan untuk kita melihat dalam sejarah sejak beberapa abad yang lepas ini terhadap umat manusia yang kian membebaskan diri daripada begitu banyak rantai yang telah lama menindasnya—daripada dogmatisme, daripada kezaliman, daripada ketahyulan, sebagai contoh. Walaupun banyak masih perlu dicapai, prasangka-prasangka yang telah berakar secara mendalam telah pun ditangani, undang-undang untuk menegakkan keadilan telah pun diwujudkan, dan hak-hak individu dan kumpulan telah diiktiraf. Malangnya, pergerakan bersejarah yang berharga ini telah dicemari oleh keterlaluan yang semakin menjadi-jadi. Relativisme keterlaluan dan individualisme tak terkawal kini mengambil pentas utama, dan kewujudan mutlak dipinggirkan. Kebebasan untuk mengikuti kehendak peribadi dianggap sebagai impian tertinggi, dan kesan daripada itu, perbezaan antara betul dan salah menjadi kabur. Corak perlakuan yang berdasarkan set-set nilai yang jauh berbeza kini dianggap setara di semakin banyak tempat, dan pertalian- pertalian yang secara tradisinya telah mengikat bersama para ahli komuniti telah kehilangan kekuatannya.

Di dalam suasana ini, belia sering dibiarkan tanpa bimbingan moral dan mendapatinya sukar untuk membezakan kebenaran daripada kepalsuan. Tiada lain melainkan Kalimat Tuhan yang boleh menghidupkan semula nadi-nadi rohani yang membolehkan umat manusia untuk membuat perbezaan. ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita bahawa ia adalah Kalimat Tuhan yang menyinari alam fikiran dan moral:

“... di alam rohani kebijaksanaan dan impian, harus adanya satu pusat yang menyinari, dan pusat tersebut adalah, Suria abadi, yang bersinar selalu, Kalimat Tuhan. Cahaya-cahayanya adalah cahaya-cahaya hakikat yang telah bersinar ke atas umat manusia, dengan menyinari alam fikiran dan moral, menganugerahkan kurnia-kurnia alam ilahi kepada manusia.”⁴⁰

Untuk membuat keputusan-keputusan moral, seseorang itu memerlukan lebih daripada satu set peraturan; keseluruhan satu struktur moral harus diwujudkan di dalam minda dan kalbu seorang pemuda dikurniai dengan tujuan sosial yang kukuh—satu struktur yang mengaitkan konsep-konsep rohani, corak-corak tingkah laku, dan ilmu tentang akibat tindakan dan yang akan dipegang kukuh oleh kuasa tekad dan ketabahan. Struktur moral yang sedemikian nampaknya terikat rapat dengan struktur bahasa yang beroperasi di dalam minda seseorang individu. Bahasa ini, seperti yang telah disebutkan dahulu di dalam bahagian-bahagian yang lepas, haruslah cukup kaya untuk membolehkan belia untuk memahami daya-daya sosial, kebudayaan dan ideologi yang berkuasa, yang sedang mencorakkan nilai-nilai orang ramai di dalam dunia yang semakin berderai dan untuk memahami sifat semula jadi kuasa-kuasa rohani yang diperlukan untuk mentransformasikan mereka.

Hubungan rapat antara struktur bahasa di mana seseorang meluahkan fikirannya dan struktur moral yang menentukan fikiran-fikiran dan tingkah laku seseorang mempunyai kepentingan yang perlu diambil kira dalam menentukan bagaimana bahasa dan moral patut diajar. Kandungan bahan-bahan yang digunakan untuk mengajar bahasa sememangnya akan berbeza selaras dengan nilai-nilai mereka yang menyediakannya. Ia boleh menyampaikan mesej moral yang jelas, bersifat tidak tentu dalam ajaran moralnya, atau juga mengakibatkan kecederaan rohaniah. Isi kandungan dalam pendidikan moral juga boleh berbeza selaras dengan pemahaman umum yang disiarkan tentang moral. Seseorang boleh kenal pasti, sebagai contoh, dalam banyak bahan pendidikan di mana konsep-konsep moral di huraikan sebagai suatu siri nilai-nilai, kewajipan, peraturan, dan fakta-fakta yang bertujuan untuk memperbaiki tingkah laku tanpa memberi perhatian secukupnya terhadap elemen-elemen bahasa dan pemikiran yang meningkatkan persepsi rohani dan memupuk komitmen terhadap transformasi sosial. Seseorang juga dapat mencari program-program pendidikan moral yang hanya menyuruh para pelajar untuk membincangkan apa yang mereka suka dan minat supaya dengan tanggapan bahawa, dalam menjelaskan hal ini, mereka akan menemui tentang diri mereka dan menyedari potensi mereka. Mengurangkan pendidikan moral menjaantara satu daripada kedua-dua pendekatan ini adalah tidak wajar. Suatu program untuk empowermen rohani belia muda sememangnya tidak dapat mengecualikan standard-standard moral yang tinggi, ataupun tidak mepedulikan apa yang diminta secara jelasnya oleh standard tersebut daripada individu. Pada masa yang sama, program tersebut perlu membenarkan, seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbincangan yang banyak tentang konsep-konsep rohani. Namun, ia perlu dilanjutkan lagi. Khususnya, ia mesti memberi perhatian terhadap peranan bahasa dalam penciptaan struktur moral, dan kita akan memikirkan tentang peranan ini di dalam dua bahagian yang seterusnya.

BAHAGIAN 16

Bahan-bahan yang digunakan dalam program pendidikan yang mementingkan empowermen rohani haruslah ditulis dalam satu bahasa yang bersifat terbuka dan menerokai namun menjauhkan diri daripada jenis relativisme yang telah menjangkiti pendidikan moral menjelang dekad-dekad yang lalu.

Berjalan Di Jalan Yang Lurus adalah satu lagi teks yang diilhamkan Bahá'í yang membentuk sebahagian daripada program belia muda. Ia terdiri daripada dua puluh cerita, setiap satunya berkaitan dengan suatu tema moral. Dalam kebanyakan budaya, cerita-cerita telah digunakan sebagai alat untuk menyampaikan kebijaksanaan dari satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Di dalam teks ini, beberapa cerita yang dikenali ramai telah dikarang semula untuk membuang beberapa mesej-mesej yang kabur yang telah disampaikan dahulu. Setiap pelajaran juga mempunyai latihan-latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan linguistik yang begitu penting bagi perkembangan struktur moral yang baik. Pelajaran yang berikut bermula dengan satu cerita yang mana anda memang biasa dengar. Ia telah dikarang semula untuk tujuan menanamkan cara pemikiran dan tingkah laku yang selaras dengan satu mesej moral yang jelas. Bacakannya dan bincangkan bagaimana mesej moral yang disampaikan oleh cerita tersebut menghindari daripada penyebaran norma-norma budaya yang palsu.

Mereka yang bijaksana tidak akan terperdaya oleh pujian yang tidak ikhlas. Sememangnya, setiap orang akan didorong oleh pujian. Akan tetapi, kita harus ingat bahawa keinginan akan pujian melemahkan pertimbangan kita.

Pada suatu hari, sang rubah terlihat seekor burung gagak terbang membawa seketul keju pada paruhnya. "Aku mesti dapatkan keju itu," kata sang rubah kepada dirinya lalu mengekori bayang-bayang burung gagak tersebut sehingga ia hinggap di atas dahan sebatang pokok.

"Salam sejahtera, wahai sahabatku," kata sang rubah itu sambil menunjukkan tingkah laku yang sopan. "Engkau kelihatan sangat cantik hari ini. Bulumu sangat berkilauan dan matamu bersinar bagaikan permata. Sudah tentunya engkau juga mempunyai suara yang merdu. Oh, alangkah baik sekiranya aku dapat mendengar nyanyian engkau."

Kata-kata ini bagaikan air segar yang memuaskan burung gagak yang dahagakan pujian itu. Jadi, burung gagak pun mengangkat kepalanya dengan angkuh dan bersedia untuk menyampaikan sebuah lagu sebagai tanda hormat terhadap sahabatnya yang menawan itu.

Sudah pasti, ketika burung gagak membuka paruhnya, ketulan keju itu pun terjatuh. Sang rubah bergegas menyambar keju itu sebelum ia mencecah tanah lalu melarikan diri manakala, suara burung gagak yang kurang menyenangkan itu terus berkumandang di udara.

PEMAHAMAN

Jawab soalan-soalan di bawah dengan ayat-ayat yang lengkap.

1. Apakah yang dilihat oleh sang rubah itu? _____

2. Apakah yang terdapat pada paruh burung gagak? _____

3. Apakah yang dilakukan oleh sang rubah untuk mendapatkan keju itu?

4. Adakah burung gagak itu benar-benar mempunyai suara yang merdu?

5. Adakah sang rubah ikhlas dalam pujiannya terhadap burung gagak?

6. Adakah cerita ini terjadi di sebuah bandar raya, kampung atau hutan?

PERBENDAHARAAN KATA

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan perkataan-perkataan berikut:

didorong, keinginan, menawan,
bayang-bayang, pujian, memuaskan,
angkuh, menyenangkan,
pertimbangan, melemahkan

1. Guru itu beranggapan bahawa murid-muridnya rajin dan sentiasa memberikan _____ kepada mereka.
2. Armando dan abangnya bersama-sama menikmati suatu hari yang _____ sambil bekerja di ladang dan berbincang tentang rancangan masa depan mereka.
3. Hong Mei suka melancong dan mempunyai _____ untuk melihat tempat baharu.

4. Hong Mei suka melancong dan mempunyai _____ untuk melihat tempat baharu.
5. Dia _____ oleh gurunya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang muzik kerana dia mempunyai suara yang merdu.
6. Petani tersebut telah membuat _____ yang bijak untuk menyemai benih selepas hujan yang pertama.
7. Shandu bersedih kerana memperoleh markah yang tidak _____ dalam peperiksaannya, jadi dia membuat keputusan untuk berusaha dengan lebih gigih.
8. Walaupun Zhong Jiang dalam kesusahan tetapi dia tidak membenarkan sesiapa pun membantunya kerana dia terlalu _____.
9. Pada waktu senja, _____ pokok itu memanjang lalu melitupi kawasan taman.
10. Cerita itu _____, dan kanak-kanak ingin mendengarnya berkali-kali.
11. Walaupun penyakit itu telah _____ nya namun dia kembali bekerja dengan anggapan bahawa dia akan bertambah sihat dan kuat semula.

PERBINCANGAN

Bagaimanakah kita memastikan agar kita tidak terpedaya oleh pujian yang tidak ikhlas?

PENGHAFALAN

“Lindungilah dirimu dengan penuh waspada agar engkau tidak terjerumus ke dalam perangkap penipuan dan kepalsuan.”

Bincangkan soalan-soalan yang berikut di dalam kumpulan anda:

1. Jika tidak berwaspada, cerita ini mungkin akan diceritakan—dan telah diceritakan—dalam cara yang akan membawa makna bahawa kita inginkan kebijaksanaan seperti

sang rubah. Bagaimanakah versi cerita ini mengelakkan daripada memberikan tanggapan yang sebegitu? _____

2. Apakah tema moral dalam cerita ini? _____

3. Apakah konsep-konsep lain yang berkaitan dengan tema utama cerita ini? _____

4. Bagaimanakah cerita seperti ini berkesan untuk membantu belia muda memahami konsep-konsep moral? _____

5. Apakah keupayaan-keupayaan yang latihan-latihan itu akan perkembangan dalam belia muda? _____

6. Bagaimanakah latihan perbincangan latihan—apabila dilaksanakan tidak terasing tetapi dalam konteks mesej moral yang disampaikan oleh cerita itu—menyumbang kepada perkembangan kuasa pemikiran dan renungan? Bagaimanakah ia mengukuhkan kuasa ekspresi? _____

7. Bagaimanakah penghafalan petikan pada penghujung pelajaran itu membantu memperkuat kuasa-kuasa ini? _____

BAHAGIAN 17

Untuk membantu belia muda mengenali prinsip-prinsip moral yang mendasari pilihan-pilihan yang dibuat oleh mereka, adalah penting supaya situasi-situasi yang dipersembahkan kepada mereka itu hampir sama dengan realiti suasana mereka. Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa, untuk menjadikannya realistik, perhatian yang berlebihan harus diberikan kepada penjelmaan-penjelmaan sifat rendah umat manusia. Situasi yang dikaji, walaupun boleh dikaitkan oleh belia muda, tidak perlulah situasi yang paling biasa di masyarakat yang merosot ini, tetapi harus mempersembahkan standard-standard pemikiran dan tingkah laku yang akan mengilhamkan mereka untuk berusaha ke arah kecemerlangan. Untuk melakukan ini, bahan-bahan yang digunakan dalam satu program bagi empowermen rohani mereka haruslah mengelakkan daripada bersikap paternalisma dan cakap-cakap budak, dan juga mengelakkan bahasa berkhotbah tentang tingkah laku baik. Renungkan pelajaran yang berikut daripada satu lagi teks yang diilhami Baha'i yang bernama *Belajar Tentang Kecemerlangan*. Di dalam pelajaran yang mengiringi, Puan Chen sedang menerangkan tentang konsep kesucian kepada cucu-cucunya dan sedang membantu mereka, dengan bantuan beberapa latihan, untuk mencapai pengertian yang lebih sempurna tentang kepentingannya.

Puan Chen menyebutkan bahawa syarat kedua bagi kecemerlangan ialah suatu kehidupan nirmala dan suci, yang menandakan kesederhanaan, kemurnian, ketenangan, kesopanan, dan fikiran yang tulen. Beliau bermula dengan menjelaskan tentang kesucian, iaitu dasar padanya satu kehidupan yang nirmala harus dibina:

“Bayangkan sekeping cermin. Jika kamu bersihkannya daripada semua debu, ia akan memantulkan cahaya. Dengan cara yang sama, sebuah hati yang dibersihkan daripada ketidaksempurnaan seperti perasaan iri hati, benci dan tamak, ia akan menjadi suci dan sanggup memantulkan cahaya syurgawi. Mencius telah sebutkan bahawa seorang yang mulia tidak akan kehilangan sifat hatinya yang bagaikan kanak-kanak. Perkara ini memang benar, tetapi kita perlu ingat bahawa kalbu seorang kanak-kanak itu tetap suci kerana ia tidak bersalah dan masih lemah, dan juga bahawa kesucian seorang kanak-kanak belum pernah diuji. Kamu berada dalam usia yang mana kamu tidak boleh dianggapkan sebagai kanak-kanak lagi. Sambil kamu membesar, kamu akan menjadi semakin arif dan kuat. Namun, setiap dari kamu harus berwaspada dan memberi perhatian yang sangat supaya tidak hilangkan kesucian hati kamu. kamu tidak harus

izinkan cermin hati dicemari oleh kotoran-kotoran dunia ini. Tetapi kamu harus melakukan ini dengan kuasa akal dan kepercayaan. Kamu hanya boleh tetap suci melalui usaha dan menggunakan kuasa tekad:

Kemudian Puan Chen menjelaskan konsep kesucian yang biasanya disalahfahamkan dan meminta belia-belia itu memastikan daripada senarai yang berikut sifat-sifat yang membayangkan kesucian dan mana yang dikaitkan dengan kesucian dengan cara yang tidak sesuai:

- Bersifat sejati
- Bersifat ikhlas
- Bersifat naïf
- Bebas daripada kepura-puraan
- Memiliki minda yang bersih
- Memiliki badan yang bersih
- Bersifat bodoh
- Bebas daripada keangkuhan
- Bersifat fanatik
- Memiliki minda yang ringkas
- Bebas daripada tipu muslihat
- Tidak mementingkan diri
- Bersifat lemah
- Beremosi
- Bijaksana
- Baik hati
- Tidak bersifat kepura-puraan

Belia-belia menghafalkan petikan di bawah dan membincangkan soalan-soalan yang mengiringinya bersama datuk dan nenek mereka:

“Nasihat-Ku yang pertama adalah ini: Miliklah hati yang murni, baik dan cemerlang, agar kedaulatan yang purba, kekal dan abadi menjadi milikmu.”

“Yang pertama di dalam kehidupan seorang manusia haruslah kesucian, kemudian kesegaran, kebersihan, dan kebebasan roh. Mula-mula dasar sungai harus dibersihkan, kemudianlah air sungai yang manis boleh dialirkan melaluinya.”

1. Seorang hipokrit adalah orang yang berpura-pura seperti orang yang jujur tetapi dia tidak sebenarnya begitu. Apa yang lebih buruk, memiliki banyak kelemahan atau menjadi seorang hipokrit?
2. Apakah beberapa daripada kotoran yang kita perlu membersihkan daripada fikiran kita?
3. Siapakah yang mencapai lebih banyak di bumi ini, orang yang berhati suci atau yang tidak jujur?

Bincangkan soalan-soalan yang berikut di dalam kumpulan anda:

1. Bagaimanakah pelajaran ini membantu menghilangkan salah faham yang biasa tentang konsep kesucian? _____

2. Apakah beberapa ciri-ciri bahasa yang digunakan oleh Puan Chen? _____

3. Bagaimanakah pelajaran ini membantu belia muda berusaha untuk kecemerlangan rohani? _____

BAHAGIAN 18

Dalam dua bahagian yang lepas kita telah mempertimbangkan, walaupun secara ringkas, peranan bahasa dalam pembinaan struktur moral. Kajian kita dalam dua pelajaran, satu daripada *Berjalan di Jalan yang Lurus* dan yang satu lagi daripada *Belajar tentang Kecemerlangan*, telah membantu kita melihat bagaimana perbincangan tema-tema dan konsep-konsep tertentu, bergabung dengan latihan-latihan yang direka untuk mempertingkatkan kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan bahasa, dapat memperkuatkan corak-corak pemikiran yang kondusif terhadap pilihan-pilihan moral yang baik. Walau bagaimana pentingnya untuk meningkatkan kefasihan bahasa melalui cara ini, kita harus ingat bahawa struktur moral setiap individu bergantung kepada banyak faktor-faktor yang berinteraksi antara satu sama lain. Terutamanya, adalah susah untuk memisahkan corak-corak pemikiran yang diceritakan di sini daripada pemikiran saintifik. Orang-orang muda perlu disediakan untuk mendekati penyiasatan realiti dengan cara yang saintifik. Sebilangan teks-teks yang mereka akan belajar kemudian, akan memasuki bidang matematik dan sains—bukan dengan usaha untuk mengajarnya sebagai subjek-subjek tetapi untuk memperkuatkan kerasionalan yang ditimbulkan. Dalam kursus-kursus yang bercabang keluar daripada buku ini, khususnya untuk mereka yang berhasrat mendedikasikan diri mereka untuk bekerja dengan belia muda bagi satu tempoh beberapa tahun, teks-teks ini akan dibincangkan secara mendalam nanti. Untuk sekarang, adalah mencukupi bagi anda untuk setakat sedar akan elemen proses pendidikan yang mana belia muda akan melibatkan diri mereka.

BAHAGIAN 19

Memperkembangkan pengertian rohani, mengukuhkan kuasa ekspresi, dan membina satu struktur moral yang baik kesemuanya sangat penting untuk membawa kepada empowermen rohani. Malangnya, untuk memiliki kuasa seringkali dikaitkan dengan nilai-nilai yang bercanggah dengan sifat kerohanian seorang manusia. Gambaran-gambaran yang biasanya muncul dalam fikiran apabila soal kuasa dibincangkan ialah tentang mengawal, manipulasi, menguasai, memerintah, keagungan dan menakluki. Matlamat anda pula adalah untuk membantu belia muda menggunakan jenis kuasa yang lain. Kuasa moral yang berpunca daripada kasih sayang, keadilan, ilmu, kefahaman, pengertian yang tajam, khidmat, dan yang paling penting, rendah diri. Sememangnya, rendah diri merupakan satu keadaan yang diperlukan bagi proses empowermen yang dibincangkan kita di sini, kerana hanyalah dengan bantuan dari Atas dapat seekor agas menjadi seekor helang, setitik air menjadi sungai dan laut, dan satu atom menjadi cahaya dan suria. merenung pada petikan-petikan daripada doa-doa yang diwahyukan oleh Bahá'u'lláh dan 'Abdu'l-Bahá di mana kita memohon kepada Tuhan untuk memberikan kita nilai-nilai dan sifat-sifat, dan memberikan kita pengertian terhadap sifat empowermen rohani dan moral:

“Aku memohon kepada-Mu, Ya Engkau Yang menjadi Raja segala nama dan Pemerintah kedua-dua bumi dan syurga, agar izinkan semua yang disayangi oleh-Mu setiap satunya menjadi suatu cawan rahmat-Mu di hari-hari-Mu, agar mereka sanggup menghidupkan kalbu-kalbu hamba-Mu. Kuasakan jugalah mereka itu, Ya Tuhan-Ku, untuk menjadi bagaikan hujan yang turun daripada awan-awan kemurahan-Mu, dan bagaikan angin-angin yang berhembuskan keharuman musim bunga kemurahan hari-Mu, agar melalui mereka tanah kalbu-kalbu makhluk-Mu dapat dihiasi dengan kesegaran, dan dapat

mewujudkan ia yang akan mencurahkan keharumannya ke atas seluruh jajahan-Mu, supaya setiap orang sanggup menghidu harum manis Jubah Kewahyuan-Mu.”⁴¹

“Maka, perkasakanlah kami, Ya Tuhanku, untuk menyebarkan jauh tanda-tanda-Mu dikalangan makhluk-Mu, dan mengawasi Akidah-Mu di kerajaan Diri-Mu.”⁴²

“Oleh itu, perkasakanlah daku, Ya Tuhanku, agar dikira antara mereka yang telah berpegang teguh kepada hukum-hukum-Mu dan ajaran-ajaran-Mu demi kepentingan Diri-Mu sahaja, dengan pandangan mereka terpasang pada wajah-Mu.”⁴³

“Maka, perkasakanlah kami, Ya Tuhanku, untuk melupakan diri kami dan bergantung teguh pada Dia Yang adalah Perwujudan Diri-Mu, Yang Maha Luhur, Yang Maha Tinggi.”⁴⁴

“Aku memohon kepada-Mu, demi Dia Yang adalah Mata Air nama-nama-Mu dan Tempat Terbit sifat-sifat Diri-Mu, supaya menitahkan bagi diriku, ia yang akan membolehkan daku untuk bangkit dan mengabdikan kepada-Mu dan memujikan sifat-sifat suci-Mu.”⁴⁵

“Dayakanlah daku menjadi seorang daripada dayang-dayang-Mu yang telah mencapai kehiburan hati-Mu.”⁴⁶

“Lindungilah anak-anak ini, bantulah mereka dengan kemurahan hati untuk dididik dan membolehkanlah mereka untuk melaksanakan khidmat kepada alam kemanusiaan.”⁴⁷

“Turunkanlah, oleh itu, ke atas diriku, Ya Kekasihku, ia yang akan membolehkan daku tetap teguh di Akidah-Mu, agar keraguan-keraguan orang-orang kafir tidak dapat menghalang diriku dari berpaling kearah Diri-Mu.”⁴⁸

“Dayakanlah diriku, oleh itu, untuk mendapatkan tempat duduk kebenaran di kehadiran-Mu, kurniakanlah kepadaku suatu tanda rahamat-Mu dan izinkanlah daku menyertai hamba-hamba-Mu yang tiada perasaan takut mahupun mereka mengalami kesedihan.”⁴⁹

“Ya Tuhan-Ku, bantulah Kau hamba-hamba-Mu untuk naikkan Kalimat, dan menyangkalkan hal yang sia-sia dan palsu, untuk menetapkan kebenaran, untuk menyebarkan jauh ayat-ayat suci, mendedahkan kegemilangan, dan jadikan sinar pagi untuk berfajar di kalbu-kalbu mereka yang berbudi.”⁵⁰

“Dayakanlah mereka untuk meluhurkan diri mereka di kalangan orang-orang-Mu, agar mereka dapat memuliakan kalimat-Mu dan memajukan Akidah-Mu. Bantulah mereka, Ya Tuhanku, untuk melakukan kehendak dan kesenangan Diri-Mu.”⁵¹

BAHAGIAN 20

Dengan perbincangan kita tentang beberapa bahagian sebelum ini di dalam minda—pengajian kita tentang sifat-sifat persepsi rohani, begitu pentingnya untuk pemahaman tentang realiti; penerokaan kita ke dalam kuasa-kuasa ekspresi, begitu pentingnya untuk pencapaian gol-gol yang luhur; analisa kita tentang hubungan antara bahasa dan struktur moral, begitu pentingnya dalam membuat pilihan; dan renungan kita ke atas proses empowermen moral—sekarang marilah kita meneliti lebih mendalam dua buku yang dipelajari oleh para belia muda. Di dalam bahagian ini dan yang seterusnya kita akan melihat pada buku *Bayu-bayu Pengesahan*, dan dalam bahagian 22 dan 23 kita akan mengkaji *Roh Keimanan*. Kedua-dua buku ini biasanya antara teks-teks yang dipelajari oleh kumpulan-kumpulan pada tahun pertama program empowermen rohani.

Buku teks *Bayu-bayu Pengesahan* yang diinspirasikan-Bahá'í ini menceritakan cerita tentang Musonda, seorang gadis muda yang baru berumur tiga belas tahun, dan kakak sepupunya Rose, yang telah datang untuk melawat semasa cuti sekolah. Bersama-sama abang Musonda, Godwin dan rakannya Chishimba, gadis muda ini memikirkan masa depan mereka dan berbincang tentang harapan dan peluang-peluang mereka. Terdapat beberapa idea yang anda akan terokai dalam kumpulan anda mengenai buku ini. Walau bagaimanapun, pertama sekali anda digalakkan untuk membaca seluruh buku dan membaca buku ini sekali lagi secara lebih teliti dan membuat latihan-latihan di dalamnya. Setelah anda berbuat demikian, anda boleh meneruskan dengan kajian semula yang berikut.

Sememangnya anda telah memperhatikan, tema yang merangkumi keseluruhan buku teks ini ialah “pengesahan”. Berikut adalah petikan-petikan dari buku ini yang mengutarakan tentang tema ini, sama ada melalui perbincangan antara watak-watak utama di dalam cerita ini ataupun melalui situasi-situasi yang menunjukkan pengesahan ilahi sedang berlaku. Petikan-petikan ini, setiapnya dipetik daripada salah satu pelajaran, adalah mengikut urutan yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Tuliskan di dalam ruangan yang disediakan berikut bagaimana konsep pengesahan diperlakukan di setiap satu dan bagaimana pemahaman para belia muda mengenainya akan berkembang semasa mereka melalui pelajaran-pelajaran tersebut.

“Saya berfikir untuk berkhidmat. Saya mahu buat sesuatu yang boleh menolong orang lain. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang jururawat, tetapi kamu mesti belajar bersungguh-sungguh. Kosnya juga tinggi dan saya rasa ibu bapa saya tidak mempunyai wang yang mencukupi,” jelas Musonda.

“Ya, tetapi kamu boleh cuba, Musonda,” kata Rose. “Saya telah mempelajari satu perkataan iaitu ‘pengesahan’, dalam salah satu kelas saya beberapa minggu yang lalu. Cikgu saya berkata bahawa Tuhan memberikan pengesahan kepada kita dan menolong kita dalam hal yang kita lakukan. Sekarang saya sangat suka perkataan ini. Saya pasti

bahawa kamu akan menerima pengesahan dari Tuhan jika kamu bertekad untuk menjadi jururawat.”

Pada lewat malam itu, ketika mereka berdua di atas katil, Musonda berbisik kepada Rose, “Rose, kamu telah bercakap tentang perkataan “pengesahan”. Adakah ini bermaksud bahawa jika saya membuat kerja sekolah dengan baik, Tuhan akan menghantar duit supaya saya dapat belajar kejururawatan?”

Rose menoleh lalu memandang Musonda. “Bukan juga betul-betul begitu. Maksud saya, saya tidak tahu. Kita harus terus mencuba dan lihat apa pintu-pintu yang terbuka untuk kita. Tetapi saya tahu bahawa Tuhan menganugerahkan setiap orang dengan bakat. Kita mesti mengenalpasti bakat kita dan belajar menggunakannya,” jawab Rose.

Godwin mempunyai seorang rakan sekelas dan juga rakan karib yang bernama Chishimba. Dia sering melawat keluarga Mulenga dan malam

ini dia akan makan malam dengan mereka. Perbualan di meja makan bertukar dari satu subjek ke subjek yang lain. Musonda ingin sangat mengemukakan subjek 'pengesahan', dan dia tidak sabar-sabar lagi. Akhirnya, keadaan menjadi senyap seketika. "Saya dan Rose telah berbincang tentang 'pengesahan'," kata Musonda.

"Sudah mula lagilah adikku ini," kata Godwin, sambil berdeham. Tetapi yang mengejutkannya, Chishimba kelihatan berminat tentang topik ini.

"Apakah maksud perkataan ini kepada kamu?" dia menyoal Musonda.

Musonda, yang juga terkejut, memandang Rose, dengan harapan dia dapat memberikan jawapan.

"Pengesahan...Tuhan memberikan pengesahan kepada kita dan menolong kita dalam apa jua yang kita buat," kata Rose.

Chishimba tidak bercakap buat seketika. Matanya kelihatan sedih. "Beberapa bulan yang lalu," dia perlahan-lahan bermula, "ayah saya kehilangan kerjanya. Beliau seorang yang jujur dan bertanggungjawab, dan semua orang mengetahuinya. Sudah lapan belas tahun beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat, dan kemudian, dia dipecat secara mengejut. Kita tahu akan sebabnya. Jika mereka mengekalkan jawatannya untuk dua tahun lagi, beliau akan bersara dan syarikat itu terpaksa membayar pencennya. Kami tidak mempunyai banyak simpanan. Walaupun abang saya membantu kami, tetapi saya mungkin tidak dapat kembali ke sekolah pada tahun depan kerana saya tidak dapat membayar sewa bilik dan makanan saya. Saya betul-betul suka sekolah. Saya tertanya-tanya kenapa Tuhan tidak menolong saya."

Semua orang memandang ke arah Encik Mulenga, berharap agar dia dapat memberikan jawapan bagi soalan ini. Encik Mulenga senyum dan berkata, "Bahawa Tuhan memberi pengesahan kepada kita apabila kita mengusahakan sesuatu tidak bermaksud bahawa hidup ini mudah. Hidup kamu akan dipenuhi kesusahan, dan malangnya, kebanyakan masalah disebabkan oleh ketidakadilan. Tetapi jika kamu bekerja keras, dan meskipun apa yang kamu harapkan tidak berjalan dengan lancar untuk seketika, kamu seharusnya pasti dengan pengesahan daripada Tuhan. Dia akan memberikan pengesahan dalam usaha kamu untuk menghapuskan ketidakadilan." Beliau menoleh ke arah Chishimba dan berkata, "Keluarga kamu bersatu dan rajin bekerja. Hati saya memberitahu saya bahawa

keadaan kamu akan berubah. Kamu akan menamatkan pengajian kamu. Yakinlah pada kata-kataku.”

Pada Isnin berikutnya, kedua-dua gadis ini bersama Puan Phiri pergi ke klinik. Apabila tiba masanya untuk para ibu memulakan kelas, mereka membawa kanak-kanak keluar dan duduk bersama mereka di bawah teduhan pokok. Mereka menyanyikan lagu-lagu dan bermain bersama-sama, dan Rose menyampaikan sebuah cerita. Sejurus selepas cerita itu tamat, para ibu tiba untuk menjemput anak mereka. Semua orang berasa gembira. Puan Phiri dan pekerja kesihatan lain berpuas hati dan menyuruh mereka berdua datang lagi pada minggu hadapan.

Dalam perjalanan pulang ke rumah, Musonda banyak berfikir. Akhirnya, dia memecahkan kesunyian dan bertanya Rose, “Adakah kamu rasa hal yang berlaku hari ini ada kaitan dengan ‘pengesahan’? Kamu ingin menjadi guru dan saya mahu menjadi jururawat, dan di sini kita berada di sebuah klinik mengajar serta menjaga kanak-kanak.”

Dalam beberapa minggu sejak Rose datang untuk bersamanya, mereka berdua telah berbincang tentang banyak perkara, dan kepala Musonda dipenuhi dengan idea-idea. Maka pada suatu pagi, dia membuat keputusan untuk pergi ke tempat kegemarannya. Semasa dia terbaring di atas batu itu, dia teringat tentang hari dia berada di klinik. “Melakukan sesuatu yang berguna memang baik,” dia berfikir. Dia teringat kata-kata yang sering dikatakan oleh ayahnya bahawa pokok seharusnya menghasilkan buah. Kemudian dia berfikir, “Bagaimanakah saya dapat memastikan bahawa hidup saya akan membuahkan hasil yang baik?” Dia terus teringat perkataan “pengesahan”.

Ketika itu, terdapat tiupan angin yang kencang. Daun-daun terangkat ke udara. Antara daun itu Musonda ternampak seekor burung kuning kecil. Selepas angin itu reda, semua daun itu jatuh ke sungai, tetapi burung itu terus terbang. Semasa dia memerhatikan burung itu, satu idea muncul dalam mindanya. Angin itu telah mendorong burung itu dan sekarang burung itu terbang lebih tinggi dan tinggi lagi. Mungkin itulah maksud pengesahan. Burung itu telah berusaha untuk terbang dan angin itu telah membantunya.

“Adakah kamu berfikir tentang masa depan kamu, Godwin?” tanya Musonda. “Apakah cita-cita kamu?”

Godwin terus membaiki basikal. “Saya tidak tahu. Saya mahu mencari pendapatan. Saya mahu menolong ibu bapa kita dan saya juga mahu

berkeluarga pada satu hari nanti,” jawabnya.

“Tetapi pernahkah kamu memikirkan bakat kamu dan bagaimana kamu dapat menggunakannya?” tanya Musonda. “Rose dan saya banyak bercakap tentang hal ini.”

“Saya tahu, Saya tahu,” dia bercakap sambil mengambil spanar. “Dan kamu selalu bercakap tentang ‘pengesahan’... ‘Tuhan membantu kita apabila kita berusaha.’”

“Tetapi Godwin, ia benar.” Kemudian dia memberitahunya cerita tentang burung kuning dan angin. Dia juga memberitahunya tentang kerja yang dilakukan oleh dia dan Rose dengan kanak-kanak di klinik.

Pada masa itu, Chishimba baru tiba. “Hai,” ucapnya. “Bagaimanakah keadaan basikal ini? Adakah kamu dapat mengenal pasti masalahnya?” tanya Chishimba.

“Masalahnya adalah pada gearnya. Saya masih membaikinya,” jawab Godwin sambil mengetatkan skru.

“Saya tahu kamu boleh membaikinya!” kata Chishimba, lalu memandang Musonda. “Tahukah kamu abang kamu seorang mekanik?”

Rose keluar dari rumah dan terdengar sebahagian perbualan mereka. “Godwin,” dia berkata, “itulah salah satu bakat kamu! Kamu mahir membaiki sesuatu. Kamu boleh menjadi seorang mekanik yang mahir!”

“Walaupun saya dapat membaiki basikal,” kata Godwin, “tidak bermaksud bahawa saya seorang mekanik. Saya perlu latihan.”

Mereka bertiga tersenyum dan berkata, “Jadi, berusahalah!” Semua orang ketawa, termasuk Godwin.

“Godwin, mungkin kamu boleh bercakap dengan Encik Chiyesu, seorang mekanik yang kedainya berdekatan dengan pasar? Mungkin dia dapat mengajar kamu,” kata Chishimba dengan nada yang gembira.

“Ya, itu mungkin permulaan yang baik,” tambah Rose.

“Apa?” tanya Godwin. “Saya tidak boleh pergi dan tanya dia begitu. Saya langsung tidak mengenalnya.”

“Saya kenal dia. Saya boleh memperkenalkannya kepada kamu. Kita boleh pergi bersama-sama esok,” kata Chishimba.

Selepas itu, ketika mereka berdua bersendirian, Rose berkata kepada Musonda, “Esok, Godwin akan memahami maksud pengesahan.” Mereka berdua ketawa, tetapi bercadang tidak memberitahu budak-budak lelaki itu.

Encik Chiyesu, seorang yang rendah dan telah berumur, duduk di luar kedainya. Dia sedang membersihkan bahagian-bahagian sebuah enjin kecil dan bersenandung sebuah melodi ketika dia bekerja. Mukanya menjadi ceria apabila dia ternampak Chishimba lalu berjabat tangan dengan Chishimba.

Chishimba memperkenalkan Godwin dan menjelaskan bahawa dia mahir membaiki benda-benda. Godwin berasa gementar, tetapi dia memberanikan dirinya untuk bercakap. Dia melegakan tekaknya lalu berkata, “Encik Chiyesu, saya berminat untuk menjadi seorang mekanik. Jadi, saya rasa mungkin saya boleh menolong anda di kedai dan belajar daripada anda.”

“Baiklah, saya boleh gunakan sedikit bantuan,” balas Encik Chiyesu. “Tetapi, saya tiada duit untuk membayar kamu.”

“Ini tidak menjadi masalah. Saya hanya mahu belajar,” kata Godwin. “Bilakah saya boleh mula?”

“Sekarang juga!” jawab Encik Chiyesu. “Bolehkah kamu mula pada pagi ini? Bahagian-bahagian ini perlu diminyakkan, dan kemudian kita perlu

memasang engin ini semula.”

“Sekarang? Saya boleh mula sekarang? Tanya Godwin dengan rasa hairan.

“Sudah tentu!” ketawa Encik Chiyesu. “Lipat lengan bajumu dan marilah kita mula!”

Godwin memulakan kerja barunya dengan penuh minat. Selepas beberapa minit, Chishimba berdiri dan meminta diri. Dia mengucapkan selamat tinggal kepada Encik Chiyesu. Dia membongkok lalu membisikkan perkataan “pengesahan” kepada Godwin.

Dalam perjalanannya ke rumah, Chishimba melalui klinik dan melihat Rose dan Musonda membantu kanak-kanak. Gadis berdua itu ingin tahu tentang hal yang berlaku. “Adakah semua berjalan dengan lancar?” tanya mereka.

“Godwin berusaha dan ia berhasil. Dia di sana sekarang. Saya rasa Encik Chiyesu mahu mengujinya,” jawab Chishimba.

Suatu pagi, Chishimba dalam perjalanan ke pasar untuk membeli ikan bagi ibunya. Dia telah berfikir beberapa hari bagaimana dia memperoleh duit untuk persekolahannya. Dia terfikir untuk menanam tanaman sayur-sayuran untuk dijual, tetapi musim menanam sudah berlalu. Dia terfikir untuk menjual arang di tepi jalan, tetapi ramai orang juga melakukannya. “Cuba lakukan sesuatu yang orang lain tidak lakukan,” dia teringat kata Rose.

Apabila dia tiba di gerai Puan Musole untuk membeli ikan, dia mendapati bahawa dia tidak berada di sana. “Dia pergi ke pekan untuk membawa ikan,” kata seorang wanita di sebelah gerai itu. “Dia pergi dua kali seminggu.” Chishimba tahu bahawa Encik Chiyesu juga akan pergi ke pekan untuk membeli bahagian-bahagian kereta.

Ini memberikannya satu idea. “Mungkin saya boleh menawarkan khidmat untuk pergi ke pekan bagi orang lain,” dia berfikir sendiri, “dan membawa barangan yang di perlukan. Dengan berada di sini dan bekerja di sini, mereka tidak akan kerugian pendapatan.”

Pada malam itu, Chishimba membincangkan idea itu bersama ibu bapanya dan mereka menyukai idea itu. Jadi, pada hari yang berikutnya, dia pergi ke pasar dan bercakap dengan Puan Musole dan Encik Chiyesu. “Jika anda berdua membayar saya wang yang biasanya kamu gunakan untuk tambang bas, saya akan menggunakan separuh daripadanya untuk pergi ke pekan dan membawa barangan yang kamu perlukan. Separuh lagi akan saya gunakan untuk persekolahan saya.” Mereka bersetuju bahawa hal itu berbaloi untuk dicuba dan menyuruh dia datang selepas dua hari. “Jika idea ini berjalan lancar,” kata Encik Chiyesu, “jadi kamu telah mendapatkan diri kamu satu kerja!”

Dalam perjalanan pulang ke rumah untuk memberitahu ibu bapanya tentang berita baik itu, Chishimba singgah untuk menjenguk Godwin dan keluarganya. Dia ingin berkongsi rancangannya dengan mereka. Selepas mendengar ceritanya, Puan Mulenga memberikan Chishimba berita yang lebih baik. Dia menjelaskan bahawa Encik Mulenga perlu pergi ke Kabwe kelmarin dan telah bercakap dengan sepupunya. Dia memberitahu bahawa Chishimba dijemput tinggal bersama dia dan keluarganya, kira-kira satu kilometer dari sekolah. “Sebagai ganti untuk makan dan tempat tidur,” katanya, “kamu boleh tolong mereka di sawah.”

“Berita yang sungguh baik!” kata Chishimba. “Terima kasih, Puan Mulenga.”

“Chishimba,” kata Encik Mulenga, “Nampaknya kamu akan memperolehi duit nanti. Kamu mesti memastikan bahawa kamu menjimatkannya untuk persekolahan kamu, walaupun kadang kala nampak susah. Jangan terpengaruh untuk membelanjakannya untuk barang-barang yang sia-sia.”

“Jangan risau, Encik Mulenga,” jawab Chishimba, mukanya berseri-seri dengan senyumannya. “Saya berjanji bahawa saya tidak akan membiarkan hal itu berlaku.” Sambil dia melambai dan bersedia untuk berangkat, dia memandang ke arah Rose dan Musonda lalu berkata, “Pintu sedang membuka!”

Cuti sekolah sudah hampir tamat. Sudah tiba masanya untuk Rose pulang ke rumah dan kembali ke sekolah. Ketika dia bersedia untuk beredar, dia dan Musonda berbual-bual.

“Alangkah baiknya jikalau kamu tidak perlu pergi,” kata Musonda.

“Begitu juga hasrat saya,” kata Rose. “Cuti ini merupakan cuti yang sungguh menarik. Saya seolah-olah tidak percaya akan semua yang telah berlaku.”

“Ya,” kata Musonda. “Tengok Godwin. Dia menyukai kerjanya sehingga sekarang dia bercakap tentang mengambil latihan teknikal selepas dia

tamat persekolahan. Dan idea Chishimba berjalan lancar. Dia berkesudahan dengan mempunyai ramai pelanggan sehingga dia ke pekan hampir setiap hari.”

“Dan tengok kita berdua,” kata Rose. “Bekerja di klinik kesihatan adalah satu pengalaman yang hebat. Saya berasa semakin yakin untuk menjadi guru. Majlis kampung saya mengadakan kelas mingguan untuk kanak-kanak berbeza umur, dan hampir semua kanak-kanak akan hadir. Tahun ini saya bercadang untuk menawarkan diri untuk mengajar salah satu kelas.”

“Dan saya akan cuba terus bekerja di klinik,” kata Musonda. “Saya tidak dapat pergi pada hari Isnin lagi kerana ada sekolah, tetapi saya boleh tolong pada setiap tengah hari. Tahukah kamu, Rose, bahawa kita berbincang tentang ‘Pengesahan’ pada hari yang pertama, saya tidak dapat membayangkan kepentingannya dan dengan memahaminya akan mengubah hidup kita.”

“Ini benar,” Rose bersetuju. “Lihat berapa banyak perubahan pada kita kerana kita belajar berusaha dan mengharapkan Pengesahan.”

Dalam perjalanan balik ke rumah, Musonda bertanya sama ada dia boleh pergi ke sungai. Dia berlari ke tempat istimewanya, panjat batu dan terbaring, memandang langit. Banyak pemikiran melanda mindanya. Dia berfikir tentang cuti sekolah dan tertanya-tanya apa yang akan berlaku pada tahun depan. Angin bertiup dengan nyaman pada hari itu, dan dia teringatkan burung kuning itu. “Apa saja yang saya cuba,” dia berbisik

kepada dirinya sendiri, “Tuhan akan membantu saya.” Semasa dia bangun untuk beredar, angin bertiup dan kena pada belakangnya lalu memberikannya tenaga.

BAHAGIAN 21

Secara amnya, membiasakan diri dengan kandungan buku-buku—dalam kes ini, *Bayu-bayu Pengesahan*—dan mempunyai satu pemahaman yang baik tentang bagaimana ia cuba mencapai matlamat-matlamatnya akan membantu anda untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab anda sebagai animator suatu kumpulan belia muda dengan lebih yakin. Sebagai tambahan, anda harus merenung akan kaedah-kaedah yang akan anda gunakan untuk membantu kumpulan anda mempelajari buku-buku itu dan dalam memahami prinsip konsep-konsep yang diutarakan dalamnya. Kemahiran-kemahiran dan kebolehan-kebolehan yang anda perlukan bagi tujuan ini akan, dengan pastinya, diperkembangkan secara beransur-ansur ketika anda mendapat pengalaman. Tetapi untuk latihan berikutnya, yang secara khususnya berkaitan dengan *Bayu-bayu Pengesahan*, akan membekalkan banyak pengertian yang anda perlukan dalam hal ini:

1. Bacaan dalam buku cuba mengekalkan suatu tahap kesederhanaan yang tertentu dalam susunan ayat dan aturan ceritanya. Akan tetapi, apabila perlu, beberapa perkataan-perkataan dan frasa-frasa susah akan digunakan. Pelajaran dalam buku akan memperkenalkan makna perkataan-perkataan dengan meletakkannya dalam konteks yang berlainan, dan melalui latihan. Dengan membenarkan kekayaan kosa kata dengan cara ini, cerita dalam buku mengelakkan daripada kecenderungan untuk bersifat kebudak-budakan dan cetek. Ketidakadilan, contohnya, bukanlah satu konsep yang mudah walaupun ia sentiasa digunakan dalam pertuturan biasa. Konteks dan latihan-latihan dalam pelajaran 6 membantu belia muda dalam memperolehi beberapa konsep. Adakah anda mendapati pendekatan ini berkesan bagi orang muda pada awal keremajaan, ataupun adakah anda rasa adalah perlu untuk menjelaskan perkataan-perkataan “susah” untuk mereka?

2. Pelajaran dalam buku ditulis untuk dipelajari dalam kadar yang pantas, dalam satu persekitaran penuh riang dan renungan bermakna. Adalah dijangkakan bahawa belia muda akan membaca cerita ini dan membuat latihan, yang dibentuk untuk memperkembangkan kemahiran bahasa mereka dan mengukuhkan pemahaman mereka tentang perkataan dan konsep, pada kadar yang cepat tetapi dengan perhatian yang secukupnya. Apakah yang akan terjadi apabila anda cuba mencapai lebih daripada matlamat yang ditetapkan dan terlampau menekankan setiap perkara yang disampaikan?

3. Jangka masa perhatian belia muda bukanlah pendek, seperti biasanya dianggap orang. Sambil mengekalkan keupayaan untuk menikmati perkara-perkara biasa dalam hidup, mereka juga mampu memikir secara mendalam tentang idea-idea yang mencabar mereka. Jika persekitaran kumpulan bersifat mempercayai dan menyokong—bebas daripada tekanan yang ditimbulkan oleh persaingan dan tekanan untuk memenuhi hasil-hasil yang dijangka—maka kajian pelajaran-pelajaran dalam *Bayu-bayu Pengesahan* akan membangkitkan perbincangan dan renungan pada tahap yang sesuai bagi keperluan-keperluan dan keupayaan-keupayaan belia muda. Apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk mewujudkan persekitaran yang diharapkan?

4. Pembelajaran buku ini tidak menjangkakan keperluan “kerja rumah”. Latihan-latihan harus dilaksanakan dalam perjumpaan-perjumpaan kumpulan dan dibincangkan dengan bantuan animator. Apakah manfaat dalam mengambil pendekatan ini, daripada membiarkan belia muda menyiapkan latihan di rumah?

5. Kebanyakan pelajaran dalam buku ini mengandung aktiviti-aktiviti yang mana peserta diminta untuk menulis beberapa ayat, sama ada tentang bahagian cerita yang mereka baru pelajari atau tentang suatu idea tertentu dan aplikasinya dalam hidup mereka. Bagaimanakah anda akan membantu belia muda melaksanakan aktiviti sebegini, membantu mereka belajar untuk mengekspresikan diri mereka dengan jelas?

6. Pelajaran 2, 5, 9, 10, 13 dan 14 dalam buku ini setiapnya mengakhiri pelajaran dengan satu petikan daripada tulisan suci di mana belia muda digalakkan untuk menghafalnya. Anda mungkin akan mendapatinya membantu untuk merujuk kepada satu atau dua petikan ini supaya dapat mengkaji bagaimana aktiviti terakhir ini dapat memperkuat konsep-konsep yang disampaikan dalam pelajaran.

7. Sebagai tambahan kepada tema utama, buku ini menyentuh banyak konsep moral, dan cuba memperkukuhkan sifat-sifat dan sikap-sikap terpuji. Rose, sebagai contoh, berkongsi makanannya dengan seorang budak dalam bas. Godwin dan Chishimba membantu seorang wanita mengangkat kayu api. Rose dan Musonda mengajar kanak-kanak semasa para ibu menghadiri kelas nutrisi di klinik. Permainan bola sepak ialah suatu acara persahabatan di mana “kemenangan” bukanlah tujuan utama. Berapakah perhatian harus diberikan ke atas perkara-perkara ini? Haruskah setiap perkara ini dikenalpasti dan dibincangkan secara teliti? Ataupun, adakah mencukupi untuk membiarkannya muncul secara semula jadi dalam perbincangan?

8. Cerita ini berlaku di satu perkampungan di Afrika. Buku-buku yang membentuk sebahagian daripada program empowermen(empowermen) rohani belia muda menunjukkan realiti beberapa latar budaya dan sosial di pelbagai benua. Ini telah memperkayakan program ini. Sesetengah orang mungkin mencadangkan bahawa ada keperluan untuk “menyesuaikan buku-buku ini kepada realiti belia dalam setiap negara” contohnya, dengan menukarkan nama-nama watak dalam cerita. Namun semua orang pernah membaca buku dari budaya-budaya lain selain budaya mereka sendiri untuk berabad-abad, telah menikmati dan mempelajari daripadanya. Mereka sememangnya telah melakukannya secara sedar. Bagaimanakah anda akan menyedarkan belia muda tentang dimensi program ini? Apakah pendapat anda tentang kepercayaan sesetengah orang bahawa kanak-kanak dan belia hanya dapat belajar daripada bahan-bahan yang ditulis dalam konteks budaya mereka sendiri?

BAHAGIAN 22

Roh Keimanan, seperti yang kami katakana dahulu, merupakan salah satu daripada beberapa buku teks yang membekalkan isi kandungan bagi penyambungan kelas kanak-kanak Bahá’í dan di mana rujukan secara eksplisitnya dibuat ke atas Tokoh-tokoh Utama Akidah. Kami sudah menyatakan bahawa keremajaan merupakan satu peringkat dalam kehidupan apabila seseorang individu menjadi sangat berminat untuk menerokai persoalan-persoalan yang bersifat falsafah, terutamanya yang berkaitan dengan tujuan dan sifat kewujudan manusia. *Roh Keimanan* bermula dengan menanyakan soalan, “Apakah maknanya menjadi seorang manusia?” Dalam percubaan untuk menjawab soalan ini, beberapa pelajaran dalam buku itu mengkaji satu siri idea-idea yang berkaitan: kemuliaan manusia; sifat semula jadi tinggi dan rendah manusia; ketidakwujudan kejahatan; kemahuan bebas; tekad; takdir; kuasa intelek; penyelidikan saintifik; evolusi fizikal; roh manusia; dan akhirnya, roh keimanan.

Seperti kes *Bayu-bayu Pengesahan*, anda perlu membaca buku itu sekali, dan kemudian baca sekali lagi dengan lebih teliti, dengan menumpukan perhatian pada bahagian-

bahagian yang digelar “renungan”. Setelah berbuat demikian, anda harus menganalisa bagaimana buku itu mencapai tujuannya dengan menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Beberapa petikan daripada Tulisan Suci Bahá'u'lláh telah dipetik dalam Pelajaran 1 yang mengandungi gambaran yang membantu belia muda memikirkan tentang identiti sebenar mereka. Apakah pengertian yang setiap gambaran berikan dalam hal ini? Bagaimanakah setiap renungan dalam pelajaran memperkukuhkan pemahaman mereka tentang subjek ini? _____

2. Bagaimanakah belia muda memperoleh penghargaan atas ciptaan Tuhan dan kemuliaan manusia daripada bahagian pertama Pelajaran 2? _____

3. Bagaimanakah renungan pertama dalam pelajaran tersebut membantu mereka melihat pengamalan konsep kemuliaan dalam hidup mereka? _____

4. Dalam bahagian seterusnya dalam pelajaran, mereka memikirkan tentang punca- punca yang mengakibatkan kehinaan diri. Apakah punca-puncanya? _____

5. Apakah pemahaman yang anda harap seorang belia muda akan perolehi daripada pengajian ringkas tentang sifat semula jadi tinggi dan rendah manusia? _____

6. Apakah yang dipelajari belia muda tentang perkembangan sifat semula jadi tinggi mereka melalui renungan kedua dalam pelajaran ini? _____

7. Bagaimanakah dengan menyedari bahawa sifat semula jadi rendah manusia bukanlah kejahatan, akan membantu belia muda menghindari perasaan bersalah setiap kali mereka melakukan kesilapan? Apakah contoh-contoh yang digunakan untuk memperdalamkan pemahaman mereka tentang tema tersebut? _____

8. Apakah pemahaman yang diberikan dalam bahagian seterusnya dalam pelajaran 2 dan kedua-dua renungan terakhir dalam cara mengawal hasrat sifat semula jadi rendah? _____

9. Bagaimanakah konsep kerelaan hati digambarkan dalam pelajaran 3? Adakah anda berpendapat bahawa situasi yang dinyatakan dalam pelajaran itu berkaitan dengan kehidupan orang muda? _____

10. Apakah yang dipelajari oleh belia muda dalam pelajaran 3 yang berkaitan dengan peranan kemahuan bebas dalam perkembangan sifat semula jadi tinggi mereka? _____

11. Dalam bahagian hidup mereka yang manakah belia muda menyedari bahawa mereka dapat mengamalkan kemahuan bebas? Mengapakah pentingnya untuk mereka mengetahui had-had kemahuan bebas mereka? _____

12. Apakah pengertian lanjut yang diperolehi oleh mereka tentang operasi kemahuan bebas mereka daripada renungan yang kedua dalam pelajaran ini? _____

13. Mengapakah penting untuk belia muda melihat perbezaan antara mengawal orang lain dan menunjukkan satu pengaruh yang positif ke atas mereka? Apakah anda rasa tentang

perbincangan yang dijanakan dari renungan ketiga dapat membantu mereka dalam usaha untuk menunjukkan pengaruh positif dalam persekitaran mereka? _____

14. Apakah yang diajarkan kepada belia muda dalam pelajaran 3 tentang konsep takdir?

15. Apakah tanggapan salah berkaitan konsep takdir yang cuba dihindari oleh pelajaran tersebut? _____

16. Berapa berkesankah metafora tentang kapal layar itu dalam membantu belia muda mendapat pemahaman yang sesuai tentang nilai usaha mereka dan kuasa bantuan Tuhan dalam kehidupan mereka? _____

17. Dalam cara apakah bahagian pertama dalam pelajaran 4 membantu belia muda menerokai had-had alam semula jadi? _____

18. Apakah yang dikatakan dalam pelajaran ini mengenai bagaimana manusia menjangkau had-had ini? _____

19. Hujah yang diutarakan dalam pelajaran bahawa sains dimiliki semua umat manusia. Apakah penjelasan hujah ini? _____

20. Dalam petikan berkaitan dengan sains yang dipetik daripada Pelajaran 4, pernyataan telah dibuat. “Tuhan telah menciptakan atau mewujudkan cinta kepada realiti ini dalam manusia.” Berapa pentingkah untuk memupuk cinta kepada realiti ini dalam belia muda? _____

21. Bagaimanakah kuasa pemerhatian digambarkan kepada belia muda? _____

22. Bagaimanakah contoh yang diberikan dalam pelajaran 4 membantu belia muda untuk menghargai peranan pemerhatian dan proses eksperimen dalam memajukan sains? _____

23. Adakah pelajaran ini menyatakan bahawa mereka boleh menggunakan kuasa pemerhatian mereka dalam setiap aspek kehidupan? Anda rasa mengapakah soalan yang ditanya dalam renungan ketiga, yang menggalakkan mereka untuk menggunakan kuasa ini, memfokus kepada sifat semula jadi tinggi umat manusia? _____

24. Contoh-contoh yang diberikan dalam renungan keempat menyatakan bahawa proses eksperimen tidak boleh digunakan dalam setiap aspek kehidupan. Bagaimanakah mereka membantu belia muda untuk melihat kepentingan prinsip ini? _____

25. Bagaimanakah contoh-contoh yang digunakan dalam pelajaran 5 dan 6 membantu belia muda memperoleh pengertian ke atas teori yang sangat kompleks mengenai evolusi spesis? _____

26. Bagaimanakah kehadiran roh manusia digambarkan dalam proses evolusi ini? _____

27. Dalam pelajaran 6, animatornya, Natalia Petrovna, membacakan dua petikan daripada Tulisan ‘Abdu’l-Bahá kepada kumpulan belia muda dalam cerita tersebut dan membantu mereka untuk mengkaji dan memahaminya. Tidak dinyatakan bagaimana dia berbuat demikian. Bagaimanakah anda akan menerangkan petikan-petikan tersebut? _____

28. Apakah ciri-ciri menonjol pada roh manusia seperti yang digambarkan dalam bahagian pertama pelajaran 7? _____

29. Bagaimanakah kesedaran itu diperkenalkan dalam renungan pertama pelajaran itu? Bagaimanakah kedua-dua latihan renungan tersebut berkaitan dengan kehidupan belia muda? _____

30. Bagaimanakah kuasa minda manusia menjadi alat bagi sifat semula jadi tingginya? Adakah dengan menunjukkan kontras, seperti dalam renungan kedua, satu cara yang berkesan untuk menunjukkan kepentingan intelek manusia haruslah dibimbing? _____

31. Apakah itu roh keimanan? _____

32. Bagaimanakah dua renungan terakhir dalam pelajaran 7 membantu belia muda melihat operasi roh keimanan dalam kehidupan mereka? _____

BAHAGIAN 23

Pada pusat buku teks *Roh Keimanan* terletak prinsip keharmonian antara sains dan agama. Implikasi prinsip yang mendalam ini terhadap kehidupan manusia akan menjadi perkara yang direnungkan sepanjang tahun-tahun yang akan datang, dan anda harus berusaha memperoleh pengertian-pengertian mengenai operasinya. Tentunya, terdapat beberapa pandangan tentang sains dan agama yang, sementara tidak menganggapnya bertentangan — contohnya, tuntutan bahawa apa sahaja misteri yang diutarakan hari ini oleh agama akan kemudian diterangkan oleh sains apabila ia maju atau, sebaliknya, kepercayaan bahawa semua kebenaran saintifik boleh akhirnya ditemui dalam pembacaan kitab agama kerana ia berasal daripada Tuhan Yang Maha Tahu. Tanpa mendapat salah faham yang mendasari setiap pandangan, kita boleh katakan bahawa, dalam kedua-duanya, satu sumber pengetahuan dijadikan lebih rendah daripada yang lain, yang sukar dianggap sebagai harmoni sebenar. Tetapi, walaupun menolak pandangan ini, kita harus menanya diri sendiri bagaimana kita membayangkan sains dan agama saling melengkapi. Sehubungan ini, pernyataan di bawah diberikan untuk pertimbangan anda. Bacakannya dan kemudian lengkapkan latihan yang berikut.

Satu lagi kemungkinan ialah untuk berdebat bahawa sains dan agama adalah begitu berlainan sehingga tiada kemungkinan untuk percanggahan yang penting antara mereka. Sains mengkaji dunia kebendaan. Ilmu yang ia menjanakan menjadi asas bagi kemajuan teknologi, dan teknologi dapat digunakan sama ada untuk kebaikan manusia atau menjejaskannya, untuk membina tamadun atau kemusnahannya. Sains secara sendirinya tidak mempunyai keupayaan untuk menentukan penggunaan hasilnya. Agama pula, berkenan secara terperinci tentang dimensi rohani kewujudan manusia. Tugasnya ialah untuk menerangi kehidupan dalaman setiap individu, untuk menyentuh akar umbi motivasi manusia, untuk menyebabkan tatasusila etika dan moral yang akan membimbing tingkah laku manusia. Jika setiap satu kekal dalam bidang sendiri, tidak ada sebab untuk mereka bercanggah antara satu sama lain.

Pendapat ini tentang harmoni antara sains dan agama adalah sah, tetapi hanya pada tahap amalan. Akhirnya, dalam pendekatan ini, sains dan agama dipisahkan dan dibenarkan untuk meneruskan caranya sendiri, dan apa yang penting hanya interaksi antara teknologi dan moral. Tetapi analisa sebegitu tentang hubungan antara sains dan agama akan mencapai hadnya, kerana dalam realiti, terdapat beberapa fenomena yang kedua-dua cuba untuk fahami dan jelaskan. Sementara hubungan ini tidak begitu ketara dalam dunia fana ini, ia sememangnya amat ketara dalam pengkajian manusia dan masyarakat. Tambahan pula, terdapat banyak persamaan antara sains dan agama dalam cara ia mendekati realiti. Contohnya, kedua-duanya mempunyai kepercayaan akan kewujudan aturan dalam ciptaan dan mempercayai bahawa, sekurang-kurangnya, minda manusia mempunyai keupayaan untuk memahami aturan ini. Pendekatan-pendekatan sains telah terbukti amat

berkesan dalam pencarian aturan dunia. Tetapi agama juga telah menggunakan pendekatan- pendekatan ini semasa ia membimbing manusia untuk menyumbang kepada tamadun yang semakin-maju. Sains dan agama bukanlah sama, tetapi mereka mempunyai cukup persamaan untuk berinteraksi antara satu sama lain, untuk berharmoni, untuk mempengaruhi dan untuk saling melengkapi antara satu sama lain.

1. Hubungan antara sains dan agama yang digambarkan dalam pernyataan di atas memberi gambaran terhadap bidang-bidang ilmu yang akan diterokai oleh kedua-dua sains dan agama. Antaranya adalah isu-isu yang berkaitan dengan kuasa minda manusia, evolusi spesis manusia, dan perkembangan intelek dan moral. Bincangkan bagaimana, dalam perkara-perkara ini, Roh Keimanan menghormati kesahihan sains manakala pada masa yang sama membenarkan cahaya agama untuk menyinari pemahaman kita.

2. Prinsip keharmonian sains dan agama memberi implikasi bahawa, apabila bersesuaian, bahan-bahan pendidikan boleh mengintegrasikan konsep-konsep saintifik dan rohani, tentunya dalam cara yang mengelakkan kecacatan dan tidak secara sembarangan. Integrasi ilmu sebegitu meningkatkan pemahaman dan menghindari dikotomi-dikotomi yang palsu. Kajilah bagaimana Roh Keimanan mencapai tahap integrasi ini. Anda boleh merujuk secara spesifik kepada renungan dalam pelajaran 5 dan 6.

3. Anda mungkin ingin mengkaji Roh Keimanan sekali lagi dan tentukan sejauh manakah ia menimbulkan sikap-sikap yang tertentu yang dianggap perlu bagi seseorang yang merupakan pencari kebenaran dan penyiasat realiti. Apakah beberapa sikap-sikap ini dan berapa berkesankah bahan-bahan ini menerokai mereka?

BAHAGIAN 24

Kami akan mengakhiri di sini perbincangan yang kita telah mulakan dalam bahagian 3 mengenai buku-buku teks yang dikaji oleh program empowermen rohani belia muda. Analisis terperinci yang telah kami lakukan ke atas *Bayu-bayu Pengesahan* dan *Roh Keimanan* menunjukkan kadar kefasihan yang anda perlu capai bagi setiap buku teks dalam program ini. Dalam kursus yang bercabang dari Buku 5, kami akan memasuki perbincangan yang sama bagi buku-buku teks yang lain, yang akan membantu anda dalam hal ini; walau bagaimanapun, selain pengajian sedemikian, anda harus mendedikasikan masa yang tertentu untuk membaca buku-buku teks tersebut dan mengkaji bagaimana mereka cuba mencapai matlamat mereka. Perjumpaan renungan berkala bersama orang lain yang berkhidmat sebagai animator akan memberikan peluang yang amat berhasil bagi anda memperdalamkan pemahaman anda terhadap bahan-bahan ini. Anda bersama animator- animator yang lain akan mendapati, dalam perjumpaan sebegini, kekayaan pengalaman yang dapat dipelajari. Sememangnya, dalam analisis terakhir, hanya dengan penciptaan satu suasana saling menyokong dan membantu, di mana komitmen untuk belajar menonjol daripada kemampuan untuk menemani yang lain dalam usaha mereka, yang mana potensi buku-buku teks dapat diterokai secara sepenuhnya dan akhirnya disedari.

BAHAGIAN 25

Seperti yang dinyatakan pada awal unit ini bahawa, sebagai tambahan kepada kajian bahan-bahan, belia muda akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti khidmat, sukan, dan pelbagai bentuk seni dan kraf, terutamanya yang khususnya berkait dengan budaya tempatan mereka. Dalam unit kedua buku ini, anda berpeluang untuk mempertimbangkan, pada satu tahap, pengaruh persekitaran social terhadap orang-orang muda, dan anda diingatkan mengenai beberapa kesan-kesan merbahayanya. Penekanan yang diberikan mengenai keadaan-keadaan masyarakat hari ini yang semakin teruk tidak harus dibenarkan untuk menutupi pernyataan bahawa terdapat banyak elemen di dalam setiap persekitaran yang mana, jika digunakan dengan baiknya, boleh memperkuat kuasa ekspresi, iaitu kebolehan untuk menganalisa proses-proses sosial, dan keinginan untuk berkhidmat kepada umat manusia. Petikan daripada surat khabar berikut menceritakan tentang bagaimana media, sebagai contoh, boleh digunakan untuk mempromosikan kesejahteraan masyarakat:

Suara Bagi Yang Tiada Suara

Di Afrika Barat radio transistor masih bercakap bagi masyarakat.

Merapatkan diri di sekitar satu pembesar suara di dalam studio yang kecil stesen radio luar bandar Nzérékoré di daerah hutan Guinea, tiga orang pemuda sedang berbincang tentang pendidikan budak perempuan.

“Gadis-gadis harus pergi ke sekolah, sebab mereka akan menjadi seorang ibu suatu masa nanti, dan kalau mereka dididik, mereka akan mendidik anak-anak mereka sendiri dan akan dapat mengasuh mereka dengan lebih baik lagi,” kata Moriko Kaké. “Apabila anda mendidik seorang anak perempuan, anda sedang mendidik suatu negara,” dia sambung dengan tegas. Lancei Toure, pengacara program tersebut yang berumur enam belas tahun terangguk-angguk sambil bersetuju, walaupun ibu bapanya mahunya keluar dari sekolah untuk bekerja di ladang.

Perdebatan-perdebatan para pemuda tersebut yang begitu jelas dan fasih disiarkan secara terus ke kampung-kampung yang berhampiran dengan sempadan negara Liberia dan Ivory Coast. Waktunya senja, dan lampu-lampu minyak tanah sedang mengerlip di dalam pondok-pondok tanah liat. Orang-orang kampung telah pulang dari ladang-ladang atau dari pasar. Kesemua mereka mendengar radio sambil memasak makan malam dan sambil membuat persiapan di waktu malam. . . .

Di negara-negara seperti Guinea—di mana sebilangan besar penduduk dewasa itu buta huruf, ramai kanak-kanak tidak bersekolah dan kuasa elektrik jarang terdapat—stesen-stesen radio yang dikuasakan daripada generator masyarakat luar bandar merupakan sumber hidup.

Radio adalah segala-galanya di sini,” kata Gnouma Camara, pengarah rancangan di stesen radio luar bandar Nzérékoré yang membuat siaran enam hari seminggu dalam satu daripada lima bahasa daerah dan dalam bahasa Perancis di dalam jejari 100km. Dua daripada tiga keluarga di dalam daerah tersebut memiliki sebuah radio transistor, dan apabila stesen itu membuat siaran awal pagi dan di waktu petang, seluruh kampung itu akan mendengarnya.

“Kami bercakap bahasa mereka sendiri, kami tahu tradisi-tadisi dan adat mereka, kami siarkan pesanan-pesanan mereka, mengumumkan berita kelahiran dan kematian, membincangkan hal perkebunan dan isu-isu pertanian dan masalah-masalah masyarakat,” Camara menyambungkan. “Kami adalah suara masyarakat. Suara bagi yang tiada suara.” . . .

“Saya mendengar program-program tersebut sebab ia adalah kanak-kanak yang mempersembahkannya dan sebab mereka bercakap dalam bahasa saya sendiri,” kata Mamadou Malic, seorang belia yang berumur lima belas tahun, dalam bahasa Pular... “Apabila program itu bermula, saya akan panggil semua saudara-mara saya dan kami akan mendengarnya bersama-sama. Banyak yang saya belajar dengan cara demikian.”

“Ibu-bapa dan ketua-ketua komuniti juga mendengarnya, kata Camara. “Dalam kebudayaan kita, kanak-kanak jarang didengar, tetapi sekarang orang dewasa telah mula mendengar apa yang dikatakan oleh mereka. Kanak-kanak menasihatkan ibu bapa mereka tentang ilmu kesihatan asas umpamanya.... Jika seorang ayah memukul anaknya, rakan sebayanya akan berkata sekarang: “Kamu tidak pernah dengar radiokah?””

Cerita di atas hanya satu daripada pelbagai caranya bagaimana banyak daripada unsur-unsur persekitaran sosial boleh digunakan untuk mengarahkan bakat-bakat dan kebolehan-kebolehan pemuda-pemudi terhadap khidmat kepada komuniti mereka. Muzik, media dan teknologi sedang semakin mempengaruhi kehidupan pemuda-pemudi dalam setiap pelusuk

dunia. Sebagai seorang animator, anda perlu sentiasa sedar akan elemen-elemen yang berkuasa ini dan belajar untuk membantu belia muda menggunakannya untuk mencipta aktiviti-aktiviti yang wajar. Fikirkan persekitaran sosial anda sendiri. Apakah kemungkinan- kemungkinan yang terbuka kepada belia muda untuk bekerja dengan mengikut yang berikutnya? Bincangkan idea-idea anda dalam kumpulan anda, dan tuliskan pendapat- pendapat anda dalam ruang yang disediakan.

Muzik: _____

Media: _____

Teknologi: _____

BAHAGIAN 26

Jika belia muda hendak diperkasakan untuk mengambil tanggungjawab atas pembangunan mereka sendiri dan menyumbang kepada kemajuan komuniti mereka, mereka perlu menyertai bukan sahaja dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang bermakna secara berkumpulan tetapi juga dalam pembentukannya. Sebagai tambahan kepada projek khidmat serta seni dan kraf, aktiviti-aktiviti tersebut termasuk, contohnya, pertemuan istimewa untuk merayakan penyiapan satu teks atau yang lainnya, yang mana belia muda boleh membuat penyampaian dramatik, menyanyi lagu, melafazkan puisi, dan memberikan ceramah. Anda juga akan berminat untuk berbincang bersama animator-animator lain bagaimana anda dapat memotivasikan belia untuk mengambil bahagian dalam merekacipta dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melatih fakulti intelek dan kerohanian mereka, membantu mereka mengekspresikan dalam bentuk tindakan cita-cita mereka melalui khidmat, dan mengukuhkan usaha mereka untuk berusaha mencapai kecemerlangan. Jenis-jenis persoalan yang anda perlu

pertimbangkan bersama rakan-rakan animator anda termasuklah yang berikutnya: Bagaimanakah anda membantu belia muda untuk merancang dan melaksanakan sebuah projek khidmat dan membuat renungan sepanjang jalan ia berkembang? Bagaimanakah anda membantu belia muda menulis skrip dan melakonkan drama-drama pendek? Bagaimanakah anda memastikan bahawa permainan bersifat kebuda-budakan tidak dilakukan sebagai pengganti seni dan kraf dan bahawa orang muda dibantu dalam memperoleh penghargaan yang sebenar akan “seni, kraf dan sains” yang “menaikkan alam manusia, dan sesuai untuk keagungannya”?

Walaupun ini bukannya masa untuk memasuki perbincangan mengenai aktiviti artistik, adalah penting bagi anda untuk tahu mengenai aktiviti sebegini, sebagai suatu ekspresi budaya, membawa bersama nilainya. Dengan sifatnya sendiri, ia dapat mempengaruhi proses pendidikan dengan kuat. Sebagai seorang animator kepada sebuah kumpulan belia muda, anda akan ingin berhati-hati apabila membantu rakan-rakan muda anda mengenal pasti aktiviti artistik yang bersesuaian, yang tidak secara tidak langsung membawa nilai-nilai yang bertentangan, secara tidak ketara, dengan proses pendidikan yang mereka sedang libatkan diri.

BAHAGIAN 27

Pengalaman telah menunjukkan bahawa sebuah kumpulan belia muda merangkumi sepuluh hingga lima belas ahli yang sering bermula dengan beberapa individu yang menunjukkan kebolehan untuk membawa sahabat-sahabatnya sekitar satu tujuan yang wajar. Semasa pemuda-pemudi ini menggalakkan yang lain untuk sertai, mereka akan mula berjumpa secara kerap dengan animator. Keahlian sebuah kumpulan mungkin juga dikuatkan dengan bantuan daripada nukleus rakan-rakan yang semakin ramai yang bekerja di kejiranan atau perkampungan, terutamanya belia sebaya mereka sehingga lewat keremajaan yang sedang maju dalam kajian kursus-kursus institut yang awal. Di beberapa tempat di dunia, menjemput ahli-ahli muda dalam satu kampung atau kejiranan ke satu siri acara sebelum penubuhan rasmi kumpulan juga telah terbukti satu pendekatan yang berkesan. Satu lagi adalah untuk memperkenalkan program kepada sebuah sekolah. Apabila sekolah menunjukkan reseptiviti kepada idea ini, satu atau dua penyampai dibuat kepada para pelajar dan guru bagi gred-gred tertentu biasanya berakhir dalam penubuhan beberapa kumpulan belia muda. Kemudian, mereka mungkin akan menggunakan program ini sebagai aktiviti kokurikulum, sama ada mereka bertemu di kawasan premis sekolah atau tidak. Dalam hal lain, sekolah mengenali sumbangan berharga daripada program ini kepada perkembangan baik kebolehpayaan moral dan intelek para pelajarnya.

Fikirkan keadaan anda sendiri dan gambarkan beberapa pendekatan yang anda boleh gunakan, sebagai seorang yang ingin menjadi animator, untuk membantu pembentukan sebuah kumpulan belia muda.

BAHAGIAN 28

Satu keperluan penting untuk mengekalkan satu kumpulan belia muda yang dinamik ialah untuk membina kepercayaan dan persahabatan dengan para ibu bapa. Para animator harus melawat ibu bapa sama ada sebelum atau sejurus selepas kumpulan belia muda ditubuhkan dan menerangkan kepada mereka tujuan program ini. Mereka harus terus melawat setiap keluarga dengan kerap selepas itu dan berbincang bersama ahli-ahlinya tentang aspirasi dan potensi belia muda dan konsep-konsep serta pendekatan yang membentuk program bagi empowermen rohani mereka—iaitu tema-tema yang digariskan dalam unit ketiga Buku 2 tetapi diterokai dengan terperinci di sini. Lawatan-lawatan itu boleh juga memberikan satu peluang untuk bermusyawarah dengan ibu bapa tentang kesejahteraan dan kemajuan anak lelaki dan anak perempuan mereka. Sering kali, seperti yang dicadangkan dalam buku 1, para animator akan menunjukkan ibu bapa satu atau dua teks yang dikaji dalam program agar mereka boleh melihat apa yang anak muda mereka akan pelajari. Walaupun setiap animator perlu memupuk ikatan persahabatan seperti ini dengan ibu bapa untuk jangka yang berbulan-bulan, dia mungkin diiringi oleh seorang individu yang lebih berpengalaman dalam beberapa lawatan awal.

Anda digalakkan untuk melihat Bahagian 14 dalam unit ketiga Buku 2 untuk mengingatkan anda sendiri tentang konsep-konsep yang membentuk asas bagi satu perbualan berterusan dengan ibu bapa pemuda-pemudi tentang program empowermen rohani. Kemudian, dengan peserta yang lain dalam kursus ini, bincangkan pengalaman yang telah dialami di perkampungan dan kejiranan anda berkaitan lawatan kepada keluarga para belia muda. Apakah idea-idea tambahan daripada kajian anda dalam buku ini yang boleh memperkayakan perbualan semasa lawatan-lawatan ini?

BAHAGIAN 29

Perbualan yang dimulakan oleh seorang animator sebuah kumpulan belia muda pada awalnya adalah amat penting. Ia penting bahawa, dalam tiga atau empat perjumpaan pertama, ahli-ahlinya membincangkan tujuan kumpulan itu sepenuhnya dan mengenal pasti beberapa matlamat yang mereka ingin capai secara kolektif. Mereka juga harus mencapai persetujuan tentang sifat aktiviti yang mereka ingin lakukan. Subjek-subjek yang diutarakan dalam perjumpaan-perjumpaan ini mungkin berbeza dari kumpulan ke kumpulan. Namun terdapat konsep-konsep tertentu, seperti “kecemerlangan” dan “khidmat”, yang harus ditekankan dalam semua perjumpaan itu. Isi-isi penting berikut akan membantu anda, demikian, dalam mengatur perbualan awal yang akan anda adakan dengan ahli kumpulan yang anda bentuk nanti. Anda harus menerokai setiap satu dengan teliti bersama rakan peserta dalam kursus ini dan tuliskan beberapa pendapat awal anda tentang bagaimana anda akan mendekati perbincangan ini dengan kumpulan belia muda yang anda ingin mulakan.

- Ramai animator mendapatinya bermanfaat untuk menggalakkan belia muda untuk melihat kumpulan sebagai satu ruang yang mana mereka berusaha ke arah kecemerlangan rohani dan intelek. Untuk mencapai kecemerlangan rohani, mereka terangkan, bahawa kita perlu memperkembangkan sifat-sifat yang berasal daripada sifat tinggi seperti cinta, kemurahan hati, kejujuran, dan kerendahan hati. Untuk berusaha bagi kecemerlangan intelek, kita harus memperoleh pengetahuan dan kemahiran praktikal yang akan membantu kita memperbaiki kehidupan kita dan kehidupan orang lain. Merenung pada petikan seperti “Biarlah setiap pagi lebih baik daripada petangnya dan setiap esok lebih kaya daripada kelmarinnya” dan penghafalannya akan sering berkesan dalam meningkatkan pemahaman tentang konsep kecemerlangan.

- Selepas memperoleh kejelasan tentang tujuan kumpulan, ahli-ahlinya boleh dibantu oleh animator untuk membuat keputusan tentang aktiviti-aktiviti khusus—secara intelek, bersukan, dan budaya—yang mereka akan gunakan untuk mencapai kecemerlangan.

-
-
- Berkenaan kecemerlangan intelek dan rohani, dalam soalan tentang bahasa, yang begitu terhubung dengan corak pemikiran, harus dibincangkan dengan terperinci. Dalam perbualan tentang subjek ini dengan belia muda, biasanya mencukupi untuk menerangkan bahawa, untuk mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi, kita harus memperkembangkan kuasa ekspresi kita. Kita harus mampu membaca dan mampu memahami makna apa yang telah kita baca; kita harus belajar untuk meluahkan pemikiran kita dengan jelas. Dalam konteks inilah bahawa animator sering mendapatinya berkesan untuk memperkenalkan teks belia muda yang akan dikaji, yang mana beberapa sudah anda telitikan, sebahagian atau penuh, pada awal unit ini.

- Menghafal petikan daripada tulisan suci harus diberikan kepentingan dalam satu program bagi empowermen rohani belia muda. Persoalan tentang penghafalan, demikian, perlu menjadi topik perbualan dalam perjumpaan awal kumpulan itu. Animator harus membantu rakan-rakan muda mereka untuk menjadi sedar tentang kuasa unik Kalimat Tuhan dan kesannya kepada kehidupan mereka apabila mereka berusaha ke arah kecemerlangan. Melalui perbincangan itu, mereka akan mengenali manfaatnya dalam mengingat banyak petikan daripada tulisan suci.

- Bermanfaat bagi animator untuk menekankan dalam perjumpaan-perjumpaan awal bahawa, untuk kumpulan berusaha ke arah kecemerlangan rohani, ahli-ahlinya perlu memperkembangkan ikatan persahabatan yang kuat dan mencapai kesatuan yang semakin kukuh. Animator sering mendapatinya bermanfaat untuk membantu belia muda menerokai tema-tema persahabatan, kesatuan, dan harmoni berdasarkan petikan daripada tulisan suci, yang mereka digalakkan untuk hafal.

- Perbincangan tentang tema-tema persahabatan dan kesatuan boleh memberikan pembukaan semula jadi bagi satu perbualan tentang bagaimana ahli-ahli kumpulan akan berinteraksi dengan satu sama lain. Bahawa mereka akan mendengarkan satu sama lain dengan penuh perhatian; bahawa mereka akan sentiasa cuba memahami satu sama lain, walaupun salah satu daripada mereka mempunyai kesukaran untuk meluahkan satu idea; bahawa mereka tidak pernah akan memandang remeh sesiapa yang telah berkongsi—ini adalah contoh-contoh beberapa kesimpulan yang mereka akan perolehi sebagai sebuah kumpulan melalui perbualan tersebut.

- Khidmat adalah satu topik yang penting untuk dibincangkan dalam perjumpaan awal kumpulan. Belia muda boleh diingati bahawa, sebagai manusia, kita semua bergantung kepada satu sama lain. Kita semua adalah satu keluarga manusia dan harus berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki keadaan komuniti kita. Dengan membayangkan apa yang akan jadi jika kita tidak menerima bantuan daripada orang di sekeliling kita dapat membantu belia muda mengenali kepentingan khidmat.

- Perbincangan tentang khidmat perlu menjangkau persoalan usaha individu untuk berkhidmat kepada orang lain dan pertimbangkan apa yang belia muda boleh lakukan

sebagai sebuah kumpulan. Tentunya, penting bahawa daya usaha awal mereka berjangka pendek, dengan matlamat yang mudah tercapai. Dalam cara ini, mereka akan memperoleh keyakinan dalam keupayaan kolektif mereka dan akan bekerja sama, membuka kemungkinan bagi mereka untuk melaksanakan lebih banyak projek khidmat yang berkekalan. Dari mula lagi, animator harus membimbing belia dalam memulakan satu proses yang mana mereka memikirkan tentang kehidupan komuniti mereka dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada pembaikannya. Menanya soalan yang memerlukan mereka untuk membuat pernyataan tentang pemerhatian mereka tentang komuniti akan membantu mereka sehubungan ini. Demikian, mereka akan mulai satu tindakan khidmat semudah melawat seorang di komuniti yang sakit dan kemudian maju melaksanakan satu projek—contohnya, menanam pokok—yang mereka perlu bermusyawarah dengan institusi tempatan yang berkaitan, meminta bantuan daripada rakan-rakan dan keluarga, dan membuat aturan jangka panjang. Secara semula jadi, semasa perjumpaan awal kumpulan ini, beberapa kemahiran dan kebolehan serta sikap dan sifat yang penting bagi kerjasama yang berkesan harus dibincangkan.

- Rekreasi yang sihat, terutamanya sukan, adalah satu lagi topik yang harus diutarakan semasa perjumpaan-perjumpaan awal sebuah kumpulan belia muda. Sekali lagi, sebagai tambahan kepada penelitian konsep-konsep dan isu-isu yang dilibatkan, para animator perlu membantu kumpulan untuk mengenal pasti jenis aktiviti rekreasi yang boleh dilaksanakan sama ada semasa perjumpaannya atau pada peristiwa istimewa. Satu perkara harus diperhatikan dalam hal ini: Aktiviti fizikal yang berat adalah luahan semula jadi kepada tenaga yang dimiliki oleh belia muda. Pengalaman seluruh dunia telah jelas menunjukkan bahawa untuk lebih mengutamakan, misalnya, aktiviti seni daripada sukan dalam kumpulan akan memulakan satu proses pemilihan, yang mana beberapa belia akan lambat-laun enggan meneruskan penyertaan mereka.

Sehubungan dengan semua isi penting yang dinyatakan di atas, penting bagi anda menyedari bahawa, apabila animator memperoleh pengalaman, mereka lebih mampu membantu belia muda dalam merencanakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melengkapi satu sama lain—iaitu aktiviti-aktiviti yang adalah ekspresi praktikal bagi pengertian yang mereka perolehi melalui kajian pelbagai teks dan wawasan-wawasan tinggi yang mereka berusaha capai.

BAHAGIAN 30

Daripada perbincangan kita dalam dua unit awal buku ini, yang bersifat konseptual, persediaan anda untuk berkhidmat sebagai seorang animator telah, dalam unit ini, juga telah memasuki dimensi yang sangat praktikal. Semasa anda menimba pengalaman dalam bidang khidmat ini, halaman-halaman dalam buku ini akan terus memberikan anda idea-idea untuk renungan. Ramai animator mendapati isi-isi dalam bahagian sebelum ini sangat berguna dan merujuk kepada mereka berulang kali, mengekalkan satu buku nota di mana mereka mengikut jejak pengalaman mereka perbincangan-perbincangan bersama rakan animator mereka yang lain. Pada masa yang sama, adalah dicadangkan supaya anda mengakhiri unit ini dengan merenung pada implikasi- implikasi usaha ini yang anda telah melangkah. Kata-kata Balai Keadilan Sedunia, disampaikan kepada belia di seluruh dunia, boleh digunakan juga ke atas mereka yang berhasrat untuk mengikuti jalan khidmat ini:

“Tidak menghairankan, ia adalah kelompok umur anda yang sedang memperoleh pengalaman yang paling banyak dalam membantu belia muda dan juga kanak-kanak, dengan pembangunan moral dan rohani mereka, memupuk dalam mereka keupayaan untuk perkhidmatan kolektif dan persahabatan yang sebenar. Lagipun, sedar akan dunia yang jiwa-jiwa muda perlu mengemudikan, dengan kesulitan-kesulitan dan juga peluang-peluangnya, anda sedia menghargai kepentingan pengukuhan dan persiapan rohani. Namun, sedar bahawa Bahá'u'lláh telah datang untuk mengubah kedua-dua kehidupan zahir dan batin umat manusia, anda sedang membantu mereka yang lebih muda daripada kamu sendiri untuk memperbaiki watak-watak mereka dan bersedia untuk memikul tanggungjawab untuk kesejahteraan masyarakat mereka. Ketika mereka memasuki usia remaja, anda sedang membantu mereka untuk meningkatkan kuasa bersuara mereka, dan juga membolehkan perasaan moral yang kukuh untuk berakar dalam diri mereka. Dengan berbuat demikian, rasa bertujuan anda sendiri menjadi lebih jelas apabila anda mendengar perintah Bahá'u'lláh: ‘Biarlah perbuatan dan bukannya perkataan, menjadi perhiasanmu.’”⁵²

REFERENCES

1. From a letter dated 11 June 2006 written on behalf of the Universal House of Justice to an individual, in *Social Action: A Compilation Prepared by the Research Department of the Universal House of Justice* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2020), no. 117, p. 62.
2. From a letter dated 19 July 2006 written on behalf of the Universal House of Justice to two individuals.
3. From a letter dated 17 April 1936 written on behalf of Shoghi Effendi to an individual, published in *Directives from the Guardian* (New Delhi: Bahá'í Publishing Trust, 1973), p. 84.
4. 'Abdu'l-Bahá, in the compilation *Social Action*, no. 190, pp. 112–13.
5. From a talk given on 20 September 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace: Talks Delivered by 'Abdu'l-Bahá during His Visit to the United States and Canada in 1912* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2012), par. 9, p. 471.
6. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 4 May 1912, *ibid.*, par. 9, p. 125.
7. Report of 'Abdu'l-Bahá's words as cited by J. E. Esslemont, *Bahá'u'lláh and the New Era: An Introduction to the Bahá'í Faith* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2006, 2017 printing), p. 101.
8. *The Promulgation of Universal Peace*, p. 123. 9.
9. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 26 May 1912, *ibid.*, par. 1, p. 204.
10. 'Abdu'l-Bahá, *Some Answered Questions* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2014, 2016 printing), no. 84.2, p. 440.
11. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1915, 1940 printing), vol. 2, p. 276. (authorized English translation)
12. *Khitábát: Talks of 'Abdu'l-Bahá* (Hofheim-Langenhain: Bahá'í-Verlag, 1984), pp. 131–32. (authorized English translation)
13. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 4 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 8, p. 124.
14. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2010, 2015 printing), no. 230.1, p. 428.
15. From a talk given on 10 November 1911, published in *Paris Talks: Addresses Given by 'Abdu'l-Bahá in 1911*, Wilmette: Bahá'í Publishing, 2006, 2016 printing), no. 29.41, p. 113.

16. *Abdul Baha on Divine Philosophy* (Boston: The Tudor Press, 1918), p. 30.
17. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá* no. 24.1, pp. 78–79.
18. *Tablets of Abdul-Baha Abbas* (New York: Bahá'í Publishing Committee, 1909, 1930 printing), vol. 1, p. 63. (authorized English translation)
19. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 155.4, p. 253.
20. 'Abdu'l-Bahá, *The Secret of Divine Civilization* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 2007, 2016 printing), par. 118, p. 83.
21. *The Tabernacle of Unity: Bahá'u'lláh's Responses to Mánikchí Šáhib and Atauher Writings* (Haifa: Bahá'í World Centre, 2006), no. 1.11, pp. 7–8.
22. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 27 October 1911, published in *Paris Talks* no. 12.8, p. 42.
23. *Tablets of Abdul-Baha Abbas*, vol. 1, pp. 71–72.
24. *Selections from the Writings of 'Abdu'l-Bahá*, no. 97.1, pp. 177–78.
25. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2005 printing), no. 6.40, p. 72.
26. *The Proclamation of Bahá'u'lláh to the Kings and Leaders of the World* (Haifa: Bahá'í World Centre, 1967, 1978 printing), p. 78.
27. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing, 1983, 2017 printing), XLIII, par. 2, p. 104.
28. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 3 December 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 3, pp. 648–49.
29. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 9.20, p. 143.
30. *Ibid.*, no. 11.28, p. 172.
31. *Tablets of Abdul-Baha Abbas*, vol. 1, p. 31. (authorized English translation)
32. *Ibid.*, p. 194. (authorized English translation)
33. Bahá'u'lláh, *Epistle to the Son of the Wolf* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1988, 2016 printing), p. 12.
34. *Tablets of Bahá'u'lláh Revealed after the Kitáb-i-Aqdas*, no. 11.27, p. 172.
35. *Ibid.*, no. 11.30, pp. 172–73.
36. *Ibid.*, no. 13.15, p. 199.

37. *Gleanings from the Writings of Bahá'u'lláh*, XVIII, par. 1, p. 47.
38. *Prayers and Meditations by Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1987, 2008 printing), XXXII, p. 41.
39. *The Tabernacle of Unity*, no. 1.2, p. 4.
40. From a talk given by 'Abdu'l-Bahá on 5 May 1912, published in *The Promulgation of Universal Peace*, par. 3, p. 130.
41. *Prayers and Meditations*, CXIII, p. 191.
42. Bahá'u'lláh, in *Bahá'í Prayers: A Selection of Prayers Revealed by Bahá'u'lláh, the Báb, and 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 2002, 2017 printing), pp. 181–82.
43. *Prayers and Meditations*, CLXXVIII, p. 299.
44. *Ibid.*, LXXIX, pp. 131–32.
45. Bahá'u'lláh, in *Bahá'í Prayers*, pp. 219–20.
46. 'Abdu'l-Bahá, pp. 243–44.
47. *Ibid.*, p. 28.
48. Bahá'u'lláh, *ibid.*, p. 183.
49. The Báb, *ibid.*, p. 186.
50. 'Abdu'l-Bahá, *ibid.*, p. 197.
51. *Prayers and Meditations*, XCI, pp. 154–55.
52. From a message dated 1 July 2013 written to the participants in the forthcoming 114 youth conferences throughout the world, published in *Framework for Action: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary Material, 2006–2016* (West Palm Beach: Palabra Publications, 2017), no. 27.4, p. 176.